

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 18**

**Selasa**

**4 April 2017**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 7)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 31)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 189)
Menghentikan Kuat Kuasa Peraturan Mesyuarat 12 Di Bawah P.M. 90(2)	(Halaman 218)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 31)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017	(Halaman 33)
Rang Undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017	(Halaman 108)
<b>USUL MENTERI DALAM NEGERI:</b>	
Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012	(Halaman 148)
<b>USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:</b>	
Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960	(Halaman 201)
Akta Pendanaan Kerajaan 1983	(Halaman 206)
Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014	(Halaman 209)
Akta Kastam 1967	(Halaman 225)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KELIMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 4 April 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah punca calon yang telah lama memohon pekerjaan di SPA tetapi tidak pernah dipanggil temu duga. Banyak rungutan daripada rakyat mengenai perkara ini dan apakah tindakan kerajaan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Lubok Antu. Apabila Yang Berhormat dari Lubok Antu mengatakan dia hendak berpantun, saya takut dia menggunakan pantun Iban. Sebab dia ini Iban, kalau pantun Iban, lama sikit sampai 10 minit, 15 minit. Kedua, dia macam orang menyanyilah tetapi nasib baik dia gunakan *style* berpantun Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun SPA ini menerima begitu tinggi permohonan dari calon-calon yang hendak berkhidmat dengan SPA Malaysia. Namun peluang pekerjaan tetap terutama sekali begitu terhad yang wujud setiap tahun. Sebagai contoh pada tahun 2015, SPA telah menerima sebanyak 1.63 juta permohonan. Namun kekosongan jawatan untuk pelantikan tetap ke perkhidmatan awam hanya sebanyak 24,606 sahaja. 1.63 *million* vs 24,600 *plus*. Manakala bagi tahun 2016 pula, sebanyak 1.56 juta permohonan telah diterima, namun kekosongan untuk pelantikan tetap di bawah SPA hanya sebanyak 25,046.

Sungguhpun begitu, jika dilihat dari sudut yang lain jumlah permohonan yang tinggi ini memberi peluang kepada kerajaan untuk memilih hanya calon yang berkualiti sahaja untuk dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Sehubungan dengan itu, proses tapisan yang ketat telah dilaksanakan oleh SPA. Pada masa ini SPA telah melaksanakan kaedah pengambilan yang dikenali sebagai MyRecruitment terhadap sebahagian besar skim perkhidmatan bagi memilih calon yang terbaik.

Kaedah ini memerlukan calon melalui 4 proses saringan iaitu:

- (i) tapisan awal;
- (ii) peperiksaan *online*;
- (iii) penilaian kompetensi ataupun *assessment competency*; dan
- (iv) temu duga.

Calon-calon yang tidak menepati tapisan awal tidak akan dipanggil untuk menduduki peperiksaan *online*.

■1010

Manakala calon yang tidak melepasi peperiksaan *online* tidak akan dipanggil untuk mengikuti penilaian kompetensi. Begitu juga calon yang tidak melepasi penilaian kompetensi tidak akan dipanggil temu duga. Ini bermakna ada empat proses ini siapa yang tidak menghadiri proses pertama tidak akan dipanggil ke proses yang kedua, yang tidak hadir proses yang kedua tidak akan dipanggil ke proses yang ketiga dan yang tidak hadir dalam proses yang ketiga tidak akan dipanggil ke proses terakhir iaitu temu duga. Pada tahap tapisan awal permohonan calon di dalam sistem SPA akan ditapis secara berkemputer berdasarkan kriteria tertentu yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan. Kriteria-kriteria tersebut akan disesuaikan secara khusus bagi sesuatu jawatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Contoh kriteria tapisan awal adalah seperti berikut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Oh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang jawapan sebakinya itu, hantar sahaja kepada Yang Berhormat Lubok Antu.

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Kalau macam tu, saya bagi Yang Berhormat jawapan seterusnya secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Lubok Antu soalan tambahan pertama 30 saat. Yang Berhormat Menteri jawab dua minit 30 saat. Sila.

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, apakah ciri-ciri seorang calon yang dicari oleh SPA untuk dilantik dalam perkhidmatan awam?

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Ada beberapa ciri yang kita lihat seperti keterampilan. Ini adalah selain daripada CGPA dan sebagainya. Selain daripada kelulusan akademik pemohon. Dia mesti dilihat semasa temu duga *especially* ya, berketerampilan. Kedua, semasa *interview* juga akan dinilai sama ada calon ini mahu bekerja secara berpasukan. Ketiga, sama ada beliau ada ciri-ciri kepimpinan. Jati diri adalah juga satu daripada ciri-ciri yang kita lihat dan profesionalisme beliau. Begitulah cara kita membuat analisa sama ada orang itu betul-betul layak diambil sebagai pegawai atau pun pekerja di perkhidmatan awam Malaysia. Oleh sebab begitu ramai yang memohon, agak senang kita memilih siapalah yang terbaik dalam kumpulan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kalabakan, 30 saat.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri. Banyak pemohon daripada jawatan yang kosong tetapi ada kalanya yang layak tidak dapat kerana yang layak ini tidak dapat kerana tidak ada kenalan, suku sakat Menteri, ada orang-orang kenamaan yang beri sokongan. Jadi

kalau ini terjadi tentu kita punya masalah. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan, adakah perkara begitu?

**Datuk Joseph Entulu anak Belaun:** Yang Berhormat, melalui saya tidak ada. Melalui pegawai-pegawai kalau dia sembunyikan daripada saya, saya pun tidak tahu. Akan tetapi setahu saya memang yang kita pilih ialah yang terbaik seperti saya katakan tadi agak senang memilih, mengisi 25,000 dan 30,000 lebih ini dari sejuta setengah ataupun lebih calon-calon yang wujud. Jadi memang ramai yang balik menangis kerana tidak diberi tawaran. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapakah kadar pengangguran daripada kalangan graduan dan belia meningkat dan langkah-langkah bagaimana untuk menyelamatkan graduan daripada terus menganggur.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, definisi belia adalah orang yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 24 tahun. Selaras dengan definisi belia oleh *International Labour Organization* (ILO). Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan penganggur belia pada tahun 2015 adalah seramai 273,600 orang berbanding pada tahun 2014 iaitu penganggur adalah seramai 248,000 orang. Ini bermakna ada peningkatan 1.2 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran yang tinggi di kalangan graduan adalah fenomena yang dihadapi oleh setiap negara membangun dan maju di dunia. Golongan ini berada dalam proses transisi daripada alam pembelajaran kepada pasaran pekerjaan dan perlu melalui proses untuk mencari pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi kerjasama pelbagai kementerian dan agensi telah merangka dan menawarkan pelbagai program bagi meningkatkan kebolehpekerjaan rakyat termasuk golongan graduan serta golongan belia yang menganggur. Antaranya adalah seperti berikut, program *Graduates Enhancement Program for Employability* atau GENERATE oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad, program Skim Latihan Malaysia 1Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi dengan kerjasama *JobsMalaysia*, Jabatan Tenaga Kerja. Ketiga, Program Pekerja dan *Future Worker* oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua bagi membantu dan memudahkan semua golongan termasuk golongan graduan dan belia mendapatkan pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia turut melaksanakan inisiatif seperti berikut; portal perkhidmatan pekerjaan, penubuhan Pusat Kerjaya (*JobsMalaysia Centre*) di *Urban Transformation Centre*. Ketiga, penubuhan Pusat Maklumat Kerjaya atau *Career Information Centre*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan gaji permulaan graduan pada tahun 2017 ini sekitar RM2,000 kalau dibandingkan dengan 90-an, 1995. Gaji permulaan graduan adalah sekitar RM1,800. Sudah 22 tahun nampaknya hanya peningkatan RM200 hingga RM300. Sekarang ini mi goreng— harga mi goreng RM5 hingga RM6 tetapi 90-an RM2 sahaja. So, saya hendak Yang Berhormat Menteri

jawab, bagaimanakah untuk Yang Berhormat Menteri membantu untuk meningkatkan gaji permulaan graduan di Malaysia ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kementerian kita sedang dalam pertengahan membuat kajian tentang *national*- gaji permulaan bagi setiap sektor pekerjaan. Ini bukan sahaja di mengikut bandar tetapi sehingga mengikut daerah masing-masing. Kita dalam tengah dan mudah-mudahan kajian ini kita akan siapkan dan akan kita bukukan dalam masa enam bulan lagi.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada pihak Menteri adalah kita tengok penyertaan syarikat-syarikat GLC dan syarikat-syarikat besar di dalam SL1M masih lagi kurang memuaskan. Jadi apakah jenis galakan dan tindakan daripada pihak kementerian bagi memastikan syarikat-syarikat ini menyahut seruan kerajaan dalam usaha untuk membantu mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi. Lebih kurang satu bulan yang lampau telah menyatakan bahawa semua GLC-GLC mestilah mengambil bahagian dalam program SL1M ini. Mana-mana GLC yang tidak mengambil bahagian atau tidak mengambil *apprentice* untuk menjalani latihan-latihan di bawah program SL1M ini, maka tindakan akan diambil. Antara tindakan-tindakan ialah mungkin mengurangkan peruntukannya.

■1020

**3. Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]** minta Perdana Menteri menyatakan sejak NADMA mengambil alih fungsi pengurusan bencana daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan cawangan NADMA di peringkat negeri bagi memantapkan lagi penyelarasan bencana di seluruh negara

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) secara rasmi ditubuhkan pada 1 Oktober 2015 hasil daripada keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Ogos 2015. NADMA ditubuhkan bertujuan untuk mengambil alih fungsi pengurusan bencana dari Majlis Keselamatan Negara supaya fungsi ini lebih fokus dan selaras. NADMA merupakan gabungan antara Bahagian Pengurusan Bencana, Majlis Keselamatan Negara, *Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team* (SMART) MKN dan Unit Pemulihan Pasca Banjir, Jabatan Perdana Menteri.

Mekanisme yang digunakan oleh NaDMA dalam menguruskan bencana masih berlandaskan Arahan MKN No. 20, Dasar Dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Seperti di dalam Arahan MKN No. 20, Jawatankuasa Pengurusan Bencana dipecahkan kepada tiga peringkat iaitu di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah, negeri oleh setiausaha kerajaan negeri dan pusat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini organisasi NADMA hanya wujud di peringkat pusat sekali gus bertindak sebagai sekretariat kepada jawatankuasa tertinggi pengurusan bencana yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Manakala sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan daerah serta jajahan

serta bahagian ialah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Walau bagaimanapun APM tidak mempunyai kekuatan anggota tetap yang mencukupi di peringkat negeri dan daerah dan anggota tetap sedia ada di negeri dan daerah merupakan anggota berpangkat rendah berbanding dengan agensi-agensi lain.

Selaku sekretariat ini menjadi kekangan kepada APM menjalankan tugas-tugas untuk menyelaraskan agensi-agensi di daerah. Oleh sebab penambahan perjawatan tidak sesuai untuk dilaksanakan buat masa ini dalam menangani pengurusan operasi bencana semasa monsun timur laut pada akhir tahun 2016 dan awal 2017, NADMA telah mengambil daya usaha untuk menghantar pegawai-pegawai kanan NADMA turun ke negeri yang terlibat dengan banjir untuk membantu sekretariat APM. Pendekatan ini terbukti satu kaedah yang berkesan dan jentera pengurusan bencana banjir baru-baru ini dapat diuruskan dengan berjaya. Jemaah Menteri amat berpuas hati dengan pengurusan bencana banjir tersebut dan telah memuji NADMA serta agensi-agensi penyelamat lain seperti APM, bomba, polis, ATM, Jabatan Kebajikan Masyarakat, RELA, JKK, NGO dan juga lain-lain yang telah menguruskan lebih daripada 100,000 mangsa banjir dalam operasi banjir baru-baru ini. Maka tidak timbul soal kecelaruan peranan agensi-agensi *search and rescue* dalam operasi banjir mahupun di pusat-pusat perpindahan.

Sehubung dengan itu sebagai *way forward*, NADMA akan meneruskan kaedah ini dan akan mengkaji keperluan-keperluan mewujudkan cawangan NADMA di negeri yang akan diputuskan kelak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sejak banjir melanda daerah kemaman dan Kuantan pada tahun 2013 dan negeri Kelantan pada 2014, Kerajaan Pusat telah menyarankan supaya kerajaan negeri mencontohi dan mengguna pakai Kemaman Template. Salah satu yang terkandung dalam Kemaman Template tersebut ialah skim insurans dan takaful kepada mangsa banjir yang akan dibuat secara sukarela. Saya ingin bertanyakan adakah Kerajaan Pusat bercadang untuk mengembangkan perlindungan takaful ini kepada semua negeri? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, NADMA telah pun mendapat kelulusan pada dasarnya daripada Kabinet untuk melaksanakan skim ini. Antara setapi semasa kita panggil semua 10 syarikat insurans pada 27 Mei yang lepas, kita dapati antara syarat yang kita tidak dapat terima ialah mereka menentukan bahawa jumlah penduduk yang terlibat dengan bencana. Ini menimbulkan masalah dan ia boleh merugikan kerana sekiranya tempat tersebut tidak dilanda banjir. Kita telah kenal pasti tempat-tempat yang mungkin kena banjir seperti yang berlaku di Kemaman, jadi dengan itu kita minta perlindungan dibagi berdasarkan kawasan-kawasan tersebut.

Akan tetapi insurans mengenakan jumlah minimum untuk membolehkan mereka membuat *coverage*. Dengan itu sekarang ini kerajaan telah meminta pihak universiti-universiti awam dan syarikat-syarikat insurans untuk menggubal suatu modul untuk membolehkan kita melaksanakan pendekatan insurans ini. Apa yang berlaku di Kemaman ialah mereka bayar 50/50. 50 dibayar oleh pihak dijangka mangsa banjir dan 50 peratus lagi dibayar oleh Ahli Parlimen. Jadi sekarang ini kerajaan bersetuju pada dasarnya supaya 50/50 itu diteruskan untuk

di tempat-tempat lain tetapi kita hendak elakkan daripada syarat jangan dikenakan jumlah minimum seperti 700,000 orang dan sebagainya. Ini kerana baru-baru ini banjir yang berlaku hanya melibatkan 101,000 orang sahaja. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri saya hendak tanya soalan. Kalau kita lihat kepada fungsi NADMA ini yang saya fahamlah memfokuskan setelah berlaku bencana baru NADMA akan ambil alih. Ada tidak rancangan untuk mungkin NADMA ini berperanan sebelum bencana makna dalam bentuk preventif. Ada tidak perancangan itu Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya minta maaf mungkin Yang Berhormat terlepas kereta api ya. Sebenarnya NADMA ialah perancangan untuk sebelum, semasa dan juga selepas. Semasa kita masa yang lepas apabila berlaku banjir, kita lihat banyak bot digunakan kerana orang berpindah semasa banjir tetapi NADMA telah mengambil pendekatan negara maju di mana berpindah sebelum banjir. Di negara maju kita lihat banjir besar berlaku tetapi kita nampak bot tidak banyak digunakan kerana orang telah berpindah sebelum banjir. Jadi pendekatan yang diambil baru-baru ini yang melibatkan 100,000 mangsa lebih, kebanyakannya kita berpindah sebelum banjir.

Jadi kita pindah sebelum banjir ini kita pergi dengan kenderaan dan berada di tempat-tempat yang selamat dan bot ini hanya digunakan untuk keperluan *emergency*, untuk hantar makanan dan lain-lain lagi. Akan tetapi perpindahan sudah kurang berlaku kerana perpindahan telah dilakukan sebelum banjir. Selepas itu kita uruskan mereka di tempat banjir dan selepas itu mereka balik selepas banjir. Kita juga telah menetapkan supaya mangsa banjir yang berada di tempat banjir itu dibagi layanan paling istimewa, saya namakan— itu saya yang namakan, bukan kerajaan yang namakan, layanan diraja kepada mangsa banjir sebab mereka sudah kehilangan pelbagai. Dia datang ke sini kita bagi layanan yang istimewa. Walaupun tempat tidur itu kurang sikit tetapi makanan dan lain-lain lagi kita bagi yang terbaik. Akan tetapi yang paling baik ialah layanan mesra yang diberikan oleh anggota-anggota sukarela dan juga agensi kerajaan. Sebab kemesraan itu membolehkan manusia senang hati, jadi kita tidak macam garang-garang macam belah sana kan. Kami sentiasa senyum dan sentiasa melegakan hati manusia memandang kami. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini berakhir.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan pelaksanaan dividen setiap bulan kepada peserta FELCRA yang perlu diperluaskan ke seluruh negara berbanding pembayaran dividen yang masih dilakukan tiga kali setahun pada masa ini.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pagi-pagi pergi pasar,*

*Saya jawab soalan Paya Besar.*

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak FELCRA bercadang untuk membuat bayaran dividen bulanan kepada peserta-peserta FELCRA dan kita sekarang ini berada pada peringkat akhir kajian bagi tujuan tersebut sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, peserta FELCRA keseluruhannya ialah seramai 110,056 orang yang melibatkan 533 hektar kawasan-kawasan di bawah pembangunan FELCRA.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Tuan Yang di-Pertua daripada 110,056 ini 50 peratus lebih kurang daripada jumlah ini iaitu seramai 56,217 orang peserta ini yang mana memiliki keluasan tanah yang diusahakan, dibangunkan oleh FELCRA kurang satu hektar ataupun kurang daripada satu hektar.

**■1030**

Ini bermakna setiap tiga kali setahun kita bayar buat masa ini dividen kepada peserta. Setiap kali bayaran, lebih kurang RM300 lebih dan untuk 56,217 ini kita rasa ia tidak praktikal untuk kita adakan bayaran bulanan kerana tidak sampai RM100 setiap bulan. Akan tetapi selebihnya seperti yang saya sebut dalam peringkat kajian akhir dan *insya-Allah* kita akan laksanakan di dalam tempoh yang terdekat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memahami betapa FELCRA sentiasa prihatin dalam memastikan keperluan dan kehendak peserta dipenuhi selaras dengan keperluan semasa apatah lagi dalam kehidupan harian yang semakin mencabar. Tahniah di atas tindakan segera yang proaktif daripada FELCRA.

Soalan tambahan saya, seperti yang diperkatakan, akibat pembayaran atau pengagihan dividen tiga kali setahun sebelum ini telah mengakibatkan ramai peserta FELCRA terpaksa melakukan kerja sampingan. Apakah perancangan FELCRA sendiri untuk memastikan peserta FELCRA tidak dilihat bawah paras kemiskinan sehingga menjejaskan peranan dan matlamat FELCRA kepada para peserta sendiri? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat dan terima kasih juga atas keprihatinan Yang Berhormat kepada peserta-peserta FELCRA. Kita memang sedar bahawasanya tanggungjawab FELCRA bukan sahaja membangunkan tanah, menempatkan peserta dan memberi dividen bulanan kepada peserta-peserta FELCRA kerana seperti yang saya sebut dalam jawapan asal saya tadi ramai, 56,217 orang ini, tanah keluasannya hanyalah satu hektar dan ke bawah.



Sudah tentulah pendapatan mereka ini kecil dan tidak cukup untuk menyara hidup mereka. Akan tetapi tidak dapat dinafikan Tuan Yang di-Pertua, ramai juga di kalangan mereka ini terutama daripada golongan generasi pertama bawah FELCRA ini yang mana anak-anak mereka sudah berjaya dan mereka sudah pun keluar daripada garisan kemiskinan lantaran kejayaan anak-anak mereka untuk menyara ibu bapa, keluarga mereka. Sehubungan dengan itu, sememangnya FELCRA menyediakan pelbagai program tambahan. Contohnya, program pendapatan tambahan untuk peserta-peserta FELCRA dan juga generasi kedua FELCRA untuk membolehkan mereka ini menjalankan perusahaan kecil-kecilan dan juga apa-apa sahaja program yang boleh memberi pulangan ataupun pendapatan bulanan kepada mereka.

Di samping itu, kita sentiasa memberi penerangan di bawah program-program kesedaran, Tuan Yang di-Pertua, kepada anak-anak peneroka FELCRA ini terutamanya generasi kedua agar mereka ini terlibat di dalam program kemahiran di dalam rantaian yang kita ada di bawah agensi KKLW sendiri seperti GIATMARA. Ada juga kursus-kursus yang boleh kita berikan kepada mereka untuk membolehkan kita bantu mereka daripada segi peralatan kepada mereka contohnya ada di kalangan anak-anak peserta FELCRA ini yang berkemahiran. Boleh menjadi mekanik, bahagian kimpalan, bahagian pendawaian, bahagian jahit-jahitan. Kita bagi peralatan untuk mereka berusaha untuk menambahkan pendapatan.

Sekiranya peruntukan daripada FELCRA ini tidak mencukupi, FELCRA akan mengemukakan nama-nama peserta ini ke pihak kementerian, KKLW dan kita ada Bahagian Pengupayaan Ekonomi. Kita akan beri latihan kepada nama-nama peserta yang diberikan kepada pihak KKLW untuk kita berikan bantuan kepada mereka. Di dalam transformasi luar bandar, membandarkan luar bandar, inilah antara agenda utama kita, menyejahterakan masyarakat luar bandar terutama yang berada di bawah agensi-agensi KKLW. Terima kasih atas soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya ingin tahu sama ada pihak FELCRA ada rancang untuk menabahkan lagi kawasan-kawasan baru untuk dimajukan mengikut program FELCRA, itu pertama. Kedua, adakah di sana usaha di pihak FELCRA juga untuk mengadakan program seperti yang dilakukan oleh FELDA dalam bentuk FGV? Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan tambahan. Yang Berhormat Pasir Puteh saya tahu, dalam kawasan Pasir Puteh di Teratak Batu ada rancangan FELCRA *insya-Allah*, awal bulan Mei saya akan mengadakan lawatan ke tempat tersebut. Untuk yang kedua, belum ada di dalam perancangan. Saya jawab soalan yang kedua.

Untuk yang pertama, ia bergantung kepada kerajaan negeri. Sememangnya kita mengalu-alukan mana-mana kerajaan negeri yang ingin menyerahkan tanah kepada pihak FELCRA, kita alu-alukan. Kita bayar premium dan peserta ini ditetapkan atau dikemukakan oleh pihak kerajaan negeri dengan keluasan tanah juga dicadangkan oleh kerajaan negeri. Selepas daripada itu, kita akan bangunkan tanah tersebut dengan mendapatkan kemudahan pinjaman

daripada kerajaan, daripada Kementerian Kewangan dan kita tempatkan peserta. Kemudian peserta tersebut akan diberi kos sara hidup sementara hasil dapat kita tuai.

Biasanya kalau sawit, di dalam tempoh empat tahun. *Insyallah* saya rasa Yang Berhormat boleh cadangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan bagi pihak FELCRA, kalau tidak cukup nyiru, seluruh negeri Kelantan kita tadahkan. Kita alu-alukan. Terima kasih.

**2. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan senarai hasil kejayaan IPTA di dalam menjana pendapatan sendiri setakat ini dan IPTA manakah yang paling berjaya.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah atas soalan yang berkaitan dengan hasil kejayaan dalam penajaan dana IPTA. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan dana awam, universiti awam (UA) adalah digalakkan untuk menjana pendapatan sendiri. Pada masa kini, sumber peruntukan UA adalah melalui peruntukan kerajaan sebanyak 80 peratus dan selebihnya melalui penajaan dari sumber dalaman UA masing-masing.

Hasil daripada usaha berkenaan, majoriti UA berjaya membuktikan kejayaan mereka menjana pendapatan lebih daripada sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Sebagai contoh, bagi kategori universiti bukan penyelidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Zainal Abidin (UniSZA) dan UMS, ketiga-tiga melepasi sasaran yang ditetapkan oleh kementerian apabila berjaya menjana pendapatan sendiri lebih daripada 30 peratus.

Bagi kategori universiti penyelidikan pula, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya melepasi sasaran yang ditetapkan apabila mencapai pendapatan melebihi sasaran kementerian iaitu masing-masing sebanyak 36 peratus dan 30 peratus. Langkah penajaan pendapatan UA terdiri daripada pelbagai sumber. Antaranya merangkumi sesi konsultasi, penggunaan aset secara optimum, wakaf atau *endowment*, pengukuhan jalinan alumni, geran penyelidikan luar negara, pengkomersialan produk dan idea.

Antara hasil kejayaan UA dalam penajaan pendapatan sendiri adalah UTM di Kuala Lumpur telah berjaya membangunkan 500 unit penginapan dengan pinjaman bank sebanyak RM180 juta, UNIMAS mampu membeli 15 buah blok apartmen perumahan daripada perumahan negara dengan harga RM52 juta untuk kegunaan 3,000 orang pelajar. UKM mendapat sumbangan daripada Yayasan Albukhary bagi sebuah auditorium dengan belanja RM40 juta.

#### ■1040

Bagi pemilikan, UA turut menerima geran dari luar yang membantu penyelidikan. Geran luar yang diterima oleh UA ialah sebanyak RM461 juta dan ini termasuk geran daripada industri sebanyak RM237.8 juta dan geran luar yang diterima pula adalah dari *Japanese International Company Agency* dengan izin, *Japan Look East* dengan izin, *Newton Ungku Omar* dan dari Australia IRU. Wakaf juga menunjukkan pencapaian yang memuaskan di mana dana wakaf terkumpul adalah sebanyak RM13.1 juta pada tahun 2016 diterajui oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) sebanyak RM7,530,620. Walaupun berlaku kekurangan Bajet 2017, Kementerian

Pendidikan Tinggi dan UA sentiasa komited dan terus berusaha untuk memastikan program pendidikan tinggi terus dilaksanakan dengan lestari. Sekian, terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada dua perkara saya hendak sentuh. Pertamanya, matlamat universiti bukan untuk buat *business* tetapi untuk mendidik. Walaupun begitu, saya rasa kalau universiti tidak mengorbankan matlamat pendidikan tadi, maka tidak ada masalah dibuat *business*.

Keduanya ialah ada para pelajar yang akibat tekanan keadaan ekonomi semasa mereka sendiri menjadi inovatif membuat produk misalnya animasi dan memasarkannya dalam *Youtube*, *Facebook* dan lain-lain lagi.

Soalan saya ialah, bolehkah? Mungkin kah pihak universiti secara rasmi memberikan bantuan sokongan, dorongan dan galakan kepada pelajar-pelajar tertentu yang berbakat, yang berkebolehan, berkeupayaan untuk terlibat langsung semasa mereka di universiti dalam bidang keusahawanan dan menggunakan inovatif mereka ini untuk menghasilkan keuntungan. Saya rasa itu satu perkara yang baik kerana ia memberikan pendedahan awal keusahawanan kepada mereka semasa di universiti lagi. Terima kasih.

**Dato Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan dan soalan yang dikemukakan dalam *bracket* berkaitan dengan peluang yang diberi kepada pelajar-pelajar melibatkan dalam bidang *entrepreneurship*. Saya memang hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa UA memang menggalakkan pelajar- bukan hanya pelajar tetapi pensyarah-pensyarah juga untuk melibatkan dalam bidang *entrepreneurship*. Sekiranya kita rujuk kepada lonjakan yang pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi yang sudah dilancarkan pada tahun 2015 dan akan diteruskan hingga tahun 2025. Memang lonjakan yang pertama berkata bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi hendak melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan ada ciri-ciri *entrepreneur*. Sekian, terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya juga... di bawah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, yang di belakang Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Oh... Sila Tuan Yang di-Pertua.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Demi memastikan hasil kejayaan dan harta intelek universiti-universiti pendidikan ini mencapai dan menepati kehendak negara, apakah usaha kementerian membantu inovasi kelestarian dan pengkomersialan kekayaan baru ini dibantu menyertai pasaran antarabangsa? Terima kasih.

**Dato Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat berkaitan dengan – atas soalan tambahan. Kementerian Pendidikan Tinggi memang berusaha untuk memastikan bahawa hasil-hasil pendidikan dapat bukan hanya digunakan dalam universiti tetapi

apa yang Kementerian Pendidikan Tinggi sudah buat adalah untuk gerak dari *fundamental research* dengan izin, ke *commercialization* dan *translational research*.

Di sini saya boleh memberi beberapa contoh yang berkaitan dengan di mana Kementerian Pendidikan Tinggi panggil ini sebagai *blockbuster for public good* dengan izin. Dari segi keselamatan makanan, UPM sudah mengadakan satu *translational research* dengan izin, yang berkaitan dengan benih padi U Putra dan penghasilan padi 35 peratus lebih tinggi menjelang tahun 2020. Di sini dikesan bahawa rintang penyakit Kara lebih organik, kurang guna racun dan sudah memberi manfaat kepada lebih 300 orang pesawah yang mengusahakan 50 hektar padi di daerah Besut dan Setiu.

Selain daripada itu, Universiti Malaya dari segi bidang *medical* sudah mencipta prostesis tangan atau kaki bionik palsu. Di sini kaki bionik ini boleh berlari, boleh berjalan, boleh berbasikal dan sensor serap optik yang merekodkan *data role time* seperti detak jantung dan suhu tubuh. Ini sudah masuk dalam *Malaysia Book of Records* dan 60 individu menerima manfaat pada tahun 2016. Ini adalah dua contoh.

Selain daripada itu memang dari segi *tourism*, UKM sudah mewujudkan satu Langkawi UNESCO Global Geopark dan di sini, ini adalah memainkan peranan sebagai pusat rujukan kepakaran Geopark di rantau Asia oleh UNESCO. Ini meliputi keseluruhannya Langkawi iaitu sebanyak 99 buah pulau dan tiga tapak utama yang dibangunkan dan dijadikan daya tarikan Geopark iaitu Machinchang Geoforest Park, Kilim Geoforest Park, Dayang Bunting dan ini sudah menyediakan 60 peratus peluang kerja kepada penduduk-penduduk tempatan. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah pihak kementerian membuat kajian semula keseimbangan di antara skim gaji rakyat Malaysia bagi sektor swasta dan industri dengan kenaikan kos sara hidup terutama bagi penduduk yang tinggal di bandar raya dan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar skim gaji bagi mengimbangi kehidupan rakyat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kanowit. Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu izinkan saya untuk mengucapkan selamat datang kepada pemimpin Puspanita, pemimpin perkumpulan wanita dan pemimpin wanita daripada Maran. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kanowit, untuk makluman Dewan yang mulia, bagi meningkatkan pendapatan rakyat selaras dengan hasrat kerajaan menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, kerajaan akan mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun. Selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 Akta 732 yang mana kajian ini akan dibuat oleh Majlis Perundangan Gaji Negara (MPJN). Dalam membuat semakan semula perintah gaji minimum pelbagai faktor diambil kira termasuk indikator sosioekonomi iaitu antaranya kos sara hidup, kadar produktiviti, gaji penengah, keupayaan majikan untuk membayar gaji minimum, kadar pengangguran dan sebagainya.

Kerajaan baru sahaja selesai membuat kajian semula perintah gaji minimum 2012 dan setelah pertimbangan yang teliti oleh Majlis Perundingan Gaji Negara, satu badan konsultasi *tripartite* kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar gaji minimum daripada RM900 sebulan kepada RM1000 sebulan di Semenanjung Malaysia dan daripada RM800 sebulan kepada RM920 sebulan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Julai 2016. Kajian semula terhadap perintah gaji minimum bagi masa akan datang adalah pada tahun 2018.

■1050

Tuan Yang di-Pertua, dalam meletakkan kadar gaji minimum yang wajar dan munasabah di negara ini, dua kriteria menjadi asas utama penetapan kadar gaji minimum iaitu kriteria asas dan kriteria pelarasan. Bagi kriteria asas, dua indikator ekonomi yang diguna pakai iaitu penetapan garis kemiskinan (*wealthy line income*) dengan izin, dan gaji penengah (*medium wage*). PGK ataupun penetapan garis kemiskinan adalah indikator bagi menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja dan gaji penengah pula adalah indikator keupayaan majikan membayar gaji.

Bagi kriteria-kriteria pelarasan, indikator-indikator yang diambil dikira dalam penetapan kadar gaji minimum adalah perubahan indeks harga pengguna (*consumer price index*), dengan izin, pertumbuhan produktiviti buruh dan kadar pengangguran. CPI menggambarkan perubahan kepada kos sara hidup, manakala produktiviti buruh sebagai kriteria bagi menghargai produktiviti pekerja di mana gaji wajar dipertingkatkan selaras dengan peningkatan produktiviti dan kadar pengangguran sebenar sebagai satu kawalan supaya peningkatan gaji tidak mengakibatkan peningkatan kadar pengangguran.

Di samping itu juga, kerajaan turut mengambil kira pandangan semua pihak melalui pendekatan berhemah iaitu mengimbangi kepentingan majikan, pekerja dan kerajaan agar apa-apa keputusan yang dibuat berhubung kenaikan kadar gaji minimum tidak membebankan majikan sehingga membawa mudarat kepada pekerja seperti pembuangan pekerjaan akibat ketidakmampuan majikan membayar gaji minimum.

Berkenaan dengan keperluan untuk meletakkan kadar gaji minimum berbeza di bandar dan luar bandar, seksyen 22(1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara [Akta 732] memperuntukkan bahawa liputan kadar gaji minimum yang disyorkan adalah mengikut sektor, jenis pekerjaan dan kawasan wilayah sahaja. Pada masa sekarang, kerajaan hanya menetapkan kadar gaji minimum berdasarkan wilayah selepas mengambil kira indikator-indikator sosioekonomi yang berbeza di antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Berhubung dengan isu penetapan gaji minimum bandar raya dan luar bandar, kerajaan melalui MPGN telah membuat kajian dan mendapati bahawa pelaksanaan gaji minimum dengan membezakan kawasan bandar dan luar bandar tidak sesuai dilaksanakan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sangat komprehensif.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Encik Gopal Kishnam dalam mengulas isu sekerja dalam Bajet 2017 telah

menyatakan bahawa bajet tersebut tidak memberi faedah kepada pekerja swasta di negara ini kerana tidak mengendahkan isu kenaikan gaji minimum kepada RM1,200 yang pohon bagi Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah dan juga COLA RM300 sebulan.

Jadi soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah usaha yang dilaksanakan oleh kementerian dalam membantu para pekerja swasta dalam menampung kos kehidupan yang semakin meningkat? Kedua, adakah kementerian mempunyai perancangan untuk menyeragamkan sistem gaji minimum antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya daripada Kanowit.

Sebenarnya bagi kita kementerian, bagi saya sebagai daripada Kementerian Sumber Manusia, memang kita hendak melihat supaya gaji minimum kepada pekerja ini ditingkatkan ataupun diberikan setinggi mana yang boleh. Tetapi kalau kita buat perbandingan dengan negara-negara yang lain, masih banyak negara-negara yang membayar gaji minimum lebih rendah daripada kita dan saya tidak sebutkan kerana banyak negara-negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan langkah kerajaan, sebenarnya kerajaan amat prihatin dengan nasib pekerja swasta ini kerana mereka berhadapan dengan berbagai-bagai masalah termasuklah kenaikan harga barang dan sebagainya. Namun demikian, kerajaan terus berusaha di bawah kementerian kita dengan melaksanakan berbagai-bagai program termasuklah yang dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di bawah program-program melalui bajet-bajet tahunan yang dikeluarkan.

Jadi kita mengambil kesempatan ini dengan memberikan sokongan kepada pekerja-pekerja kita supaya mereka mengambil peluang ini. Umpamanya, antara program-program yang diberikan kesempatan kepada pekerja swasta ini ialah memperluaskan program pelaburan ASW atau Amanah Saham Wawasan, Amanah Saham 1Malaysia, Amanah Saham Gemilang, perusahaan komuniti, BR1M yang juga melibatkan pekerja swasta, KR1M, Perumahan Rakyat 1Malaysia, program PERKESO yang khusus untuk pekerja swasta, menggalakkan *upskilling* bawah B40, bawah pekerja-pekerja yang pendapatan bawah daripada RM3,900, Baucar Buku Rakyat 1Malaysia, bantuan TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia dan lain-lain lagi.

Di antaranya juga, kita melaksanakan program di bawah kementerian seperti program *upskilling*, *re-skilling*. Bermakna, meningkatkan lagi kemahiran pekerja yang ada bagi pekerja swasta ini. Kemudian kita mengadakan *job fair* dan *job matching* di mana kementerian mengadakan program khas tentang *job fair* ini dan kita memanggil pekerja-pekerja yang telah pun bekerja untuk melihat semula apakah ada kerja-kerja baru yang mereka boleh ceburi melalui tawaran yang disediakan oleh majikan-majikan. Begitu juga dari segi kursus-kursus kemahiran yang kita sediakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) seperti mana yang saya sebutkan tadi, melalui akta ini, setiap dua tahun kajian semula akan dilakukan. Ada orang mencadangkan supaya dibayarkan RM1,500 gaji minimum kepada pekerja di negara kita tetapi apakah kita perlu melihat bahawa kemampuan majikan untuk membayar. Jangan

kerana kita ingin membayar gaji tinggi kepada pekerja kita dalam tempoh satu bulan tetapi bulan berikutnya syarikat terpaksa digulung dan akhirnya pekerja tidak mempunyai kerja lagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti hujahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan fokus kepada respons CPI atau *consumer price index* dan sebagainya. Namun, dalam masa yang sama, gaji minimum itu dicarakan dalam soal kategorinya. Sebagai contoh, gaji minimum pekerja penjawat awam RM1,200, gaji minimum Semenanjung Malaysia swasta RM1,000 dan Sabah, Sarawak RM920, Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, kos sara hidup di Sabah dan Sarawak berbeza dengan kita sekitar 30 peratus jika dibandingkan dengan Semenanjung dan kehidupan mereka begitu tertekan di atas sifatnya yang tidak sama rata pembayarannya.

Soalan saya ialah apakah tindakan kementerian untuk mengkaji semula tentang kedudukan pekerja Sabah dan Sarawak supaya mereka juga diberikan kesamaan dan tidak diberikan penurunan kerana kos sara hidup mereka melebihi dalam sekitar 20 ke 30 peratus untuk diberikan keadilan kepada mereka? Apa pandangan dan juga tindakan Kementerian Sumber Manusia? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, saya minat dengan Yang Berhormat Kuala Langat kerana beliau amat prihatin tentang pekerja-pekerja ini. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebutkan tadi, bahawa Majlis Perundingan Gaji Negara menetapkan gaji bukan secara mudah. Kita terpaksa melihat faktor-faktor yang perlu kita ambil kira termasuklah *medium wage* ataupun gaji penengah tadi.

Sebab apa ada perbezaan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung? Kerana melalui Majlis Perundingan Gaji Negara dan Jawatankuasa Teknikal yang ada dalam Majlis Perundingan Gaji Negara ini yang juga bukan melibatkan kerajaan kita sahaja, kementerian saya, bahkan juga melibatkan *World Bank*, ILO dan lain-lain pihak yang berautoriti yang memberikan pandangan supaya inilah kadar gaji yang boleh diberikan kepada pekerja kita.

Oleh sebab itulah, kita tidak mahu seperti mana saya sebutkan tadi, kalau kita naikkan gaji pekerja di Sabah lebih tinggi umpamanya, tetapi kalau menjejaskan majikan mereka yang tidak mampu membayar gaji, tidak ada gunanya kerana biarlah kemampuan—sebab itu konsep *tripartite* ini ada dalam pelaksanaan Kementerian Sumber Manusia supaya persetujuan antara majikan, pekerja dan juga kerajaan sebagai perundingnya dapat kita laksanakan dan akhirnya manfaat dapat kepada pekerja-pekerja yang ingin kita bela. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**4. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]** minta Perdana Menteri menyatakan pendirian Kerajaan terhadap kedatangan pelarian Rohingya dan usaha-usaha penyelarasan terhadap mereka yang berada di negara ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 ataupun Protokol Status Pelarian 1967.

**■1100**

Dalam kalangan negara Asian, hanya Filipina dan *Cambodia* merupakan negara ahli kepada Konvensyen dan Protokol ini. Pada masa ini, kerajaan tidak mampu untuk melaksanakan sepenuhnya hak dan tanggungjawab sebagai negara ahli ke atas pemegang kad UNHCR yang perlu diberikan hak-hak sebagaimana yang dinikmati oleh warganegara Malaysia seperti kebenaran bekerja, akses percuma kemudahan kesihatan di hospital, klinik kerajaan, akses pendidikan di sekolah kerajaan, hak berpersatuan, pemilikan harta dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kerajaan atas dasar kemanusiaan membenarkan pemegang kad UNHCR untuk tinggal sementara di negara ini tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar yang berkuat kuasa sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ke negara ketiga. Ini termasuklah etnik Rohingya Myanmar yang mempunyai kad UNHCR yang sah. Kerajaan berharap situasi di Rakhine State, Myanmar akan pulih seperti sedia kala dan etnik Rohingya Myanmar diiktiraf semula sebagai warganegara Myanmar bagi membolehkan mereka kembali semula ke Myanmar.

Dalam tempoh sepanjang masa mereka berada di sini, pemegang kad UNHCR di Malaysia:

- (i) tidak dinafikan kebebasan bergerak, hanya di Semenanjung Malaysia sahaja dan tidak ditahan melainkan terlibat dengan aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang negara;
- (ii) tidak akan dihantar kembali ke negara asal selari dengan prinsip *non-refoulement* melainkan secara sukarela atau negara tersebut mencapai keamanan;
- (iii) tidak dinafikan hak untuk mendapatkan rawatan di hospital/klinik kerajaan dengan diberi potongan caj sebanyak 50 peratus daripada kadar yang dikenakan ke atas golongan ekspatriat; dan
- (iv) vaksinasi kepada kanak-kanak adalah diberikan secara percuma dan dibenarkan untuk mendapat kemudahan pelajaran di sekolah swasta yang dikendalikan oleh UNHCR, NGO dan komuniti pelarian.

Isu mengenai sara hidup, akses kepada pendidikan, kesihatan dan sebagainya ke atas pemegang kad UNHCR ini merupakan tanggungjawab yang sepatutnya diambil tindakan oleh pihak UNHCR. Hari ini juga kerajaan telah mengambil daya usaha melaksanakan projek perintis kebenaran bekerja kepada etnik Rohingya Myanmar. Seramai 300 orang pemegang kad UNHCR dalam sektor perladangan dan perkilangan mulai 1 Mac 2017. Sambutannya sejuk.

Selain daripada itu, pihak *Qatar Development Fund* juga telah bersetuju untuk memberikan sumbangan dana bagi melaksanakan projek-projek berkaitan pendidikan, kesihatan dan kemahiran asas dan separuh mahir kepada etnik Rohingya Myanmar dengan diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Ini bagi membolehkan etnik Rohingya Myanmar diberikan kesediaan untuk diterima di negara ketiga atau pulang semula ke negara asal.

Bagi meningkatkan pemantauan dan penyelarasan ke atas UNHCR dan pemegang kad UNHCR, kerajaan telah mewujudkan *joint task force (JTF)* bersama dengan pihak UNHCR. JTF



ini membincangkan isu-isu mengenai aspek penentuan status pemegang kad UNHCR, penempatan ke negara ketiga atau pulang ke negara asal, isu-isu kebajikan, kesihatan, pendidikan dan sara hidup sementara pemegang kad UNHCR tinggal sementara di Malaysia. Mesyuarat JTF ini diadakan pada 6 Disember 2016 yang lepas. Kerajaan daripada semasa ke semasa akan sentiasa mengkaji tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan ke atas pelarian-pelarian yang memegang kad UNHCR yang mana tidak dapat pulang ke negara asal sehingga bertahun-tahun lamanya akibat konflik berpanjangan di tempat asal.

Selain itu, kerajaan juga sentiasa menyuarakan pandangan di forum-forum antarabangsa bagi memastikan keadaan di negara-negara yang menyebabkan limpahan pelarian ke Malaysia kembali aman dan memudahkan pelarian untuk pulang ke negara asal. Namun begitu, sikap tidak campur tangan ke atas urusan negara lain seperti mana yang diamalkan dalam komuniti negara Asian perlu dihormati dan direalisasikan dengan sebaik mungkin dalam hal ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Menteri berkaitan dengan UNHCR berkait dengan pelarian dari etnik Rohingya. Atas usaha-usaha koordinasi pemudah cara yang telah dilakukan dengan menyusun peraturan-peraturan dan juga apakah sebenarnya jangkaan boleh diselesaikan sepenuhnya berkaitan dengan pelarian etnik Rohingya ini dan langkah-langkah perlu yang dijangka untuk jangka panjang supaya memungkinkan kita menyelesaikan sepenuhnya dalam satu jangka waktu yang kita jangka boleh ditetapkan untuk masa yang akan datang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, langkah jangka pendek dan langkah yang dibuat daripada semasa ke semasa ialah dengan menghantar mereka ke negara yang ketiga. Jadi, ada negara ketiga yang sudi menerima mereka dan mereka pula sudi pergi ke sana, walaupun sebahagian daripada mereka yang pernah pergi ke negara yang ketiga minta untuk balik ke Malaysia. Yang itu kita tak boleh pertimbangkan. Mereka dah bersetuju pada peringkat awal dan mereka berada di negara ketiga tetapi banyak yang teringin sangat balik ke Malaysia. Itu jangka pendek.

Untuk jangka panjang ialah kita berdoa semoga Rakhine State dapat kembali aman dan Kerajaan Myanmar mengiktiraf mereka sebagai warganegara kerana mereka telah datang sudah beratus tahun berada di sana. Jadi bila berlaku kemerdekaan dan sebagainya, jadi ini yang telah berlaku di Myanmar. Walau bagaimanapun, tidak wajar untuk membiarkan orang-orang ini tanpa warganegara dan saya percaya ini sedang dibincangkan dengan hebatnya di peringkat Asian berhubung dengan status mereka.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Sebenarnya sedikit, saya tahu hati naluri budi Yang Berhormat Menteri sama macam Yang Berhormat Kulim, macam Yang Berhormat Bachok, macam Yang Berhormat Baling yang pergi ke sana, pergi ke Myanmar [*Dewan riuh*] khususnya berjumpa dengan etnik Rohingya ini. Jadi apa yang jawapan yang Menteri beri tadi signifikan tetapi memandangkan saya tak tahu tahun bila mereka nak dapatkan status sebagai warganegara. Mungkin lima tahun, 10 tahun, 20

tahun, 50 tahun. Namun kita ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Pekan yang telah memberi laluan kepada etnik Rohingya berada dalam negara kita. Baru-baru ini pihak KDN juga telah menguar-uarkan akan memberi ruang pekerjaan kepada etnik Rohingya khususnya.

Soalan saya, apakah bentuk latihan kemahiran yang bakal boleh kita berikan khususnya kepada etnik-etnik Rohingya yang berada di Malaysia dan apakah bentuk bantuan insurans daripada sudut macam Yang Berhormat sebut tadi berkaitan dengan hospital mereka, untuk kesihatan mereka dan sebagainya. Kita juga tahu bahawa *Qatar Development Fund* telah menguar-uarkan mereka ingin bekerjasama dengan Malaysia waktu kami berada di situ, *Food Flotilla to Myanmar* berada di situ, mereka telah menguar-uarkan. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk syorkan dalam Mesyuarat Kabinet, kita buat IBOS atau *International Blue Ocean Strategy*. Kita jemput Kuwait, kita jemput Saudi, kita jemput Bahrain, Qatar untuk kita wujudkan satu *fund* untuk kita membantu memandangkan mereka lebih dekat dengan kita, kita wujudkan dan kita bantu.

Soalan saya, apakah bentuk jenis latihan kemahiran sementara mereka berada dalam negara bumi bertuah Malaysia ini, selain kita memberikan peluang-peluang pekerjaan dalam contohnya Tabung Haji Plantation, Sime Darby Plantation dan *plantations* yang ada dalam negara kita ini, kita boleh berikan peluang kepada mereka. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya juga menjawab apa yang ditanya tadi. Jadi, saya nak ucap terima kasih secara terbuka di Parlimen ini kepada Yang Berhormat Baling dan juga bersama rakan-rakan daripada pembangkang yang pergi menghantar makanan ke Myanmar.

■1110

Saya percaya ini mana-mana pihak tidak boleh mempertikaikan. Sebaliknya, kita memberi sokongan dan bagi tepukan tangan kepada dia sekali. [*Tepuk*] *Thank you*. Terima kasih, kalau ada ramai orang macam ini, selamatlah Parlimen dan juga negara Malaysia ini. Okey, tidak dapat hadiah lagikah puji bukan main banyak. Okey, yang pertama sekali ialah apakah bentuk latihan kemahiran? Kita, latihan kemahiran ini memerlukan kos perbelanjaan dan sebagainya. Akan tetapi kita bersyukur orang yang pertama muncul ini adalah *Qatar Development Fund*. Dia telah menawarkan jumlah peruntukan yang begitu besar dan kita akan gunakan sebahagian besarnya ialah untuk pendidikan dan juga memberi latihan kemahiran. Apa bentuk latihan kemahiran ini akan dibincangkan dari semasa ke semasa. Berhubung dengan insurans kesihatan, saya telah sebutkan tadi. Berhubung dengan *International Blue Ocean Strategy*, hal ini telah pun dibincangkan dalam OIC Yang Berhormat Baling. *But, don't worry*, setelah perbincangan OIC itulah *Qatar Development Fund* dan saya juga berjumpa dengan beberapa buah negara Arab menyatakan hasrat yang sama. Saya kata, sila salurkan melalui Majlis Keselamatan Negara.

Jadi, usaha Malaysia yang mungkin kita nampak kecil tetapi negara-negara OIC nampak begitu besar kerana kemampuan, keberanian Malaysia untuk secara terbuka memberi bantuan kepada orang-orang Rohingya yang dizalimi. Kita lihat apa yang berlaku dalam berita-berita yang

disiarkan melalui CNN, Reuters dan sebagainya, kadang-kadang berita kecil pun disebarkan dengan begitu besar. Akan tetapi apa yang berlaku di Myanmar ini adalah berita besar tapi ceritanya kecil. Seolah-olah orang tidak memerhatikan kezaliman yang dilakukan dengan cukup menyayat hati, dibiarkan begitu saja. Hasil usaha Malaysia, kita lihat semua negara telah membuka mata dan berterima kasih kepada Malaysia. Walaupun- had yang ini saya syukur sebab semua pembangkang setuju dan mereka sebulat suara menyatakan penyataan sedih mereka kepada kezaliman yang dilakukan di Myanmar dan sudah pasti berterima kasih kepada keberanian Yang Berhormat Pekan untuk menyatakan hasrat sanubari *asmaramah* rakyat Malaysia dan juga Kerajaan Malaysia tentang apa yang berlaku.

Bukan saya cakap tetapi melaksanakannya. Sekarang ini melalui Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita memberi tawaran kerja kepada mereka. Yang pertama kita bagi tawaran kepada 300 orang dulu, kita hendak tengok. Akan tetapi yang muncul sehingga kini baru 40 orang. Makna kata, mereka sudah berada dalam pasaran pekerjaan di mana-mana dan yang datang kepada kita itu dengan mungkin berat hati, 40 orang. Jadi, belum capai- 300 itu belum capai lagi dan kita bayangkan mereka yang di sini sudah menjangkau lebih 60 ribu orang yang ada kad. Yang belum ada kad pun mungkin dalam jumlah yang sama. Jadi, keprihatinan Kerajaan Malaysia diteruskan kepada mereka yang dizalimi di luar negara. Terima kasih kepada soalan yang telah pun dijawab.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi soalan tambahan. Hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, memandangkan kita telah beri sedikit kelonggaran untuk melayan *refugee* Rohingya ini, adakah Malaysia telah dalam ura-ura untuk merancang, untuk menandatangani ratifikasi Konvensyen Refugee 1951? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang ini yang patut jawab adalah Kementerian Luar Negara dan juga Kabinet sendiri. Akan tetapi buat masa sekarang ini kita belum menjadi ahli kerana bila kita jadi ahli, kita tidak mahu jadi ahli main-main macam itu saja. Bila jadi ahli, kita kena bertanggungjawab kepada orang-orang yang dikeluarkan kad UNHCR. Jadi, orang-orang pelarian pula tidak pergi ke negara yang berkenaan, tidak ramai yang pergi ke Cambodia ataupun ke Philipines. Semua orang bertumpu di sini. Kita tidak mahu tandatangan sebab dalam perjanjian tersebut dia mesti masukkan kita hendaklah bagi perlindungan *food and shelter*, perlindungan makanan dan juga tempat tinggal. Jadi, itu kita tidak mampu. Akan tetapi dalam keadaan kita tidak mampu, kita bukan ahli, kita lah yang paling banyak menerima orang pelarian. Jadi, Yang Berhormat melihat bahawa semua ini berlaku kerana keprihatinan kerajaan dan juga rakyat Malaysia. Tidak tandatangan sebagai ahli, orang sudah datang begitu besar. Kalau jadi ahli saya ingat *wallahu'alam*.

Akan tetapi hendak jadi ahli, kita tidak boleh main-main pakai *sign*, tandatangan, lepas itu tidak laksanakan iaitu memberi makanan dan juga tempat tinggal. Malaysia tidak mampu berbuat demikian. Kita harus bagi perhatian kepada warga Malaysia dahulu kemudian baru orang lain. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim, Assalamualaikum warahmatulaahi wabarakaatuh*, salam negaraku Malaysia, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya ingin mewakili Yang Berhormat Jerantut, ingin mengalu-alukan rombongan KRT Parlimen Jerantut dan juga pelajar-pelajar SMK Tengku Hajah Afzan daripada Parlimen Jerantut ke Dewan yang mulia pada pagi ini.

**5. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah wujud kerjasama di antara pihak kementerian dengan Dewan Perdagangan Malaysia-Cina (MCCC) bagi menarik minat lebih ramai golongan Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka di China terutama dalam aspek pasaran halal kerana buat masa ini kurang daripada 10 peratus usahawan Bumiputera yang terlibat dengan MCCC.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, China kekal sebagai rakan dagang utama Malaysia bagi 8 tahun berturut-turut sejak 2009. Malaysia juga merupakan rakan dagang kedua terbesar China di kalangan negara-negara ASEAN pada 2016. Jumlah perdagangan Malaysia dengan China pada tahun 2016 adalah bernilai RM240.9 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2015. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia dan MATRADE telah lama menjalankan kerjasama dengan persatuan-persatuan dan dewan-dewan perniagaan utama di Malaysia seperti Dewan Perdagangan Malaysia-China, Dewan Perniagaan dan Perindustrian China-Malaysia, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia, Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia dan Perindustrian India-Malaysia, khususnya dalam program-program promosi eksport bagi pasaran China.

Antara program-program promosi yang dilaksanakan adalah pameran antarabangsa, misi *ekselerasi* eksport, Program Pamadanan Perniagaan dan Program Penyebaran Antarabangsa bagi mengembangkan pasaran syarikat-syarikat Malaysia, termasuk syarikat Bumiputera di China. Program-program promosi ini merangkumi berbagai sektor, termasuklah sektor produk dan perkhidmatan halal seperti makanan, kosmetik dan juga francais. MATRATE juga turut bekerjasama dengan persatuan-persatuan dan dewan-dewan perniagaan utama di Malaysia, termasuklah menyelaras penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam pameran-pameran perdagangan utama yang lain di China seperti pameran China *Small and Medium Enterprise Fair, China International Fair for Trade and Investment, Western China Import Fair, Food, Hotel, Catering China dan China Yiwu Imported Commodities Fair* bagi tujuan mengembangkan pasaran produk Malaysia di negara tersebut.

Kementerian, MITI dan juga MATRADE sentiasa mengalu-alukan syarikat-syarikat, termasuklah SME-SME untuk mengunjungi MATRADE bagi melihat cara-cara untuk mengeksport bukan saja untuk negara China tetapi semua negara-negara yang mengeksport dan mempunyai perdagangan dengan negara Malaysia untuk meningkatkan pengeksportan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan banyak terima kasih atas jawapan yang diberikan. Setidaknya melegakan beberapa kebimbangan, khususnya daripada kumpulan usahawan Bumiputera untuk mereka mengembangkan perniagaan mereka ke negara China. Yang Berhormat Menteri soalan saya, kalau kita melihat pada minggu ini saya difahamkan pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan mengadakan Pameran Antarabangsa Halal Malaysia atau MIHAS. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dari segi pameran ini, sejauh manakan pihak kementerian akan mengoptimumkan penganjuran Pameran Antarabangsa Halal Malaysia (MIHAS) ini dalam usaha untuk membantu khususnya para usahawan halal Bumiputera bagi mempromosikan perdagangan produk dan juga perniagaan mereka, khususnya dalam elemen halal ke peringkat antarabangsa, terutamanya ke negara China. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Untuk Program MIHAS ini, ia mendapat respons yang baik setiap tahun bila kita melaksanakan. Bahkan, kita boleh melihat dari segi industri *trade* halal kita, walaupun saya tidak mempunyai data, ia menunjukkan peningkatan dari segi eksport halal industri kita.

■1120

Akan tetapi penting untuk kita memahami bahawa apabila kita ingin memasuki pasaran negara China, sebenarnya kita tidak mengatakan khususnya untuk sebarang syarikat, semua adalah dialu-alukan untuk masuk. Bahkan kalau kita lihat pada tahun 2016 untuk semua promosi-promosi anjuran MATRADE di negara China, sebanyak 93 buah syarikat bumiputera yang mendapat nilai jualan sebanyak RM150 juta telah menyertai program-program ini.

Saya di sini juga ingin membawa perhatian kepada Dewan ini mengenai salah satu langkah lagi untuk menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat SME memasarkan barangan mereka ke negara China iaitu salah satu yang telah dilaksanakan oleh MATRADE iaitu *China ASEAN SME Trade Platform*, dengan izin di mana ia terdiri daripada tiga, empat pihak iaitu ICBC Malaysia, *Guangxi Freeport* dan MATRADE di mana sehingga sekarang dah mencecah 100 syarikat SME yang terlibat di mana salah satu isu untuk SME mengeksport kepada negara China adalah untuk mendapat kelulusan.

Maka dengan menggunakan cara ini, kelulusan atau sebarang lesen adalah dikendalikan oleh pihak ini. Ini boleh melalui MATRADE dan saya mengharapkan lebih banyak syarikat-syarikat SME boleh menghubungi MATRADE dan mengunjungi mereka untuk cuba melihat bagaimana meningkatkan eksport ke negara China. Sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat ada beberapa Dewan Perniagaan China Malaysia, mereka memang mimpi mereka bila saya bertutur dengan mereka, mereka memang sangat berminat untuk membawa golongan bumiputera di Malaysia ini untuk berniaga di negara China. Akan tetapi saya rasa golongan-golongan peniaga bumiputera di Malaysia ini mereka menghadapi masalah adalah dari segi bahasa kerana ramai tidak dapat bertutur dalam bahasa Tionghoa. Jadi saya hendak tanya,

bagaimana kementerian membantu golongan usahawan bumiputera ini untuk *penetrate* di dalam pasaran negara China dan mengatasi masalah ini.

Kedua ialah saya rasa adalah bagi usahawan di negara China, mereka sebenarnya sangat berminat dengan standard halal Malaysia ini kerana yang standard halal kita ini adalah agak ketat. Jadi, adakah kementerian cadangkan peniaga di China itu, mereka eksport barang mereka untuk proses di Malaysia dan selepas itu kita guna cap halal kita itu, kita tolong mereka hantar barangan dijual ke negara Islam khususnya di Timur Tengah. Adakah usaha seperti ini, *match making* ini dilakukan oleh kementerian?

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Tadi mengenai *match making*, memang pihak kementerian menggalakkan khususnya kalau terdapat syarikat-syarikat daripada negara China yang ingin mengeksport atau menggunakan halal, kita menggalakkan mereka melabur di Malaysia dan bukan menghantar barang ke sini, lepas itu buat *repackaging export* ke luar. Kita harap mereka melabur di sini untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Itu nombor satu.

Kedua, dari segi pertuturan. Kita mengetahui bahawa memang mempunyai masalah tersebut. Maka sebenarnya untuk MATRADE, kita mempunyai pegawai-pegawai yang khususnya bertanggungjawab untuk pasaran negara China kerana mereka merupakan pedagang utama. Kita yakin dengan adanya *China ASEAN SME Trade Platform* ini yang kita wujudkan semenjak tahun lepas, ia memberi salah satu juga cara untuk syarikat-syarikat tersebut mengeksport barang tanpa perlu mengetahui dari segi pelesenan dan isu-isu yang mungkin dihadapi kalau mereka sendiri mengeksport ke negara China.

Selain itu, baru-baru ini MATRADE juga sekarang tengah berbincang dengan *China Post* di mana *China Post* kita lihat di negara China, mereka mempunyai 600,000 kedai di seluruh negara China. Mereka sekarang mewujudkan salah satu sementara daripada *offline* dan *online*, dia ada dua cara. *Online*, mereka sedang berbincang di antara MATRADE dengan *China Post* dalam masa terdekat untuk mewujudkan dalam *online* Malaysia Pavilion. Juga untuk *offline*, Malaysia punya *section*. Maka kita berharap SME-SME yang mungkin mempunyai minat untuk mengeksport ke negara China untuk menghubungi MATRADE supaya lihat bagaimana boleh menyertai kedua-dua program ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang budiman memberi peluang kepada Bakri bertanya soalan tambahan. Terima kasih kepada Timbalan Menteri menjawab soalan asal dan beri peluang kepada Bakri tanya soalan tambahan.

Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kepada Dewan Parlimen yang mulia ini, jumlah penglibatan bumiputera berdasarkan negeri yang terlibat dalam memperkembangkan perniagaan di negara China terutama dalam aspek pasaran halal serta bantuan sokongan yang diberikan. Minta jawapan.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dari segi bantuan-bantuan yang diberi, kita mempunyai pelbagai bantuan, salah satu ialah *market development ex-grant* yang dinikmati oleh semua yang telah keluar untuk mengeksport, menghadiri pameran-pameran eksport untuk *business to business*.

Dari segi maklumat yang ingin Yang Berhormat Bakri ingin tahu mungkin kita boleh bagi secara bertulis kerana adalah secara *detail* tetapi kebanyakan pameran-pameran yang kita koordinasikan. Sebagai contoh, baru-baru ini untuk ASEAN Ekspo 2016 yang berada di Naning. Ia mendapat representasi daripada semua negeri dan juga daripada syarikat bumiputera dan *non bumiputera*. Sekian, terima kasih.

**6. Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan usaha setakat ini dalam mengurangkan beban cikgu-cikgu sekolah dengan kerja-kerja administrasi yang lebih banyak daripada memberi penumpuan kepada anak-anak murid.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi perhatian kepada kaedah terbaik mengatasi isu *complexity* tugas dan tanggungjawab guru. Pada masa ini antara langkah utama yang diambil oleh KPM termasuklah pengisian jawatan kosong, melihat keperluan jawatan guru dan anggota pelaksana, mengurangkan dan memudahkan tugas kemasukan data atau pelaporan serta memperhalusi kaedah pengoperasian atau pengurusan sekolah yang lebih mengutamakan keberhasilan pembelajaran murid.

KPM juga mengurangkan beban aktiviti-aktiviti bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti maksud surat siaran Bil.13 Tahun 2016 Garis Panduan Pengurusan Majlis, Program, Acara dan Pengurangan Amalan Protokol dan Sambutan di bahagian, jabatan, institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma nak tanya pada Timbalan Menteri kerana saya juga mendapat banyak *feedback* daripada guru-guru yang mana mereka terbeban dengan kerja-kerja administrasi dan juga terbeban dengan kursus-kursus sewaktu masa mengajar. Saya rasa sudah tiba masanya kementerian untuk merombak semula, penstrukturan semula pembahagian tugas di sekolah-sekolah kerana kebelakangan ini guru-guru juga bukan sahaja dibebankan dengan kerja administrasi, mereka juga dibebankan untuk mencari dana untuk sekolah, kepada perkara-perkara yang asas.

Jadi saya harap kita harus memikirkan tentang perancangan yang lebih progresif yang mana guru-guru dapat menumpukan masa, *quality time* untuk mengajar anak-anak kita di sekolah dan mengambil model-model negara maju yang mana banyak ditegaskan, ditekankan sistem pembelajaran *experiential learning* yang mana anak-anak sekarang sudah banyak terdedah dengan teknologi-teknologi baru yang moden. Maka sistem pembelajaran kita juga harus dirancang semula agar bertepatan dengan kehendak kita nak menuju 2020 dan *high income nation*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Ampang. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Ampang. Memang di bawah PPPM kita telah melaksanakan *experiential learning* iaitu kita memperuntukkan lebih masa untuk anak-anak kita belajar di luar kelas bilik darjah. Contohnya dari segi pendidikan moral, kita

melaksanakan pelbagai aktiviti di luar supaya kognitif itu dikurangkan tetapi meningkatkan kepada amali ataupun secara amalan.

Dari segi tugas-tugas, kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk kita menstrukturkan semula tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru.

■1130

Walau bagaimanapun, mengikut pekeliling perkhidmatan yang telah berkuat kuasa, guru-guru kita merangkumi tujuh tugas utama iaitu kurikulum, termasuklah pengajaran dan pembelajaran termasuk pentaksiran di dalam kelas, kokurikulum, sukan, kelab, persatuan dan badan beruniform, pengurusan hal ehwal murid, keselamatan, kebajikan, kesihatan, sistem maklumat murid, koperasi dan lawatan, pengurusan pejabat, pembangunan fizikal, pembangunan staf dan hubungan komuniti. Oleh itu, guru bukan hanya bertugas kepada PDP tetapi termasuk kepada urusan-urusan tertentu di sekolah. Walau bagaimanapun, bukan semua guru yang terlibat terhadap perkara-perkara yang saya sebut tadi tetapi ada guru-guru khas yang diperuntukkan kerja-kerja seperti yang telah saya terangkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, di kawasan saya, SMK Baleh adalah sekolah menengah di pedalaman. Minggu yang lalu, saya telah merasmikan Persatuan PIBG dan mereka mengadu kekurangan guru. Jadi saya mohon pihak kementerian supaya menambahkan bilangan guru di kawasan pedalaman bagi mengurangkan beban pengurusan jumlah pelajar yang begitu banyak. SMK Baleh di Bahagian Kapit. Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil maklum. Terima kasih.

7. **Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa unit rumah yang telah dibina di bawah program Rumah Bina Negara bagi tahun 2016 serta berapa unit permohonan dalam proses kelulusan dari pihak kementerian.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Langkawi. Untuk makluman Yang Berhormat Langkawi, projek pembinaan Rumah Bina Negara atau Rumah BN yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan untuk menyediakan rumah yang lebih selesa kepada generasi kedua yang tinggal di kampung tradisional dalam meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Sehingga 31 Disember 2016, kementerian telah berjaya membina sebanyak 144 buah rumah di bawah program Rumah Bina Negara di seluruh negara. Sehingga kini, kementerian telah menerima sebanyak 1,704 permohonan yang sedang diproses untuk kelulusan. Program ini memberi peluang kepada belia di kawasan luar bandar untuk memiliki rumah sendiri untuk terus tinggal di luar bandar bagi meneruskan kesinambungan komuniti luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pihak FELCRA iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan memfokuskan kepada pembinaan Rumah BN ini secara



berkelompok dan menawarkan beberapa jenis kategori rumah seperti rumah sesebuah, berkembar dan teres pada harga jualan tidak lebih RM75,000 dengan subsidi sebanyak RM50,000.

Manakala RISDA satu lagi agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, RISDA pula akan memfokuskan pembinaan Rumah Bina Negara atau Rumah BN ini secara sesebuah di atas tanah yang dimiliki oleh para pemohon pada harga jualan RM45,000 dengan subsidi sebanyak RM20,000. Keluasan lantai Rumah BN adalah 700 kaki persegi dengan tiga bilik tidur, dua bilik air, satu ruang tamu, satu ruang dapur dan satu ruang makan termasuk utiliti seperti kipas dan lampu serta memastikan keselesaan kepada para pemilik Rumah BN ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Langkawi merupakan sebuah pulau yang kini mempunyai tekanan yang amat tinggi tentang keperluan perumahan kerana beberapa sebab iaitu empat sebab yang utama:

- (i) banyak pekerja sektor pelancongan daripada luar Langkawi masuk ke Langkawi;
- (ii) rumah sewa dijadikan *homestay* kerana lebih mendapat laba kewangan berbanding dengan rumah sewa;
- (iii) banyak keluarga baru yang wujud di Pulau Langkawi; dan
- (iv) keluarga yang lama masih lagi menyewa.

Oleh kerana itu, keperluan perumahan sangat-sangat mendesak di Langkawi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimanakah kerajaan di bawah program Rumah Bina Negara ini dapat membantu rakyat Langkawi bagi membina lebih banyak rumah bagi mengatasi masalah ini. Adakah program RBN ini boleh dipohon oleh semua golongan masyarakat?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, kita ambil maklum. Kementerian ambil maklum akan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Langkawi untuk membantu dalam perumahan di Langkawi kerana beberapa faktor yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi. Jadi hakikatnya, buat masa sekarang tiada sebarang permohonan dari Langkawi diterima setakat ini. Jadi Yang Berhormat boleh membantu untuk memohon.

Keduanya tadi Yang Berhormat bertanya apakah Program Rumah Bina Negara ini boleh dipohon. Ya, memang. Rumah Bina Negara ini boleh dipohon oleh semua golongan belia luar bandar berumur 18 tahun hingga 45 tahun dan borang permohonan boleh diperolehi dan dikemukakan menerusi Pejabat RISDA Stesen Langkawi. RISDA ada stesen di Langkawi dan juga laman sesawang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Seperti mana saya telah sebutkan tadi, di mana-mana Stesen RISDA yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Bakri bertanyakan soalan tambahan. Di sini yang ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jelaskan tentang program Rumah Bina Negara kepada Dewan Parlimen

yang mulia ini secara terperinci jumlah pemohon berdasarkan negeri, kumpulan umur dan jantina. Minta jawapan.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bakri, saya mohon izin untuk menjawab secara bertulis sebab Yang Berhormat Bakri ini meminta secara terperinci sebab terlalu banyak maklumat yang perlu kita jawab untuk menjawabnya dengan adil dan lebih tepat. Boleh ya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rumah Bina Negara ini merupakan antara cadangan yang telah diberikan oleh pihak kementerian yang saya kira memang amat baik dan memang banyak membantu kepada generasi kedua terutamanya di kawasan RISDA dan juga FELCRA. Cuma semua permohonan yang telah mereka buat ini walaupun telah mendapat kelulusan, mereka tetap menghadapi masalah terutamanya berkaitan dengan kemudahan infrastruktur iaitu pembinaan jalan dan sebagainya dan juga ada kedapatan mereka-mereka yang memohon Rumah Bina Negara ini mempunyai masalah apabila mereka tidak dapat hendak membayar deposit api dan juga air kerana jarak pembinaan Rumah Bina Negara itu dengan kemudahan asas itu agak jauh. Jadi sejauh mana kementerian dapat membantu pemohon-pemohon ini supaya mereka ini dapat melaksanakan Rumah Bina Negara dan dapat kemudahan infra dan juga deposit api dan air. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Yang Berhormat Sekijang dan Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab. Sesungguhnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sangat mengetahui masalah-masalah ataupun kekangan-kekangan yang seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Sekijang sebentar tadi. Sebab itu kita juga dalam proses bagaimana hendak memperhalusi prosedur-prosedur itu. Kita ambil tahu akan masalah infrastruktur lebih-lebih lagi program di bawah RISDA di mana kita hanya membina di atas tanah milik sendiri yang berbeza dengan yang dibangunkan oleh FELCRA di mana FELCRA menggunakan model yang secara berkelompok di mana pembinaan infrastruktur asasnya, *civil worksnya* dan kedua-duanya sekali juga dalam cadangan ataupun dalam skim perumahan itu.

#### ■1140

Secara individu, memang di atas tanah sendiri berkemungkinan banyak memerlukan juga dibuat di kelilingnya infrastruktur asas yang perlu juga di mana rumah itu akan diletakkan. Semua ini, kementerian dalam proses memperhalusi bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Termasuk juga kos-kos yang diperlukan untuk menyambung kepada rumah-rumah itu dengan utiliti yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

**8. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai menerusi Rancangan Tindakan Bersepadu bagi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Majlis Profesor Negara (MPN) dan Dasar Angkasa Negara 2030 setakat ini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bersama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan juga

Kementerian Pendidikan Malaysia memang terlibat dalam pelan pelaksanaan Pelan Tindakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Nasional yang kita rancang daripada tahun 2017 sampai tahun 2025 bagi meningkatkan penyertaan pelajar dalam bidang dipanggil aliran STEM. Pelan tindakan tersebut menggariskan pelbagai strategi dan insentif yang akan dilaksanakan dan merangkumi tujuh bidang fokus iaitu pemupukan kesedaran, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran, pengukuhan infrastruktur dan fasiliti, pembudayaan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (RDC&I) dan juga perluasan peluang kerjaya, keharmonian data dan pemerkasaan strategi kerjasama strategik.

Proses konsultasi dengan pelbagai pihak berkepentingan telah pun dilaksanakan dalam beberapa siri dalam misi kementerian ini yang terlibat dan dijangka program ini siap secepat mungkin dan beberapa program sedang pun dijalankan. Pelaksanaan Pelan STEM 2017 juga apabila siap kelak, diharapkan dapat meningkatkan bilangan pelajar-pelajar yang mengikuti aliran STEM dan memilih kerjaya berkaitan STEM ke arah meningkatkan Malaysia ke tahap negara maju.

Kedua, sebab tadi dua soalan. Kedua bertanya berkenaan dengan Dasar Angkasa Negara ataupun DAN 2030 yang juga saya telah jawab pada pertanyaan Yang Berhormat Stampin dua minggu lepas. Ia telah pun diluluskan oleh Majlis Sains Negara atau NSC pada 7 Februari 2017. Dasar ini menyatakan dengan jelas pendirian, objektif dan hala tuju untuk memacu pembangunan sektor angkasa negara. Dasar ini juga menjadi asas untuk negara menggubal undang-undang angkasa lepas bagi mewujudkan peraturan dan juga garis panduan yang jelas dalam mentadbir, menyelaras dan mengawal selia aktiviti angkasa di semua peringkat penggunaan sama ada kerajaan, industri atau juga orang-orang perseorangan yang menggunakan angkasa kita. Akta tersebut juga diperluaskan untuk membolehkan kerajaan meratifikasi beberapa *treaty* angkasa lepas yang telah pun kita tandatangani.

Bagi mengukuhkan tadbir urus sektor angkasa, satu jawatankuasa penyelarasan iaitu Jawatankuasa Angkasa Kebangsaan ataupun disebut JANGKA telah pun diwujudkan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menyelaras aktiviti angkasa negara peringkat nasional dan antarabangsa bagi memastikan pelaksanaan Dasar Angkasa Negara berdasarkan pada matlamat dan hala tuju ditetapkan. JANGKA dianggotai oleh pelbagai kementerian, agensi kerajaan, pihak industri dan juga ahli-ahli akademik.

Satu lagi pelan industri angkasa juga akan dibangunkan bersama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui *National Aerospace Industry Coordinating Office* (NAICO) bagi menggerakkan industri angkasa tempatan. Di samping itu, aspek RDC&I, pembangunan infrastruktur dan juga kepakaran mereka terus diperkasakan bagi menyokong pelaksanaan Pelan Dasar Angkasa Negara. Selain itu, MOSTI juga akan memperkukuhkan kerjasama dan jaringan hubungan antarabangsa dalam sektor angkasa ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita dengar jawapan tadi, dengan

bangga kita dapat mengakui bahawa negaraku merupakan satu negara yang juga ada wawasan. Walaupun demikian, saya rasa juga kalau wawasan itu akan dijadikan satu kenyataan, kita perlukan sumbangan daripada para cendekiawan. Bukan sahaja cendekiawan tempatan malah cendekiawan yang bertaburan di seluruh dunia yang ramai ada berkhidmat rata-rata tempat seluruh dunia. Bagaikan mereka itu merupakan satu diaspora Malaysia.

Saya hendak tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kita bertujuan untuk menubuhkan satu badan penasihat yang sedemikian untuk merangkaikan semua bakat diaspora Malaysia yang bertaburan di seluruh dunia. Sebagai satu contoh, seorang calon PhD yang begitu muda, 26 tahun namanya Lam Shu Jie daripada University of Melbourne. Walaupun usia yang begitu muda tetapi disertasinya semasa menunggu pencalonan PhD dia diluluskan, disertasinya telah diterbitkan di *journal research* yang bernama *Nature Microbiology*. Beliau telah berjaya menubuhkan *the polymer change* dalam penyelidikan di bidang *anti-microbial* dan juga *superbugs*.

Saya rasa ramai lagi terdapat cendekiawan sedemikian macam Profesor Sir Khaw Peng Tee di UK pakar dalam bidang ophthalmology dan glaukoma. Begitu juga Dr. Adeeba Kamaruzzaman yang giat dalam pencegahan sebaran HIV di kalangan penagih-penagih dan sebagainya. Kalau saya hendak baca senarai itu agak panjang. Jadi, adakah kerajaan bertujuan untuk menubuhkan satu *council* penasihat supaya dapat mengumpulkan cendekiawan kita supaya dapat menyumbang ke arah merealisasikan wawasan kita?

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Memang soalan itu agak panjang tetapi jawapannya pendek sahaja. Kita telah pun mengambil kira apa yang dicakapkan itu dalam penerangan kita menerusi Akademi Sains Negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang untuk soalan tambahan nombor lapan. Saya mohon mengalu-alukan kehadiran dalam Dewan yang mulia ini Pengerusi dan AJK Veteran UMNO Parlimen Bagan Serai. Juga Pengerusi dan juga Ketua Pemuda MIC Bahagian Bagan Serai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

STEM satu perkara yang sangat penting untuk pembangunan negara terutamanya dari segi sumber manusia dan teknologi. Kita pun sudah lama bercakap tentang sains sejak dari tahun 1970-an lagi. Kerajaan pula telah buat banyak program untuk meningkatkan pencapaian sains. Sekarang ini kita ada MOSTI, kita ada KPT, kita ada Kementerian Pendidikan, kita ada Pusat Sains Negara, kita ada Majlis Profesor Negara, kita ada Akademi Sains Malaysia dan juga kita ada GSIAC atau *Global Science and Innovation Advisory Council*.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjaya mempengerusikan Mesyuarat Ke-7 GSIAC di New Delhi, India semalam dan dihadiri oleh saintis-saintis global antarabangsa dan juga saintis-saintis dan pakar ekonomi dari Malaysia dalam memberi pandangan hala tuju sains dan inovasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah Majlis Profesor Negara dan Akademi Sains Malaysia akan bekerjasama dan mencari penyelesaian segera dengan keperluan negara mengenai STEM dalam usaha kita menuju ke TN50. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab tadi sebenarnya kerjasama antara Majlis Profesor Negara dengan Akademi Sains Malaysia sudah lama terjalin dan banyak daripadanya telah saya bacakan tadi juga adalah sebahagian daripada kerjasama antara mereka.

Jadi saya ingin memperkuat lagi Pelan Tindakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik seperti yang ditanya pada soalan asas tadi adalah satu pelan tindakan daripada tahun 2017 sampai tahun 2025 yang menyokong salah satu daripada enam teras strategi di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) yang menuju daripada tahun 2017 sampai tahun 2020 yang diterajui MOSTI iaitu strategi nombor tiga membangun, memupuk dan menggilap sains, teknologi dan inovasi di peringkat negara.

■1150

Jadi ini jelas telah pun dilaksanakan. Walau sebab itu memang kerajaan sangat prihatin menuju ke arah itu. Itu masalahnya masa permohonan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bajet 2017, peruntukkan sebanyak RM570 juta di mana sebahagiannya bertujuan untuk menaikkan 1,800 makmal sains di seluruh negara sedang dilaksanakan. Kedua, kita memang sangat prihatin dengan aktiviti STEM ini. Oleh sebab itu kita telah menubuhkan satu lagi pusat sains serta penubuhan Pusat Kecemerlangan Top STEM Talents di Akademi Sains Malaysia.

Dalam ucapan penggulungan juga, kita telah menyatakan dalam ucapan penggulungan, MOSTI melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dalam perancangan awal untuk menubuhkan pusat inovasi dan ekonomi kreatif di setiap koridor ekonomi negara. Pendekatan ini ialah untuk memperkukuh lagi ekosistem inovasi yang menghasilkan lebih ramai inovator terutama di kalangan generasi muda dalam bidang sains, teknologi dan matematik ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**9. Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah keberkesanan penyelidikan yang dilaksanakan oleh kementerian berkaitan nyamuk Aedes bagi mengurangkan jumlah bilangan kes demam denggi di Malaysia terutama selepas banjir baru-baru ini

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Jerantut. Soalan ini berkenaan dengan kajian dan penyelidikan berkenaan dengan nyamuk aedes Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun meningkatkan aspek pencegahan denggi melalui penggunaan pelbagai kaedah kawalan. Dalam hal ini, institut penyelidikan perubatan ataupun IMR telah dan sedang menjalankan kajian berkaitan nyamuk Aedes untuk menguji keberkesanan dan kesesuaian kaedah-kaedah seperti yang saya akan sebut ini.

Pertama, produk yang mengandungi bakteria '*Bacillus thuringiensis israelensis*' ataupun BTI sebagai kawalan biologi yang mampu membunuh jejentik. Ia berbentuk *powder* atau serbuk

Tuan Yang di-Pertua, dan boleh disemburkan ke dalam air dan ia tahan hingga dua hingga tiga minggu dan boleh membunuh larva dan ia tidak menyebabkan *resistant* kepada BTI ini dan sesuai kawasan sampah dan juga tanah lapang, tanah kosong Tuan Yang di-Pertua.

Kedua, *surround insect techniques* yang mengurangkan kemampuan nyamuk betina untuk menghasilkan telur yang produktif. Kajian untuk menentukan dos sinaran *gamma* yang sesuai telah dikenal pasti dalam kajian yang telah dilakukan oleh IMR dengan kolaborasi Agensi Nuklear Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini masih belum ada lagi kajian lapangan ataupun *field study*, belum lagi Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga, bakteria *Wolbachia*. Ini adalah bakteria yang terdapat di sesetengah serangga dan sesetengah serangga yang lain tidak ada. Di dalam perkara ini *Wolbachia* di dalam nyamuk Aedes, boleh menghalang pembiakan virus denggi, *chikungunya* dan juga Zika. Penggunaan nyamuk Aedes *Wolbachia* dapat menghentikan penularan penyakit-penyakit ini.

Pada 28 Mac 2017 baru-baru ini, Program Pelepasan Aedes *Wolbachia* telah dilaksanakan di kawasan AU3, AU2, Keramat, Selangor dan sebanyak 16,000 ekor nyamuk jantan dan betina telah dilepaskan untuk tujuan penggantian nyamuk liar dengan nyamuk yang ada *Wolbachia* Tuan Yang di-Pertua. Pemantauan rapi terhadap penyebaran *Wolbachia* dalam populasi aedes dilakukan dengan memasang *Ovitrap*. Kehadiran *Wolbachia* di dalam jentik-jentik yang diperangkap di dalam *Ovitrap* ini akan dianalisa oleh IMR dengan menggunakan kaedah molekul. Pelepasan nyamuk akan diteruskan sehingga 60 peratus populasi Aedes di kawasan tersebut telah mengandungi *Wolbachia*. Pemantauan kajian ini kes denggi di kawasan tersebut akan diteruskan untuk memastikan keberkesanan jentik-jentik ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerjasama, *collaboration* dengan Universiti Melbourne dan Universiti Moscow dan *funding* dikeluarkan oleh *Wellcome Trust UK* Tuan Yang di-Pertua. Pelepasan kedua akan dibuat pada hari ini, 4 April 2017 dan seterusnya tiap-tiap minggu sehingga populasi nyamuk *Wolbachia* ini mencapai 60 peratus. Kalau pengalaman di Australia dia memakan masa 15 minggu Tuan Yang di-Pertua. Maknanya, *first monitoring* yang pertama akan dibuat empat minggu selepas pelepasan pertama Tuan Yang di-Pertua.

Keempat ialah produk racun serangga yang mengandungi *insect growth regulator* digunakan racun *pyriproxyfen* yang boleh merencatkan perkembangan tumbesaran nyamuk. Kajian telah dilakukan oleh [Tidak Jelas] dan kajian berskala besar sedang dijalankan Tuan Yang di-Pertua. Projek ini telah diadakan *field test* atau *field study* Tuan Yang di-Pertua, tetapi belum sampai masanya untuk kita laksanakan secara meluas Tuan Yang di-Pertua.

Namun begitu, penggunaan langkah-langkah yang dinyatakan melibatkan kos yang agak tinggi dan memerlukan tempoh yang panjang sebelum menghasilkan impak yang positif Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas penjelasan yang diberikan. Kita tahu penyakit Aedes ini begitu berbahaya kepada rakyat Malaysia keseluruhannya. Persoalan saya apakah kementerian berhasrat untuk memperluaskan aktiviti suntikan mikroorganisma *Wolbachia* ini ke

seluruh negara termasuk kawasan-kawasan luar bandar dan juga di pedalaman. Kalau ada bilakah hasrat itu akan dilaksanakan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini cuma di peringkat kajian sebab permulaan di kawasan yang saya telah sebut tadi iaitu di AU2 Keramat. Kita akan melihat kejayaan projek di kawasan ini, kalau nampak berjaya maka kita akan luaskan pelepasan nyamuk ini ke seluruh negara Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi dia berperingkat-peringkat. Ini saya kira kita mampulah kerana nyamuk ini disuntik dan dipelihara di IMR sendiri berbanding dengan *Genetically Modified Mosquitoes* (GMM) yang dijalankan pada tahun 2011 dahulu, kos amat tinggi Tuan Yang di-Pertua. Syarikat itu minta RM100 juta untuk hendak buat kajian untuk cuma empat *locality* Tuan Yang di-Pertua. Jadi terlampau tinggi sangat. Ini saya kira mampu. *Insyallah* kita akan, kalau berjaya di kawasan ini, maka kita akan luaskan kepada seluruh negara Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Tahniah juga kepada pihak kementerian yang telah membuat penyelidikan untuk mengatasi gejala nyamuk Aedes ini. Cuma saya agak terkejut dalam beberapa bulan yang lalu saya pergi ke Hospital Taiping, telah dilanda dengan serangan iaitu ada pesakit-pesakit sana dilanda dengan kenanya penyakit yang melibatkan dari nyamuk aedes tadi.

Jadi ini agak mengejutkan saya kerana berlaku di hospital dan terpaksa waktu itu di kuarantin sehingga saya sendiri hendak pergi melawat pesakit tidak boleh. Jadi persoalan saya apakah sebab perkara ini berlaku? Macam mana cara untuk supaya benda ini tidak berlaku di hospital kerana ini menjatuhkan dari segi reputasi sebagai sebuah hospital. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, penyakit bawaan nyamuk ini Tuan Yang di-Pertua dia banyak. Aedes membawa penyakit denggi, *chikungunya* dan *zika* dan nyamuk lain macam Anopheles ia membawa penyakit malaria. Akan tetapi yang saya tidak tahu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang, tetapi walau bagaimanapun ini adalah ia mengikut kawasan Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak berwaspada dalam hal kebersihan kawasan, maka nyamuk ini akan membiak, akan cepat membiak dan akan merebak cepatlah.

Untuk pengetahuan bila kita spray, dalam masa 48 jam jumlah nyamuk yang akan masuk ke kawasan yang sama jumlahnya akan menjadi sama dengan 48 jam sebelum spray.

#### ■1200

Maka kalau kita *spray*, selepas nyamuk itu mati tetapi selepas 48 jam nyamuk yang lain pula masuk kawasan itu. Jadi kita haruslah kena jaga dari segi pembiakan nyamuk ini, kebersihan kawasan kena jaga. Ini melibatkan semua pihak Tuan Yang di-Pertua, bukan hanya pihak kementerian ataupun pihak kerajaan tempatan tetapi seluruh rakyat, setiap keluarga kena memainkan peranan masing-masing untuk menjaga kebersihan kawasan masing-masing dan yang penting kita kenal pasti ialah kawasan-kawasan lapang Tuan Yang di-Pertua yang tidak dijaga oleh sesiapa pun. Ini kawasan yang kita memberi tumpuan. Di Selangor contohnya kita beri tumpuan kepada kawasan-kawasan yang tidak dijaga oleh sesiapa pun iaitu kawasan lapang ataupun projek-projek – *construction* banyak pun boleh terdapat banyak kawasan pembiakan

nyamuk. Jadi maknanya *prevention*, mencegah daripada pembiakan nyamuk ini sangatlah penting Tuan Yang di-Pertua, dan mestilah melibatkan seluruh masyarakat kita selain daripada agensi kerajaan, Tuan Yang di-Pertua.

***[Waktu Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.02 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 5 April 2017.”

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PELANCONGAN 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan cukai pelancongan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini

### **RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PINDAAN) 2017**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Awam Darat 2010; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.



**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN (PINDAAN) 2017**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]: dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL  
PEKERJAAN SENDIRI 2017**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi keselamatan sosial bagi orang bekerja sendiri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA 2017**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi penubuhan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, mengawal keselamatan sempadan darat Malaysia daripada apa-apa kegiatan penyeludupan atau aktiviti lain yang menyalahi undang-undang dan bagi perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Peraturan Mesyuarat 24(1) saya hendak membangkitkan berkenaan dengan pertanyaan. Semalam semasa Sesi Soal Jawab saya telah mengemukakan soalan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan semasa jawapan itu tidak diberikan secara lengkap kerana apa yang saya tanya itu secara *details*, secara terperinci dan beliau telah berjanji untuk memberikan jawapan bertulis kepada saya akan tetapi selepas 24 jam jawapan bertulis itu masih tidak disampaikan kepada saya dan itu merupakan satu isu penting – isu rakyat berkenaan dengan senarai pemaju perumahan yang diberikan *extension of time*.

Jadi saya memohon Tuan Yang di-Pertua untuk menegur pihak kementerian dan pihak Menteri bahawa sebarang janji yang telah diberikan dalam Dewan yang mulia ini perlu ditepati. Ini janji belum ditepati. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh membuat *ruling* agar semua

Menteri yang telah berjanji untuk memberikan jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mesti menepati janji mereka. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran untuk menjawab sedikit. Yang Berhormat, sabar sedikit Yang Berhormat, senarai itu panjang. Kita sudah janji kita akan serahkan, *insya-Allah* pada hari ini. Sabar.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Kata, senarai sudah ada.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang penting kita *deliver to you, that's it*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perkara seperti ini dia tidak melanggar peraturan mesyuarat. Iaitu apabila berjanji perkara itu akan diberikan, masa kita tidak tentukan bila. Jadi ini bukan melanggar peraturan mesyuarat Yang Berhormat, cuma minta penjelasan. Ambil maklum mengenai itu.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK 2017

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[3 April 2017]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

**Tuan Pengerusi:** Ada yang berminat untuk berbahas fasal 5 dan 6? Ada atau tiada?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, saya minta maaf Tuan Pengerusi.

Fasal 5 dan 6, Tuan Pengerusi, semalam saya ada bangkitkan berkenaan dengan isu seksyen 4, fasal 4 yang telah pun memberikan takrifan kepada *child pornography* yang akan menjadi bahan yang terpakai dalam penggunapakaian seksyen 5 dan seksyen 6. Kalau kita lihat seksyen 5 dan seksyen 6 ini, kedua-dua itu termasuk kesalahan di mana dikatakan sesiapa yang *makes, produces and directs or in anyways involved in the making, production or directing of child pornography*, itu fasal 5 dan fasal 6 *any person who makes any preparation to make, produce or direct child pornography*.

**[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

So dalam keadaan tersebut saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan penggunapakaian seksyen 4(a)(ii) dan (iv) kepada takrifan di sini. Kerana kalau kita lihat Yang Berhormat Menteri kepada seksyen 5 dan seksyen 6, ia seolah-olah

bahawa tujuan rang undang-undang ini adalah untuk melindungi kanak-kanak yang berumur kurang daripada 18 tahun daripada termasuk dalam *child pornography*.

■1210

So, kalau saya tidak silaplah itu saya minta penjelasan seksyen 5 and 6 ianya untuk melindungi kanak-kanak bawah 18 tahun daripada termasuk dalam gejala *child pornograh*y ini. Adakah seksyen 4(a)(ii) dan (iv) di mana dikatakan perkataan *appearing to be a child* adakah ianya bermaksud di situ juga seorang yang umur di bawah 18 ataupun ianya lebih daripada 18, itu yang saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya ada yang minat lagi? Ya, ringkas-ringkas ya. Kita sampai 10.30 malam ini banyak lagi rang undang-undang yang hendak kita selesaikan. Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, sikit-sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya Menteri hendak bertanya tentang seksyen 5 ini yang kita tahu bahawa ia mengenai hukuman yang agak berat iaitu kalau sekiranya bersalah boleh kena penjara *for a term not exceeding 30 years* dan juga boleh didenda boleh juga disebut tidak kurang daripada enam sebatan. Saya ingin bertanya satu soalan sahaja Yang Berhormat Menteri, iaitu perkataan saya sebut dalam bahasa Inggeris *or is involved, in any way*.

Saya agak gusar dengan perkataan in "*in any way*" ini sebab bagi saya dia mungkin melibatkan orang-orang yang mungkin tidak ada niat mungkin tidak tahu juga tetapi mereka kata orang itu terlibat dengan secara tidak sengaja jadi sebab dalam kes ini pun tidak ada elemen perlunya kita mendakwa untuk membuktikan *mens rea* ataupun niat berbuat jenayah jadi apakah yang di maksudkan "*involved in anyway* itu? Adakah termasuk mereka-mereka mungkin secara tidak sengaja terlibat jadi saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada lagi yang berminat? Tiada. Sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab semalam saya jawab lagi sekali hari ini saya harap jangan timbulkan sebab benda ini berkait sebenarnya saya kena terangkan saya faham Yang Berhormat Puchong punya *point* sebab Yang Berhormat Puchong kata dalam dua-dua itu nampak macam budak-budak tetapi macam budak-budak ini boleh dilihat sebagai melanggar prinsip asal rang undang-undang ini betul tak? *I think* itu yang Yang Berhormat Puchong cakap *right*? Jadi saya hendak cakap ini Yang Berhormat Puchong saya cakap daripada semalam sampai 8.30 malam saya cakap sampai hari ini pukul 12.00 saya kata bahawa ini adalah kali pertama definisi pornografi kanak-kanak dalam negara kita, dan saya dalam jawapan saya daripada semalam saya kata dalam negara kita tidak ada tafsiran dan kita memakai tafsiran daripada luar negara.

Saya bagi contoh, *Budapest Convention* saya sebut juga CRC tetapi saya sebutlah *Budapest Convention* di mana,

*For the purpose of paragraph 1, the term "child pornography" shall include pornographic material that visualize depicts:*

- (a) *a minor engaged in sexually explicit conduct;*
- (b) *a person appearing to be a minor engaged in sexually explicit*

*conduct; maknanya orang yang berkelakuan seperti bawah umur tetapi dia bukan bawah umur.*

Justifikasinya sebenarnya Yang Berhormat adalah kerana daripada falsafah *child pornography*, ia mengambil kira - saya baca dengan izin bahawa *the protected legal interest are slightly different. Paragraph 2(a) focuses more directly on the protection against the child abuse, paragraph 2(b) aim at providing protection againsts behaviour that will not necessary creating harm to the child depicted in the material as there might not be a real child might be used to encourage or seduce children in two participating in such act and hand of part a subculture favouring child abuse.*

Saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong lah daripada semalam Yang Berhormat Puchong tanya saya soalan ini, *have you watch child pornography* Yang Berhormat Puchong? Yang Berhormat Puchong pernah tengok *child pornography*? Saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat ada tidak tengok *child pornography*? Saya tidak tahu lah ada atau tidak. Akan tetapi ada juga yang berpakaian seperti kanak-kanak, berlakon seperti kanak-kanak dalam pornografi *website* yang biasa.

Dia gunalah *abuse under 18* dia katakan *step-father beating step-child* macam-macam tetapi orang ini dewasa. Yang kita kejar *perpetrator* kita kejar mereka yang buat sebab dia menggalakkan keghairahan terhadap seksual kanak-kanak. Akta ini melindungi kanak-kanak. Kita tidak melihat kepada pelaku. *Perpetrator* boleh dituduh di bawah rang undang-undang ini tetapi juga rang undang-undang yang lain kita cakap daripada semalam.

Undang-undang antarabangsa mengatakan bahawa senario tersebut boleh diambil kira sebab bila kita hendak tuduh kita tidak hendak yang melakukan sedemikian *child pornography* memakai orang dewasa berpakaian kanak-kanak, saya cakap minta maaf ya, saya hendak cakap ayat ini, saya minta maaf, ini contoh negara Jepun, dia suka tengok budak-budak pakai baju sekolah walaupun orang ini dewasa bila dia tengok baju sekolah dia rasa lagi seronok. Dia macam cerita macam cara uniform punya tarikan. Itu gaya dia tetapi dalam negara kita kalau dia hendak menggunakan *child pornography* sama ada anak itu berlakon bawah seksyen 4 ataupun dalam keadaan dewasa yang berkelakuan seperti anak-anak sebab dia hendak mengujudkan senario *child pornography*, maka seksyen 5 dan seksyen 6 itu mengambil kira perkataan tersebut. Kerajaan, agensi pelaksana seperti PDRM mempunyai hak untuk melebihi dan menangkap mereka yang mempunyai pemikiran untuk *child pornography* ini.

Kalau tidak ada fasal 2, saya sudah cakap daripada semalam, situasi akan menjadi agak cemas contohnya dalam fasal *child grooming*. Surat khabar *The Star* menyatakan bahawa wartawan dia berkelakuan seperti kanak-kanak umur 15 tahun tetapi sebenarnya 25 tahun. Dia pergi, dia main, dia respons, dia pergi jumpa dan polis bagi tahu saya, PDRM bagi tahu saya, Tuan Yang di-Pertua mereka tidak boleh buat apa-apa sebab mangsa itu adalah dewasa berumur 25 tahun. Yang kita hendak kejar hari ini dalam mukadimah rang undang-undang ini daripada *preamble* daripada semalam saya ceritakan Yang Berhormat dan kemudian kita turun pada

penggunaan dalam seksyen 2 itu supaya aplikasi itu boleh dipakai dalam senario tersebut yang di dalam rang undang-undang ini melebihi daripada *child pornography* merujuk 5, 6 pada *child pornography* kemudian kita pergi kepada seksyen *grooming*. Jadi macam mana kalau polis dia hendak berkelakuan, hendak buat tarikan, macam mana pemantauan yang hendak dibuat oleh agensi antarabangsa.

Yang Berhormat saya faham Yang Berhormat ialah seorang peguambela, peguamcara yang begitu terkenal dalam kes-kes jenayah, saya faham pemikiran Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat saya memohon maaf kerajaan tidak akan berganjak daripada interpretasi tersebut sebab selagi mereka yang menganggap kanak-kanak dalam negara kita boleh menjadi mangsa kerajaan akan bertindak. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri sabar sedikit. Faham bahawa walaupun kerajaan kata tidak akan berganjak kita juga dari pembangkang kita juga setuju kita sokong peruntukan ini. Masalah dia apabila kita ada peruntukan-peruntukan yang tidak jelas. Masalah itu akan terpakai di mahkamah kemudian. *We don't want to have somebody who is charged where offence who gets off for the technicality.* Itu sebab atas mana saya berdiri untuk saya tanya soalan ini.

Bukan kerana kita tidak menyokong dan sebagainya. Jadi kita di sini hendak pastikan bahawa undang-undang yang diluluskan oleh dewan ini adalah undang-undang yang boleh digunakan untuk kita dapat hasil atau melihat hasil usaha kita sebagai Ahli Parlimen dalam duduk di sini, debat dan luluskan rang undang-undang ini, *that is the reason why.*

Kita berbalik kepada 5 and 6, *I understand in fact is good* kerana apa yang terkandung dalam *Hansard* itu memang menjelaskan keadaan, hanya saya hendak bawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada *illustration*. Kadang-kadang di dalam undang-undang jenayah Yang Berhormat Menteri *knows this as well, she's familiar. We have to look back at the illustrations and I think this where the problem arises. Illustrations* itu Yang Berhormat Menteri, *it speaks about production of a child pornography itself.*

So saya baca, *this is under 5* Yang Berhormat Menteri *can I just read back? Fasal 5. "5(a) A, an actor approaches Z, a film producer so that A can act in one of Z's film. Z offers A to act in child pornography and A agrees to do so. A acts in that child pornography. A is guilty of an offence under this section by participating in the production of child pornography."* Right? So, itu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri, *so it doesn't have to be a child, it can be a person who is above 18 and age so far as the government is concern, this provision despite the fact but the act says, it only applies to person under 18, this is the provision that goes beyond.*

■1220

*That's all I want on record. The moment we have that on Hansard, I think you will clarify the position and then, hopefully there is no problem. It's okay but if there is a problem, then*

*reference can be made back to this explanation by the Menteri, in order for us to clarify that. That's all that I want Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Puchong, saya setuju dengan keprihatinan Puchong. *I totally agree with your concern.* Saya faham sebab Yang Berhormat Puchong hendakkan situasi yang lebih terang. Akan tetapi saya hendakkan dalam *Hansard* juga, tuliskan bahawa adanya kaveat dalam percakapan saya, *because in your illustration that quoted under the 5(a), you— I do not know, may be in the reading, you must read with the terminology of the first paragraph of 5(a) in the first introduction that word uses the word, two word 'child pornography'. The illustration is quoting dengan izin, 5(a), that you also referring to child pornography. 5(b) is also referring to child pornography. Six, refers to child pornography, seven uses, refers to child pornography.*

Jadi *my point* ialah dengan izin, semua kita bercakap tentang 5, 6 dan 7 mesti rujuk kepada 4 dan merujuk kepada 2 sebab 2 adalah pokok. Kalau kita tidak adakan pokok, kita akan ada situasi. Yang Berhormat, dia, hendak kata kanak-kanak boleh buat filem *child pornography* sendiri ini keadaan dia kemungkinan tetapi jarang. Akan tetapi yang diberikan *illustration* ialah dia tidak boleh menganggap bahawa sebab dia dewasa, dia hendak pakai baju sekolah, dia hendak pakai baju budak-budak sekolah tadika, konon yang mengatakan, *my mind define my age.*

Mungkin dalam kes pornografi biasa, dalam kes-kes *Penal Code, that maybe the defenses the actus reus are the mens rea, maybe the actus reus is still there, but the mens rea* dia mengatakan niat saya bukan kepada kanak-kanak tetapi disebabkan konsepnya adalah *child pornography*, saya minta maaf Puchong *but I have to refer, to Budapest Convention.* Undang-undang antarabangsa semua menyatakan bahawa definisi *child pornography* selain daripada kanak-kanak termasuk juga mereka yang berkelakuan seperti kanak-kanak dengan niat untuk membawa satu *enticement* ataupun galakan. Ini benda yang seperti Yang berhormat, peguam bela, peguam cara tahu bahawa mahkamah kena puas hati. Polis kena puas hati bila dia siasat dan juga pendakwa raya yang kena puas hati ada kes *child pornography.* Akan tetapi seperti biasa, Yang Berhormat pun tahu bahawa kita mempunyai sistem *rules of law.* Peguam bela, peguam cara boleh membawa pembelaan.

Akan tetapi kita menyatakan dalam fasal 5, 6, 7 menyatakan *it is not a defends because you are an adult acting child pornography,* tidak. Kita berkata, *if you are involve in child pornography, you are considered also a perpetuator.*

Itu sebabnya saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Puchong tetapi saya kena bertekan. Ini bukan saya tak sabar, tetapi bila kita bercakap, *as I said yesterday* dalam dasar sampai hari ini bahawa tiap kali, tiap jam, tiap minit kita berhembus nafas, adanya kanak-kanak di luar yang menjadi mangsa. Bagi pihak kerajaan, undang-undang ini sangat penting dan sangat getir supaya kita boleh keluar dan mula menangkap mereka. Polis telah bercakap kepada saya dua hari lepas bahawa semasa taklimat kita minggu lepas, polis berkata dalam saat mereka bercakap, 87 kes berdaftar dalam *child pornography.* *Citing* yang diambil oleh pihak berkuasa

antarabangsa. Antara 87 itu saya dimaklumkan kurang daripada 10 datang daripada Malaysia. *It still on ring* Yang Berhormat.

Jadi ini adalah *child pornography* yang kali pertama ditafsirkan. Saya harap kita terima definisi ini dan saya percaya Yang terhormat mahukan keprihatinan, silakan dalam *Hansard. It's up to the defense lawyer to dispute on the defenses.*

Saya hendak jawab kepada sahabat saya Yang Berhormat Sepang berkenaan dengan *involves in anyway*. Saya sebenarnya ingin menyatakan bahawa dalam bahasa Malaysia ialah orang yang terlibat dalam apa-apa cara, ertinya orang yang melalui apa-apa cara, terlibat dalam membuat *child pornography*. Seharusnya mahkamah akan menentukan wujudnya niat untuk terlibat dalam membuat *child pornography* walaupun tidak diperuntukkan dalam rang undang-undang ini bahawa orang itu hendaklah bertindak dengan niat. *When the law is silent* dengan izin, *the court will determine the intention to commit the offense*. Apa-apa cara itu akan merangkumi *method manner*, cara orang itu terlibat dan penglibatan itu mestilah merupakan *active involvement in the making* kerana seksyen ini hendaklah dibaca secara keseluruhannya iaitu orang yang terlibat secara aktif. Itu jawapan saya kepada Fasal 5 dan 6.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, boleh, boleh mencelah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**Ya, sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang. Saya harap Yang terhormat Pengerang patut menjadi hakimlah sebab Yang Berhormat Pengerang pastikan undang-undang yang saya rasa saya setuju. Akan tetapi apa yang berlaku di luar sana, mahkamah akan lihat kepada *wording* dalam statut ini Yang Berhormat Pengerang. Saya tak nampak dalam *wording* ini ada perkataan '*intention*' pun. Jadi apabila tidak ada *intention*, macam mana kita hendak tafsirkan ada *intention*?

Jadi saya rasa Yang Berhormat Pengerang, *in anyway* ini, bagi saya silap-silap, mungkin *driver* yang terlibat dalam menolong *production* itu, *driver* pun mungkin boleh kena. Saya ialah pengalaman kami sebagai peguam ini kita risau apabila kes-kes sebeginilah. Seperti mana kata Yang terhormat Puchong tadi, kita memang menyokong hasrat kerajaan untuk menghukum pesalah-pesalah yang terlibat dengan seksual yang melibatkan kanak-kanak ini.

Akan tetapi *we want to help the government by making a clearer law*, supaya *any technicalities* selepas ini kalau digunakan oleh peguam dapat paling kurang dikurangkanlah kalau tak dihapuskan kesemuanya sekali pun. Jadi saya minta maaf Yang Berhormat Pengerang, saya tak boleh terima tadi tentang penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa mahkamah masih melihat kepada *intention* dalam keadaan tidak ada perkataan-perkataan dekat situ yang boleh kita hendak tafsirkan niat adalah perlu. Saya tak nampak, *anyway*. Kalau ada *knowingly*-kah, *voluntarily*-kah, *something*-lah, ada jugalah. Sekarang ini tak ada langsung. Bagi saya kesalahan-kesalahan dalam akta ini semua adalah kesalahan yang dipanggil *state liability* yang tak perlukan *mens rea*, perlukan *actus reus*.

Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri, kalau sekiranya kita perlulah menambahkan perkataan sama ada *knowingly*-kah ataupun apa-apa lah yang boleh *indicate mens rea* itu, saya haraplah kalau boleh kita tambahlah. Kita buatlah penambahbaikan sebab kami hendak supaya biarlah pendakwaan dibuat dalam keadaan boleh berjaya, jangan sampai kerana teknikal itu dia boleh lepas. Walaupun kita peguam bela, kita hendak tolong kerajaan dalam dari segi ini lah, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang kerana mencadangkan saya hendak menjadi hakim. Jadi saya rasa sebelum saya hendak menjadi hakim, Yang Berhormat Sepanglah tawar diri jadi hakim ya, saya boleh rekomen nama dekat *Judicial Commissioner* punya *commission*. Sebenarnya Yang Berhormat Sepang, saya tahu Yang Berhormat Sepang khuatir tetapi saya sudah kata bahawa ini akta melindungi kanak-kanak. Saya tidak mahu mengatakan pada pagi ini, tidak perlunya *intention*.

Dalam semua kes-kes jenayah, *intention actus reus* dan *mens rea* adalah disebut sebagai keutamaan dalam mana-mana persabitan. Proses persabitan dan juga memang dalam siasatan juga, kita semua tahu. Saya percaya, mereka-mereka yang belajar undang-undang, dalam fakulti undang-undang, bila dia belajar undang-undang jenayah ini akan menjadi kata orang, *backbone of the understanding of criminal law* di segi persabitan dan segi pembelaan.

Akan tetapi saya ingin menyatakan bahawa yang mana Yang Berhormat khuatir bahawa tidak ada wujudnya, saya ingin menyatakan bahawa Yang Berhormat kena tengok tentang fasal yang kita bawa iaitu 5, 6 di mana 5 adalah, saya baca di segi atas, "*Making, producing, directing...*". 6 adalah *preparing to make produce or direct*. Kemudian, 7, *using a child in making, producing, directing*. 8, *exchanging, publishing child pornography*. Kemudian, 9, *selling child pornography*, kemudian 10, *accessing child pornography*.

Maknanya, kita memang melihat bahawa secara tidak langsung, bila ia dalam elemen jenayah, memang kita perlu baca dengan mempunyai niat. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat Sepang tentang contoh ya, contoh saya *check* dalam *Penal Code*, Kanun Keseksaan seksyen 293, "*Sale, of obscene objects to young person whoever sells, lets to hire, distributes, exhibits or circulates to any person under the age of 20 years any such obscene object as it referred to in the last preceding section, or offers or attempts so to do, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years or with fine or with both*".

Jadi saya tengok bahawa elemen kepada *emphasis* perkataan *to spell out* ayat tersebut itu tidak wujud. Bererti ia boleh dilakukan dan telah dilakukan dalam perkara ini.

Jadi saya berterima kasih kepada keprihatinan Yang Berhormat Sepang. Akan tetapi di dalam rang undang-undang ini, kedudukan kerajaan seperti yang saya sebutkan bahawa kita akan berpegang kepada prinsip undang-undang jenayahlah, *actus reus* dan *mens rea*. Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

■1230

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, sikit lagi boleh ya.



**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada lagi Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit,sikit saja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, saya tidak tahu Yang Berhormat Menteri ikut tidak perkembangan kes-kes terbaru. Saya baru menang kes Tuan Haji Mat Sabu, antaranya menang kerana pendakwaan itu, *charge* itu *defective* seperti ada *mens rea*. Walaupun ada *requirement mens rea* dalam seksyen.

Saya nak beritahu kepada menteri, *when you want to frame the charge for the DPP, you look at the section*. Kalau dalam seksyen, dia merasakan tidak ada keperluan *mens rea*, dia tidak akan masukkan istilah-istilah itu. Akhirnya apabila dia *prefer the charge, we the defence counsel we will look, eh this case requires* contohnya lah, kalau *requires mens rea, you have to put in the mens rea*.

Saya boleh bagi banyak kes-kes mahkamah. Baru dua hari lepas saya menang kes Tuan Haji Mat Sabu yang melibatkan kes Bukit Kepong. Antara saya menang kerana *charge was defective*, saya menang di *Sessions Court* di **ground**...., di *High Court* pun **ground**...dan saya boleh bagi banyak kes mahkamah yang mengatakan *it is important for to incorporate the mens rea in the charge, but if you want to prefer the charge, you have to look at the section*.

Kalau saya jadi pendakwa raya saya tengok seksyen ini, apa perlu saya masukkan *mens rea* sedangkan tidak ada *requirement*. Jadi ini menyebabkan di peringkat *charge* itu sudah salah, Menteri. Saya harap Menteri kena ambil berat juga soal ini. Tapi kalau Menteri rasa tidak perlu, tidak apa lah. Itu terpulang kepada Menteri lah, saya cuma nak mencadangkan supaya ada penambahbaikan, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, jawapan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya rasa Yang Berhormat Sepang ini salah faham dengan peruntukan ini saya rasa. Dia buat persamaan dengan pertuduhan, dia berbeza. Kalau kita lihat mengikut apa-apa cara sekalipun, kita tengok ayat yang seterusnya, dalam pembuatan atau menghasilkan pornografi punya kanak-kanak ini. Bila disebut, kita buat cara macam mana, kita ambil melalui kamera kah atau *hidden camera* kah, itu cara-cara yang diambil untuk membuat. Ini yang salah faham, saya rasa, minta penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Setiu, saya berkali-kali mengatakan bahawa kita perlu membaca dari segi seksyen ini dengan ilustrasi yang mana Yang Berhormat Setiu sebutkan itu bahawa elemen ada dalam ilustrasi, sebab saya tidak akan pada hari ini nak terangkan tentang elemen kes-kes jenayah bagaimana yang perlu *charge* itu dibuat dan sebagainya, tidak.

Saya mewujudkan rang undang-undang mengatakan ini adalah perbuatan yang akan dilihat sebagai satu jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Yang Berhormat pakar kes, yang mana Yang Berhormat menang, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat lah. Saya masa saya bujang pun saya banyak menang kes juga. Tapi sebenarnya Yang Berhormat, elemen utama kita ialah, negara kita memberi kebebasan budi bicara pada hakim. Mungkin fakta itu fakta Yang Berhormat tahu, yang saya tidak tahu, macam mana saya nak jawab kes Yang Berhormat.

Tapi isu hari ini ialah *there is a beauty*, itulah kecantikannya undang-undang dalam negara kita ---. Kalau hakim itu mengatakan *charge* itu tidak mencukupi itu budi bicara hakim, itu sebabnya Yang Berhormat ini masa saya mula jadi Menteri *De Facto* Undang-undang, banyak mengatakan saya tentang hukuman mati di bawah seksyen 39B, yang mana Yang Berhormat berkali-kali berkata kepada saya, jangan jadikan tangan, mulut dan telinga hakim dikunci atas *strict liability* 39B, hukuman mati. Yang Berhormat sendiri cakap, Kabinet telah bersetuju mengata ya kita kena kaji semula supaya nya dalam kes-kes tertentu walaupun ada niat tidak ada niat sebab *strict liability* bawah 39B, maka kerajaan kena beri balik kuasa kepada hakim untuk budi bicara.

Yang Berhormat sendiri sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pembangkang sendiri khuatir hakim tidak ada kuasa. Dalam hal ini, bukan bererti, jadi yang mana Yang Berhormat Sepang cadangkan *strict liability* dalam kes ini yang menyebabkan hakim tidak ada kuasa, nanti Yang Berhormat datang balik kata kerajaan zalim. Kerajaan tidak beri kuasa kepada hakim. Jadi Yang Berhormat, saya faham dan saya tahu yang Yang Berhormat memang cukup prihatin. Tetapi Yang Berhormat juga mesti faham bahawa kerajaan mahu memberikan mesej bahawa tidak ada kompromi dalam isu jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

*[Fasal-fasal 5 dan 6 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Fasal-fasal 7 dan 8 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **12.32 pg.**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Fasal 7 rang undang-undang ini dipinda dalam perenggan (b) huraian dengan memasukkan selepas noktah di hujung perenggan itu perkataan "B bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini kerana menggunakan Z, seorang kanak-kanak, dalam penghasilan pornografi kanak-kanak dan di bawah seksyen 5 kerana menghasilkan pornografi kanak-kanak".

Pindaan kepada fasal 7 bertujuan untuk menjelaskan lagi misalan bagi kesalahan di bawah fasal ini.

Fasal 8 rang undang-undang ini dipinda –

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas perkataan “menerbitkan”, perkataan “mencetak, menghasilkan semula”;
- (b) dalam perenggan (a) huraian dengan menggantikan perkataan “laman sesawang pornografi kanak-kanak” dengan perkataan “laman sesawang yang menunjukkan pornografi kanak-kanak”.

Pindaan kepada fasal 8 bertujuan untuk menjadikan percetakan dan penghasilan semula pornografi kanak-kanak kesalahan di bawah rang undang-undang ini. Perbuatan menghasilkan semula dijadikan kesalahan di bawah fasal ini sementara perbuatan menghasilkan pornografi kanak-kanak menjadi kesalahan di bawah fasal 5 dan membawa kepada hukuman yang lebih berat. Pindaan juga bertujuan untuk menjelaskan lagi misalan bagi kesalahan di bawah fasal ini.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana mana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pindaan bagi fasal-fasal 7 dan 8 yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Puchong.

### 12.36 tgh.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, hanya satu soalan. Yang Berhormat Menteri saya membuat rujukan kepada fasal 7 dan di situ ada *explanation* dan di bawah *explanation* itu ada *illustration*. Kalau boleh saya buat rujukan kepada *illustration* I read dalam bahasa Inggeris, (a) “A entices Z, a child through a fake singing competition advertisement and uses Z in making child pornography. A is guilty of an offence under this section by using a child in the making of child pornography. A is also guilty of an offence under section 5 for making child pornography.”

Itu soalan yang saya nak tanya. *The illustration seems to suggest that he would be guilty of two offences in the event he engages himself in the factual position as stated in the illustration. Is that a problem in double jeopardy and how does this impact on the application of section 7.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya memang begitu berminat bahagian ini Dato Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, 7 dan 8.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hanya nak bercakap tentang seksyen 7 sahaja. Yang Berhormat Menteri, saya yang seksyen 7 ini ada masalah sikit nak mendapatkan penjelasan. Semalam kita tahu semua kita agak panjang berhujah tentang seksyen 2 itu, yang *application* itu.

Jadi hari ini bila saya baca seksyen 7, dengan *explanation* itu saya nampak macam ada *contradictory* dengan seksyen 2 itu. Saya minta penjelasan sikit ya. Sebab kalau kita tengok daripada seksyen 7 itu, usulnya di *explanation* ya Menteri, izinkan saya baca dalam bahasa Inggeris *explanation, this section does not apply* maknanya dia memberikan pengecualian dalam

kes ini untuk orang-orang yang dituduh ini, *“where the preparation to make or produce or the preparation to direct the making or production of child pornography or where the making of production or the directing of the making or the production of child pornography uses a person appearing to be a child.*

Semalam yang saya faham Yang Berhormat Menteri, berdasarkan Menteri kata seksyen 2 iaitu *any reference to a child shall include a person whom the accused for an offence, believes is a person under the age 18 years.* Maknanya walaupun orang itu mungkin sudah dewasa tapi kalau dia bagi OKT atau *accused* dia dilihat macam seorang budak, dia dianggap *child* juga.

Jadi sekarang ini dalam seksyen 7 *explanation* ini nampaknya walaupun kalau dia *appearing as a child*, tidak salah pula. Jadi macam mana ini Menteri, *how you want to reconcile between this section* dengan seksyen 2 yang Menteri sendiri beri penjelasan semalam. Jadi saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### ■1240

#### 12.40 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said]:** Yang Berhormat, saya jawab kepada sahabat saya Yang Berhormat Puchong.

Yang Berhormat menyatakan tentang isu *double jeopardy*. Saya ingin menyatakan bahawa tidak ada *double jeopardy*. Ia adalah dua kesalahan yang berbeza dan ia mengambil kira dua elemen yang berbeza yang perlu dibuktikan. Kalau kita tengok kepada fasal 7 dan 8, fasal 7 dalam bahasa Inggeris merujuk kepada, *“Using a child in making, producing, directing the making of production or production of, etc., child pornography”* dan fasal 8, *“Exchanging publishing, etc., child pornography”*. Kemudian Yang Berhormat Puchong merujuk kepada fasal 5 iaitu *“Making, producing, directing the making or production of, etc., child pornography”*. Kemudian saya pergi kepada fasal 6 lah, *“Preparation to make, produce or direct...”*.

Jadi sebenarnya, Yang Berhormat, kalau kita tengok kepada fasal 5, fasal 5 merujuk kepada, *“Any person who makes, produces, directs the making or production of, or participates, engages or is involved, in any way, in the making, production or the directing of the making or production”*. Maknanya, dia terlibat dalam— sekejap ya. Saya bercakap dalam bahasa Malaysia. Dia terlibat dalam *making* iaitu disebut sebagai perkataan membuat, menghasilkan, mengarahkan perbuatan atau penghasilan.

Bila kita rujuk kepada fasal 7, fasal 7 menyatakan, *“Menggunakan kanak-kanak dalam pembuatan, penghasilan, pengarahannya atau penghasilan”*. Kemudian dalam fasal 6, *“Persediaan untuk membuat, menghasilkan...”*.

Bererti bahawa dia akan dikenakan tuduhan di bawah fasal 5 kerana ingin membuat dan dia akan dikenakan tuduhan di bawah fasal 7 kerana dia menggunakan. Jadi dia akan dikenakan dua tuduhan disebabkan dia membuat dan dia menggunakan. Itu jawapan.

Yang Berhormat Sepang sebut tentang...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri, *sorry. Just for the record again. Jadi the illustration there which says that he is also guilty an offence under section 5 is not correct because what it says, there is that the moment he is guilty for an offence under section 7, he is also guilty for one under section 5. That's why* ini adalah satu yang luar biasa kerana tidak saya lihat di mana-mana peruntukan *especially penal* yang lain di mana apabila disabitkan dengan satu, disebutkan di situ *he is also guilty of an another offence. I'm just wondering whether that is new or* macam mana kita hendak buat? *The illustration seems to be problematic,* Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat, saya mengatakan daripada mula bahawa rang undang-undang ini memang rang undang-undang yang luas ya. Dia tidak hanya letak kepada satu *conduct* ataupun perlakuan. Dia merujuk kepada membuat dan ianya merujuk kepada menggunakan.

Yang Berhormat rujuk pada *illustration* yang mana Yang Berhormat rujuk kepada *illustration 7*, A mengumpun seorang kanak-kanak melalui iklan, A bersalah atas kesalahan di bawah seksyen ini dengan menggunakan kanak-kanak dalam perbuatan pornografi kanak-kanak. A juga bersalah atas kesalahan di bawah seksyen 5 bagi pembuatan pornografi kanak-kanak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, *that's right.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jadi, dia kata rujuk bawah seksyen 7, dia salah dan dia merujuk kepada seksyen 5. Jadi seksyen 5 kena, seksyen 7 kena. Ini jawapan sayalah kepada Yang Berhormat.

Ini Yang Berhormat Sepang berkata tentang isu, Yang Berhormat Sepang timbul fasal isu— saya bila Yang Berhormat Sepang cakap, saya selalu lupa. Orang katakan kalau kita bercakap pasal orang itu tertiba kita lupa, maknanya orang itu selalu kutuk kita dekat belakang. *[Ketawa]* Mungkin itulah Yang Berhormat Sepang. Tak apa, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak ulangkah, hendak ulangkah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Itu orang kata.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak ulangkah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ha, ulang-ulang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya bila Yang Berhormat Sepang cakap selalu tak dengar, Yang Berhormat Puchong cakap saya dengar. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu masalah Yang Berhormat Menteri ini. Itu yang jadi kelam kabut ini. Yang Berhormat Menteri, jangan lagi berfikiran macam *backbencher please, you are Minister now.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang, gurauan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu gurau sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia bergurau kepada yang sayang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Saya tidak ada masalah, Tuan Pengerusi, saya tak minta tarik baliklah, tak apalah. Memanglah, saya pun akui saya pun bukanlah pandai sangat.

Cuma saya hendak kata beginilah, Yang Berhormat Menteri. Saya bertanya begini. Semalam kita agak berbahas panjang tentang seksyen 2 itu dan Yang Berhormat Menteri telah memberikan satu penjelasan yang Yang Berhormat Menteri kata itulah penjelasan Yang Berhormat Menteri kata ini. Okey, sekarang ini apabila kita lihat kepada seksyen 7 khususnya dalam *explanation* itu, yang saya fahamlah, Yang Berhormat Menteri, kalau seseorang itu membuat satu pornografi ke atas seorang yang bukan *child* sebenarnya, dia bukan seorang kanak-kanak tetapi dia itu dengan perilaku dia kah atau cara perwatakannya *appearing to be a child*, jadi kalau ikut Menteri, itu juga adalah definisi *child* dalam seksyen 2 itu.

Jadi sekarang ini macam mana kita hendak *reconcile* antara *explanation* ini kata kalau kita buat filem begitu tak salah berdasarkan *explanation* sebab kita sebenarnya bukan buat filem pornografi mengenai *child* sebab dia adalah hakikatnya kita buat filem ke atas orang dewasa tetapi sedangkan dia kata *appearing as a child* itu? Macam itu juga Yang Berhormat Menteri bagi penerangan tentang seksyen 2 itu. Jadi Yang Berhormat Menteri, macam mana ini? Tak dapat jawab, mengaku tak dapat jawablah, tak kisah, kita takkan marah Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Sepang, terima kasihlah. Memanglah Yang Berhormat Sepang tak akan marah Menteri. Kita dalam Dewan ini kita berbahas sebab kita adalah golongan mereka yang bertamadun. Takkan hendak marah-marah.

Jadi sekarang ini, Yang Berhormat, isu Yang Berhormat ialah Yang Berhormat menggunakan *explanation* itu sebagai alasan, betul, mengatakan bahawa *this section does not apply where the preparation to make or produce or the preparation to direct the making or production of child pornography or where the making or production or the directing of the making or the production of child pornography uses a person appearing to be a child*.

Sebenarnya, Yang Berhormat, saya sebut daripada *Budapest Convention* tadi itu bila kita baca dengan seksyen 2(2), saya ingin menyatakan bahawa ilustrasi di bawah seksyen 7 ini adalah sangat-sangat terang, *it is very clear*. Ia menyatakan seksyen ini tidak terpakai, *this section does not apply where the uses involved a person appearing to be a child*. Maksudnya kalau dia dituduh bawah seksyen 7, dia adakan *explanation* yang menyatakan *using a child*. *The using of the child doesn't apply here because* dia kata *it doesn't involve a person appearing to be a child*.

Tetapi yang kita gunakan yang saya sebut daripada pukul 12 tadi yang saya sebut pada Yang Berhormat, saya terang kepada Yang Berhormat Puchong yang timbulkan isu ini, saya kata pembacaan fasal 2 itu adalah kepada keadaan-keadaan yang berlaku di dalam rang undang-undang ini termasuk isu contohnya saya sebut contoh surat khabar *The Star*, *child grooming*. Saya sebut contoh tersebut yang kita belum sampai kepada seksyen.

Selepas itu, saya menyatakan bahawa dia yang terlibat dalam *child pornography* ini, undang-undang dalam negara kita, saya ulang sekali lagi, Tuan Pengerusi, *child pornography* tidak ada definisi tetapi *child pornography* dalam rang undang-undang kita yang mana kita rujuk

kepada *Budapest Convention* dan semua *international standard*, menyatakan ianya juga termasuk mereka-mereka yang terlibat. Tetapi mereka yang terlibat ini mereka-mereka yang berkelakuan seperti kanak-kanak. Saya baca fasal 4(a)(ii) mengatakan, “*Of a person appearing to be a child engaged in sexually explicit conduct*”. Selepas itu saya mengatakan berkenaan dengan fasal 4(a)(iv) yang menyatakan, “*A person appearing to be a child engaged in sexually explicit conduct*”.

Tetapi apabila kita tengok pada fasal 5 dan 6, mereka itu *making, producing, directing* akan kena tuduhan. Fasal 6, *preparing to make produce and direct* akan kena tuduhan. Tetapi bila fasal 7 itu, *using a child* itu memanglah tak terpakai. Yang Berhormat, kita ini bukan 5 tak ada, 6 tak ada, dia ada 7 sahaja. Kita ada 5, boleh tuduh, campur 6, campur 7, campur 8, campur 9, campur 10. Tetapi kalau polis siasat, pendakwa raya kata tidak ada, kita tuduh dia bawah seksyen 5, 6, kita lompat seksyen 7, tapi kita pakai seksyen 8, 9, 10. Sebab saya hendak mengatakan daripada mula mukadimah saya ialah ini adalah undang-undang untuk melindungi kanak-kanak dalam jenayah seksual.

Saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat Sepang sebab Yang Berhormat Sepang ini wakil rakyat yang cukup prihatin sebagai peguam bela dan peguam cara juga bertugas dalam dan luar mahkamah, tetapi ini adalah daripada persepsi kerajaan untuk merangkumi situasi yang begitu meluas dalam perkara elemen *child pornography* yang disebut dalam fasal 7 dan fasal 8. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal-fasal 7 dan 8 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Fasal 10 [Pindaan – Y.B Sungai Siput]–**

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Sungai Siput.

■1250

12.50 tgh.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pindaan saya adalah hanya untuk pinda satu perkataan, satu frasa – *phrase* ya, pindaan seksyen 10. Perkataan ‘*atau mempunyai dalam milikan atau kawalannya*’ diganti dengan perkataan ‘*atau mengutip dan menyimpan*’. Sebab saya bawa ini ialah pada masa ini ramai orang mendapat banyak mesej dalam *Whatsapp*, dalam *Facebook*, dalam komputer dan kadangkala kita tidak *check* apa dalam mesej itu. Akan tetapi ada kemungkinan mesej itu ada pornografi dan kita tidak

*check*. Bila kita tengok dalam risalah yang diberi ya dalam seksyen 10 ini, misalan ini ada tiga; satu (a); yang mengatakan seorang buka e-mel dia, tengok pornografi dia *delete*. *Example* contoh (b) ialah dia terima e-mel, dia buka, dia baca, dia simpan. Itu dikatakan kesalahan. Satu lagi dia *download* dalam dia punya *pendrive*.

Akan tetapi tidak ada satu *example* di mana dia terima – tetapi kita tahu dia terima. Dia simpan sahaja. Jadi dia *passive*, dia satu *ownership* yang pasif. Jadi hantar dalam *handphone* dia, dia tidak buka tetapi memang ada dalam *handphone* dia. So itu *possession*. So, inilah sebabnya saya bawa ini untuk kecualikan mereka yang *passive possession* yang pegang dia tetapi dia pun tak tahu dia ada – daripada kesalahan dalam akta ini.

So saya mahu bezakan, ini pemilikan yang pasif daripada pemilikan yang aktif, di mana dia cari, dia simpan, dia failkan itu *possession*. Akan tetapi hanya terima sahaja – ini saya hendak bawa ini. So, memang kita mahu undang-undang ini untuk kawal kesalahan seksual terhadap kanak-kanak. Akan tetapi kita juga mahu *clarity* di mana orang tidak disalah tuduh. Itulah sebabnya pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Puchong. Sila sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ini fasal Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak ya, kepada tetamu daripada guru-guru di Kuala Lipis. Jadi yang bangun ini semua peguam bela, peguam cara yang hebat. Sila, sila, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi saya berdiri di sini sebagai Ahli Parlimen hari ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, saya rujuk kepada cadangan pindaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput dan saya setuju dengan apa yang beliau kemukakan di situ. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kepada peruntukan seksyen atau fasal 10 dalam rang undang-undang ini, apa yang disebut di situ perlu dibaca dengan rujukan kepada *explanation* ataupun huraian a, b dan c yang tertera di situ juga. Apa yang cukup menarik perhatian adalah bahawa ia berkisar kepada perhubungan elektronik atau *electronic communications* dalam Bahasa Inggeris dengan izin. Kini kita ada banyak program-program dan kita ada banyak cara dalam mana hubungan elektronik itu boleh dibuat.

Saya hendak tanya kepada pihak kementerian di sini, adakah huraian ataupun adakah kajian dibuat oleh kementerian berkenaan dengan apa yang boleh berlaku apabila seseorang itu menggunakan satu alat komunikasi walaupun telefon atau pun komputer di mana satu mesej atau e-mel dihantar kepada beliau? Adakah boleh satu keadaan di mana walaupun kita tidak buka e-mel tersebut ia boleh dengan sendirinya terbuka? *Do we have – have we checked the technology in respect of in circumstances like this?*



Ini membawa kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Siput kerana kita – apabila kita ada alat-alat ini, komputer, kita ada *handphone* dan sebagainya, kerap kali kita menerima e-mel daripada pelbagai orang dan kita tidak tahu apa sebenarnya dalam e-mel tersebut. Kadang-kadang e-mel itu ada *file*. Jadi kita buka e-mel itu, kita lihat kepada kandungan, apa yang tertulis di situ tetapi kita tidak akses kepada apa klip video atau apa yang – *itself because we don't actually have the time*. Kita baca ayat pertama daripada e-mel itu kita memang tidak menarik, tidak ditarik oleh apa yang disebut di situ kita terus maju kepada e-mel yang lain.

Jadi kalau dalam keadaan tersebut kalau ikut *explanation* ini memang e-mel itu sudah dibuka tetapi kalau e-mel itu sudah dibuka tetapi kita tidak lihat kepada video tersebut maka kita telah pun melakukan kesalahan menurut huraian yang terkandung di sini. Saya faham matlamat yang ingin dicapai oleh kementerian apabila mengusul ataupun membawa peruntukan sebegini. Akan tetapi saya rasa dalam keadaan teknologi yang sedia ada, kita perlu ambil pendekatan yang lebih berhati-hati di mana kita boleh menunjukkan secara khusus bahawa orang tersebut itu memang simpan atau pun beliau adalah seorang *collector*. Maknanya dia seorang yang *actively obtains, views, and keeps*. *I think* ini adalah apa yang menjadi matlamat di sebalik undang-undang ini dan ia tidak dijangka untuk mengenakan pihak-pihak yang mana e-mel telah dibuka tetapi secara mereka tidak tahu ada kandungan di situ dan di mana mereka dalam keadaan dalam undang-undang yang sedia ada ini adalah *technically guilty of possession*. Itu satu.

Kedua, Tuan Pengerusi kalau kita lihat kepada peruntukan seksyen A, *illustration A*. *This is going further into the section itself*. Perkataan yang digunakan, I read; *A received an email from an unknown sender with an untitled attachment. A accesses the attachment without knowing that the attachment contains child pornography upon viewing the content of the attachment A immediately deletes it from his email, he's not guilty of offense under section*. Perkataan yang digunakan di situ *immediately*. Bagaimana keadaan di mana *it is not deleted but the person deletes it later*? So adakah ini sekali lagi menjadi satu perkara yang kita perlu perhalusi?

*I think this is the reason why* Yang Berhormat Sungai Siput *has brought this amendment and I think this amendment is something that* kita perlu kaji dan ambil kira dengan serius kerana ini adalah satu perkara yang boleh menjadi *a blanket provision which will apply to all sundry even when they have got no inclination that an offense has been committed and of course no intention to commit an offense whatsoever*. Dalam keadaan tersebut saya sokong pindaan ini Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya pun bangun untuk menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput atas alasan yang sama daripada yang bangkit pada – oleh rakan daripada rakan Yang Berhormat Puchong. Saya ingin bawa perhatian kepada Yang Berhormat Menteri. Boleh kita rujuk balik kepada seksyen 10 dan saya rujuk kepada versi Bahasa Inggeris. Tajuknya ialah *Accessing, et cetera*. Jadi ada unsur *accessing* dan ada unsur lain ya. *Child pornography* dan kalau kita teliti

Seksyen 10, dengan izin, *any person who accesses or has in possession, or has in his possession or control.*

So kita ada *child pornography* dan sekian-sekian *commits an offense*. Kita ada dua unsur yang berbeza, satu ialah *access* satu adalah *in possession of control*. Unsur *accesses* itu diperjelaskan di bawah di mana dengan izin, saya baca 'A person is said to access child pornography if he knowingly causes child pornography to be viewed by or transmitted to himself.' Dengan penjelasan itu maksud akses ialah cukup jelas lah. Elemen *knowingly* ada dan sebagainya dan saya rasa itu tidak bermasalah sebab jelas ya dia unsur *mens rea* dengan jelas disebut di situ.

Yang bermasalah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Sibuk ialah elemen yang kedua iaitu '*or has in his possession in control*'. Di sini saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Puchong sebab kalau kita ambil mana-mana *handphone* kita sekarang ya, dalam *handphone* saya sekarang saya ada puluhan e-mel yang saya tidak baca. Saya terima tetapi tidak sempat baca. Saya tak tahu apa dalam e-mel itu. Saya tak tahu siapa yang hantar, dan kita tak tahu apa-apa *attachment* yang ada di sana tetapi memang ada di dalam *possession or control*.

Inilah masalah dia bukan sahaja e-mel. Sekarang dengan teknologi *social media* sekarang kita terima *Whatsapp messages* dalam bilangan ratusan. Ada banyak kita dimasukkan dalam *Whatsapp group* yang kita tidak tahu dan macam-macam mesej dihantar ke sana. Secara – kalau kita ambil maksudnya secara *literal* Tuan Pengerusi, memang semua ini di dalam milik saya sekarang. Istilah – dalam Bahasa Melayu, milikan saya. Ini yang jadi masalah sebab itu kita perlu halusi ayat ini dengan lebih baik supaya maksud dia lebih jelas dan terpakai kepada orang yang mengutip dan menyimpan dengan niat itu. Itu yang sepatutnya dikenakan, bunyi dia mesti maksud macam itu. Kalau dengan hanya menyebut *possession* itu yang bermasalah. Mungkin ramai di sini sekarang telah melakukan kesalahan itu sebab kita tidak tahu sekarang macam-macam. Saya diberitahu tentang satu *Whatsapp*, kita melihat *Whatsapp* itu tiada apa-apa, klik sahaja imej yang lucu keluar tetapi kita tidak tahu itu dan masih ada di sana. Sekarang saya hendak minta penjelasan juga....

**Tuan Pengerusi:** Panjang ke tidak? Panjang lagi ke? Yang Berhormat punya *point* panjang lagi?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikit lagi.

**Tuan Pengerusi:** Kalau panjang kita sambung 2.30 ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, boleh saya sambung?

**Tuan Pengerusi:** Jangan terlampau panjang sambungan itu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Sila.

### 2.32 ptg.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Pengerusi, sebelum kita tangguhkan sesi tadi, saya rujuk kepada seksyen 10 yang sekarang dibahaskan. Ini berkaitan dengan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput yang juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Puchong.

Baik, saya tadi sudah terangkan kepada Yang Berhormat Menteri kemusykilan kita tentang perkataan dalam versi bahasa Inggeris "*possession*" iaitu terlalu luas dan sebab itu saya sokong pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput yang memberi maksud yang lebih wajar dalam konteks kesalahan-kesalahan dalam rang undang-undang ini dengan perkataan "*mengutip dan menyimpan*", bukan sahaja "*dalam milikan atau kawalan*". Boleh saya *just* habiskan *point* saya dengan merujuk kepada contoh-contoh *illustration*, dengan izin, yang ada untuk seksyen 10, Yang Berhormat Menteri?

Bagi saya, dalam isu kesalahan untuk *accessing* dan sebagainya, contoh tiga atau (c) memang cukup jelaslah di mana saya rumuskan apa yang disebut di sana, seorang yang menggunakan komputer orang lain, dia, dengan izin, *discovers a document containing child pornography stored in the computer's hard disk. He transmits the said document into his pen drive and keeps the pen drive in his office. He is guilty.* Itu jelaslah. Dia sengaja pindahkan dokumen daripada komputer itu kepada *pen drive* dia dan dia simpan, itu memang satu kesalahan yang jelas. So, contoh itu cukup jelas.

Yang (a) dan (b) itu, saya minta penjelasan juga daripada Yang Berhormat Menteri. Contoh (a), apabila saya baca pada peringkat permulaan atau pada kali pertama, saya dapat—mungkin ini bermasalah tetapi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan kepada Dewan, contoh-contoh ini kita dapati daripada mana? Adakah kita draf sendiri kita di sini ataupun adakah contoh ini telah diguna pakai di dalam bidang kuasa yang lain atau di negara-negara lain bidang kuasa yang lain, contoh yang ini? Sebab, kalau kita baca (a) di mana saya baca dalam bahasa Inggeris ya, dengan izin. *[Membaca petikan]*

*"A receives an e-mail from an unknown sender with an untitled attachment. A accesses the attachment without knowing that the attachment contains child pornography. Upon viewing the content of the attachment, A immediately deletes the e-mail from his e-mail account. A is not guilty of an offence under the section."*

Kedua adalah contoh yang berbeza di mana konteks yang sama tetapi *second line...*  
*[Membaca petikan]*

*"A accesses the attachment without knowing that the attachment contains child pornography. Upon viewing the content of the attachment and despite*

*knowing that the attachment contains child pornography, A continuously views the child pornography. A is guilty of an offence under this section.”*

Mungkin Yang Berhormat Menteri tahu sejarah contoh-contoh ini. Itu penjelasan yang saya minta. Sebab, saya nampak— kita pakai pada contoh (a) dahulu. Katakan saya terima itu dan saya diwajibkan sekarang untuk serta-merta padam e-mel itu. Katakan saya hendak laporkan kepada pihak berkuasa, saya lihat orang yang tidak bertanggungjawab sudah hantar saya e-mel yang mengandungi *child pornography*, sekarang saya hendak buat laporan kepada polis atau MCMC, mana bukti saya sebab saya diwajibkan memadam. Ini yang saya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya hendak bertanya, di manakah kita mendapat contoh ini? Apakah logik contoh ini? Apakah kegunaannya dan adakah kegunaan di negara-negara lain menimbulkan masalah? Boleh saya habiskan *point* dahulu? Saya habiskan dan selepas itu boleh mencelah.

So, *even* yang kedua ya, saya katakan video klip itu yang mengandungi pornografi itu satu, dua minit. So, pada peringkat permulaan saya nampak ia bermasalah dan saya hendak pastikan memang itu bermasalah dan saya hendak ambil tindakan. So, saya tengok sedikit lagi. Adakah itu bermaksud kita sudah melakukan kesalahan itu, walaupun niat kita adalah untuk mengambil tindakan lapor kepada pihak berkuasa dan sebagainya? Jadi, *this is on the face of it*, Tuan Pengerusi, saya nampak contoh ini bermasalah. Tetapi mungkin Yang Berhormat Menteri tahu daripada nasihat Jabatan Peguam Negara, *is there some history of this example*, dengan izin, *and can* Yang Berhormat Menteri *explain that?* Silakan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dua isu, Yang Berhormat, minta penjelasan. Pertama sekali, bukan semua orang akan ada masa untuk membaca e-mel. Sebagai contoh, saya ada 27,000 e-mel yang saya tidak baca sejak beberapa tahun sebab bukan e-mel yang penting, so kita tidak padam dan sebagainya. Itu satu.

Kedua, negara kita pun sudah biasa ada orang yang *hacked* ke e-mel kita dan sebagainya dan situasi itu pun belum diselesaikan secara terbaik. So, dua situasi ini perlu diambil perhatian dan tidak ditekankan dalam akta ini. Apakah pandangan dan penjelasan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Pandangan Yang Berhormat Kapar memang tepat. Itulah asasnya pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dan disokong oleh saya, Yang Berhormat Puchong dan lain-lain. Sebab, apabila kita sebut *possession*, itu yang bermasalah itu. Seperti saya sebut tadi dalam perbahasan saya, dalam *phone* saya sendiri saya ada banyak e-mel yang saya tidak baca seperti Yang Berhormat Kapar sebut tadi dan saya rasa semua di dalam Dewan ini pun serupa. Bukan sahaja e-mel, kita ada *WhatsApp* sekarang dan sosial media yang serupa dengan *WhatsApp*, ratusan *messages*, mesej-mesej akan sampai, kandungannya kita tidak tahu tetapi secara fakta kita memang memiliki apa yang ada dalam *inbox* kita untuk e-mel dan dalam *WhatsApp* kita dalam *phone* atau komputer kita.

■1440

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yes.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya *just* tanya satu perkara berkenaan isu ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan seksyen ini dan *explanation* dan *illustration*. Tiga *illustration* yang dinyatakan di sana semuanya merujuk kepada *e-mail* dan juga kepada— *A receives an e-mail from unknown sender, for example. A receives an email from unknown sender in B. A uses B's computer and discovers a document containing child pornography and so on.*

Bagaimana dengan- adakah- *it is my concern*, saya tidak tahu kalau Yang Berhormat Subang bersetuju, adalah bahawa seksyen ini tidak mengandungi ilustrasi yang merujuk kepada *social media* yang lain seperti *Facebook*. *I think it's quite clear*, semua orang mempunyai satu akaun *Facebook*, *if not more than that. We cannot control what comes into our Facebook account. We have thousands of stories, files and so on, that come into our account. We- for me, for example*, contohnya saya akan *scroll Facebook* saya tanpa mengetahui apa yang dikandungi oleh setiap *file*, *because I'm scrolling very quickly. So, does that- how does that*, bagaimanakah senario tersebut *affect- how does it affect this section? Do you have any ideas on how to overcome that problem*, Yang Berhormat Subang? Bagaimana kita boleh melibatkan atau memasuki masalah *social media* ke dalam seksyen ini? Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya setuju contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor pun membuktikan itu. Sekali lagi saya tegaskan, itulah asas pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Sebab kenapa perkataan '*possession*' atau 'milikan' yang digunakan di seksyen 10 dalam versi sekarang itu mengundang masalah yang kita perlu selesaikan di peringkat sekarang. Kalau Yang Berhormat Menteri setuju, pindaan yang sesuai mesti dilakukan. Bukan sahaja pada seksyen 10 seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput tetapi juga kepada contoh-contohnya tetapi berkaitan dengan contoh-contoh, saya masih terbukalah. *I mean, because* saya anggap Yang Berhormat Menteri telah mendapat nasihat yang cukup bernas dan lengkap oleh pihak-pihak tertentu. *So*, saya menunggu penjelasan berkaitan dengan semua contoh yang digunakan di sini. Di mana ia didapati dan sama ada contoh ini adalah sesuai untuk selesaikan masalah kita.

Seperti mana yang Yang Berhormat Bukit Gelugor telah sebut, dua contoh berkaitan *email*. Contoh yang ketiga, berkaitan dengan dokumen elektronik. Akan tetapi dalam realiti sekarang, *today*, kita ada *social media* yang jauh lebih berbeza seperti yang saya sebut. Kita ada *WhatsApp, Facebook, Twitter* dan sebagainya. *So*, adakah- bagi saya, saya masih ragu. Perkataan yang ada di seksyen 10 ini ia terlalu luas dan kita kena berhati-hati dengan perkataan yang digunakan sekarang. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya sekali lagi kata kita patut kaji semula perkataan itu, khususnya perkataan, dengan izin, '*possession or control*' dan mempertimbangkan menggunakan perkataan alternatif yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput iaitu atau 'mengutip dan menyimpan'. *I think that would be more accurate for the actual offence* yang kita inginkan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** [Bangun]

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Kalau Tuan Pengerusi— Boleh satu pertanyaan kepada Yang Berhormat Subang? Oleh kerana kalau kita melihat kepada peruntukan ini, apa yang penting pada saya ialah pengetahuan. Kalau sebenarnya *should have been, “knowingly possess”*. So, kalau kita mengadakan perkataan itu, memang ini menunjukkan ada niat. Akan tetapi dengan apa yang sedang ada, tanpa niat juga boleh melakukan satu jenayah dan ia juga, beban itu dihantar, dialih kepada pengguna untuk memadamkan seperti yang dikata tadi. Kita kemungkinan tidak tahu bagaimana hendak buat, padamkan, *delete*. Setuju bahawa yang penting ialah niat dan pengetahuan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Memang saya setuju dan tadi dalam perbahasan awal saya, saya sudah memerhatikan bahawa dalam seksyen 10, kita ada dua elemen berbeza. Satu ‘*accesses*’ dan yang kedua ialah ‘dalam *possession of control*’. Untuk *access* itu, penjelasan di seksyen 10 yang sekarang cukup jelas dan elemen pengetahuan itu telah disebut dengan jelas. Saya baca sekali lagi, *under the word “explanation”*, dengan izin, “*a person is said to have access child pornography if he knowingly causes child pornography to be viewed by or transmitted to himself*”.

So, itu menjawab kerisauan yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Selayang. Akan tetapi bagi saya, masalah yang ada, yang perlu ditangani ialah berkaitan dengan perkataan ‘*possession or control*’. Itu terlalu luas dan perlu dihalusi dengan perkataan yang lebih tepat. Saya rasa cadangan Yang Berhormat Sungai Siput, walaupun bukan *lawyer*, memang *it goes quite some distance towards solving the problem*. Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Setiu.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** [Bangun]

2.46 ptg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berbeza dengan pihak sebelah sana. Kita lihat dalam fasal 10. Dua kesalahan. Satu, mengakses. Mengakses dia kata bukan mengakses yang e-mel itu, mengakses adalah kepada apa-apa pornografi kanak-kanak. Bermakna, kalau kita akses e-mel yang sudah memang ada pornografi kanak-kanak, kita baca dan kita simpan. Itu memang satu kesalahan. Kedua, kalau kita memiliki pornografi juga, pornografi kanak-kanak juga, mestilah kita ada kawalan.

Kita ada pemilikan ke atas pornografi kanak-kanak itu. Ini yang dimaksudkan di bawah fasal 10. Kita tidak perlu hendak beritahu fasal mengetahui. Kalau *you* sudah terima kah, *you* baca kah, memang sudah pornografi kanak-kanak. Apa lagi yang *you* hendak pertikaikan? Manakala kalau didapati kita memiliki benda yang sudah ada di dalam aplikasi kita, bermakna itu satu kesalahan. Mudah sahaja. Jadi, kita buat susah-susah kenapa?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Setiu. Sekijang. Hendak tanya. Boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Setiu tentang katanya e-mel yang kita boleh akses dan sebagainya ini. Adakah kalau e-mel yang kita terima itu mungkin, kalau katakanlah *junk mail*. *Junk mail* ini, e-mel yang kita terima daripada bukan kehendak kita. Dihantar terus kepada e-mel kita, contohnya, yang kita tidak tahu. *Let's say* kandungan dalam dia itu apa dan apabila kita terima, kalau biasanya *junk mail* ini, dia tidak akan hantar banyak. Dia akan hantar satu atau dua.

Adakah itu kita boleh kategorikan sebagai orang yang berminat dengan kes-kes berkaitan dengan seksual? Melainkan kalau dalam e-melnya itu, dia simpan lebih daripada 100, 200 gambar-gambar yang dikatakan, dikategorikan sebagai seksual kanak-kanak ini, saya yakin itu adalah memang niat dia untuk menyimpan. Akan tetapi kalau sekadar satu atau dua e-mel yang bukan kehendak dia, dihantar oleh orang lain dan dia tidak pernah akses pun, dia tidak pernah buka. Adakah itu kita hendak kirakan sebagai perkara yang sama seperti Yang Berhormat Setiu sebutkan tadi? Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya Yang Berhormat Sekijang, terima kasih. Sebenarnya kalau kita terima e-mel sahaja, tidak akses, tidak salah. Yang salahnya kalau kita akses, kita baca dan kita lihat. Itu menjadikan satu kesalahan. Memang jelas. Dalam fasal 10 ini, sebab dia hendak tunjukkan bahawa jangan ada dalam *handphone* kita kah, dalam komputer kita kah, yang pornografi kanak-kanak ini. Cukup jelas. Jadi, kalaulah siapa terima apa-apa pun, sendiri hendak akses kah, jadi perkataan kita hendak kutip kah, kita hendak simpan kah, itu memang salah lah. Sebab itu, kalau ada dalam pemilikan dan ada dalam *custody* tadi *and control*, ia merupakan satu kesalahan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, boleh minta penjelasan?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Setiu?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya?

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu dan saya rasa kita faham pendekatan yang diambil oleh Yang Berhormat Setiu. Kita juga lihat dari segi itu tetapi satu soalan kalau mungkin boleh memberi pencerahan kepada debat ini.

#### ■1450

Katakan ada e-mel yang dihantar kepada kita dan e-mel itu ada juga bersama dengan dia video. Akan tetapi kita buka e-mel itu hanya baca baris atau ayat yang pertama yang kemudian kita tidak layan, kita tidak baca. *It is open already*. Kita sudah ada akses kepada e-mel itu tetapi kita tidak baca sampai habis, kita tidak lihat pun video. Akan tetapi kalau ikut undang-undang yang ada, ia telah pun dibuka tetapi kita tidak tahu apa yang sebenarnya kandungan video dan sebagainya di situ kerana tidak ada perbezaan yang menunjukkan bahawa e-mel telah pun diakses dan video pun telah diakses. *So, that is why I raise concern about the technical aspect of it*, itu satu.

Kedua, kalau kita lihat kepada contoh yang dibawa oleh saya awal tadi dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor, macam *Facebook- Facebook* itu saya rasa tidak ada- kita tidak boleh

*open*. Apabila kita buka *Facebook*, terus kita lihat video dan sebagainya tetapi kita boleh lihat ia tetapi *we will scroll pass, we don't look at it. Sometimes* ia ada hitam sahaja, *we don't...* [*Telefon berbunyi*]

**Tuan Pengerusi:** *Sorry.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, okey Tuan Pengerusi? [*Ketawa*] Sudah macam itu Tuan Pengerusi, *suddenly it can open on its own* Tuan Pengerusi. Itu masalah ia.

So, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiu mungkin dari sudut hakim bagaimana kita- kalau kata ini masalah apabila ada teknikal dalam undang-undang jenayah ini ia memihak kepada tertuduh dan kita tidak hendak keadaan sedemikian. Jadi mungkin Yang Berhormat Setiu boleh bantu saya dalam beri pendapat Yang Berhormat Setiu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, boleh saya bertanya berkenaan isu yang sama? Berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu tadi bahawa *as long as you received*, sudah akses, itu sudah menjadi satu kesalahan.

Adakah itu pendekatan yang diambil oleh Yang Berhormat Setiu, *in like of the legal definition of possession in law?* Di mana seorang tidak boleh mempunyai *possession* terhadap sesuatu item tanpa pengetahuan. *That is the legal definition of it. Would that-* adakah pandangan Yang Berhormat Setiu masih sama sekiranya, seperti contoh yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi, seorang membuka e-mel tetapi tidak membaca kandungan keseluruhan e-mel tersebut. *He just read the first maybe the opening line* ataupun *paragraph* yang pembukaan, tetapi tidak *go into it in full details*, bagaimana dia akan mempunyai pengetahuan sekiranya itu- *that is the possession?*

*Because,* kalau saya akses *Facebook*, saya baru akses *Facebook* tadi *over lunch*. Saya *scroll* banyak cerita sana Tuan Pengerusi, banyak. Akan tetapi saya baca mungkin dua sahaja *out of 30, 40. Does that mean I have access all the 30 and 40 stories?* Macam mana pandangan Yang Berhormat Setiu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kedua-dua peguam yang hebat. Ia mudah jawapan ia. Kalau kita buka, bila kita buka...

**Seorang Ahli:** Ada niat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau setakat buka kita tidak tahu itu adalah pornografi kanak-kanak, tidak salah. Akan tetapi kalau kita tidak *sure*, kita tidak pasti sama ada itu pornografi atau pun tidak, kita *just delete*. Kita hapuskan daripada aplikasi kita, buat apa kita hendak simpan? Kita tidak ada *interest*, kita tidak hendak baca, hendak apa kita *delete* sahajalah.

**Seorang Ahli:** Kalau *share*?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Share* pun sama juga, kalau ada pornografi sahaja, salah.

**Seorang Ahli:** Besar.



**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini jawapan saya kepada kedua-dua ini, pasti sudah faham saya rasa. Makna jangan ada di- berada dalam *handphone* kita, dan juga jangan berada dalam komputer kita, apa-apa pun, *Facebook* kah, e-mel kah. Jangan ada. *Delete* semua. Senang, habis cerita.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Setiu, boleh?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapat pandangan dari Yang Berhormat Setiu. Memang saya setuju kalau kita ragu, kita *delete*. Kalau ada masalah tersimpan itu adalah satu kecuaiian yang sepatutnya juga boleh ditafsir sebagai kesalahan. Cuma kalau kita-oleh kerana kecuaiian seseorang itu, kita hukam dia dengan tiga sebat, dengan tiga bulan penjara atau tiga tahun penjara, apakah keberatan, *the weight of crime* ini kalau seorang yang secara terus-terang mengedar dan menyerang seseorang dalam akta ini, seorang kanak-kanak. Dia juga dapat tiga tahun. Akan tetapi ada orang yang lupa *delete handphone* dia, dia juga tak dapat duit-tiga tahun dan disebat 10 kali, yang merogol atau yang melakukan sesuatu kejahatan terhadap seorang kanak-kanak. Dia juga dapat lima tahun, ada tiga tahun, dapat 10 sebatan. Apakah ini dianggap sebagai adil kalau undang-undang ini dilaksanakan dengan cara begini? Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya tanya Tuan Pengerusi? Sebelum Yang Berhormat Puchong, *just a very short question* pada isu yang sama.

Seperti yang telah pun ditimbulkan oleh rakan saya Yang Berhormat Batu tadi, apa yang beliau timbulkan tadi adalah *the degree of capability*, dengan izin, seseorang yang mempunyai akses. Ada orang yang mempunyai akses tanpa *intention* yang- *you know*, yang diperlukan dan sebagainya. Dalam keadaan tersebut, sudah tentunya, sekiranya beliau melakukan satu kesalahan *surely he should be in circumstances*, dibenarkan *bind over*. Oleh kerana itu memangnya bukan dia punya *intention* yang sebenarnya. Akan tetapi dalam rang undang-undang ini, kalau kita lihat *later*, *bind over* itu juga tidak dibenarkan seperti yang dinyatakan dalam seksyen 24 di mana *non-application of section 173A, 293 and 294 of the Criminal Procedure Code* adalah mempunyai *effect* untuk membatalkan *bind over*. Jadi dalam keadaan seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu tadi, seorang yang tidak mempunyai *capability* yang sepenuhnya, bagaimanakah beliau akan dihukum? Yang Berhormat Setiu, terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Setiu, isu yang sama. Boleh saya- Terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu tadi, tetapi bukankah Yang Berhormat Setiu setuju dengan saya bahawa undang-undang yang kita gubal itu perlu ambil kira *practical realities*? Walaupun niat itu yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu, saya faham, *generally what you should do is delete everything*. Akan tetapi dari segi realitinya, *it doesn't happen*.

Bukan sahaja itu kalau Yang Berhormat Setiu lihat kepada apa yang disebut dalam *illustration A*, Yang Berhormat Setiu akan lihat perkataan, "*immediately*". Maknanya ditulis di situ "*A immediately deletes the email*". Maknanya kita tidak boleh juga kita pegang untuk *one or two days, go back home and delete*. Jadi *those are the questions here is*, adakah kita patut

menggubal satu undang-undang yang jelas bertentangan dengan *practical reality* yang kita semua sedar?

Saya yakin semua daripada kita di sini ada macam-macam e-mel as wakil rakyat. Di situ kita ada beribu-ribu e-mel dan *we don't delete everything. You don't delete everything today and esok masuklah beribu-ribu again. So, the practical reality of it* apabila kita gubal undang-undang di mana kita tahu bahawa ia bertentangan dengan realiti. Apa yang seharusnya kita- adakah kita kata tidak apa dengan realiti, *we just proceed or do we take a position where the law should be consistent with reality?* Itu soalan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Puchong.

Soalan daripada Yang Berhormat Batu, kalau kita hendak kira dari segi adil atau tidak adil, dalam fasal 10 ia tidak ada hukuman sebat. Kalau seksual tadi yang fasal serangan seksual tadi ia ada hukuman sebat, ada segi kurangnya. Akan tetapi kuasa untuk menghukum adalah bagi kepada mahkamah, pihak mahkamah yang menentukan hukuman.

Jadi maknanya itu kata, kita jangan simpan benda-benda yang mempunyai pornografi kanak-kanak. Kalau *you* hendak simpan yang orang tua, simpanlah tidak apa. Ini yang kanak-kanak ini, sebab itu ia spesifiknya kepada pornografi kanak-kanak. Takkan kalau *you* tengok e-mel bercerita fasal pornografi kanak-kanak? Mungkin e-mel itu berbentuk perkara-perkara lain. Jadi kalau hendak kira dari segi adil atau tidak adil, kita tengoklah kalau bawah Kanun Keseksaan 354, hukuman penjara.

Kepada yang menyentuh pun kalau dia *take out* dia punya apa- dia tarik tudung perempuan, ini jadi satu kesalahan. Itu baru tarik tudung belum pegang lagi. Ini kalau 355, Akta 355 esok, rang undang-undang tiga tahun sahaja dia bagi, tiga tahun penjara.

#### ■1500

Mana yang dah masuk. Ini yang belum masuk- pegang sahaja sudah kena. Kalau ikut, hendak ikut keadilan, kita tidak boleh nampak perkara itu.

Daripada..., saya lupa, apa tadi ya? *You* rujuk kembali kepada...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tanya tadi adalah, *the degree of capabilities*. Dalam keadaan seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu sekiranya seseorang itu melakukan sesuatu jenayah tanpa sengaja, *obviously the degree of his capabilities his minimum, right? Now*, apakah pandangan Yang Berhormat Batu memandangkan keadaan tersebut sekiranya itu berlaku? *We don't even have the binding over provision under this* rang undang-undang. Bukankah itu satu ketidakadilan? Orang yang melakukan jenayah tanpa sengaja tetapi memang jenayah- tetapi *faces the full ground of the law compare to somebody who had such intention, what is your view?*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Oleh sebab itu dalam mahkamah, ia ada masa untuk kita *mitigate*, untuk kita merayu dari segi hukuman. Makna terpulang kepada pihak mahkamah jugalah untuk menentukan apa-apa pun undang-undang yang ada. Akan tetapi undang-undang yang kita ada sekarang, fasal 10- bermakna kalau kita hendak *delete* perkataan, "*custody or control*" tadi, "*possession*", jadi tidak munasabahlah sebab kita hendak membuktikan

orang yang memiliki itu mestilah kena ada peruntukan memiliki dan juga menjaga dia punya aplikasi apa-apa pun, komputer ataupun *handphone*.

Ini yang maksud saya. Jangan kita kalau- kadang-kadang komputer digunakan oleh orang ramai, jadi kita hendak buktikan macam mana itu di bawah pemilikan seseorang tetapi yang *access*-nya, kita yang *access* tetapi bukan kita yang memilikinya pun tidak boleh menjadi suatu kesalahan. Inilah yang saya cuba hendak terangkan. Ada faham ya?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Belum faham lagi?

**Tuan Pengerusi:** Cuba duduk dahulu, Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu duduk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sudah jadi macam mahkamahlah saya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri itu sila duduk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terserah pada mahkamahlah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Setiu, duduk. Saya benarkan pencilan yang panjang lebar begini semata-mata untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat nanti apabila memutuskan sama ada pindaan ini diterima atau tidak, cuma itu sahaja. Akan tetapi jangan polemik sangat secara terperinci. Kena bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab nanti mengenai dengan apa-apa yang dibangkitkan itu. *So, don't go in real details about it because* Yang Berhormat Setiu adalah mengeluarkan pendapatnya mengenai dengan fasal 10. Begitu juga dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sila, penghabisan untuk fasal 10. Selepas itu Yang Berhormat Setiu, *proceed with other point* mengenai fasal 10. Sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Boleh, Tuan Pengerusi? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya hendak rujuk Yang Berhormat Setiu kepada seksyen 163.1(1) *A Child Pornography* daripada Kanada sebagai perbandingan. Dalam seksyen ini di bawah 163(1)(4) berbincang tentang *possession of child pornography* dan seksyen 4(1) menerangkan *accessing child pornography* dengan *detail* di mana seksyen (4.1) mengatakan, “*Every person who access any child pornography is guilty of...*”, ada (a) dan (b). Akan tetapi di seksyen (4.2) di bawah *interpretation* dengan jelasnya dia maksudkan, “*For the purpose of subsection (4.1)...*”, *section (4.1)* tadi adalah *accessing child pornography*. Akan tetapi di *section (4.2)* dia menerangkan, “*For the purpose of section (4.1) a person accesses child pornography who knowingly causes child pornography to be viewed by, or transmitted to, himself for herself*”.

Perkataan yang cuba diterangkan kami dari bahagian kami adalah ‘*knowingly*’ itu menunjukkan niat. Perkataan itulah yang kita di sini tidak ada, niat di sini “*lacuna*, wujudnya *lacuna* dalam menerangkan niat. Itu sahaja, tidak perlu panjang lebar. Saya minta Yang Berhormat Setiu terangkan yang ini atau Yang Berhormat Menteri nanti saya tidak hendak *debate* kerana buang masa. Yang Berhormat Menteri boleh ambil soalan daripada Yang Berhormat Setiu dan menjawab bahagian itu. Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, saya masih dengan hujah saya yang awal tadi. Bermakna kita- daripada negara lain ini kita boleh ambil sebagai satu panduan

tetapi kita sendiri yang draf untuk tujuan apa. Kita hendak mengatasi semua masalah ini. Kadang-kadang bukan sahaja orang dewasa yang memiliki barang-barang yang *child pornography* ini, kadang-kadang budak-budak pun ada memiliki. Itu yang masalah besar kita.

Kalau kanak-kanak yang melakukan kesalahan ini mungkin kita boleh tuduh bawah *Childs Act* okey. Akan tetapi dalam- kalau orang dewasa maknanya tidak perlulah hendak memiliki pornografi punya, *child pornography* punya bahan-bahan dalam aplikasi kita. Itu sahaja yang saya hendak katakan. Jadi saya tidak sokonglah pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, boleh sedikit?

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** [Bangun]

### 3.06 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak banyak, cuma saya hendak memberi pandangan saya dalam fasal 10 ini.

Yang Berhormat Menteri, saya telah meneliti fasal 10 ini dari segi dia punya seksyennya, *explanation* dan juga *illustration*. Kalau kita lihat kepada seksyen 10 ini seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Subang tadi, kalau seseorang itu adalah akses, “*any person who accesses*”, walaupun di sini tidak ditulis “*knowingly*” sepatutnya saya rasa sepatutnya disebut “*knowingly*” supaya lebih jelas.

Akan tetapi dalam *explanation* dia tulis, dia diterangkan “*knowingly*”. Maknanya dekat itu menunjukkan ada satu elemen *mens rea*. Akan tetapi *normally* pengalaman saya ialah bila melibatkan kes bicara mahkamah, bicara kes jenayah ini selalunya pihak-pihak yang dengan izin, *frame the charge* dia akan tidak lihat melalui *explanation*. Dia akan lihat kepada yang dia punya perenggan yang asal itu. Jadi dekat sini kadang-kadang menyebabkan mereka lupa hendak meletakkan perkataan “*knowingly*” itu.

Saya merasa hairan kerana saya tanya pendapat Yang Berhormat Menteri walaupun dalam *explanation* mengatakan “*knowingly*” itu adalah elemen untuk jenayah ini tetapi bila *illustration* ini, izinkan Tuan Pengerusi saya baca yang “(a)”. “(a)” ini saya baca dalam *English*, “(a) *A receive an email from an unknown sender with an untitled attachment. A accesses the attachment without knowing...*”, sedangkan kita mengatakan “*access knowingly*”. Akan tetapi di *illustration* kita katakan *without knowing*. Bermakna kalau *without knowing* elemen *knowing* tidak ada, makna kalau dia tidak *delete* pun tidak salah. Oleh sebab kita kata *without knowing*. *How can one hand you are saying that knowingly* pun salah tetapi dalam *illustration without knowing* pun salah, kalau tidak *delete*. Jadinya menunjukkan ada *contradiction*.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa ada perkataan “*without knowing*” itu sedangkan dalam *explanation*, dia kata “*knowingly*”? Jadi ini adalah satu perkara yang nampaknya bertentangan. Itu yang pertama.

Keduanya, bila kita kata “*A immediately delete...*”, kalau dia kata “*A delete...*” tidak ada perkataan “*immediately*” saya boleh terimalah bahawa salahlah. Akan tetapi “*immediately*” dia akan jadi membuka satu ruang pula- apa pula makna “*immediately*”? *Is it a matter of hours*, dengan izin, *or a matter of day* ataupun *week*, *we don't know*. Oleh sebab tidak ada *definition*.

*This is the only law* yang saya lihat dalam banyak-banyak *law* dekat Malaysia ini, *the only law* yang tidak ada *definition* dalam seksyen 2. Biasanya seksyen 2 ini memang mana-mana *law* mesti tentang *definition*.

Jadi "*immediately*" itu apa maksudnya? Ini membuka ruang yang kadang-kadang mungkin tersalah pendakwaan. Contohnya, kita dapat macam Yang Berhormat Sepang bagi contoh, kita dapat banyak sangat *e-mail*, kita mungkin tidak *delete immediately* sebab kita bukan *-in fact* kita tidak tengok pun. Bila kita hendak *delete* baru kita tengok. Selepas itu kita tengok tetapi *by the time* kita hendak *delete* kita sudah mungkin sudah seminggu. Adakah itu bermaksud tidak *immediate* dan mungkin boleh dikenakan. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri berikan penjelasan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang sedikit Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, silakan, Yang Berhormat Setiu. Boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau kita lihat pada misalan yang "*knowingly*" itu kepada *e-mail* itu ataupun kepada bahan yang kita sudah akses. Dia tidak sebut mengatakan bahawa "*knowingly*" itu kepada bahan yang kita akses. Dia *knowing* kepada benda yang tidak tahu berkenaan dengan *e-mail*, kandungan *e-mail* itu apa.

#### ■1510

Jadi cuba bezakan. Kita jangan bezakan. Kalau kita dah terpampang di dalam *handphone* kita tentang pornografi kanak-kanak, apa kita nak *prove knowingly* lagi? Kita dah tengok benda itu, dah ada depan mata kita. Apa lagi yang kita hendak mengatakan kena adanya pengetahuan? Ini minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu, saya berfahaman apabila perkataan, "*knowingly access*" itu maknanya sama ada *you* tahu *content* tak *content*, maknanya ia adalah satu ada elemen *mens rea*. Akan tetapi kalau dilihat dalam *illustration* ini, dia lebih kepada kegagalan *delete* bukan kegagalan ada ilmu itu. Oleh sebab dia kata kalau kita tak *delete*, salah. Sedangkan kita daripada awal kita tak tahu pun. Tak tahu maknanya memang tak ada salah. Sama ada *you delete* tak *delete* itu satu hal lain tetapi dalam...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak apalah, itu nanti kita...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak, maksud *delete* itu yang pornografi kanak-kanak bukan *delete* kepada e-mel. Kena faham betul-betullah dia punya *wording* itu.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Betullah tapi kena fahamlah. Mana dalam...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau e-mel, memang kita tak tahu kandungan dia tetapi kalau kita dah tahu kandungan ...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Boleh dua-dua Yang Berhormat duduk? Yang Berhormat. Saya mendengar dengan teliti sebagai hakim. Jadi kalau saya yang menghakimi ini, *I will go to the spirit or the intentions of the government, the Minister* mengenai dengan perkataan-perkataan itu. Jadi jangan panjangkan lagi polemik ini. Biar saya dengar daripada Menteri. *So, when* nanti datang akta ini ada kes sebenar, mudah-mudahan tiada. Jadi peguam-peguam mempunyai peluang untuk *argue*. *So, it's up to the judge to decide what actually is the intention of the government or the Parliament at that time when they made the law. So, I want to listen to the Minister afterwards* kalau dia menggulung.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Itu yang sewajarnya Tuan Pengerusi sebab saya nak habiskan sikit daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu, kalau kita hendak *delete email* itu sebab *content* dengan *delete* e-mel itu tak boleh kita nak pisahkan, ia *inseparable*. Kalau tak ada e-mel, tak adalah *content* itu. *How you want to delete the content without we delete the email?* Saya tak boleh nampaklah macam mana, kecualilah ada satu sistem di Setiu yang boleh buat macam itu, saya tak tahulah. Akan tetapi saya tahu kalau *you want to delete the email*, e-mel itu mengandungi *content*, *so you cannot delete the content without deleting the email*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ha dah, dah, cukup.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, kalau kita tak akses e-mel tak menjadi kesalahan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, sudahlah. Sudah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *We can discuss at coffee lounge*. Tidak apalah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *You* kena akses e-mel itu dulu baru menjadi kesalahan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, dia ingat dia masih hakim lagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ha ini masalah, sebab dia suka membelit ini Tuan Pengerusi. Dia kuat sangat membelit, ini yang jadi dia tak faham dengan apa yang ada. Dia suka mengelirukan. Ha ini masalah besarnya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang bercakap itu pun kaki belit juga, dah macam mana?

**Tuan Pengerusi:** Tak apalah Yang Berhormat Sepang, teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya teruskan. Saya rasa...

**Tuan Pengerusi:** Teruskan, ini ada poin. *So that* perkara...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ha ini poin saya, saya hendak minta penjelasan. Adakah elemen *knowingly* ini adalah satu elemen yang penting atau tidak dalam seksyen 10 ini. Kalau penting, kenapakah yang seksyen ini berbeza dengan *explanation*? Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ada lagi poin yang selain daripada apa yang disebut tadi itu?

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Ya, ada sikit sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ini yang penghabisan. Selepas itu saya mahu Yang Berhormat Menteri untuk jawab. Sila.

### 3.14 ptg.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Pengerusi, saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Sungai Siput iaitu menukar “atau kawalannya” kepada “atau mengutip dan menyimpan” kerana saya melihat misalan (c), dalam misalan (c), ‘B’ ada komputer, dalam *hard disk* dia ada pornografi kanak-kanak. Kemudian ‘A’ yang *transfer* kepada *thumb drive*, dia bersalah. ‘B’ tidak bersalah, tak sebut bersalah. Jadi maknanya tempat mengutip dan menyimpan sebab dia simpan dalam *thumb drive*. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

### 3.14 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mendengar isu-isu yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan perkara ini. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya daripada tadi menerangkan kepada semua yang hadir, Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa bila kita lihat kepada fasal 10, fasal 10 adalah kesalahan mengakses. Akan tetapi sebelum fasal 10, kita tahu kesalahan menjual, fasal 9. Bertukar-tukar menerbit, fasal 8. Menggunakan kanak-kanak, fasal 7. Persediaan untuk membuat, menghasilkan, mengarah, fasal 6. Kemudian fasal 5 membuat, menghasilkan, mengarahkan perbuatan dan penghasilan atau penghasilan, fasal 5. Jadi bererti fasal 10 merujuk kepada akses.

Apabila Ahli-ahli Yang Berhormat semua menyatakan bahawa akses ini seolah-olah tanpa ada niat, saya merujuk kepada ilustrasi. Di mana yang ilustrasi itu yang mana Yang Berhormat Setiu cakap itu betul, perkataan *knowingly* itu ada. Jadi kalaulah dia ada akses kemudian adanya dengan diketahui, itu menyebabkan pornografi kanak-kanak dilihat oleh atau dihantar kepada dirinya. Bererti, bila kita baca fasal 10 ini Tuan Pengerusi, perkataannya mana-mana orang yang mengakses atau mempunyai dalam milikan atau kawalannya.

Jadi dalam perkara ini, kita tak boleh lari daripada perkataan *possession*. Saya nak merujuk Yang Berhormat kepada takrifan *possession* menurut undang-undang. Kita tengok pada kes yang selalu diguna di mahkamah, Chan Pean Leon dalam maksud *possession* yang mana dengan izin saya baca dalam bahasa Inggeris mengatakan bahawa, “*Possession itself as regards the criminal law is described as follows in Stephen’s Digest. A movable thing is said to be the possession of a person when he is so situated with respect to it and that he has the power to deal with it owner to the exclusion of all other persons and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in the case of need. To put it otherwise, there is a physical element and a mental element which must both be presence before possession is made out. The*

*accuse must not only be so situated that he can be deal with the thing as it belonged to him for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must also be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so. In other words, that he had some animus possidendi intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be prove by direct evidence. It can only be prove by influence from this surround these circumstances.”*

*Illustration* yang mana disebutkan Tuan Pengerusi, menerangkan hanya dalam elemen akses. Akan tetapi fasal 10 mengatakan elemennya tiga. Akses atau mempunyai dalam milikan atau kawalannya. Sebenarnya fasal 10 ialah *deterrents*, niat kerajaan untuk mewujudkan kedudukan *deterrents* iaitu tidak boleh diberikan sebagai galakan. Saya faham Yang Berhormat menimbulkan isu *knowingly* mengatakan bagaimana kalau tersilap dapat tetapi itu menjadi pembelaan daripada segi *mistake*, kesilapan. Saya cukup yakin pihak pendakwa raya dalam polis bila dia menyiasat, dia akan mengambil kira. Akan tetapi kalaulah *child pornography* itu yang masuk itu banyak kemudian dia buka, kemudian dia simpan, kemudian dia *forward*, jadi sebenarnya ini yang dikatakan akses dalam fasal 10.

Saya nak ingatkan Yang Berhormat kepada apa yang berlaku daripada segi prosedur. Sebenarnya Yang Berhormat, bila bercakap tentang *child pornography*, daripada awal tadi saya terangkan bahawa ia tidak boleh *one-off*. Apa yang berlaku ialah seperti sekarang yang berlaku dalam negara kita, dia mempunyai *Standard Operating Procedure* dengan izin, *how to track the access of child pornography*. Izinkan saya, *“evidence of the child abuse including child pornography is often readily available via the web especially peer-to-peer, file sharing files site. Some D11 officers, polis kita D11 are given permission to access the internet crime against children, child online protective services (ICOPs). This database made possible to investigate and trace online offenders who share or download. Child pornography can be track to their internet protocol (IP addresses).*

Maknanya adanya elemen yang saya sebut tadi dalam fasal 10 iaitu adanya perkataan-perkataan iaitu mengakses atau mempunyai dalam milikan atau kawalannya. *The user of the IP addresses, dengan izin, can be identified if Internet Service Provider (ISP) provide the user information. But the effort to identify user is if often hampered due to the lack of mandatory data retention.*

#### ■1520

*Data retention boardly means to obligation of ISP to retain computer data for spesific period of time. This could be a legal obligation to retain non contain data. Data preservation means an identify user who is currently under investigation after a request by law enforcement data preservation IPS have an obligation to preserve stock data with provative value of that user. It is imparative that the law enforcement have the proper tools to fight online crime and protect children of abuse on the station and expetation.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh tanya soalan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Izinkan saya. Saya, Yang Berhormat Sepang, saya faham sudah cakap. Biarlah kerajaan terangkan kedudukan kerajaan.



**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *No, while* Yang Berhormat Menteri bagi penerangan, ada ....

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya tidak habis cakap lagi Yang Berhormat Sepang. Saya tahulah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh tanya soalan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Biarlah saya habis dulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Lepas ini boleh ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Biarlah saya habis. Tetapi kenalah relevan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak tanya, boleh tidak tanya soalan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Duduk, tetapi kena relevan. Kalau kata boleh, tertakluk kepada relevan, mesti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Of course, we never ask you irrelevant question.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *But true, tapi consistently* daripada siang tadi *you keep asking continues irrelevant question.* Bukan *one-off, continues.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You never responded to our question. Thats the problem.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *That is your interpretation. This is the government. We voted on it.* Akan tetapi tidak akanlah *every paragraph* kita *explain* tidak hendak terima dan kita sudah undi *you keep coming back the same point.* Lepas itu saya cakap dia tutup muka dia dengan buku itu, tetapi itu Yang Berhormat Sepanglah. *That is* Yang Berhormat Sepang, tetapi Yang Berhormat saya hendak cakap pada semua bahawa, dia tidak akan jadi keadaan *one-off* Tuan Yang di-Pertua. Agak mustahil. Akan tetapi yang mana Yang Berhormat Setiu cakap itu betul sebagai bekas hakim. Kalau kita terima, kita kena padam. Itu sebab ilustrasi itu dalam akses itu mengatakan bahawa senario dia 'A' itu mengatakan tidak menjadi kesalahan. Bila dia terima, dia tidak ketahui dalaman itu, lepas itu dia mengakses, kemudian dia padam.

Akan tetapi yang jadi masalahnya kalau dia simpan dan dalam *citation* SOP polis itu Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah bila dia simpan, dia simpan, dia simpan, dia *forward*, dia *build up*, itu sebabnya protokol Polis Diraja Malaysia D11, dia akan memantau dulu dalam kes akses. Kes akses itu bukan sekali akses dia terus tangkap. Dia pantau. Itu yang *triggering point* antara mereka yang dilihat dalam definisi penjenayah jenayah seksual. Dia ada paten *triggering point.* Itu sebabnya dalam fasal-fasal caj fonografi, daripada 5, 6, 7, 8, 9, kita menyebut tentang elemen yang lebih besar. Akan tetapi akses itu dalam elemen yang agak lembut, *a very soft landing* dalam akses itu, ia masih dilihat sebagai satu jenayah tetapi tidak melebihi daripada lima tahun atau didenda tidak melebihi daripada RM10 ribu atau kedua-duanya sekali.

Tidak ada pula di bawah akses itu dikenakan hukuman sebat berbanding dengan fasal-fasal yang lain. Bererti bahawa kerajaan menerima dalam aspek akses itu kemungkinan menjadi permulaan kepada naluri *child phonography.* Itu sebenar jawapan dia Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Yang Berhormat berpuas hati. Kalau Yang Berhormat tidak berpuas hati saya tengok perbincangan kita ini lebih kepada perbincangan membela *perpetrator*, bukan bercakap tentang isu

kanak-kanak yang menjadi mangsa keadaan seksual, jenayah seksual. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua tidak, saya tidak menghalang Yang Berhormat boleh membina kes-kes tetapi bagi saya setiap yang dibawa daripada semalam hanya bertema kepada *perpetrator*. Di manakah keadilan bagi mangsa kanak-kanak di bawah umur 18 tahun? Itulah kerajaan Barisan Nasional mahu rang undang-undang ini menjadi satu kenyataan. Kita tidak mahu polemik, saya faham. Akan tetapi seperti Yang Berhormat Setiu kata betul. Terpulang kepada proses undang-undang di mahkamah. Terpulang kepada hakim, terpulang kepada pendakwa raya, terpulang pada Polis Diraja Malaysia.

Akan tetapi kalau kerajaan tidak mewujudkan undang-undang kesalahan akses menjadi satu kesalahan, apakah sebenarnya amanah rakyat kepada kerajaan Barisan Nasional hari ini. Itu kenyataan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya menghormati....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu jawapan Yang Berhormat Menteri sudah berhenti untuk menjawab Yang Berhormat. Itu jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sudah habiskah rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi tugas saya Yang Berhormat sekarang ini untuk mengemukakan kepada Majlis sama ada setuju atau tidak kepada pindaan yang dicadangkan. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujui]*

*[Fasal 10 dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

#### **Fasal-fasal 11, 12, 13 dan 14 [Pindaan] -**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, fasal 11 rang undang-undang dipinda:

- (a) dengan menomborkan semula fasal itu sebagai fasal 23; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan jika apa-apa kesalahan di bawah bahagian ini dengan perkataan jika mana-mana kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual B jika mangsa ialah kanak-kanak .

Pindaan kepada fasal 11 bertujuan untuk menomborkan semula fasal itu sebagai fasal 23 untuk membolehkan peruntukan mengenai kesalahan oleh pertubuhan, perbadanan terpakai bagi mana-mana kesalahan di bawah rang undang-undang ini dan kesalahan di bawah jadual.

Rang undang-undang ini dipinda dengan menomborkan semula fasal 12 hingga 23 sedia ada masing-masing sebagai fasal 11 hingga 22. Penomboran semula fasal 11 menghendaki

penomboran semula fasal sedia ada, 12 hingga 23 sebagai fasal 11 hingga 22. Fasal 12 yang dinomborkan semula dipinda dalam subfasal (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan “15 atau 16”, dengan perkataan “14 atau 15”, berbangkit daripada penomboran semula fasal 11.

Fasal 13 yang dinomborkan semula dipinda:

- (a) dalam subfasal (1), dengan menggantikan perkataan “berjumpa dengan kanak-kanak itu” dengan perkataan “membuat perjalanan untuk berjumpa dengan kanak-kanak itu atau berjumpa dengan kanak-kanak itu” dan
- (b) dalam subfasal (1) dan (2) dengan menggantikan perkataan “15 atau 16” dengan perkataan “14 atau 15”.

Pindaan kepada fasal 13 yang dinomborkan semula bertujuan untuk memasukkan perbuatan membuat perjalanan untuk berjumpa dengan seorang kanak-kanak selepas berkomunikasi dengan kanak-kanak itu sebagai sebahagian kesalahan di bawah fasal ini, ia akan membolehkan pihak berkuasa yang berkenaan untuk membuat pencegahan awal sebelum penjenayah berjumpa dengan kanak-kanak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan tadi itu sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila, sila Yang Berhormat Sepang.

**15.28 ptg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sebelum itu saya hendak cakap sebenarnya kami semua bersetuju dengan akta ini. Cumanya bila kami bangkitkan ini supaya kita hendak memastikan akta ini dibuat dengan betul supaya kalau pendakwaan dibuat, dia boleh mencapai kejayaan, itu saja. Jangan salah anggap ya. *Don't treat us as hostile please, treat us as a friend* dalam hal ini ya.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terpulang. Sana dia tidak tahu apa-apa diam. Yang Berhormat Menteri okey, Yang Berhormat Menteri faham. Yang lain tidak faham diamlah. Yang Berhormat Setiu okey. Yang lain itu semua tidak payah cakaplah. Diam sajalah. Bising saja. Kalau tidak puas hati cakaplah. Jangan hu ha, hu ha juga, apalah. Cakap belakang-belakang pandai semua, dekat depan tidak cakap.

Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya pada Yang Berhormat Menteri, *child grooming* ini. Saya ada masalah sedikit hendak memahami yang 13(2) ini. Izinkan saya baca, *in any proceedings under this section, the fact that any offence under section 5, 6, 7, 8, 15 or 16 or any offence under the Schedule has been committed need not be specified or proven.*

Okey, maknanya kita lihat seolah-olah, saya, Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya sebab apa, saya hendak tanya fasal dia kata tidak payah *spesify*. Saya hendak bagi contoh Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat Seksyen 5 ini, dia dekat situ ada banyak kesalahan, *any*

*person who make, satu, produce, satu, direct the making, satu, direct the production satu, participate lagi, engage lagi. Banyak kesalahan.*

■1530

Walaupun nampak macam biasa tetapi di situ *contain many wrong action, conflict action*. Jadi saya hendak tanya Menteri, kalau kita letak di perenggan 13, subseksyen 2 ini kita kata tidak perlu *specify*, jadi ia akan mendatangkan satu masalah kepada tertuduh untuk dia tahu apa sebenarnya kesalahan dia, *makingkah, participatekah* atau apa? Jadi ini akan menyebabkan kesukaran termasuk juga kesukaran untuk pihak pendakwa. Ini semua akan digunakan oleh pihak peguam bela untuk mewujudkan keraguan dan akhirnya mungkin ada kesalahan pun tidak akan dapat dibuktikan dan tidak berjaya disabitkan.

Yang itu yang kami rasa sebagai Ahli Parlimen kita berbahas ini untuk kita hendak minta supaya sebarang *loophole* ataupun *lacuna* ini kita tutup. Ini yang kita punya fungsi sebagai Ahli Parlimen sebab bila kita pergi di mahkamah, selalu hakim menasihati kita kalau kamu tidak puas hati dengan undang-undang ini, kamu bahas di Parlimen. Bila bahas di Parlimen, kita jumpa jawapan macam ini. Jadi kita hendak beritahu dengan Menteri, macam mana Menteri nak *resolve* ini kalau sekiranya dibangkitkan isu okey, seksyen 5 ada banyak kesalahan, *you* tidak perlu buat *specify*. *How do you know which offend* yang dia telah *committed*? Jadi saya hendak tanya Menteri, macam mana Menteri hendak jawab benda ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

5.31 ptg.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya bawa rujukan kepada fasal 11 dan ia dibaca sedemikian dengan izin Tuan Pengerusi dalam bahasa Inggeris.

*“Where any offence under this Part has been committed by a body corporate, any person who at the time of the commission of the offence was a director, manager, secretary or other similar officer of the body corporate, or was purporting to act in any such capacity, or was in any manner responsible for the management of any of the affairs of such body corporate, or was assisting in such management, shall also be guilty of that offence unless he proves that the offence was committed without his knowledge, consent or connivance...” And the word there is ‘and’ Yang Berhormat Menteri, if you see that. “...And that he had exercised all due diligence to prevent the commission of the offence as he ought to have exercised, having regard to the nature of his functions in that capacity and to all the circumstances.”*

Now masalahnya yang pertama, kita lihat pembelaan yang dibawa melalui seksyen 11 jelas disebut di situ *“Unless he proves that the offence was committed without his knowledge, consent or connivance.”* Now, *if he proves that its was committed without his knowledge consent or connivance. Then the second part, “And that he had exercised all due diligence...”* It doesn't make sense because if he has no knowledge, then the question of exercising diligent doesn't arise, that number one.

*So, the question here is the word 'and' there use conjunctively or disjunctively? So, is it sufficient if a person establishes that without knowledge or must issue without knowledge and then he also exercised because if I said I have no knowledge so I wasn't there. The questions of me exercising all due diligence to prevent the commission offence dos not arise. So, it's a contradiction in terms, saya minta penjelasan untuk itu.*

Kedua Tuan Pengerusi, sekiranya dibenarkan saya merujuk kepada seksyen 12 untuk fasal 12(1) di mana disebut di situ "(a) Sexually communicates with a child." *The question is what is the meaning of communication here?* Ini penting kerana seperti mana saya sebut semalam dan saya ulang sekali lagi walaupun secara ringkas. *There will be instances* atau ada kalanya keadaan di mana pemuda-pemuda ini, bukan kanak-kanak biasa, kanak-kanak itu *children* tetapi *here* pemuda-pemudi juga *because under 18. Question will a rise*, di mana mereka ada perbincangan.

Perbincangan itu kemungkinan besar Tuan Pengerusi *and I more concern about this among their own age group because* dalam keadaan ini kita akan pasti ada di mana mereka jumpa dan *they will talk to themselves about this and there will be a communication between them. So, number one*, apakah yang dimaksudkan oleh komunikasi tersebut?

Kedua, *what happens when there is communication was coming from a child and how does this relate to a situation like that?*

Number three, berhubung kait dengan fasal (3) Tuan Pengerusi, "*No person shall be convicted for an offence under this section if the communication is for education, scientific or medical purposes.*" *Now*, perkataan "*education*" itu sangat luas. Ia tidak ditakrifkan di dalam peruntukan ini dalam keadaan mana persoalan saya, *what does it mean? And who is entitled to the defense of communication made for education.* Setakat itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Menteri.

### 3.35 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada Yang Berhormat Puchong yang mana Yang Berhormat Puchong bercakap tentang fasal 11 iaitu *body corporate*. Saya hendak merujuk dalam Bahasa Malaysia.

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan ya. "*Jika apa-apa kesalahan di bawah Bahagian ini dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana orang yang pada masa pelaksanaan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas mana-mana sifat sedemikian, atau mengikut apa-apa cara bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu, atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian, hendaklah juga bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pembiarannya, dan bahawa dia telah menjalankan*

*segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang dia patut jalankan, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan bagi segala hal keadaan.”*

Maknanya bahagian atas itu ada tanda koma nya kemudian di bawah ada perkataan, “dan”. Maknanya pembacaan di atas itu tanda koma bawah dan bawah itu ada “dan”. Itu pembacaan kita di bawah fasal 11, jawapan saya kepada Yang Berhormat Puchong.

Yang Berhormat Puchong juga menimbulkan isu tentang fasal 12.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya hanya berkaitan dengan 11 Tuan Pengerusi, kalau boleh. *Sorry* Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, *there is a case that was decided by the High Court* di Ipoh iaitu kes *PP vs Lam Peng Hoa* di mana peruntukan atau persoalan yang berbangkit adalah *whether or not its conjunctive or disjunctive. The distinction is this, if it's a conjunctive then it's read together. In other words, in order to succeed* ataupun untuk kita berjaya menegakkan pembelaan di situ, kita kena buktikan dua-dua, *the first and the second.*

*In other words, you have to show that you are no knowledge and that you are taken all steps whereas if it's disjunctive then it's stand independently.* Kalau dia mengatakan bahawa “*Yes, I have no knowledge.*” *That itself is sufficient, there is no need for him to rely on the second part as I said* ia tidak masuk akal kerana kalau saya kata saya tidak ada *knowledge, the question of me saying that, I took all reasonable steps to make sure it doesn't happen, doesn't arise.* Itu yang saya bangkitkan sebagai persoalan. *I just want it to be on Hansard whether or not the government position is disjunctive or conjunctive.* Itu soalan saya, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat, jawapan saya ialah kerana 11 adalah kesalahan oleh pertubuhan perbadanan, ialah sebuah syarikat. Jadi bagi saya bila syarikat itu selalunya kita tahu bahawa dalam undang-undang kita selalu banyak individu bila dia menjadi *director* mana-mana syarikat sebagai contoh, mereka akan mengatakan bahawa mereka tidak tahu sebab itu adalah keputusan yang dibuat oleh *board of members* atau *board of directors* sebagai contoh.

Akan tetapi apa yang kita tengok dalam aspek ini ialah kita mewujudkan senario menyatakan bahawa dia ataupun dia, *which is in reference* adalah syarikat tersebut, hendaklah juga dikata membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuan, *without the knowledge*, keizinannya dengan tanpa kebenaran atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha. Jadi di sini saya boleh katakan bahawa perkataan yang disebutkan itu adalah *conjunctive*. Itu boleh dimasukkan dalam *Hansard*. Terima kasih.

Yang Berhormat tanya fasal 12 yang mana saya tahu Yang Berhormat mewujudkan isu *sweetheart defense* ya, saya percaya itu Yang Berhormat katakan. Sebenarnya Yang Berhormat, ini adalah elemen falsafah rang undang-undang ini di mana kita *target* kepada *perpetrator*, memang selalu anggapan umum adalah terletak kepada mereka-mereka yang dewasa. Akan tetapi berlaku juga keadaan yang mana pelaku kepada kategori kanak-kanak. Itu sebabnya tajuk fasal 12 itu berkomunikasi secara seksual.

■1540

Dalam bahasa Inggeris, ia adalah perkataan yang dikatakan dengan izin Tuan Pengerusi, “*Sexually communicates with a child*”. Jadi memang ia mengatakan *any person*. *Any person* itu boleh jadi sesiapa dan kalau kita tengok kepada Akta Kanak-kanak atau *Child Act 2001*, kalau *perpetrator* itu adalah kanak-kanak, ia di dalam *Child Act* hukuman. Akan tetapi kalau *perpetrator* itu adalah orang dewasa, ia adalah di bawah rang undang-undang ini.

Apa yang cuba dinyatakan oleh kerajaan adalah, ada situasinya yang berlaku Tuan Pengerusi kadang-kadang ialah berkomunikasi secara seksual. Apa yang kemungkinan berlaku, ini kemungkinan ya di mana hari ini *boyfriend*, *girlfriend*, esok bergaduh. Selepas bergaduh semua gambar, semua komunikasi dia *forward* dekat kawan-kawan di sekolah sebab tengah marah. Ya lah orang bercinta. Orang apabila bercinta ini apabila dia sayang semua wangi, apabila dia tidak suka semua busuk. Betul tak? Saya tidak ada pengalaman. Betul? [Ketawa] [Dewan riuh] Ingatkan Menteri KKLW hendak bangun beritahu pengalaman.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** *You* tidak payah *explain*, *I know*. Sudah pukul 3.41 petang Yang Berhormat Puchong. Kalau tidak semua mengantuk. Jadi maksud saya ialah kerajaan berpegang kepada tema. *We are on the pretext that* kita berkata bahawa ini sesuatu yang kita tidak akan bertoleransi kerana mempunyai *sexual connotations*. Itu situasinya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta maaf.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Biar saya habiskanlah. Saya tahu yang mana Yang Berhormat. Akan tetapi kalau dia kata dalam pembelaannya bahawa, “*Ini pembelaan kami, ini adalah kerana kami bercinta, ini adalah kerana kami berkawan.*” Macam-macam alasan. Itu akan menjadi ukuran oleh mahkamah ataupun pendakwa raya ataupun polis pasal itu yang sebenarnya prosedur kes-kes jenayah dalam keadaan kita.

Akan tetapi kita juga tidak boleh lupa keadaan, Yang Berhormat Puchong. Contohnya keadaan yang mana ibu bapa memainkan peranan. Dia tidak suka dekat lelaki itu dengan perempuan itu katakan sebagaimana mana-mana contoh, dia menggunakan situasi tersebut supaya diadakan tindakan. Katakan penganiayaan. Penganiayaan ini boleh dilihat dalam keadaan yang begitu luas.

Jadi apa yang kita hendak buat ialah *intervention at the early stage*. Maknanya kita mengatakan ini suatu kesalahan. Itu *position* yang dibuat oleh kerajaan. Saya tidak boleh berkata bahawa ya kita tidak boleh adanya fasal seksualiti. Sekejap, saya pergi kepada bahasa Inggeris, kepada fasal, “*Sexually communicates with a child*” dalam fasal 12 untuk berkata bahawa perkara ini tidak diwujudkan.

Ini kerana *it applies to young children*. Kita tidak akan membuat kepada kaveat tersebut. Akan tetapi apa yang kerajaan katakan bahawa “12. (1) *Subject to subsection (3), any person who:*

- (a) *sexually communicates with a child; or*
- (b) *encourages a child to sexually communicate,*

*By any means, commits an offence and shall, on conviction, be punished with imprisonment for a term not exceeding three years.”* Itu apabila dia membuat *sexually communicate*. Kemudian dia baca dengan “(2) *For the purposes of this section, a person is said to sexually communicate if:*

- (a) *the communication or any part of the communication relates to an activity that is sexual in nature; or*
- (b) *any reasonable person would consider any part of the communication to be sexual.”*

Jadi perkataan seksual itu kena dibuktikan. Kemungkinan pada A tidak seksual, pada B adalah seksual. Ini tertakluk kepada keadaan. Akan tetapi inilah di mana peranan hakim, polis dan juga pendakwa raya akan memainkan peranan. Kemudian, perenggan tiga mengatakan pembelaan dia ialah, “*communication for education, scientific or medical*”. Akan tetapi dia sebenarnya “(3) *No person shall be convicted for an offence under this section if the communication is for education, scientific or medical purposes.*” Maknanya masih kepada hakim untuk berpuas hati. Itu jawapan daripada kerajaan. Silakan Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Secara ringkas. So, apa yang saya dengar adalah *that this provision is more incline* digunakan kepada orang dewasa, Yang Berhormat Menteri. Kemudian Yang Berhormat kata bahawa yang digunakan di situ kalau kita lihat kepada subseksyen (2), “*For the purposes of this section, a person is said to sexually communicate if:*

- (a) *the communication or any part of the communication relates to an activity that is sexual in nature;”*

Jadi, *every conversation that a couple or group of young, I won’t say adult* tetapi mereka dalam umur *for example 15 to 18. Discussion is about anything that related to an activity that is sexual nature will be an offence.* So, *how does that come back to the provision of the Child Act* Yang Berhormat Menteri?

*I just want have it on record that this particular act is more incline to be use against orang dewasa. Manakala the Child Act is more incline to be used against those that under the age 18 years old if I incorrect.* So, *I stand corrected* Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Tuan Pengerusi, sebenarnya yang saya sebut tentang Akta Kanak-kanak itu ialah bila *perpetrator* itu adalah kanak-kanak. Kalau dalam *perpetrator* itu telah melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang ini, dia di bawah bidang kuasa Akta Kanak-kanak. Sebagai contoh bawah seksyen 91 dalam Akta Kanak-kanak ini yang mengatakan tentang izinkan saya, “*If a court for children satisfied that an offence has been proves by the court in addition to any other powers exercisable by virtue of this act and the power to ‘A’, ‘B’, ‘C’, ‘D’...*” Macam-macam dia boleh buat untuk kanak-kanak, tidak semestinya hukuman tertentu tetapi dia boleh membuat deskripsi *admission discharge, discharge the child, order the child to pay fine, make a provision order and order the child to be send to Henry Gurney School.*



Jadi ini sebenarnya di bawah undang-undang yang sedia ada untuk kanak-kanak kalau *perpetrator*. Akan tetapi kalau *perpetrator* itu adalah orang dewasa, bawah, “*Sexually communicates with a child*” dengan juga bawah fasal 13 *child grooming* ataupun fasal 14 bawah *meeting following child grooming*, memang individu itu akan dikenakan di bawah undang-undang ini. Itu soalan Yang Berhormat untuk tanya saya dalam *Hansard*, itulah jawapan saya.

Yang Berhormat Sepang pula menimbulkan isu berkenaan dengan kesalahan *child grooming* fasal 13(2) yang mana Yang Berhormat Sepang mengatakan sub fasal 13(2) akan menyebabkan kes *child grooming* akan dibuang. Okey, ini saya ingin menyatakan bahawa dalam kesalahan kes *child grooming*, apa yang perlu dibuktikan ialah penjenayah telah melakukan komunikasi dengan niat untuk melakukan kesalahan yang dinyatakan. Oleh itu tidak perlu dinyatakan atau dibuktikan bahawa kesalahan tersebut telah dilakukan.

Untuk maklumat, kita perlu mengambil contoh-contoh daripada negara lain dalam definisi *child grooming* seperti *crime sex (New South Wales 1990)*. Itu maknanya *child grooming* itu ialah percakapan dia dalam *sexual in nature* sebagai pendekatan untuk membuatkan penggalakan. Itu sahaja jawapan saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, boleh tanya soalan?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri sudah duduk Yang Berhormat. Dia kata itu sahaja jawapan saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi saya takut. Saya hendak bangun nanti dia kata saya ganggu dia pula. Saya suruh dia duduk dahulu.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal-fasal 11 hingga 14 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

#### **Fasal 15 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi:** Sila.

#### **3.48 ptg.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu lagi pindaan. Saya ingin usulkan satu seksyen baru 15(a) yang baca hukuman di bawah seksyen 15 iaitu “*Amang seksual fizikal atas kanak-kanak*” tidak akan dikenakan terhadap pesalah yang perbezaan umur dengan mangsa adalah kurang daripada tiga tahun. Sebabnya saya bawa ini ialah jika kita tengok, akta asal 15(a) dikatakan, “*Mana-mana orang yang bagi maksud seksual menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak.*” Itu 15(a) dan di hujung selepas (d). “*Melakukan satu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.*”

So, di sini hukuman sebat boleh juga tetapi pemenjaraan itu nampaknya macam mandatorilah, 'hendaklah'. Ini kena baca bersama dengan seksyen 2(1) adalah "*Akta ini hendaklah terpakai kepada kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun.*"

■1550

Jadi, di sini jika kita ada satu situasi di mana ada seorang remaja berumur 19 tahun dengan *girlfriend* yang berumur 17 tahun, dia boleh disabitkan dengan kesalahan ini- *19 years old*. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebagai *Child Act* akan kecualikan dia, jika remaja itu *19 years old* ataupun 20 tahun, saya ingat *Child Act* tidak akan kecualikan dia. So, inilah sebabnya saya bawa ini kerana kita tidak mahu- walaupun kita tidak mahu galakkan *pre-marital sex* kah tetapi untuk kita memperjenayahkan, kita *criminalize* dan kita kenakan hukuman yang begini berat, *I think it is not the intention of the act*.

Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Pengerusi, untuk mengatakan kita ini sokong *perpetrator* iaitu pemangsa, *I think it is not fair*. Saya berdiri di sini kerana kita mahu jadikan akta ini lebih baik, lebih jelas. *So, we can do justice*. So, bila kita buat ini, bukan kerana kita hendak kacaukah, kita hendak *slow down*kah, untuk mengatakan kita *supporting* pemangsa, *I think it is below the belt*-lah *Minister to be*, dengan izin.

So, inilah sebabnya saya hendak bawa seksyen baru ini kerana saya rasa dengan pemindahan seksyen baru yang dibawa oleh Menteri sendiri, seksyen 26 berkenaan dengan *rehabilitation*, berkenaan dengan kaunseling, itu lebih berpatutan dengan orang yang berumur macam 19 tahun yang adakan *sexual relations* dengan yang berumur 17 tahun. So, saya harap ini dapat dipertimbangkan dan diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tiada lagi pembahas selain daripada Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Subang. Sila, Yang Berhormat Batu. Sila.

3.52 ptg.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ringkas sahaja. Saya ingin menyatakan sokongan. Sekali lagi *argument* kita konsisten, kita tidak mahu melepaskan mangsa, pada masa yang sama kita juga tidak mahu memangsakan seseorang yang melakukan kesilapan dan juga kalau kita boleh kata kesilapan atau kesalahan jenayah tetapi kita tidak mahu menjadikan undang-undang ini berunsur *draconian*. Sehingga kita menghukum seseorang itu, dalam remajanya melakukan kesilapan dan kita hantar dia ke tiga tahun penjara dan akhirnya keluar, sudah tentu dia jadi gengster yang lebih handal lagi kerana dalam umur yang begitu muda telah didedah dengan penjenayah yang lebih hebat macam Botak Chin.

So, itu kaveat yang di bawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput ini sedikit sebanyak akan melakukan *mitigation* supaya pelaku kesalahan yang bermotif, *I mean innocent motive* itu boleh di *spare from the harsh punishment*. Itulah sebab saya ingin nyatakan sokongan.

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat Subang.

**3.54 ptg.**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bangun untuk menyokong semangat pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Tuan Pengerusi, kita semua tahu dan sokong niat kerajaan untuk menangani masalah pedofilia iaitu orang-orang dewasa yang cari kanak-kanak untuk dijadikan mangsa mereka. *The victims of pedophilia*. Memang kita kena pastikan dan buat undang-undang untuk memastikan mereka diheret ke mahkamah, di dakwa dan dihukum dengan hukuman yang setimpal. Itu kita sokong penuh. Akan tetapi seperti mana yang Yang Berhormat Batu sebut, jangan kita pada masa yang sama memangsakan kategori remaja yang tidak patut dijadikan penjenayah yang mungkin boleh jadi kalau kita pakai pendekatan yang sekarang ada. Saya faham Yang Berhormat Menteri sudah sebut dengan tegas bahawa pendirian kerajaan ialah pembelaan *sweetheart defence* itu tidak akan diterima oleh pihak kerajaan.

Itu okey. *I mean*, kerajaan ada hak untuk mengambil pendirian itu. Akan tetapi pada masa yang sama, kerajaan juga ada tanggungjawab kepada masyarakat, kepada rakyat Malaysia untuk memastikan pendekatan yang seragam digunakan di dalam undang-undang secara keseluruhan. Apabila kita pakai pendekatan yang bercanggah, bila kita banding satu undang-undang jenayah dengan satu undang-undang yang lain, itu akan mencemarkan imej sistem perundangan dan akan dipersoalkan. Itu *point* yang kita sudah sebut dan kita harap difahami oleh pihak kerajaan.

Ini kerana kita di sini kita ambil pendirian bahawa semua yang boleh dikenakan, yang terlibat di sini berumur 16 tahun dan 17 tahun, kalau didapati melakukan ini, boleh dituduh. Itu akibat yang akan berlaku kalau kita gunakan pendekatan di seksyen 15, dan seksyen 16 sekarang. Pada masa yang sama, di undang-undang yang lain, hubungan seks yang melibatkan persetujuan tidak dijadikan satu jenayah di bawah *Penal Code* sebagai contoh. Hanya kalau seseorang yang terlibat berumur 15 tahun dan ke bawah, bila masa itu memang itu dijadikan jenayah, itu memang wajar jadi jenayah dan negara-negara lain pun menggunakan pendekatan yang sama. Kalau di sini, 16 tahun, 17 tahun, semua akan dijadikan jenayah kalau mereka terlibat. So, itu maksud saya, pendekatan yang bercanggah. Silakan, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekarang ini, dalam seksyen ini ia bukan sahaja hubungan seks. *Sexual communication*. Itu yang lebih serius lagi sebab saya boleh setuju kalau dia tahan kata hubungan seks sebab *this is communication with sexual content*. Itu yang *I think overdo a little bit*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya setuju. So, itu yang kita bangkitkan untuk pertimbangan kerajaan iaitu bukan kita- Yang Berhormat Menteri, saya tahu dalam jawapan pun akan tegaskan pendirian lagi. Kita tetap tidak akan membenarkan pembelaan *sweetheart defence* Akan tetapi kalau ambil pendirian itu, seragamkan pendekatan kita. *That means, we have to make sure all our laws are consistent*. Itu yang akan mencemarkan

imej sistem perundangan dan, dengan izin, *will bring the system into this repute, into this ridicule* kalau kita buat macam ini. Percanggahan yang ketara.

Dari segi *drafting* Tuan Pengerusi, itu bukan satu masalah yang besar. Saya bagi satu contoh yang ringkas. Seksyen yang lebih kurang sama, kesalahan yang sama di *United Kingdom* dan cara mereka mendrafkan kesalahan itu, saya baca, dengan izin. Inilah kesalahan bila macam *the physical sexual*. Bila *touching* dan sebagainya. Saya baca dalam bahasa Inggeris. *Sexual activity with a child*. Dia berbunyi macam ini. “*A person aged 18 or over...*” So, itu untuk yang pesalah itu.

“*A person aged 18 or over, A commits an offence if:*

- (a) *he intentionally touches another person B;*
- (b) *the touching is sexual; and*
- (c) *either*
  - (i) *B is under 16 and A does not reasonably believe B is 16 or over; or*
  - (ii) *B is under 13.”*

Dengan jelas mereka takrif kesalahan dan ia menangani isu umur juga. Jadi, dengan pendekatan itu, mereka pastikan memang sasaran sampai ke tempat yang betul, yang wajar.

#### ■1600

Maksudnya kita bagi perlindungan kepada remaja-remaja yang 15 tahun ke bawah. Kita tidak jadi mangsa-mangsa yang tidak disengajakan pada mereka yang berumur 16 tahun, 17 tahun, 18 tahun yang begitu. So, itu yang sekali lagilah kita merujuk kepada pihak kerajaan ya. *You have to be consistent about it*, dengan izin. Kita patut ada satu pendekatan yang sama di undang-undang jenayah lain, *Penal Code* dan sebagainya. Kalau tidak, ini akan membangkitkan persoalan, macam mana kita buat satu pendekatan yang berbeza atau bercanggah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Sepang.

#### 4.00 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Okey saya menyokong pindaan yang dicadangkan oleh rakan saya Yang Berhormat Sungai Siput. Cuma saya hendak menambah Menteri, tiga perkara yang ingin saya bangkitkan di sini berkaitan dengan *part 4* ini iaitu *offences relating sexual assault*, seksyen 15 ini.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, pada permulaannya saya memang, saya hendak kaitkan seksyen 15 ini dengan seksyen 3 Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab, *extra-territorial application*. Saya masih boleh menerima kalau *extra-territorial application* ini terpakai kepada *child grooming* ataupun pornografi sebab ia melibatkan kita tahu sekarang kita duduk dalam *global village*, atau *borderless world* ini, memang kita tahu memang kesalahan ini bersifat *extra-territorial*. Akan tetapi bila melibatkan *physical assault* ini, serangan seksual ini, yang dikatakan

apabila telah dikenakan pendakwaan di negeri lain, tiba-tiba boleh didakwa lagi di negeri Malaysia ini.

Semalam telah dibincangkan oleh rakan saya daripada Bukit Gelugor mengatakan dia akan dengan izin, *attract double jeopardy* dalam *Article 7 of the Federal Constitution*. Akan tetapi saya melihat lebih daripada itu. Apabila kita hendak dakwa orang berkaitan dengan *sexual assault* ini, sudah tentu kita memerlukan saksi itu memberi keterangan, maknanya secara fizikal kita kena bawa dia ke Malaysia.

Saya hendak bagi contoh Yang Berhormat Menteri, kalau kata berlaku di negara luar yang jauh daripada negara kita, katakanlah berlaku di negara Amerika Latin. Tiba-tiba di sana mereka di sana telah didakwa kerana dia telah, mungkin telah melibat kesalahan dengan kanak-kanak di sana. Tiba-tiba balik Malaysia, kena dakwa atas kesalahan yang sama dan sudah tentu ia melibatkan kanak-kanak di negara itu.

Jadi macam mana kita hendak- ya walaupun Yang Berhormat Menteri kata mungkin kita boleh bawa ke Malaysia, sudah tentu ia memerlukan perbelanjaan, kos yang tinggi dan juga mungkin memerlukan *interpreter* dan sebagainya. Sudah tentu ini akan mungkin menyebabkan perbicaraan lebih *costly* dan lebih panjang lagi dan mungkin juga akan menimbulkan banyak masalah. Jadi saya hendak tanya macam mana Yang Berhormat Menteri hendak *reconcile* antara *sexual assault* ini dengan pemakaian *extra-territorial* ini? Itu yang pertama.

Keduanya, berkaitan dengan *sexual proposes*. Saya tidak pasti Yang Berhormat Menteri, sebab mereka tidak ada *definition* dalam *translation purposes* itu. Kita tidak tahu apakah yang dimaksudkan dengan tujuan *sexual* itu. Oleh sebab dia kata kalau kita pegang, sebab dia kata kita pegang sebab dia kata *any person*, mungkin seorang bapa dengan anak, seorang abang dengan adik, dia boleh berlaku dalam *family* juga. Saya tidak kata mereka tidak boleh buat kesalahan *sexual assault* itu. Akan tetapi kalau kadang-kadang mungkin orang dengan tujuan untuk hendak *education* tetapi oleh kerana ada seksyen ini, mungkin orang-orang tertentu boleh didakwa juga. Jadi ia akan menimbulkan mungkin, kita takut akan *open to abuse*. Itu yang kedua.

Ketiganya Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya juga tentang hukuman ini. Hukuman dikenakan berat, iaitu hukuman ia adalah bukan sahaja hukuman penjara yang tidak melebihi 20 tahun tetapi juga hukuman sebat. Saya tahu undang-undang cadangan ini, juga sebatan ini akan dikenakan orang pesalah yang lebih 50 tahun. Kalau kita lihat dalam seksyen ini, dia menggunakan perkataan *hence*, izinkan saya baca dalam bahasa Inggeris pada muka surat 10, *any person who, for sexual purposes, (a) sampai (d) commits an offence and shall, on conviction, be punished with imprisonment for a term not exceeding 20 years and, bukan or, and shall also be liable to whipping*. Pertama perkataan *and*, kedua *shall*.

Maknanya perkataan ini menunjukkan bahawa dia adalah satu yang dia kata *conjunctive*. *Conjunctive* maknanya dibaca bersama. Maknanya kalau dia sudah kena 20 tahun, kena juga sebatan. Cuba kita bayangkan kalau orang itu umur 70 tahun, seorang datuk. Bukanlah saya kata saya merestui datuk apa dia buat pada cucu, tetapi logiknya kalau seorang datuk yang mungkin sudah tua, sudahlah masuk penjara, selepas tu kena sebat lagi, *I don't think they can survive*. Jadi ini mungkin menimbulkan silap-silap kena *civil action* pula.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, macam mana tiga soalan itu Yang Berhormat Menteri hendak jawab. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Setiu, bahas.

#### 4.06 ptg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini dengan pindaan baru ini 15A yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Saya rasakan pindaan ini tidak, hendak kata tidak masuk akal, pelik sikitlah, pelik sikit. Jadi seolah-olah kalau kita hendak menerima pindaan ini, seolah-olah mangsa boleh dipilih. Maknanya, *perpetrator* ini dia boleh pilih mangsa dia yang berumur dalam lingkungan tiga tahun, beza umur itu tiga tahun.

Jadi ini, saya rasa tidak ada justifikasi langsung. Oleh sebab kalau macam tu, kalau umur 19 tahun dia boleh pilih yang umur 17 tahun, tidak jadi salah. Ini kan pelik namanya ini. Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tu lari jauh dengan pindaan yang kita hendak buat hari ini. Jadi saya tidak menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

#### 4.07 ptg.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput, iaitu bahawa diwujudkan 15A ya, saya menjawab dan juga poin-poin yang dibawa oleh Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Subang.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, bagi pihak kerajaan kita telah mewujudkan selepas ini iaitu pindaan kepada fasal 15 yang mana fasal 15 itu dibuat satu pindaan dalam mewujudkan huraian. Dalam huraian ini kita meletakkan dengan menentukan apakah yang beri maksud seksual, mahkamah boleh menimbang antara lain perkataan yang diguna sifat dan takat gerak isyarat dan semua hal keadaan yang berkenaan dengan pelaku itu.

Maknanya, yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat membawa maksud kepada fasal 15 dengan mengatakan elemen yang pertama itu berkenaan dengan *sweetheart defense*, kemudian dengan elemen yang kedua mengatakan bahawa apakah sebenarnya maksud *sexual purposes*. Sebenarnya selalu yang berlaku Tuan Pengerusi ialah mana mahkamah dan juga pihak pendakwa dan juga polis itu akan melihat kepada perkataan *for sexual purposes*. Itu sebabnya kita buat pindaan itu, sekejap lagi dalam huraian itu untuk memberikan *guidance* kepada mahkamah, tetapi bukan kepada definisi. Oleh sebab perkataan seksual ini, kalau kita tengok *dictionary* ialah perkataan yang boleh dilihat dalam banyak situasi, *pasal pentafsiran* seksual itu sendiri.

#### ■1610

Jadi dalam perkara ini, memang ia mengatakan *any person* itu memang kalau bawah 18 tahun itu dia akan kena, kalau dia adalah *perpetrator*. Akan tetapi lebih 18 tahun dia kena di bawah rang undang-undang ini saya sudah sebutkan tadi. Akan tetapi, *sexual purpose* itu adalah budi bicara hakim yang mana siasatan telah dilakukan oleh pihak berkuasa yang mana sekejap

lagi fasal 15(2) itu kita akan bawa dalam huraian tentang pembantuan untuk kerajaan memberikan penerangan yang lebih mendalam sikit dalam maksud *sexual purpose*.

Jadi dalam perkara ini, saya hendak menjawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat akan timbulkan isu ini lagi sekali dalam pindaan. Akan tetapi saya ingin mengatakan yang mana dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput berkenaan *sweetheart defense* iaitu umur tiga tahun. Perbezaan tiga tahun itu ialah sesuatu yang kerajaan tidak boleh menerima kerana apabila kita melihat kepada *physical sexual assault on a child*, kita melihatkan ia sebagai satu kesalahan tidak kira siapa yang melakukannya sebab sekali lagi yang saya katakan bahawa ini adalah permulaan kepada tindakan dan undang-undang ini dalam fasal ini dilihat sebagai *intervention*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]*

#### **Fasal 15 [Pindaan – YB. Kulai] -**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya di sini mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 ini dipinda seperti berikut iaitu menambah satu fasal yang baru, fasal 15A, di mana perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak dengan perkataan seperti berikut, “15A, *walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak adalah diharamkan.*” Saya membuat cadangan ini kerana rang undang-undang yang sekarang kita bincang telah mengharamkan peruntukan dan sentuhan mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak bagi maksud seksual.

Tuan Pengerusi, negara kita sedang menangani satu *UN resolution* untuk menghapuskan perkahwinan kanak-kanak semasa *Human Rights Council* pada Oktober tahun 2013. Akan tetapi, sehingga sekarang masih banyak berlaku kes-kes perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak. Negara kita juga telah menangani CEDAW dan Artikel 16 CEDAW mengatakan bahawa dengan izin, “*states party shall take all appropriate measures to eliminate discrimination against women in all matters relating to marriage and family relations and in particular shall ensure: (b) the same right freely to choose a spouse and to enter into marriage only with their free and full consent.*” Saya rasa perkataan yang paling penting di sini ialah *free and full consent*.

Kanak-kanak kita tidak ada *capacity* untuk memberi *free and full consent* kerana di bawah undang-undang Malaysia kanak-kanak kita tidak boleh merokok, mereka tidak boleh pandu kereta dan mereka juga tidak boleh undi sehinggalah umur mereka mencapai 21 tahun. Jadi kenapa kita boleh menganggap bahawa kanak-kanak kita yang bawah umur ini mempunyai kapasiti untuk memberi *free and full consent* untuk memasuki perkahwinan.

Saya hendak mengulang pendirian kerajaan kita beberapa kali. Pada tahun 2015, pada 30 November dan ini saya ambil daripada *Hansard*. Semasa penggulungan, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengatakan berkaitan dengan perkahwinan kanak-kanak, "*Kementerian tidak menggalakkan perkahwinan kanak-kanak lelaki dan perempuan bawah 18 tahun kerana sebenarnya menghalang perkembangan sepenuhnya kanak-kanak termasuklah dari segi pendidikan mereka, kesihatan dan juga sosial. Kementerian akan terus bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memberikan kesedaran kesihatan, reproductive kanak-kanak agar mereka sedar akan keburukan perkahwinan awal ini.*" Ini adalah pendirian Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

Bukan itu sahaja, pada 12 April 2016, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Batang Sadong juga mengatakan semasa satu program di Kedah menyatakan bahawa dengan izin, "*child marriage is a very serious issue and should be curb*", *I quote*. Bukan itu sahaja, pada September tahun 2015, isteri Perdana Menteri kita, *the first lady of Malaysia* semasa satu "*Breakfast Panel on Girls, not Bride*" di *New York* juga menyatakan bahawa kerajaan kita ada usaha untuk meningkatkan minimum umur untuk perkahwinan daripada 16 tahun ke 18 tahun.

Akan tetapi selepas kesemua kenyataan yang telah dibuat oleh *First Lady of Malaysia* oleh Menteri-Menteri kita tetapi lebih daripada 9,000 kes perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak telah berlaku dalam tempoh masa lima tahun. Apa yang sebenarnya berlaku? Ataupun apa cerita kisah sebenarnya tentang perkahwinan kanak-kanak ini?

Saya hendak merujuk kepada satu kes di mana nampaknya kedua-dua orang adalah remaja. Ini berlaku pada hujung tahun 2012 di Kedah di mana pengantin lelaki Mohd Fahmi Alias berumur 19 tahun dan pengantin wanita itu hanyalah berumur 12 tahun, nama dia Nor Fazira Saad. Akan tetapi, kurang daripada seminggu sebelum sempat menyambut ulang tahun pertama perkahwinan, mereka disahkan bercerai dengan talak tiga pada 11 November di Mahkamah Syariah Kulim.

Menurut ayah Nor Fazira, yang bernama Saad Mustafa dia mengizinkan pernikahan anaknya dengan Mohd Fahmi kerana Nor Fazira telah diperkosa oleh Mohd Fahmi dan dua kawan lelakinya empat bulan sebelum perkahwinan ini dilangsungkan. Kes ini telah dilaporkan kepada polis pada 15 Julai 2012. Namun dia didatangi ibu bapa Mohd Fahmi selama beberapa hari berturut-turut merayu agar laporan ini ditarik balik kerana tidak mahu Mohd Fahmi disabitkan kesalahan dan menerima hukuman penjara. Ekoran daripada rayuan itu, beliau setuju untuk menarik balik laporan polis yang dibuat serta menikahkan anaknya yang baru berusia 12 tahun ketika itu dengan Mohd Fahmi pada 17 November 2012.

Nor Fazira turut memberitahu ayahnya pada Oktober 2013, bahawa dia tidak tahan dengan layanan keluarga mertuanya dan memutuskan untuk meminta cerai. Saad turut berkata bahawa keluarga Mohd Fahmi memang tidak menyukai anaknya dari mula perkahwinan. Nor Fazira juga selalu didera secara fizikal serta tidak diberi makan oleh keluarga mertuanya. Ini adalah kisah benar tentang perkahwinan kanak-kanak.



Bukan itu sahaja, Tuan Pengerusi, kes sebegini sudah banyak berlaku. Pada tahun 2016, seorang lelaki yang bernama Ahmad Syukri Yusuf yang berumur 22 tahun didakwa di mahkamah kerana mempunyai perhubungan seks dengan seorang perempuan yang berumur 14 tahun. Akan tetapi, beliau mendapat keizinan untuk kahwin dengan mangsa *statutory rape* ini. Selain daripada itu, pada tahun 2013 Riduan Masmud yang berumur 40 tahun juga mendapat keizinan untuk berkahwin dengan mangsa rogol yang baru-baru berusia 13 tahun. Mangsa rogol dia menjadi isteri kedua kepada Riduan Masmud ini. Riduan Masmud sudah mempunyai anak-anak yang berumur di antara tiga tahun sehingga 18 tahun. Maksudnya anak sulung beliau lebih tua daripada isteri kedua beliau. Akan tetapi ini berlaku di Malaysia.

Bukan itu sahaja, pada tahun 2015, sekali lagi seorang lelaki yang berumur 35 tahun didakwa di mahkamah kerana merogol adik kepada isterinya yang baru-baru berumur 11 tahun. Isterinya hanya berusia 14 tahun dan isterinya adalah seorang OKU.

■1620

Saya hendak tanya di sini, kenapa seorang OKU yang baru berumur 14 tahun boleh kahwin dengan seorang dewasa yang berumur 35 tahun. Banyak kajian yang telah menunjukkan bahawa salah satu keburukan perkahwinan kanak-kanak ini adalah, semua ini, pengantin budak-budak ini mereka selalu menjadi mangsa penderaan. Dalam kes ini, yang saya rujuk ini bukan sahaja isteri OKU ini menjadi seorang mangsa tetapi adik dia yang baru 11 tahun juga menjadi seorang mangsa. Suami ataupun lelaki yang berumur 35 tahun ini bukan sahaja merogol adik isterinya tetapi merakamkan proses itu dan kongsi dengan rakan-rakan dia.

Saya rasa Tuan Pengerusi, sudah banyak kajian yang menunjukkan bahawa bukan sahaja pengantin-pengantin bawah umur ini senang menjadi mangsa penderaan fizikal ataupun mental mereka juga adalahlah *chances for them to die is five times more likely than an adult woman*, dengan izin. Bukan itu sahaja kebanyakan budak-budak ataupun kanak-kanak bawah umur ini mereka tidak berpeluang untuk sambung pelajaran selepas perkahwinan.

Saya hendak sebut di sini kami memang sokong rang undang-undang ini dan semasa perbahasan semalam dan juga hari ini sudah cukup banyak kali kita mengejar ini pedofilia dan jangan kita lupa pedofilia yang paling teruk di-*history* di sejarah kita Richard Huckle. Beliau sebenarnya dia sebenarnya ada rancangan untuk kahwin dengan salah seorang mangsa dia tetapi nasib baik semasa dia balik UK untuk Krismas dia ditangkap oleh pihak polis UK. Kalau tidak dia balik di Malaysia mungkin sekarang salah seorang mangsa dia yang di bawah umur ini telah menjadi isteri dia.

Saya hendak tanya, pedofilia adalah seorang penjenayah kita cakap mereka lagi teruk daripada binatang. Kenapa kita boleh mengizinkan anak-anak kita untuk kahwin dengan mereka yang suka budak-budak yang hanya berumur 10 tahun, 12 tahun ini. Semasa perbahasan ada beberapa Ahli Parlimen yang telah menyatakan bahawa saya sebagai seorang Ahli Parlimen yang bukan beragama Islam tidak sepatutlah sentuh perkara ini tetapi saya di sini hanya hendak kongsi pengetahuan di banyak negara di mana kebanyakan penduduk adalah *Muslim* seperti Algeria, *Egypt*, *Morocco*, umur minimum untuk lelaki dan perempuan untuk perkahwinan adalah 18 tahun. Kenapa kita di Malaysia kita tidak boleh mencontohi negara-negara ini?

Hari ini saya membentangkan pindaan ini untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri dan juga pihak kerajaan bukan dalam kapasiti sebagai seorang Ahli Parlimen yang bukan beragama Islam, bukan dalam kapasiti saya sebagai seorang ahli politik daripada DAP tetapi saya buat rayuan ini dalam kapasiti saya sebagai seorang ibu... *[Tepuk]* Kalau kita tidak hendak anak-anak kita yang bawah umur menjadi seorang isteri dan menjadi seorang ibu biarlah kita *united on this* hapuskan, haramkan dan hentikan perkahwinan bawah umur ini. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Belum lagi Yang Berhormat. Belum lagi saya kemukakan untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya adalah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching telah dibentangkan tadi itu sekarang terbuka untuk dibahaskan. Sila, saya bermula daripada pihak kerajaan. Sila, Yang Berhormat Tasik Gelugor sudah berapa kali bahas, sila Yang Berhormat. Sila.

#### 4.24 ptg.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kulai dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai yang telah pun memberikan pandangan-pandangan yang telah dinyatakan sebentar tadi. Cuma di sini saya juga ingin berkongsi pandangan dan memberikan beberapa hujah-hujah dan perkara-perkara yang perlu kenapa usul ini tidak boleh diterima dan kenapa usul ini tidak bersesuaian dengan keadaan kita di Malaysia.

Pertama sekali, kita perlu memahami bahawa sebenarnya bagi negara kita di Malaysia kita mempunyai dua undang-undang salah satunya ialah Enakmen Keluarga Islam yang digunakan di negeri-negeri termasuklah juga Enakmen Keluarga Islam di Wilayah Persekutuan. Dalam enakmen ini, yang telah pun diluluskan dan juga akta yang telah pun diluluskan oleh Parlimen ataupun di setiap Dewan Undangan Negeri berlandaskan kepada roh ataupun *spirit* Perlembagaan yang memberi ruang yang meletakkan pengamalan undang-undang syariah itu sebagai suatu undang-undang yang diterima pakai oleh Perlembagaan.

Maka dengan sebab itu kalau kita merujuk terutama sekali dalam Enakmen Keluarga Islam di negeri-negeri, saya mengambil contoh kalau di tempat saya di negeri Pulau Pinang, Enakmen Keluarga Islam (Pindaan) Tahun 2004 dan saya rasa negeri-negeri lain pun lebih kurang pada tahun yang sama juga telah pun dibuat pindaan di mana dalam seksyen 8 telah menetapkan bahawa umur perkahwinan bagi seorang lelaki- untuk seorang Muslim ialah 18 tahun. Tadi Yang Berhormat Kulai ada menyebutkan di Algeria dan sebagainya umur perkahwinan adalah 18 tahun, sebenarnya di Malaysia pun telah menetapkan bahawa umur perkahwinan lelaki itu di atas 18 tahun. Begitu juga bagi seorang perempuan Muslim apabila dia berumur 16 tahun dan ke atas maka dia boleh memohon untuk berkahwin.

Jadi dalam hal ini, umur 16 atau 18 tahun itu adalah merupakan umur yang telah pun dipersetujui secara undang-undang dan juga oleh syarak di dalam urusan nikah kahwin orang-orang Islam. Cuma dalam hal ini, bagi satu keperluan *mashalih mursalah* dan juga masalah umum maka ada satu lagi peruntukkan ataupun klausa dalam seksyen 18 yang memperuntukkan bahawa bagi kes-kes tertentu di bawah umur 16 tahun bagi seorang gadis apabila ianya perlu dikahwinkan, maka ia mestilah mendapat terlebih dahulu kebenaran daripada Mahkamah Syariah.

Jadi dalam hal ini, sistem kita sudah begitu cantik dan sempurna kalau kita melihat bagi kes-kes perkahwinan bawah umur 16 tahun dia tidak boleh dengan sewenang-wenangnya dikahwinkan. Ia mesti merujuk kepada keputusan Hakim Mahkamah Syariah terlebih dahulu dan Hakim Mahkamah Syariah mempunyai kriteria dan juga pertimbangan-pertimbangan yang khusus terutama sekali pertimbangan-pertimbangan yang dilandaskan daripada kehendak-kehendak syariat, kehendak-kehendak dan tuntutan agama dan Hakim Mahkamah Syariah juga tidak boleh sewenang-wenangnya memutuskan suatu perkahwinan boleh dilakukan bagi seorang gadis berumur 16 tahun dan ke bawah.

Dalam hal ini kalau kita melihat, di antara perkara-perkara yang menjadi pertimbangan kepada hakim-hakim di peringkat mahkamah syariah ialah tentang kemaslahatan kepada anak gadis tersebut. Sekiranya dipertimbangkan, ada masalah, ada kebaikan, ada kepentingan bahawa seorang gadis itu dikahwinkan, malah apabila ianya dipersetujui oleh walinya iaitu bapa ataupun wali-wali yang lain, maka kewajaran pernikahan itu boleh dilangsungkan.

Jadi dalam hal ini, tidaklah boleh sewenang-wenangnya seorang gadis di bawah 16 tahun berkahwin dengan mana-mana lelaki. Tetapi isu yang di timbulkan oleh Yang Berhormat Kulai...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Penjelasan.

■1630

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Akan tetapi isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kulai dalam beberapa contoh yang disebutkan tadi, saya melihat seolah-olah ia adalah merupakan dua perkara iaitu isu tentang jenayah seksual dan isu tentang perkahwinan bawah umur. Kedua-dua perkara ini boleh dilihat secara berasingan. Isu jenayah seksual, berlakunya persetubuhan haram dengan seorang perempuan di bawah umur 16 tahun adalah boleh ditakrifkan sebagai perlakuan rogol. Maka dalam hal ini, dalam Islam sendiri pun tidak memberikan apa-apa pengecualian.

Maka sekiranya ada apa-apa peraturan undang-undang yang boleh menghukum orang yang merogol, maka undang-undang rogol itu boleh dijalankan. Akan tetapi dalam masa yang sama, dia tidak mengganggu sekiranya pasangan itu diputuskan ataupun dipersetujui untuk berkahwin kerana tidak salah seorang gadis di bawah umur 16 tahun bersabit dengan rogol, dia berkahwin dengan orang yang merogolnya. Itu dari segi undang-undang perkahwinan tidak ada apa-apa kesalahan. Akan tetapi kesalahan yang berlaku di sini ialah orang yang merogol itu. Merogol seorang gadis di bawah umur 16 tahun, itu adalah satu isu lain, isu jenayah yang mana orang yang berkenaan boleh dan memang sepatutnya pun dikenakan apa-apa peraturan yang telah dikuatkuasakan di dalam negara kita...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Jadi, jadi dalam hal ini kita perlu tahu mengasingkan antara isu mengharamkan perkahwinan di bawah umur 16 tahun dengan isu jenayah yang berlaku tadi. Jadi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Ingin penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor. Yang Berhormat Kota Raja bangun.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Ya, sekejap. Saya habiskan penjelasan saya sedikit. Jadi dalam hal ini, apa yang kita lihat, apa yang perlu kita pertimbangkan, perhalusi betul-betul ialah dari segi positifnya. Dari segi positifnya apabila ada undang-undang yang membolehkan seorang perempuan bawah 16 tahun itu berkahwin kerana dalam hal ini kalau kita lihat, ada perkara-perkara yang boleh mendatangkan kebaikan dan bukan ramai pun yang berkahwin di bawah umur 16 tahun ini.

Jadi dalam hal ini, sekiranya, tadi Yang Berhormat Kulai menyebut, "*Oh! Dia akan menyebabkan berlakunya perceraian.*" Cuma satu, dua kes yang berlaku perceraian. Akan tetapi lebih banyak kes yang tak berlaku perceraian pun. Malah, anak gadis yang berkenaan lebih selamat apabila dikahwinkan daripada dibiarkan begitu sahaja. Kebanyakan kes-kes perkahwinan – saya bercerita sebab pengalaman saya juga dulu Hakim Mahkamah Syariah. Pengalaman saya melihat, ada anak-anak yang di bawah 16 tahun tetapi dia sukar dikawal oleh keluarga dia. Kehidupan dia agak begitu liar dan sebagainya.

Akan tetapi bila kita dengan persetujuan walinya dan dengan keadaan dirinya yang begitu, apabila gadis ini dikahwinkan dan dia telah pun dijaga dengan begitu baik oleh suaminya dan juga di bawah pengawasan keluarga dia. Maka mereka hidup dalam sebuah keluarga yang aman damai dan tidak ada masalah yang begitu teruk. Akan tetapi apa pun yang saya boleh simpul di sini ialah bukan semua perkahwinan itu bersewenang-wenang, dipermudahkan, tidak. Berkecuali perkahwinan yang bawah umur ini mestilah dengan pertimbangan yang paling wajar oleh pihak mahkamah dan barulah kebenaran itu diberikan. Silakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. *Alhamdulillah*, saya rasa dengan pengalaman sebagai Hakim Mahkamah Syariah itu yang penjelasan yang telah diberikan. Cuma saya hendak tanya, bagaimana ya, kita sudah ada peraturan ini dan hakim telah, maknanya mempunyai *discretion*

dia untuk membenarkan perkahwinan di bawah 16 tahun ini, boleh melepaskan ataupun boleh membenarkan umur 12 tahun, agak sangat muda.

Saya setuju bahawa kalau zaman ibu bapa kita dulu 16 tahun, 15 tahun kerana itu adalah norma di masa zaman mereka. Akan tetapi norma pada zaman kita adalah kanak-kanak itu umurnya lebih tinggilah sebelum dia melepasi zaman kanak-kanak. Cuma saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat Tasek Gelugor, bagaimana kalau pendapat kita meletakkan tarikh umur perkahwinan 18 tahun dan bawah daripada 18 tahun untuk orang Islam juga melalui kebenaran mahkamah kerana ini akan memberi lebih timbang tara. Maknanya 16 tahun atau 18 tahun pun perlu melalui mahkamah juga supaya kita boleh menangkis ataupun kita ada lebih *measures* untuk memastikan bahawa tidak terlepas yang 16 ke 18 tahun ini.

Sekiranya bawah daripada 16 tahun itu garis panduan kepada mahkamah dan sebagainya lebih ketat sebab saya kurang bersetuju jugalah kalau kita hendak menyelesaikan masalah keliaran anak itu, kita kahwinkan dia. Kalau suaminya itu seorang yang boleh mendidik dia, tak apa. Akan tetapi kalau dapat suami pun haprak juga, minta maaf saya guna, maka dia bakal menjadi mangsa.

Jadi maka, penilaian hakim itu saya rasa perlu lebih terperinci untuk melindungi, bukan untuk menghalang. Saya meminta supaya kita umat Islam melihat kepada perkara ini secara positif dan bukan secara negatif. Mungkin hakim-hakim ataupun para ulama boleh melihat semula perkara ini kerana perkara ini menjadi sesuatu perkara yang jadi negatif walaupun kita kata tidak ramai kes yang begini. Akan tetapi biasanya yang tak ramai itu, "*nila setitik maka rosak susu sebelanga*". Terima kasih.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih, lupa dah.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Kota raja.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja atas pandangan tadi. Cuma di sini kita perlu melihat bahawa di Malaysia bukan sekadar undang-undang di Mahkamah Syariah, tetapi undang-undang Mahkamah Anak Negeri, *Native Court* juga di Sabah, Sarawak pun memberikan *condition* yang lebih kurang macam yang dipraktikkan di Mahkamah Syariah.

Cuma di sini apa yang perlu kita ambil perhatian ialah bukan masalah bila kita katakan umur di bawah 16 tahun itu kita kata kanak-kanak itu tidak matang. Seorang gadis ini, kematangannya apabila sampai umur baligh, umur 9 tahun sudah matang dan biasanya kadang-kadang ada kes. Macam tadi, kita kata umur 12 tahun ataupun umur 15 tahun, kita tak nampak lagi macam mana fizikal tubuh badannya. Sebab ada anak yang berumur 12 tahun atau 15 tahun pun tubuh badannya pun sudah menunjukkan dia seolah-olah macam gadis berumur 18 tahun.

Jadi, dalam hal ini tidak mustahil kalau dia dikahwinkan dan dia sudah mencapai akil baligh daripada umur 9, dia umur 12 tahun dengan keadaan mungkin tubuh badan yang sama seperti umur 18 tahun, maknanya dari segi fizikal dan juga dari segi spiritualnya juga tidak menjadi satu halangan untuk dia berkahwin. Oleh sebab itu dalam Islam dan juga dalam *Native Court* ini telah mengambil kira keadaan tersebut. Kemudian saya juga...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh minta penjelasan sedikit?

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sekejap. Saya juga ingin mengulas sedikit tentang apa yang Yang Berhormat Kota Raja sebut tentang dapat suami yang haprak dan sebagainya. Benda ini benda yang subjektif dan *unpredictable*, kita pun tak boleh jangka. Kadang-kadang kahwin dengan seorang cikgu pun, saya pun pernah *handle* kes. Suami cikgu tetapi liwat isteri.

**Seorang Ahli:** Haprak.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Dia kahwin, dia liwat isteri dia. Kita jangka, kita agak, "*Oh! Dia ini seorang yang terpelajar, seorang yang baik.*" Akan tetapi perlakuannya juga belum tentu. Jadi jangan kita terus katakan, seorang gadis itu dia berkahwin dengan seorang suami dia dan mungkin suami itu pernah merogol dia dan kita terus katakan suami itu adalah orang yang tidak baik, haprak dan jahat sepanjang masa. Mungkin dia ada proses dia. Mungkin dia bertaubat, mungkin dia menyesal malah dia, mungkin orang yang menyesal ini lebih baik daripada orang yang tak pernah menyesal.

Jadi, maknanya dalam hal ini kita jangan meletakkan satu *assumption, normal assumption* kata setiap orang akan terus menerus jadi jahat. Jadi sebagai langkah *the exit clause* untuk kesimpulan daripada masalah kita.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, laluan sikit. Laluan sikit Yang Berhormat Tasek Gelugor. Tadi rogol atau berzina? Kalau zina dia *consensual*. Dia bersetuju tetapi rogol ini dipaksa. Itu kesalahan jenayah besar.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Betul. Okey, saya terima. Masalah dia zina kah, masalah dia rogol kah, yang paling penting ialah apabila mereka melalui satu proses keinsafan. Proses mereka bertaubat. Orang berzina, orang rogol ini kesalahannya tetap kesalahan jenayah. Akan tetapi mereka ini mempunyai satu peluang. Mungkin dengan sebab perkahwinan itulah mereka dapat melalui satu kehidupan lain yang lebih sihat, yang lebih baik. Seorang isteri yang dirogol tadi, kalau dia dapat berkahwin, dia tidak akan melalui satu jalan kehidupan masa depan yang gelap.

#### ■1640

Sekurang-kurangnya dia ada suami dia, ada orang yang boleh menjadi suami dia pada ketika itu. Itu adalah satu remedi kepada masalah-masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat kita.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya mencelah sekali lagi, minta izin. Terima kasih. Sekejap sahaja. Saya cuma...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ya lah, satu perbahasan yang cukup baik. Cuma, elok kita tumpukan kepada pindaan yang dibuat kerana ini di peringkat Jawatankuasa.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya nak pergi sedikit kepada mengenai dengan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya belum habis lagi, Yang Berhormat. Kalau boleh, Yang Berhormat Tasek Gelugor, ringkas dan tumpu kepada pindaan-pindaan mengikut fasal-fasal kita ya, Yang

Berhormat. Kalau di peringkat dasar, boleh Yang Berhormat cakap panjang dan boleh menyentuh perkara-perkara keseluruhannya, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya sedikit sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi saya nak ambil apa yang Yang Berhormat Tasek Gelugor sebut tentang umur dan kematangan. Dia seolah-olah sekarang ini ada kontradiksi di antara apa yang diperkatakan oleh Menteri dalam kita nak meluluskan undang-undang ini yang meletakkan kanak-kanak bawah 18 tahun ini tidak boleh membuat keputusan sendiri, senang dimangsakan, tetapi Yang Berhormat Tasek Gelugor mengatakan bahawa ia tidak semestinya begitu, ada yang matang, ada yang ini. Jadi sekarang kita tengok ada kontradiksi. Ini perlu kita selaraskan di negara kita, kita satu negara, supaya perdebatan begini tidak berleluasa. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, boleh saya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, sekejap, Yang Berhormat. Sebab itu daripada hari semalam pukul 12 bermula sampai ke petang, Yang Berhormat Menteri tegaskan mengenai umur. Yang Berhormat Menteri telah berulang-ulang kali untuk menjawab. Jadi kalau kita panjang-panjangkan fasal umur ini, dalam akta pun- Yang Berhormat Menteri saya percaya, Yang Berhormat Menteri tidak akan menjawab lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini bukan isu umur.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi kita tumpukan kepada fasal-fasal pindaan, Yang Berhormat. Saya tidak menghalang untuk perbahasan panjang-panjang, tidak menghalang, tetapi kita sekarang ini di peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat. Sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan...

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tak lah *kot*. Saya nak tutup ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh saya bangkitkan satu isu sahaja? Ringkas. Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Tadi Yang Berhormat Tasek Gelugor membangkitkan isu- Yang Berhormat Tasek Gelugor bezakan topik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai ialah bezakan jenayah seksual dengan isu perkahwinan dan juga disebut isu rogol dalam kes-kes itu.

Isu rogol melibatkan lelaki menggunakan kekerasan terhadap seorang wanita tanpa persetujuan, itu jelas. Tapi kita semua tahu, undang-undang negara kita juga memperuntukkan bahawa kalau dalam hubungan seks itu melibatkan gadis bawah 16 tahun, isu persetujuan tidak timbul langsung dan itu dianggap sebagai rogol dan satu jenayah yang serius yakni hukum dengan penjara. Itulah sistem perundangan kita.

Jadi saya nak tanya kepada Yang Berhormat Tasek Gelugor, adakah Yang Berhormat Tasek Gelugor faham logik dan asas pendirian itu dalam undang-undang yang kita terima di negara kita iaitu gadis bawah 15 tahun tidak boleh *consent*? Memandangkan premis itu, adakah patut dan wajar kita seragamkan pendekatan dan sekurang-kurangnya, perkahwinan dengan gadis-gadis di bawah 16 tahun patut diharamkan, sekurang-kurangnya? *It is banned in a minimal position*. Akan tetapi lebih baik kita gunakan 18 tahun sebagai satu *standard* yang *uniform*. Tapi

kalau kita *just* selaraskan dengan undang-undang jenayah, tidak boleh kita benarkan apa-apa perkahwinan yang sekarang berlaku dengan gadis-gadis bawah 16 tahun. Secara logiknya, itu dah jelas, tidak kira agama kah apa-apa, sebab sistem perundangan kita, sistem jenayah kita terpakai kepada semua, tidak mengambil kira agama. Terima kasih.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih. *Last*, Tuan Pengerusi. Saya nak menyebut tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Subang tadi. Kita bersetuju sekiranya berlaku rogol dan sebagainya, itu kes jenayah. Sebab itu saya kata tadi bagi kes-kes yang tetap jenayah, maknanya jenayahlah. Nak dihukum dengan apa-apa peraturan undang-undang yang kita ada, dia kena hukumlah.

Akan tetapi, dari segi perkahwinan, kita tidak boleh selaraskan sebab kita sudah ada peraturan 16 tahun bagi gadis dan juga 18 tahun bagi teruna. Dalam Islam, seorang gadis apabila dia mencapai umur baligh 9 tahun dan ke atas, walinya ada hak. Walinya iaitu bapa dia atau datuk dia dan sebagainya, ada hak untuk menikahkan anak-anak. Ini bab agamalah pula. Wali dia ada hak untuk menikahkan anak itu.

Akan tetapi, untuk menjaga kebajikan anak tersebut supaya tidak dianiaya oleh walinya-saya pun tidak tahu perkataan aniaya itu tepat tidak tepat tapi saya kata begitu. Maknanya, supaya walinya tidak membuat sesuatu yang di luar bidang walaupun dia mempunyai kuasa untuk menikahkan anak dia pada ketika umur 9 tahun dan ke atas, tetapi sebab itu dalam undang-undang kita juga telah mengambil kira hal ini, sebab itulah ditetapkan sekiranya dia berumur 16 tahun dan ke bawah, mesti wali tadi mendapat kebenaran daripada mahkamah terlebih dahulu.

Sekiranya 16 tahun dan ke atas, maknanya anak tadi dia boleh berkahwin juga dengan kebenaran wali tapi tidaklah perlu wali memohon satu kebenaran khas daripada pihak mahkamah, wali boleh mengahwinkan secara biasa. Akan tetapi kalau 16 tahun dan ke bawah, wali dia yakni bapa dia nak kahwinkan dia, dia mesti mendapat *approval* daripada mahkamah. Jadi dalam hal ini...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sekejap. Saya nak jelaskan. Dalam hal ini, maknanya *consideration* tentang keadilan, tentang kesesuaian dan sebagainya telah pun dibincangkan dan diambil pendapat dan sebab itulah diwujudkan undang-undang dan peraturan ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih. Ringkas.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Saya ingat nanti masa lainlah. Saya nak tutup di sini dan saya dengan ini tidak menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Kulai yang disebut, "*Walau apa pun, apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak adalah diharamkan*". Jadi saya menolak usul ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.



**4.47 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Parlimen Kulai. Saya rasa ini adalah satu pindaan yang dicadangkan adalah bagus untuk kemakmuran negara dan anak-anak kita supaya semua dalam hal ini adalah dalam situasi *win-win position*.

Kalau kita tahu sedalam-dalamnya, di luar negara, *the progressive countries* seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kulai sendiri, Morocco, Algeria dan sebagainya, menunjukkan bahawa hak umur untuk berkahwin dihadkan kepada sekurang-kurangnya 18 tahun. Itu kena pada masa sekarang.

Saya hanya ingin mengambil masa ini untuk memberitahu bahawa *countries where child marriage is prevalence typically have high rates of mortality*. Menunjukkan bahawa banyak negara-negara yang menganjurkan atau menggalakkan perkahwinan kanak-kanak, ramai di antara yang kahwin itu, anak-anak ini, sangat menghadapi masalah *medical problems* dan ramai di antaranya mati akibat tersebut. Ini adalah *studies* yang telah dibuat.

Saya juga ingin memetik apa yang dikatakan oleh *breaking the cycle of child marriage*. Ini ada dikatakan oleh seorang anak, Tuan Pengerusi. "*How would I been able to take care of my child, take care of my family when I couldn't take care of myself?*" Ini adalah perkara yang sangat relevan dan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kulai tepat pada masa ini.

Saya hairan, Tuan Pengerusi, bahawa ini bukanlah cadangan dari kerajaan, satu kerajaan yang progresif yang kena- sepatutnya hari ini Yang Berhormat Menteri bangun dan menyokong Yang Berhormat Kulai kerana ini adalah satu yang kena pada masa dan tempatnya, di mana Yang Berhormat Menteri pun ada mengatakan bahawa ini adalah satu yang boleh dipersetujui sebelum ini. Bukan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tetapi yang lain yang telah mengatakan- nampaknya kita ada satu situasi *block* di sini.

**■1650**

Apakah sebab? Adakah tekanan-tekanan tertentu yang menyebabkan tidak ada klausa ini dalam Akta Seksual ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu. Selepas Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Pasir Puteh, Yang Berhormat Menteri jawab, ya.

**4.50 ptg.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Cadangan pindaan ini tersasar jauh sebenarnya. Sebab dalam 15(a), cadangan adalah kepada undang-undang perkahwinan. Bermakna, sepatutnya cadangan dibuat di bawah undang-undang perkahwinan yang sedia ada. Ini bukan di bawah undang-undang yang melibatkan serangan seksual. Jadi, saya rasa pindaan ini memang tak patut sebab hendak menghalang daripada undang-undang perkahwinan yang telah disahkan oleh pihak mahkamah sivil dan juga undang-undang Islam. Jadi, ini bukan maknanya satu cadangan yang baik dalam percubaan hendak cuba menimbulkan keadaan huru-hara saya rasa. Jadi, sepatut pindaan yang tepat adalah kita

mengecualikan perkahwinan. Maknanya, di bawah tertakluk kepada undang-undang perkahwinan yang sedia ada. Maknanya, melakukan kesalahan- orang-orang lain daripada yang sah berkahwin itu melakukan kesalahan bawah fasal 14 dan 15. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh.

#### 4.51 ptg.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, saya pertama sekali tidak bersetujulah dengan cadangan daripada Yang Berhormat Kulai untuk menambah perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak dalam akta ini. Ini kerana akta ini khusus untuk kesalahan seksual kanak-kanak, itu pertama. Kemudian kita sudah ada undang-undang dan Perlembagaan kita pun kita ada Jadual 9 yang memisahkan di antara kuasa Persekutuan dan negeri yang mana kuasa Mahkamah Syariah, *ahwal* sahsiah itu sudah jelas bahawa perkahwinan di bawah umur 18 tahun, iaitu daripada umur 16 dibenarkan. Hanya di bawah daripada 16 itu, maka mesti mendapat izin daripada mahkamah.

Jadi, kita sudah ada undang-undang yang sudah ada, yang jelas dan sudah difahami oleh semua orang. Saya rasa tidak perlu kita bincangkan hal perkahwinan dalam kita membincangkan dalam undang-undang kesalahan seksual kanak-kanak ini. Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Just* nak tanya...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh, sudah habis ya?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Baru habis nampaknya. Saya ada satu soalan berkenaan dengan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh dan juga oleh Yang Berhormat Setiu tadi, Tuan Pengerusi. Bolehkah saya tanya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya mahu tanya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pasir Puteh ada menimbulkan dan menyatakan bahawa ini adalah satu rang undang-undang yang berkenaan dengan kes seksual ataupun jenayah seksual. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kulai adalah satu pindaan ataupun cadangan pindaan. Adakah Yang Berhormat Pasir Puteh bersetuju bahawa sekiranya sesuatu perkahwinan itu diakibatkan oleh satu jenayah seksual. *Where that particular marriage*, dengan izin, *comes about as a result of a sexual offence*. Ada banyak kes seperti itu. Dalam kes-kes seperti itu, khususnya dalam kes-kes seperti itu, adakah Yang Berhormat Pasir Puteh setuju dan juga Yang Berhormat Setiu *to a certain extend*, adakah Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Setiu setuju bahawa kes-kes seperti itu memangnya sepatutnya diperjenayahkan, dijadikan *outlaw*? Apakah pandangan Yang Berhormat Pasir Puteh? Terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih. Saya sebenarnya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Bukit Gelugor bahawa orang yang melakukan kesalahan jenayah seksual itu perlu dibawa ke mahkamah dan dihukum dengan kesalahan

seksual itu. Jangan pihak keluarga pula mengambil kesempatan daripada itu untuk mengahwinkan mereka berdua. Ini kerana itu tidak betul [*Tepuk*] Selesaikan kes itu dahulu.

Masalah perkahwinan ini, ia isu yang lain. Perkahwinan adalah satu akad yang mulia, yang telah dipersetujui oleh dua pihak iaitu pihak suami dan pihak isteri. Isteri, kalau mereka itu kanak-kanak, maka tanggungjawab mengizinkan kanak-kanak berkahwin itu terserah kepada bapanya atau keluarganya, iaitu walinya.

Jadi, kanak-kanak ini memang tidak boleh buat keputusan tetapi yang boleh buat keputusan ialah keluarganya iaitu bapanya membuat keputusan untuk mengizinkan dia berkahwin. Mesti ada sebabnya, mungkin anaknya sudah matang, anak dia sudah berminat untuk berkahwin dan tak minat belajar, sudah inginkan kepada- sudah melayan pornografi, hidup dia main komputer tengok pornografi sahaja. Umur 16 tahun, bapa dia tengok macam ini, eh macam mana ini? Lebih baik aku kahwinkan dia, ada *boyfriend* dia umur 20 tahun. Jadi, kahwinkan. Itu makna, *case-by-case*.

Kita sebagai wali, kalau saya mempunyai anak misalnya, perempuan 15 tahun tetapi belajar malas, tak ada prospek, tak ada minat, dia hendak kahwin sahaja. Ada *boyfriend* pula, keluar sana, keluar sini. Apakah yang sepatutnya saya lakukan? Saya memikirkan kepentingan anak saya. Sebelum dia berzina, dia keluar dan berzina dengan *boyfriend* dia, lebih baik saya kahwinkan dia daripada berlaku jenayah seksual itu. Maka, di situlah saya perlu memberikan izin bagi dia untuk berkahwin. Kalau saya tak memberi izin kepada dia untuk berkahwin, dia akan melakukan zina. Sebab rangsangan seks ini terlalu berat, dengan pornografinya, dengan apa dalam medianya, terlalu teruk dan pergaulan bebas anak-anak kita tak boleh kawal sudah. Bagaimana kita sebagai wali, sebagai bapa, bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah ini? Tidak ada lain, kita pergi kepada mahkamah, minta izin untuk dikahwinkan dia dengan pasangan dia iaitu *boyfriend* dia.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ya, sila.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, ringkas sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Boleh, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya di sini, saya ingin berkata bahawa sebenarnya isu ini ada kaitan yang amat rapat dengan perundangan anti seksual, *crime against children*. Sebab memang ada kes, ini adalah fakta. Tahun lepas di Sarawak, nama tertuduh Ahmad Syukri Yusuf telah dibebaskan dan banyak masanya perkahwinan ini dijadikan seakan-akan *escape clause*. Saya rasa sama ada setuju atau tidak tentang perkahwinan kanak-kanak, saya rasa kita semua boleh setuju bahawa seorang mangsa tidak patut dikahwinkan dengan perogolnya. Ini adalah logik. Tidak akan kita membenarkan seorang pencuri, perompak untuk menjaga harta kita walaupun perompak itu kira sudah bertaubat. Kita perlu bagi peluang untuk bertaubat tetapi isunya lain, isunya lain.

Jadi, saya rasa pindaan yang dicadangkan ini amat bertepatan sebab ia, terutamanya *deal with* ataupun fokus kepada mangsa dan juga si pelaku. Jadi, saya rasa ini amat relevan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Satu, sikit Tuan Pengerusi. Saya merujuk satu kajian yang pernah dibuat oleh WHO daripada tahun 2005 hingga tahun 2011 mendapati bahawa Malaysia menduduki tangga keempat kelahiran anak luar nikah daripada 10 negara di *survey*, ini satu peningkatan yang sangat berbahaya. Ini *survey* daripada WHO. Jadi, kalau kita terus kata mengharamkan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak ini secara *general* begitu, ia akan mendorong kepada perlakuan seks di luar nikah, terutama yang melibatkan golongan kanak-kanak ataupun remaja. Jadi, ini saya rasa saya tidak bersetujulah seperti mana Yang Berhormat Pasir Puteh juga untuk pindaan yang dibuat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, masukkan sebagai daripada ucapan saya. Tentang perkahwinan ini, kita tahu ia suatu yang mulia dan suatu yang diberkati oleh Allah SWT. Selepas kita berkahwin, maka kita boleh buat seks dengan pasangan kita. Akan tetapi kalau kita buat seks sebelum perkahwinan, maka ini suatu yang keji. Tak kira umur berapa, kalau umur 30 pun, *consensual sex* suatu yang keji. Ini disepakati, jangan kita menganggap bahawa 30 tak apa, kalau umur 16, pasangan lelaki dan perempuan umur 16, mereka membuat seks, maka itu ialah suatu yang keji. Jangan, sama sahaja sebab mereka keduanya naluri, seks itu sudah ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Umur 15 dengan umur 30, sama sahaja bila ada *sexual urge* itu. Mereka akan berusaha untuk melakukannya. Hanya yang boleh mengawalkannya ialah *sexual education*. Betul, *sexual education*, undang-undang boleh mengawal dia dan juga takut kepada Tuhan boleh mengawal dia.

#### ■1700

Jadi kalau dia hendak juga dia mesti mendapat keizinan dengan berkahwin. Maka kita jangan sekat perkahwinan itu. Kalau kita sekat perkahwinan umur kurang daripada 16 tahun tidak boleh berkahwin kita kata jangan kahwin. Maka *sexual urge* mereka itu terlalu kuat, bagaimana laluan dia? Ada laluan dia? Ada laluan dia, pergi kepada mahkamah, mahkamah boleh mengizinkan dia untuk berkahwin. Maka jangan kita sekat jalan ini, jalan keluar ini, jalan yang halal, jalan yang baik. Kemudian apabila mereka berkahwin kita tahu anak-anak yang muda berkahwin ini selalunya mudah hendak bercerai jika hendak dibandingkan dengan yang matang yang sudah dewasa sedikit. Kita tahu tetapi ini pada perbincangan yang lain lah. Akan tetapi walau bagaimanapun saya rasa cadangan Yang Berhormat Kulai ini ...

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Mungkin saya boleh beri sedikit analisa...

**Tuan Pengerusi:** Ya selepas Yang Berhormat Rompin mencelah Yang Berhormat Pasir Puteh Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Okey bagi orang Islam umur 18 tahun ke bawah atau tidak kahwin ataupun umur berapa, duduk bersama tak kahwin, salah. Akan tetapi bagi

bukan orang Islam katalah umur dia 18 tahun ke bawah, dia duduk bersama di antara lelaki dengan perempuan, tak salah. Itu beza dia tetapi dalam Islam, katalah umur dia 18 tahun ke bawah dia tidak kahwin salah, lelaki dan perempuan. Akan tetapi bukan Islam kalau dia 18 tahun ke bawah, duduk bersama tak salah walaupun dia tidak kahwin. Sebab itulah dalam Islam perkahwinan adalah satu perkara yang sangat penting. Perspektif berbeza dari segi bukan Islam 18 tahun ke bawah pun duduk bersama tak salah walaupun dia duduk bersama tak salah. Akan tetapi kalau orang Islam 18 tahun ke bawah, 30 tahun ke bawah ke apa umur pun duduk bersama salah. Itu harus difahami oleh...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasar Puteh]:** Terima kasih, Yang Berhormat Rompin. Jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menggulung. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat terutama sekali kepada apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Kulai berkenaan dengan cadangan tetapi kerajaan terpaksa tolak sebab hari ini ialah Rang Undang-undang Kesalahan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak, dan bukannya mengenai perkahwinan kanak-kanak dan seperti yang saya sebut pada peringkat dasar, saya telah mengatakan sekali lagi dan berkali-kali bahawa undang-undang perkahwinan terhadap kanak-kanak dijelaskan di bawah *Law Reform Act* untuk yang bukan Islam dan saya telah mengambil contoh daripada Undang-undang Keluarga Islam bagi peringkat Wilayah Persekutuan.

Jadi saya merasakan bahawa ini bukanlah forum untuk membincangkan perkara dan ia tidak – dan sebenarnya Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal keluarga dan juga Menteri agama yang menjadi Menteri yang bertanggungjawab. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Boleh saya minta penjelasan sedikit?

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Boleh saya minta penjelasan sedikit?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri sudah habis menjawab, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kulai Yang Berhormat Puan Puan Teo Nie Ching dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujui]*

#### **Fasal-fasal 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21, 22 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **5.04 ptg.**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi memohon Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Pindaan Lampiran 3. Lampiran 3 April 2017 khusus bagi fasal 15.

Fasal 15 yang dinomborkan semula rang undang-undang ini dipinda:

- (a) dalam perenggan (a) -
  - (i) dalam subperenggan (ii), dengan memasukkan selepas koma bernota di hujung subperenggan itu perkataan “atau”;
  - (ii) dalam subperenggan (iii), dengan memotong perkataan “atau” di hujung subperenggan itu; dan
  - (iii) dengan memotong subperenggan (iv)
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

*“(b) mengugut untuk menggunakan apa-apa gambaran yang keseluruhannya atau sebahagiannya sama ada dalam bentuk visual, audio, atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada cara elektronik, mekanikal, digital, optik, magnetik atau dihasilkan secara manual atau gabungan apa-apa cara adalah mengenai apa-apa bahagian badan seorang kanak-kanak atau mengenai seorang kanak-kanak sedang melakukan aktiviti bersifat seksual;”*
- (c) dengan menomborkan semula perenggan (b), (c), (d) dan (e) sebagai masing-masing perenggan (c), (d), (e) dan (f).
- (d) dengan menggantikan perenggan (e) yang dinomborkan semula dengan perenggan yang berikut:

*“(e) menyebabkan seorang kanak-kanak memerhati atau mendengar apa-apa gambaran yang keseluruhannya atau sebahagiannya sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada cara elektronik, mekanikal, digital, optik, magnetik atau dihasilkan secara manual atau gabungan apa-apa cara adalah mengenai seseorang yang lain sedang melakukan aktiviti yang bersifat seksual; atau”*
- (e) dengan memasukkan huraian yang berikut- huraian dalam menentukan apakah yang diberikan maksud “seksual”, mahkamah boleh menimbangkan antara lain perkataan yang digunakan sifat dan takat gerak isyarat dan semua hal keadaan yang berkenaan dengan perlakuan itu.

Tujuan pindaan kepada fasal 15 yang dinomborkan semula adalah untuk menjelaskan bahawa maksud seksual tidak perlu dibuktikan bagi kesalahan mengugut kanak-kanak dengan menggunakan apa-apa gambaran yang keseluruhannya atau sebahagiannya sama ada dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan berbentuk visual, audio atau bertulis melalui apa-apa cara termasuk tetapi tidak terhad kepada acara elektronik, mekanikal, digital, optik

magnetik, atau dihasilkan secara manual atau gabungan apa-apa cara adalah mana-mana bahagian badan kanak-kanak atau kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti bersifat seksual.

Bahagian VI rang undang-undang ini dipinda dalam tajuk dengan menggantikan perkataan kebolehpercayaan dengan perkataan keupayaan.

Fasal 17 yang dinomborkan semula rang undang-undang ini dipinda dalam nota bahu dengan menggantikan perkataan “kebolehpercayaan” dengan perkataan “keupayaan.”

Fasal 18 yang dinomborkan semula. Rang undang-undang ini dipinda dengan menggantikan fasal 18 yang dinomborkan semula dengan fasal yang berikut:

*“Keterangan saksi kanak-kanak*

*18. Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis yang lain dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang yang berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana kesalahan di bawah jadual, jika mangsa ialah kanak-kanak mahkamah boleh mensabitkan orang itu bagi kesalahan itu berasaskan keterangan tanpa sokongan seseorang kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya.”*

Pindaan kepada fasal 18 yang dinomborkan semula bertujuan untuk memperuntukkan yang berbeza dengan seksyen 133A, Akta Keterangan mengenai keterangan saksi kanak-kanak berhubung dengan kesalahan-kesalahan di bawah rang undang-undang ini dan kesalahan-kesalahan di bawah jadual jika mangsa ialah kanak-kanak.

Rang undang-undang ini dipinda dengan menggantikan fasal 20 yang dinomborkan semula dengan fasal yang berikut:

*“Anggapan umur kanak-kanak*

*20. Tidak menjadi satu pembelaan terhadap pertuduhan bagi mana-mana kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana kesalahan di bawah jadual jika mangsa ialah kanak-kanak bahawa seseorang tertuduh mempercayai bahawa umur kanak-kanak itu adalah umur atau lebih daripada umur yang dinyatakan dalam peruntukkan kesalahan itu masing-masing pada masa kesalahan itu dikatakan telah dilakukan melainkan jika tertuduh itu telah mengambil semula langkah yang munasabah untuk menentukan umur kanak-kanak itu.”*

Pindaan kepada fasal 20 yang dinomborkan semula bertujuan untuk memperuntukkan bagi umur kanak-kanak yang dinyatakan dalam undang-undang bertulis yang lain yang dinyatakan dalam Jadual berhubung dengan anggapan umur kanak-kanak.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah Yang Berhormat. Masalahnya bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Saya ingin dapat kepastian berapa orang yang minat?... [*Dua Ahli bangun*] Dua sahaja. Dua ya. Lima minit setiap orang ya. Ya Yang Berhormat Kulai, sila.

**5.09 ptg.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya hendak sentuh dua fasal iaitu fasal 15 ataupun fasal 14 yang dinomborkan semula .

**■1710**

Saya hendak tanya di sini kerana nampaknya fasal ini bercanggah dengan Kanun Keseksaan kita. Kalau mengikut Kanun Keseksaan mempunyai hubungan seks dengan gadis yang berumur di bawah 16 tahun adalah *statutory rape* iaitu adalah satu kesalahan jenayah. Akan tetapi ia tidak sebut bahawa kalau untuk gadis yang berumur 16 tahun ke atas, kalau perhubungan seks itu adalah *consensual* jadi ia bukan satu kesalahan jenayah.

Akan tetapi di sini kita nampak, fasal 14 yang dinomborkan semula ini menyatakan bahawa mana-mana orang bagi maksud seksual menyentuh mana-mana bahagian badan seseorang kanak-kanak atau membuatkan seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan orang itu ataupun membuat seseorang kanak-kanak menyentuh mana-mana bahagian badan kanak-kanak itu sendiri adalah satu kesalahan.

Jadi saya hendak minta sedikit penjelasan di sini bahawa adakah selepas rang undang-undang ini diluluskan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara, mempunyai hubungan seks dengan mereka di bawah umur 18 tahun tetapi di atas 16 tahun, adakah satu kesalahan jenayah? Ini pertama.

Kedua, saya hendak sentuh juga tentang fasal 19 yang di nombor kan semula ataupun fasal 20 di dalam rang undang-undang asas ini di mana kegagalan memberikan maklumat. Ini telah menjadikan bahawa mana-mana orang yang tidak memberikan maklumat mengenai perlakuan atau niat mana-mana orang lain untuk melakukan mana-mana kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana kesalahan di bawah jadual, jika mangsa ialah seorang kanak-kanak kepada pegawai yang menjaga balai polis yang berdekatan melakukan suatu kesalahan dan boleh jika disabitkan, didenda tidak melebihi RM5,000. Saya sebenarnya sokong fasal 9 yang di nombor kan semula ini. Akan tetapi saya hendak nyatakan di sini bahawa sebenarnya kewajipan untuk memberikan maklumat ini bukan satu undang-undang yang baru.

Pada tahun yang lalu, kita telah membentangkan satu rang undang-undang untuk meminda Akta Kanak-kanak. Salah satu pindaan iaitu seksyen 28 merupakan bahawa anggota keluarga diwajibkan untuk melaporkan atau memberitahu seorang pegawai kebajikan masyarakat sekiranya mereka mempercayai atas alasan-alasan yang munasabah bahawa kanak-kanak itu telah dcederakan atau telah teraniayai dari segi seks.

Begitu juga di bawah seksyen 27, Akta Kanak-kanak, kewajipan untuk memberi maklumat telah diletakkan terhadap pegawai perubatan dan juga di bawah seksyen 29 di mana pengasuh kanak-kanak juga diwajibkan untuk memberi maklumat. Akan tetapi seksyen 29A menyatakan bahawa untuk orang lain, tidak ada satu kewajipan untuk memberi maklumat hanya "*he may give such information to a social welfare officer*", dengan izin.

Jadi saya hendak tanya di sini, adakah fasal 20 ini di rang undang-undang ini adalah satu percanggahan dengan seksyen 29A di bawah Akta Kanak-kanak? Selepas itu saya juga hendak tanya bagaimana kita hendak memastikan bahawa fasal 20 ini adalah satu rang undang-undang



yang memang akan berkesan. Ini kerana kita nampak bahawa selepas rang undang-undang untuk meminda Akta Kanak-kanak ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada tahun yang lalu, kita masih nampak banyak kes yang terlibat ini kanak-kanak berlaku di Malaysia seperti seorang itu *specialist* di Hospital Melaka telah menyatakan bahawa *at least three children* dengan izin, *at least three children were treated for sexual abuse at the facility every week*. Dr Maimunah Fadzil *said the number usually rises during school holidays and festive periods, when children spend more time at home*.

Jadi saya hendak tanya memandangkan sudah banyak berlaku kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak, bagaimana rang undang-undang di bawah Akta kanak-kanak ini telah mendenda anggota keluarga, pegawai perubatan dan juga pengasuh kanak-kanak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**5.15 ptg.**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak menyentuh berkenaan dengan tiga perkara di dalam peruntukan-peruntukan ini iaitu pertama sekali dengan di bawah seksyen 18, Tuan Pengerusi di mana dinyatakan pada asalnya *presumption as to credibility of child witness* ini di bawah *Part VI* tetapi dicadangkan untuk dipinda perkataan, "*credibility*" itu digantikan dengan perkataan '*capacity*'. Apa yang bermakna adalah mengikut seksyen 18 Tuan Pengerusi, izinkan saya membaca... [Membaca petikan] "*Notwithstanding anything contrary in any written law, in any proceeding against any person relating to any offence under this Act, or any offence under the Schedule where the victim is a child, a child is presumed to be competent to give evidence unless the court thinks otherwise*".

Jadi adalah jelas Tuan Pengerusi kalau kita membaca *the body of the section* iaitu seksyen 18 secara keseluruhannya, ia dengan jelas merujuk kepada *competence of the witness* dan bukannya *the capacity of a witness*. Oleh sebab isu apa yang bermaksud dengan perkataan kapasiti itu adalah amat luas. *What does capacity mean? What do you mean when you say the presumption as to the capacity of a child witness? It doesn't make any proper sense*. Oleh sebab isu yang perlu kita lihat adalah ini adalah bercanggah dengan seksyen 118, Akta Keterangan 1950 yang berbunyi seperti yang berikut, dengan izin Tuan Pengerusi, dalam bahasa Inggeris, di bawah *Chapter IX*, di bawah *witnesses*, seksyen 118. *Who may testify* ini adalah seksyen berkenaan dengan *competency of a witness* yang boleh memberi keterangan di dalam mahkamah. Apa yang dinyatakan di sana adalah, "*All persons shall be competent to testify unless the court considers that they are prevented from understanding the questions put to them or from giving rational answers to those questions by tender years, extreme old age, disease, whether a body or mind, or any other cause of the same kind*."

Jadi apa yang dimaksudkan di sana adalah kompeten seorang saksi adalah terpakai untuk kesemua saksi asalkan tidak termasuk dalam beberapa kategori yang dinyatakan dalam seksyen 118. Oleh sebab...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuantan bangun.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya hendak bertanya berkenaan kebolehpayaan ini. Apabila saksi itu seorang OKU dan saya ada satu kes di mana saksi itu dia kanak-kanak *down* ya, *down syndrome* yang tidak boleh bercakap. Akan tetapi apabila dia faham keadaan apa yang berlaku kepada dia dan dia boleh *describe* dengan bahasa isyarat yang hanya difahami oleh neneknya. Akan tetapi dalam mahkamah dia kalah dan tidak disabitkan hukuman ke atas pesalah *the perpetrator* walaupun ada nenek dia nampak pelaku itu keluar daripada bilik dan ada DNA, sampel DNA daripada kain alas katil. So, macam mana ini? Saya pohon pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuantan. *I just very quickly*, saya akan cuba jawab persoalan yang ditimbulkan oleh rakan saya. Dalam kes-kes sebegini adalah munasabah Tuan Pengerusi untuk memberi *protection* kepada seseorang saksi seperti dalam kategori yang ditimbulkan oleh rakan saya tadi. Dalam keadaan tersebut kita boleh mengimport apa yang di- atau *safeguard* yang diberi dalam *Child Act itself*, itu masalah dalam rang undang-undang ini.

Rang undang-undang ini tidak menyentuh ataupun merujuk sama sekali kepada *Child Act*. Akan tetapi kalau kita rujuk kepada *Child Act* di bawah *Chapter 2*, seseorang *parent* ataupun *guardian maybe required to attend* bersama dengan saksi dalam kes-kes seperti di dalam kes di mana seorang *parent* itu yang tahu bagaimana saksi tersebut yang mengalami *down syndrome* memberi keterangan, itu akan bermanfaat kepada saksi tersebut.

#### ■1720

Isu kedua Tuan Pengerusi, yang cepatnya saya akan timbulkan berkenaan seksyen 19 di mana apa yang dinyatakan di sana adalah *evidence of a child witness*. Dalam kes di bawah rang undang-undang ini, rang undang-undang ini membenarkan *evidence* diberi, *uncorroborated evidence* diberi. Itu adalah satu perkara yang bercanggah sekali lagi dengan seksyen 133A. Boleh saya *just* habiskan? Sekejap sahaja. 133A Akta Keterangan iaitu berkenaan dengan *evidence of child of tender years*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Ada juga dinyatakan dalam peruntukan tersebut satu peruntukan yang *similar* dengan seksyen 19 tetapi apa yang berbeza, perbezaan ketara adalah di bawah seksyen 133A, apa ada satu *proviso* yang menyatakan dengan izin, *provided that where evidence admitted by virtue of this section given on behalf of the prosecution, the accused shall not be liable to be convicted of the offence unless that evidence is corroborated by some other material*.

Itu adalah dalam erti kata lain, dalam Akta Keterangan perlu ada *corroboration* untuk a *child of tender years* tetapi keperluan itu dikecualikan dalam rang undang-undang ini. Saya meminta penjelasan kenapa pengecualian itu diadakan dalam kes rang undang-undang ini oleh kerana dalam setiap kes jenayah, isu sama ada terdapat *corroboration* itu adalah amat penting *because it can be unsafe to convict somebody on uncorroborated evidence*. Itu sahaja yang saya ingin timbulkan. Dengan izin, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat tadi saya sudah kenal pasti Yang Berhormat yang berminat. Jadi Yang Berhormat boleh mencelah ketika Yang Berhormat Menteri menjawab, ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

### 5.22 ptg.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi, saya akan rujuk kepada Yang Berhormat Kulai berkenaan dengan 14 yang menjadi 15. Saya akan menyatakan di sini berkenaan dengan isu yang dibawa. Yang Berhormat Kulai menyatakan bahawa bawah fasal *physical sexual assault to a child* yang mana dia kata bertentangan dengan *Penal Code* disebabkan oleh adanya hubungan *sexual penetration* menjadi *consent* dalam *statutory rape*.

Saya hendak mengatakan di sini bahawa di dalam *physical sexual assault on a child* di bawah 14 yang menjadi 15 ini, ia adalah satu kesalahan. Semua mereka di bawah umur 18 tahun bererti *victim*-nya bawah 18 tahun dan kalau dia, *perpetrator* itu bawah 18 tahun, dia juga akan didapati bersalah tetapi dia di bawah Akta Kanak-kanak. Tidak ada *consent*, pembelaan *consent* dalam fasal 15 tetapi saya telah menyatakan pada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan apa yang disebut sebagai definisi. Sebab walaupun kalau kita tengok secara imbas, *any person who for sexual purpose*, kita telah membuat penambahan dari segi huraian yang memberikan penerangan yang lebih mendalam untuk membantu mahkamah dalam pentafsiran tentang kelakuan tersebut. Jadi kalau di sini, kemungkinan kita ambil contohlah ya, kemungkinan 'A' yang melakukan jenayah rogol tersebut mendapat pembelaan *consent* disebabkan oleh umur di bawah *Penal Code*, dia mungkin bebas di bawah *Penal Code* tetapi dia masih boleh dikenakan di bawah rang undang-undang ini. Itu kedudukan kerajaan. Itu saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Kulai.

Kemudian Yang Berhormat Bukit Gelugor, menimbulkan tentang dua perkataan, dua perkara yang paling besar iaitu tentang kenapa kita menggantikan penggunaan perkataan kapasiti dalam fasal. Jawapannya bukan kompetensi, ya. *Competency is a branch of capacity*. Istilah kapasiti digunakan secara meluas dalam dokumen antarabangsa yang menyentuh tentang kompetensi kanak-kanak sebagai saksi untuk memberi keterangan. Ini juga dicadangkan oleh pihak Majlis Peguam tentang perkataan 'kapasiti' yang mana Yang Berhormat telah menimbulkan isu berkenaan dengan 133A yang mana Yang Berhormat merujuk kepada fasal seterusnya iaitu

fasal 18 yang menjadi 19 iaitu *evidence of a child witness*. Yang Berhormat kata akan bercanggah dengan 133A.

Saya ingin menyatakan bahawa kalau kita baca kepada fasal itu, ia hanya terpakai dalam kes bawah rang undang-undang ini sahaja, *evidence of a child witness* diambil dalam bahagian tersebut tetapi dalam kes-kes lain yang melibatkan kanak-kanak dalam undang-undang lain, 133A masih terpakai.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Itu yang sebenarnya kita lakukan dalam ini disebabkan oleh saya telah sebut dalam ucapan dasar saya, Tuan Pengerusi. Kes jenayah kanak-kanak ini selalunya, (a) dilakukan dalam keadaan tertutup; (b) selalunya keadaan ini berlaku apabila kanak-kanak itu dalam kebanyakan kes dilakukan oleh mereka yang dia kenali, dan (c), kita menyatakan bahawa keterangan kanak-kanak itu, bagi pihak kerajaan, kita mewujudkan satu fasal khusus dalam *evidence of a child witness* iaitu fasal 19 kerana kita mengambil kira situasi berlakunya jenayah seksual dalam rang undang-undang ini. Jadi kalau Yang Berhormat...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya tanya?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *Let me finish, yeah?*

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Baik.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kalau Yang Berhormat kata bahawa ini dilihat sebagai percanggahan, saya tidak bersetuju. Ini dilihat sebagai fasal yang tidak bercanggah dengan 133A tetapi adalah satu pengecualian.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sekejap siapa yang- Yang Berhormat. Itu jawapan saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh saya *just* tanya berkenaan- minta penjelasan berkenaan isu ini, Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri boleh membuat kenyataan itu di Parlimen sekarang. Namun sekiranya perkara ini ditimbulkan di mahkamah, tiada apa-apa dalam rang undang-undang ini apabila ia dijadikan sebagai satu akta kemudian yang menyatakan bahawa *this takes precedence over the Child Act*. So, *when it comes to court*, dengan izin Tuan Pengerusi, *there will be this obvious contradiction where one legislation does not require corroboration whereas another requires corroboration*. So, *that is why it is important* untuk menyatakan atau merujuk di dalam rang undang-undang ini, di manakah bahagian-bahagiannya di mana *Child Act* itu terpakai dan tidak terpakai. Itu yang saya minta penjelasan tadi, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Tuan Pengerusi, minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi, saya sebenarnya ingin menyatakan dalam perkara ini, kita tidak boleh lari daripada kuasa hakim. Walaupun dalam senario kes, dalam mana-mana kes mahkamah jenayah, apabila 133A dipakai, kita tidak boleh lari daripada kuasa hakim yang dipakai dalam membuat keputusan dari segi fakta. Saya tidak

melihat ini sebagai satu kes yang boleh dilihat sebagai mengelirukan mahkamah sebab secara tidak langsung, dengan adanya fasal 19, mahkamah dimaklumkan bahawa pengecualian pada 133A boleh wujud. Bagi saya, kalau kita membaca, sekurang-kurangnya pihak pendakwa yang membawa kes ini di mahkamah apabila dia menggunakan *evidence of a child witness*, dia boleh mengatakan tentang tajuk utama di bawah 18 iaitu *capacity and evidence of a child witness*.

Jadi itu sebabnya di sini, saya daripada mula memaklumkan bahawa polis yang menyiasat, pendakwa yang mendakwa, hakim yang memutuskan dalam perkara ini tidak boleh lari daripada sistem prinsip undang-undang kita bahawa pihak hakim masih dan akan tetap menggunakan ujian yang perlu diberikan dalam semua kes apabila keterangan dibawa. Jadi saya tidak lihat fasal 19 ini boleh dikategorikan dalam keadaan yang mengelirukan mahkamah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal-fasal 15 hingga 22 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal-fasal 23 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

#### **Fasal-fasal 26 hingga 28 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

■1730

5.30 ptg.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi, rang undang-undang ini dipinda dengan memasukkan selepas fasal 25, fasal yang berikut.

“Kaunseling pemulihan

26.(1). Mahkamah boleh sebagai tambahan hukuman yang dikenakan bagi mana-mana kesalahan di bawah akta ini atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsa ialah kanak-kanak, memerintahkan satu tempoh kaunseling pemulihan terhadap orang yang disabitkan bagi kesalahan itu dalam tempoh penahanannya.

(2) Kaunseling pemulihan yang diperintahkan di bawah subseksyen (1) adalah di bawah di bawah Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi penjara.

Pengawasan polis

27.(1). Walau apa pun subseksyen 295(1) Kanun Tatacara Jenayah, sama ada dia didahulukannya telah disabitkan atas apa-apa kesalahan atau tidak apabila seseorang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah akta ini atau mana-

mana kesalahan di bawah Jadual jika mangsanya kanak-kanak, mahkamah hendaklah mengarahkan supaya dia diletakkan di bawah pengawasan polis bagi satu tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun dan tidak lebih daripada tiga tahun bermula sebaik selepas habis tempoh hukuman yang dijatuhkan terhadapnya.

(2). Apabila mana-mana orang yang diletakkan di bawah pengawasan polis di bawah subseksyen (1), semasa masih di bawah pengawasan itu dihukum dengan satu tempoh pemenjaraan di dalam Malaysia. Apa-apa tempoh yang dan dijalani di dalam penjara hendaklah dikecualikan daripada tempoh pengawasan.”

Kemasukan fasal baru 26 dan 27 ke dalam rang undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan mahkamah untuk memerintahkan kaunseling pemulihan dan pengawasan polis terhadap orang yang disabitkan atas mana-mana kesalahan di bawah rang undang-undang ini atau mana-mana kesalahan di bawah Jadual.

Fasal 28 rang undang-undang ini dipinda dengan menomborkan semula fasal 26 sehingga ada sebagai fasal 28.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Berapa orang minat? Yang Berhormat Setiu sudah tidak ada ya? Nanti dia keluar, dia minta bahas balik. Ya, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat Kuantan. Saya pilih Yang Berhormat Kuantan dulu. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

**5.33 ptg.**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil kira bahawa fasal 26, dan fasal 27 ini di bawah peruntukan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh selepas berunding dengan pendakwa raya meminda jadual melalui perintah yang disiarkan dalam warta ya yang saya difahamkan ia boleh, boleh dikeluarkan warta untuk di masa akan datang. Saya hendak bawa kepada kefahaman definisi kaunseling ya Tuan Pengerusi sebab kefahaman orang ramai berkenaan dengan kaunseling ini berbeza-beza. Ada yang memahami kaunseling itu sebagai nasihat. Ada yang memahami kaunseling itu sebagai bimbingan. Ada yang memahami kaunseling itu sebagai psikoterapi. Jadi perlu dijelaskan kaunseling pemulihan yang berbentuk bagaimana yang perlu dilalui oleh pesalah, orang yang disabitkan kesalahan.

Tuan Pengerusi, kita harus bezakan orang yang jahat, orang jahat yang disabitkan kesalahan. Orang yang jahat ini ialah mengaut keuntungan dari orang yang rosak akhlak. Contohnya orang yang menjual bahan-bahan pornografi kanak-kanak, ini orang jahat. Sebab dia hendak mengaut keuntungan semata-mata. Ada juga orang yang sakit iaitu orang yang ada kecelaruan tingkah laku ataupun *behavior disorder*. *Pedophile* ialah orang yang ada *behavior disorder*. *Pedophile* ialah orang yang selalu ada khayalan seksual, ada seksual fantasi dengan izin, ada seksual *urges* terhadap kanak-kanak, ada keinginan yang luar biasa terhadap kanak-

kanak. *Pedophile* tidak semestinya menjadi *perpetrator* ataupun melakukan kesalahan, dia ada keinginan. Dia ada *disorder*, yang kita panggil *disorder*.

Jadi simptom dia, dia akan mempunyai fantasi, dia ada *dhamir*. Ada di antara mereka itu ada rasa bersalah, rasa berdosa. Akan tetapi bagaimana kita hendak mencegah mereka daripada terus melaksanakan kesalahan tersebut sebab disebut di sini ialah pemulihan. Maksudnya kalau dia sudah bersalah. Dia sudah disabitkan kesalahan dan menjalani hukuman. *Pedophile in general*, ramai yang boleh kerana ianya *disorder* ataupun kecelaruan tingkah laku, mereka melalui keadaan di mana mereka rasa keinginan itu kuat tetapi tidak tahu macam mana hendak hentikannya. Jadi ini harus difikirkan, bagaimana kita boleh bantu mereka. Sebab saya lihat dalam undang-undang ini dalam konteks pencegahan keseluruhan, bukan saja pencegahan dari segi undang-undang.

Jadi saya pohon kuasa Yang Berhormat Menteri di sini, kalau boleh dibuat satu warta ataupun satu garis panduan bagaimana kita boleh adakan bantuan kepada mereka ini. Contohnya *alcoholic* ya, *alcoholic anonymous*, orang yang ada keinginan luar biasa untuk minum arak, untuk alkohol boleh dapat bantuan daripada pakar-pakar. Begitu juga kalau kita ada bantuan yang bagus, yang baik untuk orang-orang penagih dadah. Sebab dia ini *driven by* sesuatu yang tidak kena dalam diri dia. Jadi psikoterapi, kongsi sikitlah kefahaman saya tentang psikoterapi ini. Dia ada *cognitive behavior* terapi antaranya di mana dia boleh bantu, kita boleh bantu pesalah ataupun orang-orang yang ada kemungkinan buat kesalahan ini dengan cara untuk mereka mengenal diri mereka dan untuk mereka mencari jalan dalam diri mereka sendiri untuk keluar daripada keadaan tersebut.

Jadi ini maksud saya kaunseling ini. Bukan setakat nasihat sebab *cognitive behavior therapy* ini perlu kepakaran. Bukan setakat nasihat, bukan setakat bimbingan sebab kadang-kadang ada orang yang daripada latar belakang agama, mereka ada *tendency* beri nasihat. Setakat nasihat ia tidak membantu kepada mereka yang bermasalah begini. Jadi saya pohon kita cari jalan macam mana kita hendak masukkan saya tidak nampak di sini ianya *as a deterrent*. Berkenaan dengan pengawasan polis 27(1). Tidak lebih daripada tiga tahun bermula sebaik selepas habis tempoh hukuman yang dijatuhkan terhadapnya.

Saya juga ingin meminta supaya di sini, bukan saja setakat pengawasan polis tapi mereka terus diberikan kaunseling pemulihan itu supaya membantu mereka, beri mereka satu keadaan yang kondusif, *environment* yang kondusif di mana mereka boleh meminta pertolongan bila-bila yang diperlukan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Subang juga lima minit ya.

### 5.38 ptg.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbahasan saya memang akan ringkas. Saya sokong penuh apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Kuantan. Dia lebih arif dalam hal ini daripada saya. Akan tetapi secara umum *point* yang saya ingin bangkitkan ialah seperti apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kuantan iaitu kaunseling yang perlu dalam

keadaan di mana kita menangani masalah pedofilia ini, memang memerlukan, dengan izin, *specialize* kaunseling. Bukan kaunseling yang biasa. Yang Berhormat Kuantan telah terangkan dengan lebih bernas dari yang saya mampu buat. Akan tetapi *point* itu ialah sumber yang cukup perlu diperuntukkan untuk memastikan kita ada pakar-pakar yang ada kelayakan yang sesuai untuk menangani jenis kaunseling yang kita perlu dalam keadaan ini.

Di sini saya hendak bangkitkan satu persoalan kepada Yang Berhormat Menteri sebab saya terkejut apabila membaca dalam bab di bawah implikasi kewangan rang undang-undang ini telah di catat di sana. Saya baca, dengan izin. "*Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan*". Jadi, ini membangkitkan persoalan besar.

Yang Berhormat Menteri telah sebut berkali-kali komitmen kerajaan dan kita tidak persoalkan dari segi prinsip komitmen itu untuk menangani isu pedofilia, masalah pedofilia dan yang memangsakan kanak-kanak kita ataupun di tempat-tempat lain. Undang-undang ini bertujuan untuk menangani masalah itu. Akan tetapi kalau komitmen kita ini ikhlas kita mesti peruntukan dana sebab dana perlu.

#### ■1740

Kita tidak boleh hanya bergantung kepada sistem sedia ada. Maksudnya, kita hendak tangani masalah ini dengan polis yang sedia ada, kakitangan mahkamah yang sedia ada dan sebagainya ataupun kakitangan Jabatan Peguam Negara yang sedia ada. Saya setuju penuh pindaan yang dibuat ini yang membawa masuk ke dalam rang undang-undang ini *option rehabilitative counseling*, dengan izin.

Akan tetapi, poin saya ialah seperti Yang Berhormat Kuantan tegaskan tadi, kerajaan kena tunjuk komitmen. Komitmen maksudnya mesti ada dana. *You have to*, dengan izin, *allocate the sufficient resources* dengan bukan sahaja untuk kaunseling kepada pesalah-pesalah tetapi juga kepada mangsa, *victim support*, dengan izin, yang bagi saya, sangat penting dengan kaunseling atau lebih penting daripada kaunseling kepada pesalah.

Saya harap walaupun tidak diperuntukkan secara nyata di mana-mana bab atau fasal rang undang-undang ini, kerajaan akan pertimbangkan dan buat peruntukan yang sewajarnya untuk memastikan mana-mana mangsa-mangsa yang dikenal pasti terlibat dalam jenayah pedofilia ini, diberi bimbingan dan sokongan yang sewajarnya termasuk kaunseling dan sebagainya. Itu pun adalah *specialized counseling* yang berbeza dan memerlukan komitmen dana. Jadi, kita tidak boleh ambil pendirian bahawa rang undang-undang ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan. Bagi saya, itulah satu pendekatan yang tidak bijaklah.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, sedikit sahaja, dalam masa setengah...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ringkas ya.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sama ada Yang Berhormat Subang mahu mencadangkan supaya apa-apa pelaksanaan undang-undang yang baru diluluskan ini ditangguhkan sebentar sementara menunggu prasarana ini siap supaya kita memberi keadilan ini kepada semua?



**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai. Saya tidak mencadangkan penangguhan tetapi saya minta komitmen di sini di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan, dengan izin, *will put its money where its mouth is*, dan bukan kata tiada dana diperlukan dalam pelaksanaan rang undang-undang ini. *We have to have funds* yang cukup sebab perkhidmatan bimbingan ini sangat penting.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin rekodkan secara prinsipiah bantahan saya kepada hukuman sebatan yang mandatori atau yang diwajibkan di semua fasal. Saya perhatikan sebahagian besar kesalahan ini, sebatan yang mandatori diperuntukkan. Bagi saya, ini tidak wajar dalam sistem perundangan yang matang. Kita tidak boleh mengikat tangan hakim-hakim. Kita bagi kuasa kepada mereka tetapi bagi mereka budi bicara itu. Jadi, *I just want to put on all record*, dengan izin. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong.

#### 5.43 ptg.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Hanya satu soalan yang berkaitan dengan fasal 26 yang sekarang dikenali sebagai fasal 28 iaitu fasal terakhir yang melibatkan isu *Schedule* yang ada. Ianya berbunyi sedemikian... *[Membaca petikan] "The Minister may, upon consultation with the Public Prosecutor, amend the Schedule by order in the Gazette including to exclude or include any offence of any description under any written law."*

Dua soalan yang berbangkit, Tuan Pengerusi. Satu, bukankah ini tugas Parlimen sebenarnya untuk menentukan sama ada, ada atau tidak mana-mana kesalahan boleh dibawa dan dicampur masuk dalam rang undang-undang ini? Bolehkah ianya didelegasikan kepada Yang Berhormat Menteri tanpa didebatkan di dalam Dewan yang mulia ini? Itu satu.

Nombor dua, persoalan berkenaan dengan perkataan di hujung ayat itu yang merangkumi *written law*. Saya bangkitkan ini semalam, sama ada *written law* ini tertumpu kepada *Federal law* atau *state law* atau kedua-duanya sekali? Setakat itu sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar berminat juga? Pendek sahaja, Yang Berhormat Kapar ya.

#### 5.45 ptg.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Sependek yang boleh, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya hanya rujuk kepada implikasi kewangan yang ada dekat sini. Semalam pada peringkat dasar pun saya sudah bangkitkan isu yang sama sebab undang-undang ini kalau kita hendak berkuat kuasa secara holistik, peruntukan dana diperlukan kerana dari semua sudut, kita menuntut kepakaran dan kemahiran dalam sektor jenayah seksual dan sektor kanak-kanak secara khusus.

Saya tidak nampak apa-apa seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Subang dan saya juga telah meminta dan mencadangkan dalam belanjawan setiap tahun, sehingga kita memperkasakan undang-undang ini, undang-undang ini perlu diletakkan satu nilai dalam belanjawan utama kita supaya- ini naluri dan hasrat sebenar kalau kita hendak implikasikan akta ini.

Pada waktu yang sama, semalam juga saya di peringkat dasar, Tuan Pengerusi, saya telah bangkitkan tentang prosedur mahkamah, prosedur pegawai polis dan sebagainya yang tidak ada dalam akta ini seperti dibandingkan dengan negara-negara lain. Jadi saya mencadangkan dengan ruang terakhir yang saya ada ini, dua jabatan iaitu pertama adalah Unit Polis Khas Juvenil ataupun dikenali sebagai *Special Juvenile Police Unit* seperti yang ada di India, untuk menyelaraskan kes-kes ini. So, saya minta cadangan ini dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi adalah untuk menubuhkan Jabatan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-kanak di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya rasa amat penting. Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak cukup untuk menampung apa-apa masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak terutamanya dengan adanya Undang-undang Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak ini. Saya rasa jabatan ini amat diperlukan, diwujudkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sila Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

#### 5.47 ptg.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan isu.

Sebenarnya kalau saya hendak fokus kepada tajuk, kita tengok kepada apa yang disebut sebagai yang disebut oleh Yang Berhormat Kuantan dan juga Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan kaunseling pemulihan. Apa yang perlu dijelaskan dalam kaunseling pemulihan ini ialah kerajaan mengambil maklum bahawa hujahan Yang Berhormat Kuantan bagi maksud ini, pihak kementerian akan membuat susulan dengan Kementerian Dalam Negeri iaitu kementerian yang bertanggungjawab bagi melaksanakan kaunseling pemulihan di penjara bagi pesalah-pesalah seksual ini. Sebenarnya agensi yang terlibat dalam pelaksanaan adalah Kementerian Dalam Negeri.

Sebenarnya, Yang Berhormat, bila kita bercakap tentang kaunseling, kita bercakap tentang kaunseling kerana kita tahu bahawa seperti dalam kes keganasan rumah tangga, *domestic violence*, selalunya bila pelakunya atau *perpetrator* itu adalah ahli keluarga, selalunya wujud keadaan dua perkara. Satunya, perkara *repetitive offences*. Dia balik kepada status yang sama sebab dia adalah keluarga, jadi dia hendak pergi ke mana? Kedua adalah situasi yang mana kanak-kanak itu mungkin takut hendak memberi laporan ataupun pihak ketiga sebab takutkan keluarga terlibat.

Jadi bila adanya klausa fasal untuk *rehabilitative counseling* atau kaunseling pemulihan, secara tidak langsung kita boleh mewujudkan keadaan yang mana ini boleh dilihat sebagai satu galakan. Seperti mana Yang Berhormat kata tadi itu, memang betul, ini adalah kadang-kadang yang lebih kepada masalah mental. Masalah mereka yang mana dia tidak boleh selesaikan hanya kerana dipenjarakan di mana perlunya banyak lagi kerja dilakukan. Itu memang betul. Itu sebab saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu peka dalam aspek kaunseling yang mana apa yang Yang Berhormat kata itu memang betul. Perlu kita lihat dengan lebih terperinci apa jenis bantuan yang boleh kita berikan.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat lain sebut tentang implikasi kewangan, saya ingin nyatakan di sini sebenarnya implikasi kewangan yang dirujuk di dalam rang undang-undang ini adalah hanya merujuk kepada kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak dan peruntukan berkaitan pentadbiran keadilan. Oleh itu, bagi maksud rang undang-undang ini, tidak menimbulkan implikasi kewangan.

Bagi program-program lain seperti untuk kesedaran mengenai jenayah seksual atau perbelanjaan yang lain yang berkaitan, perbelanjaan itu akan dipohon dari semasa ke semasa. Sebenarnya apa yang kita lihat ialah saya sudah cakap daripada semalam di peringkat dasar bahawa ini adalah permulaan perjalanan kita, *the beginning of a journey*. Rang undang-undang ini bukan satu *one-off* penyelesaian.

#### ■1750

Rang undang-undang ini tidak akan jamin nyatakan bahawa penjenayah seksual itu dijamin boleh berkurangan tetapi sekurang-kurangnya rang undang-undang ini boleh diwujudkan satu platform yang menyatakan bahawa kepekaan daripada semua pihak, bukan sahaja daripada agensi pentadbiran keadilan seperti mahkamah ataupun agensi polis tetapi juga kepada semua kementerian yang relevan. Terutama sekali dalam aspek kepekaan, *awareness*. Itu sebabnya Seminar Jenayah Kanak-kanak itu Tuan Pengerusi, saya kena sentuh walaupun saya dah sentuh bagi dasar. Itu kita memang tahu bahawa ada susulan gerakan.

Jadi, saya nak terangkan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat semua jangan kkuatir. Jangan kkuatir mengingatkan bahawa kita lepas rang undang-undang ini, lepas itu dia tinggal keseorangan, tidak. Rang undang-undang ini mesti adanya *follow-up* dalam isu khusus kehakiman. Saya dah sebut daripada semalam, ini saya jawab sahaja. Akan tetapi Yang Berhormat Puchong pula menimbulkan isu tentang pindaan pada jadual yang bukan kuasa Menteri tetapi kuasa Parlimen. Saya jawab itu, lepas itu saya duduklah.

Jadual mengandungi butiran kesalahan-kesalahan seksual kanak-kanak. Kuasa diberikan kepada Menteri kerana ia mengandungi butiran teknikal mengenai kesalahan itu yang secara praktikalnya boleh dipinda oleh Menteri. Tambahan lagi terdapat *safeguard* terhadap kuasa ini kerana ia mengehendaki Menteri berunding dengan pendakwa raya terlebih dahulu. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Menteri, berkenaan dengan *Federal or state law*. Semalam janji nak bagi jawapan itu. *Do you have the answer?* Minta maaf, *sorry* Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat, sebenarnya *written law* ini adalah merujuk kepada *Federal law* ataupun *state law*. Ini adalah *Federal law* kerana undang-undang ini dibuat berdasarkan Butiran 4H, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal-fasal 26, 27 dan 28 seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Jadual [Pindaan] -**

##### **5.52 ptg.**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini dipinda dalam Jadual-

- (a) dalam tajuk dengan menggantikan perkataan 13, 14, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24 dan 26, perkataan 3, 12, 13, 19, 17, 18, 19, 20, 22, 23, 24 dan 27”;
- (b) dalam butiran 1, dengan memasukkan selepas perkataan, “Kanun Keseksaan” perkataan “dan kecuali bagi maksud seksyen 26 dan 27 akta ini yang berhubungan dengan seksyen 376, 377C, 377CA dan 377E Kanun Keseksaan.”;
- (c) dengan menggantikan butiran 2 dengan butiran yang berikut:
  - “2. Seksyen 14 dan 15 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 setakat yang berhubungan dengan eksploitasi seksual kecuali-
    - (a) bagi maksud seksyen 3 Akta ini yang berhubungan dengan pemakaian perenggan 4(b) dan (c) Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007;
    - (b) bagi maksud seksyen 22 dan 23 akta ini; dan
    - (c) dengan memasukkan selepas butiran 3, butiran yang berikut;
      - “4. Seksyen 211 atau 233 Akta Multimedia dan Komunikasi 1998 [Akta 588] kecuali bagi maksud seksyen 3 dan 23 akta ini.
      - “5 Seksyen 5 Akta Penapisan Filem 2002, kecuali bagi maksud seksyen 23 akta ini.”

Pindaan kepada Jadual bertujuan untuk memasukkan kesalahan-kesalahan seksual terhadap kanak-kanak di bawah undang-undang bertulis yang lain.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam *Kertas Pindaan* oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam *Kertas Pindaan* hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Jadual sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin) dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN STRATEGIK (PINDAAN) 2017**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

5.57 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Perdagangan Strategik (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Perdagangan Strategik 2010, Akta 708, dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, peranan dan penglibatan Malaysia dalam menyumbang kepada kestabilan politik dan ekonomi serantau dan antarabangsa kian menyerlah sama ada di peringkat ASEAN (APEC) mahupun PBB. Dengan pelaksanaan Akta Perdagangan Strategik 2010 atau dikenali juga sebagai Akta 708 yang berkuat kuasa pada tahun 2011, Malaysia sebagai suatu negara anggota PBB telah memenuhi salah satu aspek keselamatan antarabangsa berkaitan pengawalan aktiviti percambahan senjata pemusnah besar-besaran, dengan izin, *weapon of mass destruction* (WMD). Akta Perdagangan Strategik 2010, Akta 708, memperuntukkan kawalan ke atas eksport, transit, pemindahan, dengan izin, *transshipment* dan pembrokeran barang strategik di Malaysia. Barang strategik adalah senjata dan barang komersial dwiguna yang berkaitan yang boleh digunakan dalam aktiviti yang akan memudahkan perekaan, pemajuan dan pengeluaran senjata pemusnah besar-besaran (WMD).

Malaysia merupakan negara kedua di ASEAN selepas Singapura yang mewujudkan satu akta khas yang komprehensif bagi mengawal aktiviti eksport, transit, pemindahan dan pembrokeran barang strategik yang boleh menyumbang kepada penghasilan senjata WMD tersebut. Untuk makluman, sejak tahun 2011 hingga 2016 sebanyak 11,158 permit eksport transit, pemindahan dan sijil pembrokeran telah dikeluarkan bawah STA 2010. Jumlah permit yang dikeluarkan adalah meningkat sepanjang lima tahun pelaksanaan STA 2010 dengan peratusan peningkatan melebihi 80 peratus pada tahun 2016 berbanding tahun 2011. Sektor utama yang terlibat dengan permohonan permit strategik *Trade Act 2010* adalah elektrik dan elektronik, sistem aviasi dan marin serta bahan kimia yang merupakan antara sektor utama eksport negara.

Selepas lima tahun pelaksanaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai suatu kementerian yang telah diberi mandat untuk melaksanakan akta ini telah menerima dan mengumpul maklum balas daripada pihak berkepentingan iaitu pihak industri dan komuniti perniagaan serta agensi kerajaan yang terlibat dengan aktiviti pelesenan, perkhidmatan, teknikal dan penguatkuasaan mengenai keberkesanan pelaksanaan Akta 708. Melalui proses dengan izin, *Good Regulatory Practices- Regulatory Impact Analysis (GRP-RIA)*, MITI telah mengenal pasti bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji semula undang-undang tersebut bagi memastikan pelaksanaan Akta 708 lebih efektif agar perdagangan barang strategik dapat dikawal dengan lebih berkesan tanpa berkompromi dengan elemen keselamatan.

#### ■1800

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan adalah berdasarkan asas-asas seperti yang berikut.

Pertama, cadangan pindaan akta ini menunjukkan keseriusan pihak berkuasa dalam menguatkuasakan Akta 708 bagi memastikan persekitaran perdagangan Malaysia lebih selamat dan kompetitif. Ia dilakukan dengan menyemak kuantum hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 708. Rang undang-undang pindaan ini meminda hukuman daripada minimum kepada maksimum. Pindaan tersebut bukan bermaksud kementerian ini memandang ringan akan kesalahan yang telah dilakukan sebaliknya kementerian ini berpandangan bahawa pindaan tersebut akan membolehkan pengenalan kompaun kepada kesalahan-kesalahan lain di bawah STA dibuat serta selari dengan hukuman yang dikenakan di peringkat antarabangsa. Keselarian ini akan meningkatkan daya saing Malaysia dalam menarik pelaburan langsung FDI dan menggalakkan eksport negara serta merancakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan Malaysia sebagai hab transit dan pemindahan di arena perdagangan antarabangsa.

Kedua, rang undang-undang pindaan ini mewujudkan kawalan pembrokeran yang lebih fokus dan spesifik dengan meminda takrif broker dan mengecualikan aktiviti berbentuk sampingan yang melibatkan sistem sokongan terhadap aktiviti eksport, transit atau pemindahan daripada keperluan mendaftar sebagai broker.

Ketiga, selain itu, rang undang-undang pindaan ini juga mengadaptasi keperluan kawalan dengan persekitaran perniagaan yang dinamik dan sentiasa berubah setaraf dengan standard dan amalan di peringkat antarabangsa dengan mengeluarkan keperluan mandatori

untuk mengemukakan pernyataan kegunaan akhir semasa permohonan permit atau permit khas di bawah seksyen 9.

Keempat, rang undang-undang pindaan ini menambah baik penguatkuasaan Akta 708 secara menyeluruh dengan menyatakan pegawai-pegawai diberi kuasa yang boleh menjalankan kuasa penguatkuasaan seperti yang dinyatakan dalam seksyen baru 25A. Tambahan daripada itu, seksyen 41 dan 45 masing-masing dipinda untuk memberi kuasa kepada pengawal selepas berunding dengan pendakwa raya untuk memerintahkan supaya mana-mana barang-barang yang disita supaya distorkan, disimpan atau dilupuskan dan melarang tuntutan kos atau gantian berbangkit daripada penyertaan tersebut bagi tujuan melindungi kepentingan pihak berkuasa yang menjalankan tugas.

Seterusnya pindaan ini juga dapat mengatasi kerumitan khusus yang berbangkit dalam penguatkuasaan Akta 708 dengan memasukkan satu peruntukan anggapan mengenai eksport, dengan izin, *presumptions of export* bagi aktiviti-aktiviti yang boleh diandaikan sebagai perbuatan mengeksport barangan strategik, barangan dwiguna atau barang tidak tersenarai keluar dari Malaysia. Pindaan ini membolehkan tindakan undang-undang diambil tanpa kehilangan bahan bukti bagi tujuan pendakwaan. Rang undang-undang ini membolehkan penguatkuasaan dan pendakwaan ke atas mana-mana orang yang melakukan kesalahan mengeksport barangan strategik, tidak tersenarai tanpa memperoleh permit yang sah di bawah Akta 708.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang dipinda dalam Akta Perdagangan Strategik 2010 adalah seperti berikut:

- (i) pindaan seksyen 2. Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif “pegawai diberi kuasa” dan memperkemaskan skop “pembrokeran” dalam seksyen 2 Akta 708;
- (ii) pindaan seksyen 9, 10, 18, 21, 23, 24, 33 dan 40. Fasal-fasal ini bertujuan untuk meminda seksyen 9, 10, 18, 21, 23, 24, 33 dan 40 Akta 708 masing-masing untuk meminda hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 708;
- (iii) pindaan seksyen 11. Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta 708 untuk meminda hukuman bagi kesalahan pembrokeran barang strategik tanpa mendaftar sebagai broker di bawah seksyen 19, Akta 708. Fasal 5 juga bertujuan untuk memperjelas bahawa subseksyen 11(1) tidak terpakai kepada mana-mana orang yang hanya terlibat dalam penyediaan perkhidmatan sampingan berkaitan dengan barang strategik. Ia bermaksud orang itu tidak perlu didaftarkan sebagai broker di bawah seksyen 19, Akta 708;
- (iv) pindaan seksyen 12, Fasal 6, bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta 708 untuk mengadakan peruntukan bahawa sebagai tambahan kepada pengeksportan, seseorang yang berniat untuk memindahkan atau membawa dalam transit apa-apa barang tidak tersenarai dikehendaki untuk memberitahu pihak berkuasa yang berkenaan

mengenai niatnya untuk berbuat demikian sekurang-kurangnya 30 hari sebelum pemindahan atau pembawaan dalam transit itu hendak dijalankan. Fasal 6 juga bertujuan untuk meminda hukuman di bawah seksyen 12, Akta 708 bagi kegagalan mematuhi kehendak pemberitahuan tersebut;

- (v) seksyen baru 12A. Fasal 7 bertujuan memasukkan seksyen baru 12A ke dalam Akta 708 untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan anggapan tentang eksport dengan izin, *presumptions of export* mana-mana barang, barang strategik dan barang tidak tersenarai boleh disifatkan sebagai atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia. Seksyen baru yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperkukuhkan penguatkuasaan oleh pegawai diberi kuasa;
- (vi) pindaan seksyen 14, Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 14, Akta 708 untuk memperjelas keperluan untuk mengemukakan pernyataan kegunaan akhir bagi suatu permohonan permit atau permit khas yang dibuat di bawah seksyen 9 Akta 708 dengan memperuntukkan bahawa keperluan mengemukakan pernyataan kegunaan akhir bukanlah suatu yang mandatori. Pihak berkuasa yang berkenaan boleh mengehendaki pemohon untuk mengemukakan dokumen tersebut sekiranya perlu;
- (vii) seksyen baru 25A, Fasal 13 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 25A ke dalam Akta 708 untuk menyatakan pegawai diberi kuasa yang boleh memberi kuasa penguatkuasaan bagi tujuan penguatkuasaan akta ini;
- (viii) pindaan seksyen 41, Fasal 16 bertujuan untuk meminda seksyen 41, Akta 708 untuk memberi kuasa kepada pengawal selepas berunding dengan pendakwa raya untuk memerintahkan pelupusan mana-mana barang yang disita berserta bekas, bungkusan, pengangkutan dan benda lain yang di dalamnya barang itu distorkan, disimpan atau dijumpai sebagai tambahan kepada barang strategik dan barang tidak tersenarai;
- (ix) pindaan seksyen 45, Fasal 17 bertujuan untuk meminda seksyen 45 Akta 708 untuk menyekat mana-mana orang daripada mendapatkan kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa barang dan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan dan barang lain yang di dalamnya barang itu distorkan, disimpan atau dijumpai melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab munasabah sebagai tambahan kepada barang strategik dan barang tidak tersenarai; dan
- (x) seksyen baru 50A, Fasal 18 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 50A ke dalam Akta 708 untuk memberikan kuasa kepada Menteri dengan keizinan pendakwa raya untuk membuat peraturan-peraturan



untuk menetapkan apa-apa kesalahan di bawah Akta 708 yang boleh dikompaunkan serta kriteria, kaedah dan tatacara untuk mengkompaun kesalahan itu. Seksyen baru yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada pengawal diberi kuasa untuk melaksanakan pengkompaunan kesalahan itu dengan keizinan bertulis daripada pendakwa raya. Kecualian dan peralihan fasal 20 memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan dan pindaan lain. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya rang undang-undang pindaan ini diharapkan imej negara akan dapat dipertingkatkan di peringkat antarabangsa dalam komitmen membanteras percambahan senjata pemusnah besar-besaran, *weapon of mass destruction (WMD)*. Pindaan yang dibentangkan adalah berdasarkan standard dan piawaian antarabangsa yang dapat memastikan pelaksanaan pengurusan perdagangan strategik di negara ini lebih efektif dan efisien. Jumlah pelaburan asing FDI juga dapat dipertingkatkan dengan bertambahnya keyakinan pelabur-pelabur asing, kesan kewujudan persekitaran perdagangan yang selamat dan *facilitative*. Cadangan yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini telah mendapat persetujuan semua kementerian dan agensi yang terlibat dalam pelaksanaan Akta 708 melalui rundingan dan konsultasi yang berterusan sejak tahun 2013 hingga kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perdagangan Strategik 2010 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Ramai yang minat?

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ramai. 10 minit Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan Serai.

**6.08 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Bagan Serai secara dasarnya menyokong rang undang-undang pindaan ini kerana melihat bahawa undang-undang ini perlu diperketat untuk kekuatan, *effectiveness*, dengan izin, dan untuk menjaga keselamatan negara dan pengawalan pembrokeran umpamanya adalah perkara-perkara yang serius yang diambil oleh kerajaan dengan memberikan hukuman-hukuman yang tertentu apabila kesalahan dilakukan.

Jadi rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708]. Jadi tujuan ini untuk menyemak peruntukan yang berhubungan dengan perdagangan barang-barang strategik agar setara dengan amalan antarabangsa. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memudahkan perdagangan dengan menyemak kuantum hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 708 dan untuk mengukuhkan penguatkuasaan dengan melantik pegawai-pegawai diberi kuasa daripada pelbagai agensi.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan itu, kita dapat 19 fasal utama yang akan dipinda. Penggubalan Akta Perdagangan Strategik atau STA ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 1540. Ia bertujuan mengekang percambahan senjata pemusnah besar-besaran. STA adalah undang-undang yang mengawal eksport, penghantaran transit dan broker barang strategik termasuk senjata dan bahan berkaitan selain aktiviti yang dapat - pembuatan, pengeluaran dan penyampai senjata pemusnah besar-besaran.

#### ■1810

Majlis Keselamatan Penubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2004 meluluskan ketetapan yang meminta negara anggota menyediakan sistem kawalan eksport untuk menamatkan pengeluaran senjata pemusnah besar-besaran. Bahan strategik adalah merujuk kepada barangan dan teknologi yang dikawal di bawah STA. Bahan tersebut dikategorikan seperti peralatan kemudahan dan bahan nuklear, bahan khas dan alat berkaitan pemprosesan, bahan elektronik, komputer, keselamatan, maklumat dan telekomunikasi. Pindaan ini penting Tuan Yang di-Pertua, bagi mengetatkan lagi permit yang diberikan kepada broker bagi tujuan eksport barangan yang terdapat di dalam senarai item strategik. Ini kerana terdapat syarikat-syarikat broker yang telah mengeksploitasikan permit mereka dengan tujuan jenayah.

Sebagai contohnya, pihak polis menahan seorang lelaki rakyat Korea yang dikenal pasti sebagai ahli kimia yang bekerja di jabatan IT sebuah syarikat di Kuala Lumpur. Tahanan rakyat Korea ini tersebut berdasarkan penemuan bahan kimia yang disenaraikan sebagai senjata kimia di bawah Jadual 1 Akta Konvensyen Senjata Kimia Malaysia 2005 dan Konvensyen Senjata Kimia 1997 didapati telah digunakan oleh dua orang wanita negara asing ke atas seseorang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 13 Februari lepas.

Saya ingin memohon kementerian menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan dijalankan oleh pihak berkuasa dalam memastikan segala bahan kimia dan yang tersenarai dalam Akta Perdagangan Strategik tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam membuat senjata berbahaya. Melihat kepada pindaan seksyen 9, seksyen 10, seksyen 18, seksyen 21, seksyen 23, seksyen 24, seksyen 33 dan seksyen 40, pengenalan seksyen baru dan pengenalan seksyen baru 50A adalah pengenalan penalti berbentuk kompaun bagi mengukuhkan penguatkuasaan akta ini kerana sebarang kesalahan kecil boleh dikenakan kompaun jika sebelum ini tiada peruntukkan bagi perkara-perkara tersebut.

Pindaan tersebut adalah selaras dengan usaha kerajaan, mewujudkan satu undang-undang perdagangan yang berbentuk *facilitative* dan relevan dengan persekitaran perniagaan yang dinamik dan selaras dengan piawaian antarabangsa. Selain itu pindaan terhadap seksyen

12 untuk mengadakan kawalan bagi barang tidak tersenarai, bukan sahaja bagi aktiviti eksport, tetapi termasuk juga aktiviti transit dan *transshipment* dengan izin.

Perkara ini penting kerana melihat dari satu sudut kesihatan, terdapat penggunaan bahan kimia bagi tujuan penyelidikan perubatan yang mampu memanfaatkan kesejahteraan masyarakat tetapi akan kebimbangan dan kerisauan adalah apabila bahan tersebut disalahgunakan oleh pihak yang menjadi tali barut atau perancang dalam melakukan jenayah.

Saya ingin bertanya, setakat ini berapakah jumlah syarikat dalam negara yang membekalkan bahan kimia bagi tujuan penyelidikan kepada kementerian yang memerlukan? Adakah terdapat kes salah guna bahan kimia yang membabitkan pembekal yang mendapat permit daripada kementerian? Sejauh manakah syarikat persendirian turut mendapat khidmat sama dari pembekal tersebut bagi tujuan selain daripada penyelidikan?

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini penting bagi menjaga keselamatan dan keamanan negara yang telah terbina sejak merdeka lagi. Kita tidak mahu imej negara tercalar oleh serangan-serangan penganas yang menjadikan negara ini sebagai tempat untuk melakukan perkara tersebut. Kedaulatan undang-undang negara harus dipertahankan dan salah satu caranya adalah dengan meminda akta ini untuk memperketatkan lagi undang-undang. Dengan itu, Bagan Serai mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, nampak Yang Berhormat Selayang tunggu. Sila.

#### **6.14 ptg.**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan peluang saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Esok telah genap tujuh tahun Akta Perdagangan Strategik 2010 telah diluluskan Dewan yang mulia ini. Pada 5 April 2010, adalah satu minggu sebelum Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Pekan pergi ke *Nuclear Security Summit*, tuan rumah ialah Presiden USA Barack Obama. Ada ditanya di dalam Dewan ini adakah tujuan untuk menggesa-gesa mengadakan akta ini untuk memberikan satu hadiah kepada Amerika Syarikat bahawa Malaysia adalah bersama dengan Amerika Syarikat? Ini kerana resolusi yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, *Security Council* 1540 telah dibuat enam tahun sebelum itu, iaitu pada tahun 2004.

Apa yang telah jadi kita melihat, ini adalah satu akta yang begitu *complicated* dan biasanya menggunakan lebih kurang tiga tahun daripada waktu hendak mula mendraf sehingga enakmen, tetapi kita dapat membuat dengan satu tahun. Di dalam pelaksanaan daripada tarikh enakmen, sampai ke masa pelaksanaan dan penguatkuasaan, Singapura mengambil empat tahun, kita mengambil empat bulan.

So, apa yang saya minta ialah apakah masa yang digunakan untuk peniaga-peniaga membuat permohonan permit-permit yang diadakan di dalam akta ini daripada masa mereka hendak pohon sampai mereka mendapat permit? Apa kosnya? Ini kerana kita adalah satu negara, di mana perniagaan dan pengangkutan adalah penting. Bila kita mengadakan peraturan

seperti ini yang memberikan satu kawalan, ini menjadi satu kos kepada peniaga-peniaga ini. Saya minta maklumat diberikan sama ada ini telah memberikan satu kesan dan impak kepada kita.

Pada waktu yang sama, pada waktu itu Barack Obama telah berkata, kalau negara kita mengamalkan peraturan ini, ini akan menggalakkan pelaburan daripada Amerika Syarikat di dalam industri *highly sensitive, high technology*. So, saya meminta di dalam masa tujuh tahun ini, benar atau tidak, adakah pelaburan? Kalau ada, berapa pelaburan daripada Amerika Syarikat di dalam sektor ini? Oleh sebab kita telah mengadakan Akta Perdagangan Strategik.

Soalan yang kedua ialah tentang koordinasi. Pada waktu ini kita melihat ada sekurang-kurangnya empat kementerian atau agensi yang terlibat untuk mengeluarkan permit, iaitu:

- (i) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- (ii) MCMC;
- (iii) *Atomic Energy Licensing Board*; dan
- (iv) *Pharmaceutical Division* Kementerian Kesihatan.

Bolehkah empat kementerian ini digabung kepada satu untuk memberikan satu penyelarasnya yang lebih baik dan untuk mengurangkan masa yang diambil untuk mengeluarkan lesen? Pada waktu yang sama juga kita melihat ada tiga badan penguatkuasaan iaitu Kastam, PDRM, dan juga *Malaysian Maritime Enforcement Agency*. Sama juga tentang koordinasi di dalam siasatan, bolehkah ketiga-tiga ini digabung di bawah satu agensi penguatkuasaan?

Perkara yang ketiga, ialah tentang hukuman. Kita melihat di dalam rang undang-undang ini apa yang telah dicadangkan ialah untuk meminda hukuman yang dulu adalah menjadi minimum iaitu sekurang-kurangnya penjara dan denda. Sekarang ditukar kepada yang tidak lebih.

#### ■ 1820

Akan tetapi pada keseluruhannya kita melihat kalau kita bandingkan dengan akta-akta negara yang lain hukuman kita adalah memang tertinggi sekali. Ini kerana adalah satu akta tentang perniagaan, adakah harus dan adil untuk mengadakan hukuman yang begitu tinggi. Kita ialah hanya satu negara di mana ada hukuman mati untuk kesalahan di sini. Ini menjadi satu perkara yang telah menjadi satu halangan kepada industri, kepada *forwarding agent* kepada *shipping agent* kerana mereka bukan yang membuat bahan-bahan dan biasa saja itulah dengan ikhlas mengikut akuan yang diberi daripada pembuatan.

Maknanya mereka biasanya tidak tahu, adakah akuan yang diberikan itu palsu atau tidak. Akan tetapi di dalam akta ini walaupun tidak ada niat, walaupun tidak ada pengetahuan juga boleh disabitkan dan mengadakan hukuman yang begitu tinggi. Saya meminta mengkaji semula lagi walaupun sekarang kita tukar daripada minimum ...

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Selayang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Tumpat. Sila.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekadar ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat sebut tadi bahawa negara kita melalui Akta Perdagangan Strategik ini mengenakan hukuman yang tinggi, yang sekarang ini hendak

diturunkan dan Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa berbanding dengan negara-negara lain, hukuman yang kita kenakan sebelum ini adalah terlalu tinggi.

Negeri-negeri lain, negara-negara lain macam mana? Singapura macam mana, Amerika Syarikat macam mana dan sebagainya, hukuman mereka.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya, negara-negara lain seperti negara Amerika Syarikat memang mengadakan penjara dan denda tetapi tempohnya dan denda itu munasabah dengan aktiviti kerana ini hanyalah satu perniagaan. Inilah yang kita minta untuk dikaji semula kerana kita tidak mahu akta ini menjadi satu halangan kepada perniagaan dan aktiviti ekonomi kita.

Oleh sebab itu, saya tanya Yang Berhormat Menteri untuk memberi jawapan di dalam lima tahun pelaksanaan ini, berapa orang anak syarikat telah disiasat di bawah akta ini? Berapa yang telah disabitkan dan apa hukumannya supaya kita mengetahui dengan lebih dalam harus atau tidak untuk mengadakan hukuman yang begitu berat dan tinggi. Itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

### 6.23 ptg.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negara ku Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk saya turut sama terlibat dalam perbahasan pindaan rang undang-undang Akta Perdagangan Strategik 2010.

Tuan Yang di-Pertua, secara rumusannya Kuala Selangor juga menyokong pindaan rang undang-undang ini kerana pada hemat saya, pelaksanaan undang-undang ini telah mengubah persepsi dunia yang pada awalnya telah menyifatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi pusat percambahan senjata yang tidak terkawal pada tahun 2010.

Setidaknya dengan wujudnya undang-undang ini akan membuktikan bahawa Malaysia sebenarnya juga amat prihatin khususnya dalam memastikan dalam konteks perdagangan ini juga elemen-elemen keselamatan harus dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila merujuk tentang undang-undang ini juga dalam tempoh sedekad yang lalu dari segi rasional kepentingan undang-undang ini saya melihat bahawa Malaysia telah melalui pelbagai ancaman kumpulan militan. Antaranya Al-Maunah, Al-Qaeda, Jemaah Islamiah (JI) dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM). Kini negara sekali lagi berhadapan dengan ancaman kumpulan militan yang memiliki rangkaian organisasi yang tersusun di peringkat antarabangsa iaitu DAESH.

Berdasarkan statistik yang diperolehi menunjukkan sehingga Februari 2016 yang lalu, seramai 234 individu ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia kerana disyaki terlibat dengan kegiatan DAESH dan seramai 95 orang lagi berada di Syria bagi menyertai militan terbabit. Sungguhpun statistik penglibatan mereka ini pada hemat saya amat menggemparkan negara, namun demikian sebelum ini banyak pihak memandang ringan ancaman DAESH di Malaysia

kerana tidak percaya dengan kemampuan mereka untuk memberikan ancaman yang begitu hebat dalam negara kita.

Namun demikian, negara telah digemparkan dengan letupan bom tangan di pusat hiburan Movidia yang terletak di Puchong, Selangor dan ia telah disahkan di dalangi oleh kumpulan militan iaitu pengganas DAESH. Serangan itu secara tidak langsung memberikan mesej jelas bahawa negara perlu bersiap sedia khususnya daripada segala aspek bagi menangani ancaman keganasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya percaya dan yakin bahawa organisasi pengganas ini yang melibatkan jenayah terancang dan mereka mungkin memiliki pelbagai akses ke dalam negara ini termasuk menerusi syarikat-syarikat yang mana ia berunsurkan syarikat perdagangan yang sah didaftarkan. Akan tetapi dieksploitasikan untuk menjalankan urusan perniagaan. Namun, ia digunakan sebagai medium untuk menyalurkan pelbagai jenis senjata ataupun elemen seperti senjata api dan senjata pemusnah besar-besaran seperti senjata biologi, agen biologi, senjata kimia, toksik dan juga senjata nuklear ataupun teknologi-teknologi yang membahayakan dan berupaya mengancam keselamatan negara.

Pengeksploitasi syarikat perdagangan ini juga boleh dapat dibuktikan menerusi kes pembunuhan seorang warganegara Korea Utara apabila menerusi siasatan yang dibuat yang mana saya terbaca siasatan telah dilakukan oleh pihak berkuasa. Saya difahamkan antara bukti yang ditemui ialah penemuan beberapa syarikat gandingan rakyat Korea Utara dan individu Malaysia atas nama komersial dieksploitasikan untuk menjadi alat bagi menjayakan kepentingan khususnya bertujuan memindahkan wang, barang dan manusia termasuk senjata dan bahan terlarang rentas sempadan tanpa dikesan.

Sehubungan dengan itu, saya melihat dengan adanya pindaan yang dibentangkan pada hari ini rang undang-undang ini adalah sangat penting bagi melindungi kepentingan negara dan keselamatan rakyat. Di dalam perbahasan ini juga saya ingin menyatakan rasa bangga saya terhadap kerajaan kerana segala usaha untuk menentang keganasan telah memberikan satu inspirasi kepada rantau dunia seperti mana yang dinyatakan dalam ucapan Perdana Menteri India, Narendra Modi sewaktu lawatan Perdana Menteri Malaysia ke New Delhi baru-baru ini yang telah memuji usaha pro aktif kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri yang mengendalikan ancaman keganasan sehingga mereka ingin mengetahui langkah yang telah diambil oleh Malaysia di dalam mengatasi ancaman tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apabila merujuk kepada cadangan pindaan Akta Perdagangan Strategik 2010 saya ingin menyentuh berkenaan pindaan hukuman dan pengenalan penalti berbentuk kompaun di bawah seksyen 9, seksyen 10, seksyen 18, seksyen 21, seksyen 23, seksyen 24, seksyen 33 dan seksyen 40 dan juga pengenalan seksyen baru iaitu seksyen 50(A). Perkara yang menarik perhatian dalam seksyen-seksyen tersebut ialah berkaitan dengan pindaan ini iaitu memindahkan hukuman daripada minimum kepada maksimum agar ia selaras dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan satu undang-undang perdagangan yang berbentuk *facilitative* dan juga relevan.

Saya juga amat bersetuju agar seksyen baru 50(A) yang bertujuan untuk memberi kuasa kepada pegawai bagi melaksanakan iaitu pengkompaunan kesalahan-kesalahan di bawah STA 2010 ini dimasukkan sebagai seksyen baru di dalam pindaan ini. Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat persoalan-persoalan yang boleh mungkin timbul misalnya sebagai contoh kesalahan mengeksport barangan strategik bukan senjata tanpa permit.

Ini kerana saya lihat dan ingin saya tanyakan pihak kerajaan pindaan ini menetapkan bagi kesalahan tersebut denda maksimum adalah sebanyak RM20 juta dan penjara tidak lebih 10 tahun.

■1830

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Justeru, saya ingin menyarankan agar nilai maksimum tersebut dapat dipertingkatkan kerana jumlah maksimum tersebut masih lagi kecil dan mampu dibayar pada hemat saya oleh para pesalah yang mendapat keuntungan pada skala yang lebih besar berbanding jumlah denda yang dikenakan. Selain daripada itu, had penjara juga perlu ditingkatkan supaya ia berupaya untuk memberikan rasa takut di dalam diri pelaku untuk melakukan kesalahan di bawah akta terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, secara rumusnya saya melihat pindaan undang-undang ini sangat penting bukan sahaja bagi mengelakkan berlakunya eksploitasi terhadap syarikat perdagangan untuk dijadikan medium ataupun alat perdagangan bagi menyalurkan dan menjadikan Malaysia sebagai transit kepada senjata api dan senjata pemusnah besar-besaran. Pada hemat saya, akhirnya saya melihat pindaan ini harus disokong untuk menunjukkan keseriusan Kerajaan Malaysia dan dari segi elemen pindaan tersebut khususnya dalam pindaan-pindaan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Akhir kata, oleh itu Kuala Selangor mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang.

**6.31 ptg.**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan pindaan kepada Akta Perdagangan Strategik 2010. Tuan Yang di-Pertua, saya akan membahaskan isu ini berkait dengan tiga soalan pokok.

- (i) kegunaan *VX nerve agent* di Malaysia;
- (ii) peranan syarikat ataupun mungkin firma broker bernama Glocoms dalam perdagangan strategik; dan
- (ii) penglibatan rakyat Malaysia yang bekerjasama dengan agensi-agensis perisik ataupun agensi antarabangsa.

So, saya akan bahas ketiga-tiga isu ini. Tuan Yang di-Pertua, seperti makluman umum ataupun semua orang tahu bahawa pada 13 Februari 2017 iaitu tahun ini, *VX nerve agent* telah digunakan untuk membunuh Kim Jong Nam. Seperti yang diketahui, *VX nerve agent* ini merupakan satu *nerve agent* yang ada sekatan United Nations. Ada sekatan United Nations.

Soalan yang timbul di kalangan orang ramai ialah bagaimanakah *VX nerve agent* ini boleh dibawa masuk ke Malaysia sampai *our enforcement* atau *policeman* tidak tahu.

A *senior defense researcher at the California-based RAND Corporation* mengatakan bahawa dalam petikan *Wall Street Journal* mengatakan bahawa, “*VX nerve is not something you made in the kitchen lab. It is something that is made in a very sophisticated chemical weapons lab.*” So, persoalan di sini ialah bagaimanakah satu *nerve agent* ini yang dikatakan a *power weapons of define*, didefinisikan sebagai *weapons of mass destruction* dibawa masuk ke Malaysia tanpa pengetahuan Polis Malaysia ataupun *enforcement agencies* Malaysia. Ini saya fikir harus dijawab oleh kerajaan sebab kalau kerajaan hendak menggalakkan Malaysia sebagai satu kawasan perdagangan strategik, maka isu pantauan seperti ini harus dikemaskinikan ataupun dinaiktarafkan.

Isu nombor dua ialah berkait dengan kompeni yang bernama *Glocoms*. *Glocoms* sebenarnya adalah satu *front organization*. Nampaknya daripada petikan surat khabar dan sebagainya, ia merupakan satu *front organization*. Sebenarnya yang kepala itu *is based in North Korea* dan juga dikatakan sebagai satu rangkaian *intelligence North Korea*. So *Glocoms* sebenarnya merupakan a *front agency*. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah *Glocoms* ini ataupun *Pan Systems Pyongyang*, *Pan System* merupakan broker agensi yang telah *direregister* oleh Kerajaan Malaysia dan adakah agensi ini digunakan untuk menjual strategik *trade* seperti *radio equipment* dan sebagainya?

So, ini sebenarnya merupakan bahawa kita ada undang-undang di Malaysia yang boleh digunakan untuk membawa *equipment* ataupun alatan yang digunakan oleh *military and paramilitary agencies all over the world*. So, *we have become a transit point*. [Disampuk] Betul? So, *while we are trying the promote strategic trade but we are being used as a transit point* untuk memecahkan dan melanggar peraturan ataupun sekatan United Nations. *This is what is going on*. Saya tidak faham bagaimana dengan mengurangkan denda pindaan yang telah dibawa, *actually can help to control* dan kawal perdagangan seperti ini.

Isu ketiga dan isu akhir Tuan Yang di-Pertua, adalah perhubungan ini dengan Malaysia dan penglibatan rakyat Malaysia dalam perdagangan strategik. Kita dapati bahawa *Reuters* mengatakan dan menamakan *Mustapha Yaakub* – *Reuters* mengatakan bahawa dia adalah a *prominent member of Malaysia ruling UMNO* dan juga dia adalah *partner* kepada *Glocoms* di Malaysia. Beliau adalah *International Affairs Bureau Member or Secretary of the UMNO Youth Wing's International Affairs Bureau*.

So, kita dapati bahawa orang *North Korea* itu pandai. Dia banyak pandai. Perisik dia pandai. Dia dapat orang UMNO untuk *front for them*. Bukan sahaja *front for them* tetapi juga kita dapati bahawa ada bekas Ahli Parlimen Subang sebenarnya yang juga menjadi *partners company* ini dan juga *Malaysian Navy Chief*, *Tan Sri Ramly Abu Bakar* juga merupakan anggota, *partner* yang dikatakan broker dan digunakan oleh perisik-perisik *intelligence agency* antarabangsa untuk menyekat atau melanggar sekatan yang dibuat oleh United Nations.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, termasuk dalam pindaan tidak, yang dibahas ini? Tidak termasuk, Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Maksudnya apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita dalam pindaan rang undang-undang, Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Dia punya *partner*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *That is why. I am not asking. I am asking the Minister whether this is in the pindaan or not.* Ini kerana dia kata bolehlah ringkaskan topik itu Yang Berhormat ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Of course* Yang Berhormat Menteri kata tidak ada. Dengan ringkasan Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan menjelaskan bagaimanakah kerajaan boleh membenarkan perdagangan yang melanggar sekatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berlaku di Malaysia. Kedua, apakah tindakan akan diambil atas warganegara Malaysia yang nampaknya telah bekerjasama *directly* ataupun *indirectly* dengan agensi-agensi perisik Korea Utara dan melanggar sekatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan ketiga, bagaimanakah *VX nerve agent* yang diklasifikasikan sebagai *weapon of mass destruction* boleh dibawa masuk ke Malaysia tanpa pengetahuan polis Malaysia ataupun perisik Malaysia dan digunakan untuk membunuh Kim Jong Nam.

Apa yang berlaku tadi, Menteri mengatakan bahawa kita hendak membuat pindaan kepada undang-undang ini, kepada Akta Perdagangan Strategik supaya untuk *create* satu suasana geopolitik yang tenteram. Akan tetapi jelas di sini bahawa perisik di luar negara boleh menggunakan rakyat Malaysia atau syarikat Malaysia membawa *weapon of mass destruction* dan bunuh *enemies politic* negara lain di Malaysia. *This is very serious.*

■1840

*Therefore, I think we need an answer.* Oleh kerana itu, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan supaya rakyat Malaysia boleh memahami apakah sebenarnya perdagangan strategik. Adakah strategik untuk bawa baik untuk negara ataupun baik untuk *enemy-enemy* di negara masing-masing? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

6.40 ptg.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk berbahas sedikit tentang rang undang-undang ini. Saya ringkaskan.

Pertamanya, saya menyokong rang undang-undang ini kerana ia memperkuatkan Akta 708. Ini amat penting kerana negara kita menjadi pusat dagangan yang besar. Negara akan berdagang dengan *volume* lebih besar di masa depan. Jadi kita hendak bagi mesej yang jelas kepada dunia bahawa kita berdagang perkara-perkara yang baik.

Kalau benda-benda itu melibatkan perkara contohnya *components* atau elemen-elemen yang bersabit kepada *weapon of mass destruction*, maka dengan akta ini kita perkasakan lagi, kita perbaiki kelemahan-kelemahan yang ada, kita perketatkan lagi dengan satu subseksyen baru mengatakan *presumption as of export* ataupun anggapan tentang eksport. Dengan ini, dapat kita *detail*-kan barang-barang keluar masuk yang jadi dagangan kita. Maka kita dapat mengawal dengan lebih baik. Maka mesej ini yang patut kita hantar kepada semua pedagang dalam dunia.

*Strategic Trade Act* ini juga akan memberi kita kekuatan untuk kita bukan sahaja monitor tetapi kita juga mengekang apa-apa elemen yang boleh menjadikan Malaysia pusat *transshipment* atau perkara-perkara yang boleh mengganggu gugat perdagangan kita.

Dalam masa yang sama, kita tahu dalam perdagangan ini banyak perkara-perkara atau *mechanism* atau instrumen boleh diguna untuk kebaikan dan boleh juga disalah guna untuk benda-benda yang boleh menggalak kepada *weapon of mass destruction*. Contohnya, tidak berapa lama dulu, syarikat kita terbabit dengan buat *centrifuge*, contohnya. *Centrifuge* ini banyak guna untuk kebaikan tetapi ia juga boleh disalah guna untuk membuat *weapon of mass destruction*.

Jadi kalau kita tidak mempunyai satu mekanisme yang ketat untuk memantau ini, maka kita juga terdedah kepada perkara-perkara yang boleh memudaratkan perdagangan kita sekiranya ada pihak-pihak tertentu cuba mengambil kesempatan untuk sabotaj ekonomi kita atau menjadikan kita tidak kompetitif dan sebagainya. Itu sebabnya dengan adanya rang undang-undang ini, kita memberi satu pemerkasaan, *empowerment* untuk kerajaan memantau dan menyukarkan elemen-elemen yang boleh mengganggu-gugat perdagangan negara.

Kita telah melalui zaman-zaman yang agak sukar dulu. Kita kenal 9/11, letup dengan kapal terbang. Lepas itu kita ada letupan bom di Bali di mana pakar buat bom itu dipercayai orang Malaysia. Bertahun-tahun mereka kejar. Selepas itu baru-baru ini kita ada Taliban, al-Qaeda dan Daesh baru-baru ini, 200 lebih dah ditangkap dan potensi mereka mengguna pakai kita sebagai *base* itu memang ada, kita tidak boleh *ruled out*. Akhir sekali, berlaku penggunaan pakar VX agen. Mungkin mereka ini stail macam James Bond, macam Yang Berhormat Klang kata tadi. Kalau dia masuk VX itu dalam pen itu, kita pun susah nak *control*.

Tetapi mesej yang jelas, perdagangan ini tidak dialu-alukan di sini dan kita bertindak tegas melakukan kerangka kerja dengan ketat untuk memastikan elemen-elemen yang menyokong *weapon of mass destruction* dapat kita kekang pada peringkat awal di Malaysia dan tidak mengganggu-gugat perdagangan kita.

Jadi saya juga melihat *Strategic Trade Act* ini akan *facilitate*, memudahcarakan untuk kita menggerakkan pemantauan ini melalui kompaun dari segi pentadbiran dan itu akan memudahkan kita mendapatkan data dan statistik dan memantau bukan secara berkala sahaja tetapi secara berterusan. Ini amat penting untuk kita memastikan juga di samping komponen-komponen dan juga perkara-perkara atau elemen-elemen yang boleh menggalakkan kita menjadi *transshipment* atau pusat untuk perkara-perkara yang tidak baik untuk perdagangan negara.

Jadi saya pilih untuk menyokong akta ini dan saya harap Dewan ini akan menyokong juga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya. Ini fasal Yang Berhormat Kapar tidak duduk lagi ya, tidak boleh panggil.

#### 6.44 ptg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dia kacau. [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih memberi peluang kepada saya untuk berucap tentang isu perdagangan strategik, pindaan kepada akta ini.

Akta ini merupakan akta yang memastikan obligasi Malaysia adalah konsisten dengan *international standards* dalam perkara keselamatan nasional, *national security matters*, dan juga perdagangan bahan-bahan strategik seperti senjata dan *component weapons of mass destruction*.

Perkara *illegal arms trade*, dengan izin, adalah perkara yang sangat serius dan sangat penting. Dalam ucapan dasar ini, saya akan *go back in time* dan melihat sejarah kes Scomi, kes Jilani Humayun dan lepas itu isu terkini yang dibawa oleh Yang Berhormat Klang tadi iaitu isu *North Korea* ataupun Syarikat Glocom.

Pada tahun 2004, Scomi Precision Engineering Sdn Bhd, syarikat di bawah Scomi Group yang dipunyai oleh Kamaluddin Abdullah, anak kepada mantan Perdana Menteri Abdullah Badawi, telah di-report oleh *Financial Times* bahawa Scomi telah membekalkan komponen nuklear kepada negara Libya melalui Dr. A. Q. Khan dan reaksi Amerika Syarikat pada tahun 2009 meletakkan satu *sanction* terhadap CEO Scomi iaitu Encik Shah Hakim dan pada tahun 2015, *sanction* itu di *lifted*, dilepaskan.

Akan tetapi, episod tentang Scomi Engineering ini telah menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai satu sejarah hitam berdagang bahan nuklear dan juga senjata bahaya, *weapon of mass destruction*. Apa yang lebih perit ataupun *more shocking*, dalam bahasa Inggeris, adalah selepas skandal ini menerima perhatian sedunia, tidak ada sebarang tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional. *I know it is controversial political issue* tetapi isu ini memberi komponen *weapon of mass destruction* untuk Libya itu memang isu yang lebih penting.

Saya baca pembangkang ada meminta satu *public inquiry* tetapi BN tidak bagi langsung. Hanya apabila Amerika Syarikat meletakkan *sanction* terhadap Shah Hakim, Kerajaan Barisan Nasional kata dia akan ambil tindakan tetapi tidak buat langsung juga tindakan selain daripada mengemukakan akta ini pada tahun 2010.

Pada tahun 2007, selepas skandal 2004 itu, Amerika Syarikat juga telah mendakwa bahawa seorang *arms dealer* berbangsa Pakistan, namanya Jilani Humayun, telah menghantar *military equipment* ke sebuah syarikat di Malaysia. Ini adalah juga satu kes *illegal arms trade* yang menggunakan syarikat Malaysia sebagai satu *conduit*.

Apa lagi, syarikat Malaysia ini bukan sahaja dia buat benda yang tidak betul, dia pun tipu Kastam Malaysia. Dia tidak bayar duti, dia membuat deklarasi di bawah *value*. Syarikat ini bukan sahaja menjadi *conduit*, tipu Kastam Malaysia tetapi juga tidak mendapat apa-apa tindakan daripada Kerajaan Malaysia. Kosong.

Sekarang kita dah tiba kepada cerita tentang *North Korea*. Seperti Dewan sudah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Klang tadi, ini adalah satu situasi *history repeating itself*. Syarikat Glocom kepunyaan agensi perisik *North Korea* telah dikenal pasti oleh *United Nations* sebagai sebuah syarikat yang beroperasi di Malaysia menjual *military radio system*. Pada tahun 2009, UN telah meletakkan satu embargo terhadap *North Korea* di mana *North Korea* tidak boleh dibenarkan menjual *military equipment* langsung tetapi nampaknya kerajaan tidak pantau, tidur, mungkin Menteri daripada *Home Ministry* ada di sini, nanti dia boleh jawab juga kalau boleh. Malulah cerita tentang Glocom ini sebab operasinya empat kilometer daripada kita, daripada Dewan ini, iaitu di Brickfields.

Yang lebih memalukan, seperti Yang Berhormat Klang kata tadi, *connection*-nya dengan UMNO kuat. *Connection* melalui Ketua Biro Antarabangsa UMNO iaitu Encik Mustafa Yaakob. Perkara ini begitu kontroversi sekali sehingga Setiausaha Agung UMNO, Menteri Wilayah kita, Tengku Adnan telah mengeluarkan *statement* bahawa UMNO akan *review collaboration* dengan parti komunis *North Korea, Workers' Party of North Korea*.

Soalan yang perlu dijawab di Dewan ini ialah apakah kerajaan akan ambil tindakan penuh tentang isu ini atau akan teruskan wayang kulit seperti yang berlaku di Scomi dan juga kes Jilani Humayun?

#### ■1850

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hairan pada sesi ini ialah rang undang-undang yang kita lihat yang di dalam huraian mengatakan bahawa seksyen 9, seksyen 10, seksyen 11, seksyen 18, seksyen 21, seksyen 23, seksyen 24, seksyen 33 dan seksyen 40 menunjukkan satu pengurangan penalti terhadap *illegal trade of weapons*. Rang undang-undang ini akan mengurangkan penalti daripada konsep minimum iaitu konsep seperti *not less than 10 years* menjadi pula konsep maksimum *not more than 10 years*. Soalan dasar pada peringkat dasar ini adalah, adakah ini satu undang-undang yang logikal? Kita sepatutnya mengambil tindakan yang lebih keras, bukannya lebih lembut. Adakah rang undang-undang ini akan memastikan orang UMNO yang terlibat didedahkan sebagai *partner illegal arms trade* dengan *North Korea* akan diberi pelepasan? *A slap on the wrist*. Satu lagi pindaan yang kontroversial yang semua Ahli-ahli Dewan...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, silakan.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *To be fair*, bukan sahaja orang UMNO tetapi bekas Ahli Parlimen Subang.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Orang MIC juga?

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** MIC juga.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *At least, it refers to everybody*. Terima kasih Yang Berhormat Klang. Maksudnya, muhibahlah macam ini. Ya. Satu lagi pindaan yang kontroversial, bagi saya ialah pindaan kepada seksyen 50A, yang memberi kuasa *extra judicial* kepada Menteri.

Banyak orang kata kompaun ini bagus. Sebenarnya, kita di Dewan ini dipanggil untuk memberi satu *extra judicial power to the Menteri* untuk kompaun pesalah. Dewan ini perlu prihatin, bahawa kes ini bukan kes *parking illegal on the road*. Bukannya bawa kereta laju boleh kompaun. Ini ialah kes *illegal trade in weapons*. Jadi, pindaan 50A ini, saya rasa tidak boleh diluluskan ya. Perkara *illegal arms trade* merupakan perkara yang nampaknya berleluasa. *Very big in Malaysia*.

Oleh sebab kita satu *export nation*, kita pun satu *entry port*, *transshipment* banyak, *bonded warehouse* banyak. Jadi, saya rasa jika kita ingin buat undang-undang yang baik, rang undang-undang ini nampaknya *reverse*. Sepatutnya lebih keras, menjadi lebih lembut. Apa yang penting ialah bagi saya bukan sahaja undang-undang tetapi *enforcement* untuk undang-undang ini lagi penting. *Enforcement of the law is more important than the written proposed law*. Saya hendak tanya Menteri dan ini kemungkinan Menteri *Home Minister* kena jawab. Apakah tindakan yang akan dilakukan, akan diambil terhadap Mustapha Ya'kub seperti apa yang Yang Berhormat Klang yang minta, apakah tindakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak akan mahu tanya *Home Minister* untuk jawab di bawah Kementerian MITI, Yang Berhormat?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, memang. Kalau dia tidak suka- dia tidak hendak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh lah. Yang Berhormat nanti besok...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, tidak apa. Nanti kita minum kopi, dia boleh jawab kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar yang Berhormat. Masalahnya nanti besok Yang Berhormat, *the public doesn't know that you are asking the Deputy Minister*, selepas itu *Deputy Minister* tidak jawab, orang luar seolah-olah cakap *Deputy Minister* takut hendak jawab.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, *I apologize to you brother*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu Yang Berhormat.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ini Menteri *Beauty and the Beast*. Apakah tindakan yang Menteri MITI akan syorkan kepada Menteri lain?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini, kita ada rang undang-undang dalam pindaan, *that's why I cautioned you just now*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cuma perkara-perkara yang dipinda sahaja Yang Berhormat. *I am being lenient here*.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Dengan itu saya tidak setuju dengan apa rang undang-undang ini dan yang penting juga ialah kita kena buat satu potongan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan North Korea, itu jelas. *Trade* di antara Malaysia dan North Korea hanya cuma USD4 juta sahaja. Apa yang membimbangkan saya ialah adalah hubungan antara North Korea dan Amerika Syarikat sekarang adalah sangat tegang. Semalam, kita baca Donald Trump berkata, dia akan buat unilateral *decision* sekiranya China tidak boleh

menyelesaikan isu dengan North Korea. Oleh itu, dengan prihatin kepada isu *international development*, kita sepatutnya memastikan undang-undang ini lebih keras dan bukannya lembut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada lagi? Hanya tinggal seorang? Okey, Yang Berhormat Kapar, selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai, selepas itu Menteri bolehlah menjawab.

#### 6.54 ptg.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Akta Perdagangan Strategik 2010. Akta ini pada dasarnya ketika itu telah melibatkan beberapa peraturan seperti Peraturan Perdagangan Strategik 2010, Peraturan Perdagangan Strategik (Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) 2010, Perintah Perdagangan Strategik (Pengguna Akhir Terhad dan Pengguna Akhir Terlarang) 2010 dan Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010. Tuan Yang di-Pertua, pada 6 Mei 2010, akta ini telah dibentangkan di Dewan Negara oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu iaitu *with due respect* Datuk Liew Vui Keong.

Di dalam penerangan beliau, beliau telah mengatakan bahawa, “Masyarakat antarabangsa telah lama menyedari risiko yang berbangkit sekiranya percambahan senjata pemusnah besar-besaran, dengan izin, *weapon of mass destruction (WMD)* dibenarkan tanpa kawalan”, beliau juga bersambung dengan perkataan sebegini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “Selepas serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat, timbul pula kebimbangan bahawa pihak penganas kini giat berusaha untuk mendapatkan senjata sedemikian bagi tujuan keganasan di merata dunia”.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata beliau dalam Dewan Negara ketika itu, menggambarkan risiko dan suasana sebenar mengapa akta ini telah dibawa, dibentang dan diluluskan. Apabila kita baca kembali semua perdebatan yang telah dilakukan ketika itu, kita dapat mengatakan bahawa wujud dua bahagian yang amat penting sebelum kita membuat sebarang pemindaan kepada akta ini. Yang pertama adalah mengimbangkan keperluan untuk memudahkan perdagangan yang sah dalam barangan strategik. Itu yang pertama. Yang kedua pula adalah untuk menyasarkan penyekatan perdagangan haram dalam barang-barang strategik tersebut. So, ia ada dua bahagian.

Satu adalah untuk memurnikan perdagangan antarabangsa barangan-barangan strategik, pada waktu yang sama untuk mengetatkan dan menghalang daripada berlaku segala kegiatan-kegiatan yang diharamkan. Akan tetapi hari ini saya amat terkejut apabila saya mendapati bahawa hukuman yang dikenakan dekat sini agak jauh berbeza. Saya tidak faham mengapa ramai pembahas-pembahas sebelum ini mengatakan bahawa kerajaan komited, kerajaan sedang mengetatkan undang-undang, kerajaan sedang mengawal dan sebagainya, padahal berbanding 2010 pada tarikh hari ini 2017, ada perbezaan yang amat ketara.

Dalam contoh, kalau kita ambil seksyen 9, perkataan asal dalam akta ibu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, seksyen 9 - perkataan yang digunakan adalah “tidak kurang daripada 10 tahun”, bermaksud sesiapa yang melakukan jenayah di bawah seksyen ini, kalau ikut akta ibu yang dulu sebelum pindaan, “tidak melebihi 10 tahun” bermaksud paling kurang pun 10 tahun 1 hari, 11 tahun, 12 tahun, 13 tahun. Bermaksud, hukuman yang betul-betul kuat. Akan tetapi bandingkan pada hari ini, tidak melebihi daripada 10 tahun. Bermaksud, paling tinggi adalah 9 tahun 11 bulan, sebagai contoh. So, macam mana ini boleh dikatakan bahawa kita mengetatkan perdagangan antarabangsa barang-barang strategik dan sebagainya? Saya tidak faham rasional ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya ingat hendak memberikan penegasan kepada— betapa jauh perubahan pindaan yang sedikit itu. Seseorang yang didapati bersalah dahulu, tidak kurang daripada 10 tahun, dia boleh masuk 30 tahun. Akan tetapi yang sekarang, tidak lebih daripada 10 tahun.

#### ■1900

Maknanya satu tahun pun cukup. Lalu ini jelas menunjukkan bahawa kesalahan ini tidak lagi dilihat sebagai satu kesalahan yang serius. Tidak lebih daripada 10 tahun, satu tahun pun boleh, sebulan pun boleh. Sedangkan ianya merupakan satu kesalahan yang melibatkan perdagangan senjata *weapons of mass destruction*. Apa pandangan Yang Berhormat Kapar? Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya sebelum saya bagi pandangan saya masukkan dulu ucapan Yang Berhormat Shah Alam. Sekejap Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekejap.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak sambung sikit lagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, sila kan.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya terpanggil sebab apa sebenarnya *it's not weapon*, dia *components that constitute the making of weapons of mass destruction. It can be anything*. Saya sebut tadi contohnya *centifuse*, masa di Scomi dahulu, *centifuse* ini dipercayai oleh George Bush dia guna untuk buat *centifuse nuclear weapon of mass destruction* untuk Iran dan Libya. *And it was stopped on the way to Libya*. Libya tiada *weapon of mass destruction* pun.

Itu yang saya kata tadi *there is not a scandal*. Cuma dalam *strategic trade agreement* kita hendak fokus kepada memperkasakan - *to regulate better* supaya alat-alat yang mungkin *potential* diguna untuk *weapon* ini dapat kita kekang dapat kita kawal. *That is the real essence of* kita buat, bukan senjata itu. Perkara-perkara yang boleh menyebabkan dibuat senjata sebab perkara ini Yang Berhormat Kapar pandangan saya *it can be one thousand nine item* mungkin

seribu item. Kalau kita tidak jelas ini kita boleh *send the wrong signal* balik bahawa kita akan kekang perdagangan. Itu yang saya kata fokus *on the trade*. Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat Kota Tinggi, kena faham bahawa yang kita bicara tentang undang-undang ini secara spesifik apa yang tertulis di dalam undang-undang ini *not implied whatever we understand. I dont think so what we should do know*. Saya bagi sebagai contoh Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri tolong perhatikan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai contoh untuk seksyen 9, duduk dekat sini dan menukar bahagian A tetapi A bahagian B. A subseksyen B tapi A subseksyen A Yang Berhormat tidak menukar. Bermaksud akan ada percanggahan nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri perasan atau tidak?

Setiap bahagian sini ada A ada B ada niat dan tanpa niat. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah tukar yang tanpa niat bahagian B bahagian A tidak tukar. Bahagian A masih lagi *the reverse implication*. Benda ini sudah tidak sama. So saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri kena duduk fikir sebab dekat sini masalah dengan Yang Berhormat Kota Tinggi dan ramai dekat sini bicara dia guna akta yang ada dekat sini iaitu akta pindaan. Akan tetapi sila rujuk kepada akta ibu. Bila rujuk dengan akta ibu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan akui bahawa wujudnya beberapa percanggahan. Itu yang saya minta Yang Berhormat ini sebut tadi adalah berdasarkan kepada apa yang ada dekat sini apa yang ada dekat sini memang bagus. Oh kita kurangkan, kita banyakkkan hukuman tanpa memahami naluri sebenar akta ibu ini. *But how can you have* - saya bagi satu contoh saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri khusyuk mendengar saya sekarang. Cuba rujuk akta ibu seksyen 9 Yang Berhormat.

Seksyen 9 dengan izin Tuan Yang di-Pertua, eksport pemindahan transit barangan strategik dan barang tidak senarai 9 subseksyen 1 dia ada penerangan. 9 subseksyen 2 dia ada penerangan. 9 subseksyen 3 ada penerangan. Sekarang kita masuk kepada 9 subseksyen 4. Seseorang yang melanggar subseksyen 1 melakukan sesuatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan di bawah ini ada A (1) A *capital* dan A (1) B *capital* yang Timbalan Menteri telah lakukan adalah tukar B *capital* di mana B *capital* sekarang tidak lagi menggunakan perkataan tidak kurang daripada 10 tahun, menggunakan perkataan tidak melebihi daripada 10 tahun.

Padahal *capital* A Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tukar lagi. Yang *capital* A pula mengatakan apa. Jika kematian adalah hasil perbuatan itu dihukum dengan hukuman mati ataupun penyerahan selama hayat, dalam hal sesuatu penemuan perbadanan dihukum dengan denda minimum. Yang ini minimum. Yang B pula semua minimum ditukar menjadi maksimum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, saya banyak lagi isu Tuan Yang di-Pertua selain daripada ini. Saya juga ingin sentuh kompaun dan ada juga macam seksyen 41 dan seksyen 45. Saya rasa tidak ada apa-apa pemindaan. Perkataan "barang" memang sudah ada dalam akta itu. Betulkan saya kalau saya silap Yang Berhormat Timbalan Menteri. So saya tidak tahu macam mana ini dilakukan tetapi saya minta rasional-rasional untuk jawapan yang saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya. Saya juga tadi mendengar dalam penjelasan awal Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa dalam urusan perdagangan strategik ini untuk tempoh semenjak ia diluluskan, ada 11 ribu permit yang dikeluarkan untuk pengimportan barangan ini termasuk elektrik, elektronik, kimia dan sebagainya. Yang tidak disebut ialah berapa jumlah pelanggaran-pelanggaran terhadap akta ini ataupun perkara dalam akta ini yang telah direkodkan, berapa yang telah diambil tindakan ataupun yang telah disabitkan kesalahan dan bentuk-bentuk tindakan yang tidak di ambil.

Saya mohon kepada pihak Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan. Kenapa saya tanya kerana kalau dengan undang-undang yang sedia ada berlaku pelanggaran yang tinggi maka i nya amat mewajarkan suatu pindaan bagi mengetatkan lagi undang-undang ini untuk mengelakkan perkara yang membahayakan negara ini daripada berlaku. Akan tetapi kalau pengimport-pengimport kita, broker-broker kita *comply* kepada undang-undang ini dan tidak ada kes yang dirakamkan pelanggaran ini, maka timbul persoalan apakah perlu kita membuat pindaan kepada sesuatu yang telah pun dilihat berkesan. Melainkan kalau kementerian mengesyaki ada pelanggaran yang berlaku tetapi tidak dapat dikesan sehingga seperti contoh timbul *reacts of ..... gas* yang muncul di KLIA2 itu sebagai suatu pelanggaran yang telah berjaya melanggar akta ini tanpa dapat dikesan.

Kalau itu maka sudah tentulah bukan kita bercakap mengenai denda, penjara dan sebagainya. Akan tetapi bagaimana kita hendak mengawal kemasukan barangan-barangan WMD ini daripada masuk ke negara kita. Ini membawa kepada pertanyaan sama ada pegawai-pegawai kita yang menguatkuasakan undang-undang ini di pintu-pintu masuk Malaysia mempunyai keterampilan ataupun *skill* yang mencukupi untuk membuat pengesanan. Bukan hanya dengan membaca *manifest manifest* ataupun catatan di dalam borang-borang import eksport tetapi mempunyai keupayaan dan juga peralatan untuk mengesan sama ada perdagangan barangan strategik ini telah berlaku tidak mengikut peraturan. Dan juga sama ada kita berkeyakinan bahawa pegawai-pegawai kita yang berada di pintu-pintu masuk ini mempunyai keupayaan dan integriti yang cukup untuk mengelakkan diri mereka daripada dipergunakan oleh orang-orang yang ingin membawa masuk peralatan ini.

Saya rasa ini penting kerana dengan meminda denda, hukuman penjara, saya rasa ini satu hal lah ya, mungkin boleh menakutkan. Cuma dalam konteks pindaan ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Klang tadi. Walaupun Timbalan Menteri pada pembentangan tadi menekankan bahawa negara kita serius saya dengar serius. Jadi kalau serius ini ertinya kita akan menambah hukuman macam kita berbahas isu Rang Undang-undang Timbang Dan Sukat itu hari daripada 5,000 naik ke 50,000. Itu bermakna kerajaan serius daripada beberapa tahun jadi berganda-ganda pemenjarannya. Jadi ini serius tetapi dalam konteks kita berbahas rang undang-undang pada hari ini pindaan ini ianya meletakkan *ceiling rather than floor*. Akta yang

lama *floor*, ertinya minimum, lebih boleh tetapi ini sudah meletakkan hanya siling tidak boleh lebih tetapi kurang boleh.

■1910

Jadi di mana keseriusannya? Jadi ini mungkin andaian sayalah kerana undang-undang ini sebenarnya telah di-*comply* oleh pengimport-pengimport. Jadi tidak perlu didera lagi. *Kot* itulah, tetapi di mana letak makna serius yang digunakan oleh Timbalan Menteri tadi. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, barangan perdagangan strategik ini mungkin termasuk *biological weapon* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Ini memerlukan satu teknologi yang tinggi untuk mengesan di peringkat pintu-pintu masuk kita.

Kita hari ini dengar macam-macam penyakit yang baru yang datang ke negara kita yang saya tidaklah mengandaikan bahan-bahan ini, virus-virus ini atau bakteria-bakteria ini sebagai WMD. Akan tetapi yang kita tak dengar dulu, sudah berleluasa banyaknya. H5N1, H1N1 atau macam-macam lagi influenza virus yang masuk. Perkara-perkara macam ini juga harus menjadi perhatian kita kerana kita tidak mahu mereka yang ingin menjahanamkan negara kita ini menggunakan berbagai-bagai bahan dan juga teknologi untuk mencapai maksud mereka.

Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian sama ada perkara ini diteliti dan diberikan tekanan, penekanan supaya kita tidak terdedah kepada *weapons of mass destruction* daripada *variety biological weapon* ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja pandangan saya. Kalau hendak tambah Yang Berhormat Shah Alam, ada hendak komen apa-apa? Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, Yang Berhormat Shah Alam tanya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia tak signal dia nak duduk tadi. Kalau tidak, saya berdiri awal sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pasal dari belakang Yang Berhormat, susah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini berhubung— terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Ini kalau kita rujuk kepada apa yang ditulis di sini, dia tidak menyatakan bahawa untuk tindakan yang lebih serius atau sebagainya. Kalau kita lihat di sini, dia kata, pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memudahkan perdagangan dengan menyemak kuantum hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 708. Lalu tujuan dia adalah memudahkan Tuan Yang di-Pertua, tetapi memudahkan bagi orang yang langgar.

Kalau kita lihat, pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memudahkan perdagangan dengan menyemak kuantum hukuman bagi kesalahan. Maknanya orang yang buat kesalahan itu kita mudahkan. Saya tak faham undang-undang, kita pinda supaya kita mudahkan dengan kita kurangkan dia punya hukuman bila melakukan kesalahan. Maknanya, adakah tujuannya untuk hendak galakkan lagi banyak kesalahan dilakukan supaya ialah seperti mana yang dikatakan hukuman itu tidak melebihi 10 tahun, maka boleh sehari penjara, boleh dua hari penjara ataupun denda tak lebih RM100 juta ke berapa ratus juta sahaja boleh denda RM100.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat sambung sikit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adakah tujuan ini untuk memudahkan melakukan kesalahan itu? Itu tak faham. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, sambung sikit.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, sikit boleh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya membuat cadangan bahawa Timbalan Menteri tarik balik akta ini, teliti sebab ada percanggahan yang saya telah bangkitkan tadi. So, saya minta Yang Berhormat sampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mempertimbangkannya. Terima kasih.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Boleh sambung?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Teknologi sekarang ini dia kena *corner* sini ke sana. Dia tak boleh *direct* ya. Sila Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ya, terima kasih. Yang terhormat Kuala Krai, saya ingin merujuk kepada satu insiden pada 23 Mac di mana satu kapal dari North Korea Utara yang membawa arang batu 6,300 metrik tan dilarang berlabuh di Pelabuhan Pulau Pinang. Ini bahan arang batu juga boleh merupakan satu bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan senjata pemusnahan besar-besaran. Akan tetapi mengikut pelaburan, ini adalah kali pertama kapal Korea Utara dilarang, tidak wujud sebelum ini. Sebelum ini kapal-kapal tersebut boleh masuk dengan sesenang hati. Jadi minta pandangan mengapa tidak serius dalam perkara ini?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, tentang Yang Berhormat Shah Alam tadi ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, saya rasa pelik juga. Kalau kita, sebab kita bercakap mengenai *weapon of mass destruction*, benda yang sangat bahaya. Sepatutnya kita ambil roh serius dan yang disebut oleh Timbalan Menteri dengan mengenakan hukuman lebih berat. Akan tetapi bila longgar ini, kita minta penjelasanlah daripada Timbalan Menteri. Manakala kepada Yang Berhormat Kapar, saya panjangkan mesej Yang Berhormat Kapar tadi.

Saya rasa bila kapal dengan arang batu, kita ada generator arang batu yang ada di Manjung sana yang memerlukan arang batu. Selama ini seperti disebut oleh Yang Berhormat Tanjong tadi, biasa, kenapa sekarang ini berlaku? Ia mungkin kerana kapal itu bendera Korea Utara dan suasana yang berlaku ini ada sensitiviti. *Wallahu a'lam*, kita tunggu penjelasan daripada Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

#### 7.16 mlm.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Pertama, bagi pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) kami merakamkan ucapan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli Parlimen Bagan Serai, Ahli Parlimen Selayang,

dengan celahan daripada Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kuala Krai dan celahan-celahan daripada Yang Berhormat Shah Alam.

Pertama, yang saya ingin menjawab ialah ada beberapa Ahli Yang Berhormat bertanya tentang hukuman perbandingan apabila kita ubah perkataan minimum kepada maksimum. Hukuman itu dilihat dilonggarkan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa mengikut negara-negara lain supaya kita lebih selaras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa, saya ingin menyentuh tentang beberapa negara atas kesalahan yang sama. Contohnya Singapura, bagi kesalahan pertama yang melibatkan pemindahan barangan strategik, hukuman yang dikenakan adalah tidak melebihi SGD100,000 ataupun RM315,000 sahaja. Bagi kesalahan kedua, tidak melebihi RM630,000.

Di Jepun, di bawah akta yang lebih kurang sama, hukuman adalah RM356,000. Di Amerika Syarikat, akta dipanggil sebagai *Export Administration Act 1979*, jumlah hukuman tidak melebihi USD1 juta ataupun RM4.4 juta sahaja. Manakala bagi negara Australia, satu lagi contoh, dia tidak melebihi RM1.4 juta. Sedangkan di Malaysia, kita meletakkan mengikut kesalahan minimum RM30 juta dan satu lagi minimum RM20 juta. Antara tujuan kita meminda ini ialah untuk menyelaraskan dengan standard antarabangsa yang telah menetapkan sebagaimana empat negara, lima negara yang saya berikan contoh.

Walaupun demikian, perkataan keseriusan itu kita masih lagi menetapkan hukuman mati dan juga penjara seumur hidup bagi kesalahan yang melibatkan kematian. Itu kita masih kekalkan dan ia tidak berlaku di mana-mana negara tentang hukuman seperti ini. Itu jawapan saya berhubung tentang soalan-soalan mengenai...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan ya, terima kasih. Adakah di Jepun, Singapura dan Amerika Syarikat dia memakai maksimum kadar maksimum, iaitu *up to* seperti yang diminta untuk dipinda pada hari ini? Oleh sebab maksimum maknanya kalau kita caj RM1 pun boleh. Maksimum RM10 juta yalah. Adakah ini diguna pakai cara dia di Amerika Syarikat, Jepun dan juga di Singapura.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, Singapura yang digunakan adalah tidak melebihi SGD100,000 kesalahan pertama. Kesalahan kedua, tidak melebihi SGD200,000. Begitu juga di negara-negara yang lain dia menggunakan perkataan tidak melebihi. Di Amerika Syarikat, tidak melebihi USD1 juta. Jadi kita menggunakan perkataan yang sama tidak melebihi, okey?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

■1640

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Macam mana pula Yang Berhormat Menteri nak bezakan A dan B yang saya bangkitkan tadi. Padahal A, untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia kata jika kematian saya sedang rujuk kepada Seksyen 9 Timbalan Menteri. Jika kematian adalah hasil perbuatan itu dihukum dengan hukuman mati atau

pemenjaraan selama hayat dan dalam R sesuatu pertubuhan perbadanan dihukum dengan denda minimum sebanyak RM30 juta. Sini minimum RM30 juta, tetapi dalam B, bila berkaitan dalam apa-apa hal lain, dihukum dengan pemenjaraan tidak melebihi 10 tahun, tidak melebihi RM10 juta dan kalau perbadanan tidak melebihi RM20 juta.

Jadi sini RM20 juta *is a maximum* dekat sana, bila ada kematian minimum adalah RM30 juta. Kita sedang buka satu ruang untuk undang-undang ini di *abuse* dan dimanipulasikan, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya ada pegawai undang-undang di belakang dan jawapan yang diberikan kepada saya ialah tiada percanggahan Seksyen sub A dengan B seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kapar, ia bergantung kepada jenis kesalahan, tiada percanggahan ianya berdasarkan kesalahan dan contoh-contoh kesalahan ada diberikan kepada saya tiga muka surat di sini yang saya akan bagi jawapan secara bertulis spesifik kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kapar.

Seterusnya tentang *Nerve Agent*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, sebelum itu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** *Nerve Agent* Korea Utara.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak apa, Korea Utara ke, selatan ke. Sebelum itu nak tanya, saya mendengar penjelasan ini daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan kuantum hukuman yang telah diturunkan dan justifikasi yang diberikan adalah berdasarkan kepada amalan-amalan negara yang lain yang adakah saya hendak tahu, adakah mereka juga menurunkan kuantum hukuman daripada asal seperti mana juga Malaysia ataupun undang-undang yang disebutkan sebagai contoh itu telah wujud pada ketika, bila kita menentukan kuantum yang asal.

Sekiranya ia telah wujud daripada sejak ketika kita menentukan kuantum yang asal, boleh tidak kita Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan alasan-alasan yang digunakan dahulu, bila ditetapkan kuantum hukuman yang asal bila dulu kita tetapkan minimumnya 30 tahun ke, 20 juta ke dan sebagainya. Apa alasan pada ketika itu sekarang ini kita hendak tukar pula. Kalau dulu alasannya apa, ataupun jumlah kuantum itu digunakan berdasarkan pada amalan negara yang lain, negara lain pun sudah tukar ataupun bagaimana. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, terima kasih tadi Yang Berhormat Shah Alam sebelum Yang Berhormat Shah Alam menimbulkan perkara ini, Yang Berhormat Shah Alam ada memaklumkan kepada kita bahawa disebut sini pindaan dicadangkan tujuan untuk menyemak peruntukan yang berhubungan dengan perdagangan barang strategik. Pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memudahkan perdagangan dengan menyemak kuantum hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 708.

Maksud memudahkan perdagangan itu, ialah memudahkan perdagangan bukan memudahkan untuk melakukan kesalahan Yang Berhormat Shah Alam, itu tafsiran Yang Berhormat Shah Alam. Apa yang berlaku pada sebelum ini, itu pada semangat sebelum ini pada

saat dan ketika ini kita ikut pada saat dan ketika ini. Okey Yang Berhormat Shah Alam. Loyal buruk eh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ini tentang *nerve agent*, hendak dengar tidak *nerve agent*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya dengar dulu tetapi lepas ini beri laluan ini sekejap.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** VX atau *Nerve Agent* adalah dikawal di bawah Akta 708, di bawah kategori Military List (ML7). Walau bagaimanapun, dalam kes Korea Utara ia merupakan transaksi import di bawah Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005, di bawah Wisma Putra. Berdasarkan rekod tiada pelesenan untuk mengimport bahan tersebut dikeluarkan, bahan ini sukar untuk dikenal pasti dan siasatan masih dijalankan. Jadi, itu jawapan yang kita boleh berikan pada saat dan ketika ini.

Satu lagi mengenai Mustapha Yaakub yang disebut Datuk Mustapha Yaakub telah pun membuat kenyataan akhbar, dan di antara apa yang disebut oleh beliau ialah setelah menyedari yang semua produk termasuk peralatan ketenteraan keluaran Korea Utara, beliau terlibat dalam syarikat yang ini ialah produk komunikasi yang boleh dipasarkan di Malaysia dan di rantau Asia. Setelah menyedari bahawa produk-produk peralatan seumpama itu disekat oleh PBB dan atas nasihat Bukit Aman dan juga MITI, kami putuskan untuk menutup syarikat yang berkaitan.

Kemudian pada tahun 2012, mereka menubuhkan *International Golden Services*, kemudian syarikat ini juga ditutup pada tahun 2012. Ini kenyataan yang dibuat oleh Datuk Mustapha Yaakub.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan Menteri, boleh.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri, kalau kita baru tahu bahawa isu ini PBB melarangkan, kita tutup syarikat ini bukan satu isu yang boleh kita *close the matter so simply*, sebab keuntungan dia macam mana. Adakah keuntungan yang dia buat tiga, empat, 10 tahun ke berapa lama itu bukankah itu patut didenda. Bukan sahaja tutup syarikat, dia kena pulangkan kesemua keuntungan dan juga... [Disampuk] Bukan, yang hendak pinda ini sekarang hendak turun lagi, yang itulah yang kita kata itu.

Jadi sepatutnya Menteri kena kejar Datuk Mustapha Yaakub minta dia pulangkan kesemua keuntungan yang telah berlaku di bawah *illegal arms trade* ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada lagi Ahli Yang Berhormat bangun, hendak bagi Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Dilibatkan dengan Datuk Mustapha Yaakub ini, ialah penjualan peralatan radio tempur.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, *military radio* memang..

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Peralatan komunikasi.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tapi tahun 2009, PBB sudah kata tidak boleh jual apa-apa *military* daripada *North Korea*, tidak akan dia tidak tahu. Dia yang bawa *military radio*

bukan bawa radio biasa. Jadi isu dia ialah apakah tindakan MITI terhadap Datuk Mustapha Yaakub. Kalau dia untung RM1 juta, RM2 juta dia hendak lepaskan sahaja, dia kata tutup syarikat sedaplah, tidak payah bayar *income tax* pun. Jadi maknanya isu dia ialah apakah tindakan lebih, tidakkan kita boleh hantar satu mesej kepada dunia *you can trade in illegal, if we find out, you close shop* macam itu. Itu bukan undang-undang Malaysia, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, kita akan membuat semakan semula dan kita akan maklumkan kemudian.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada lagi yang bangun Yang Berhormat, nak bagi jalan lagi.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Mana itu, Yang Berhormat Klang?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terima pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa firma Mustapha Yaakub itu Glocom telah ditutup pada 2015. Akan tetapi masalah di sini, firma itu telah beroperasi untuk beberapa tahun, itu satu. Soalnya ialah, bagaimana firma ini boleh beroperasi tanpa pengetahuan kerajaan dan firma itu menjual apa yang dipanggil *battlefield radio equipment* yang melanggar sekatan Bangsa-bangsa Bersatu. Adakah ini bermaksud bahawa Kerajaan Malaysia *accomplish to the* firma ini dan *the extension an accomplish within North Korean Government to sell and* melanggar sekatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Implikasi itu lebih serius daripada tutup kedai. Saya minta kerajaan supaya mengambil isu ini serius dan juga mesti mengambil tindakan, jawapan Yang Berhormat Menteri itu saya fikir tidak—lemahlah Menteri sebab ini adalah satu aktiviti yang serius. Bukan sahaja melanggar sekatan tetapi juga menjadi Malaysia sebagai *accomplish international crime, so how can we just say* tutup cerita, lepas tangan. Saya ingat itu cara tidak bagus Menteri, kita mesti ada cara lain.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, saya sudah sebut tadi kita akan menyemak semula tentang kes ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Macam mana menyemak kedai sudah tutup.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, boleh.

#### ■1930

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak balik kepada tadi, apa yang dijawab tadi bahawa apa yang ditetapkan dulu adalah atas semangat dulu, apa yang ditetapkan sekarang adalah atas semangat sekarang. Lalu semangat sekarang ini adalah untuk memudahkan perdagangan dengan menyemak kuantum hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 708. Yang memudahkan perdagangan dengan hendak kurangkan kuantum hukuman itu atas kesalahan. Apa maksudnya memudahkan perdagangan itu? Jikalau memudahkan perdagangan ini mungkin dari sudut prosedur dia kah, dari sudut borang-borang yang hendak diisi kah,

pendaftaran syarikat atau deklarasi kastam kah? Itu mungkin memudahkanlah ya, cukainya kah dan sebagainya itu mungkin memudahkanlah.

Akan tetapi kalau memudahkan dengan mengurangkan hukuman atas kesalahan, ini bukan memudahkan perdagangan, ini memudahkan pelanggaran undang-undang. *[Tepuk]* Adakah ini semangat hari ini yang semangat dulu ialah untuk hendak mencegah, menentukan bahawa kesalahan dan pelanggaran undang-undang tidak berlaku dan sekiranya berlaku maka akan dihukum dengan begitu berat sekali. Akan tetapi semangat sekarang ialah seperti mana yang ditunjukkan terhadap kes yang alamat komunikasi ketenteraan Korea Utara lah, sudah berlaku, sudah langgar tak apa, tutup syarikat selepas itu diam.

Orang buat bising barulah hendak fikirkan perlu ambil tindakan, mesti ambil tindakan. Ini kerana ia telah melanggar apa yang telah ditetapkan iaitu tidak boleh berdagang dengan peralatan ketenteraan daripada Korea Utara. Tak bolehlah kita tutup syarikat, *settle*. Kalau kiranya benar ianya merupakan satu perkara yang mana dia tak tahulah dan kerajaan pun membenarkan benda itu berlaku tanpa dapat mengesannya maka kita kena tanya macam mana. Takkanlah ada banyak sangat syarikat-syarikat Korea Utara yang melakukan perdagangan dengan ejen-ejen di Malaysia. Berapa banyak? Sedangkan kita sudah tahu bahawa barang-barang Korea Utara ini sudah memang di bawah pantauan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kalau ada barang ketenteraan dan Malaysia akan disenaraihitamkan ataupun tercatat sebagai sebuah negara yang berdagang dengan peralatan ketenteraan Korea Utara, takkan tak boleh pantau? Ya, bukanlah Korea Utara ini satu negara dengan banyak sangat syarikat yang menjadi ejen, menjadi broker dan sebagainya, setiap negeri ada 10, 20. Susah hendak pantau.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ia merupakan satu perkara yang sepatutnya dapat dikawal daripada asal dan saya khuatir seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Klang ianya satu pelanggaran yang diketahui dan dibenarkan dan Kerajaan Malaysia merupakan sebagai *accomplish* dan itulah sebabnya tiada tindakan yang diambil.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat saya hendak sambung sikit Yang Berhormat, sikit sahaja.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya hendak jawab dulu Yang Berhormat Shah Alam ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bergabung, bergabung sekali jawab.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Antara barang strategik ini ada 1,800 jenis Yang Berhormat Shah Alam. Di antaranya ialah injap. Injap untuk *oil and gas* antaranya ialah cip komputer dan kita ada lebih kurang 400 syarikat yang berdaftar dengan MITI untuk mengeksport barangan-barangan seumpama ini. Ini maksudnya untuk memudahkan perdagangan. Tidak semua cip komputer ini digunakan untuk *weapon of mass distraction*. Cip komputer untuk...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Berapa banyak yang daripada Korea Utara? Berapa banyak syarikat yang menjadi sebagai agen untuk Korea Utara?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya tak ada angkanya di sini tetapi perdagangan dengan Korea Utara ini terlalu sedikit Yang Berhormat. Okey...



**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Fasal sedikit lah yang mudah untuk dipantau. Sedangkan kita sudah tahu Korea Utara negara merupakan negara yang bermasalah. Oleh sebab adanya syarikat yang menjadi ejen untuk syarikat-syarikat Korea Utara maka sepatutnya kita pantau dan oleh kerana tak banyak sepatutnya mudahlah untuk dipantau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi kalau sudah dibuat oleh orang UMNO dan MIC mungkin boleh ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri. Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hendak jawab dulu kah Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Boleh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tanya dulu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri dibekalkan oleh pakar-pakar daripada belakang tetapi yang menjawabnya ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tengok dekat sini, dia dekat sini terus terang pindaan yang dicadangkan juga bertujuan untuk memudahkan perdagangan. Selepas itu bahagian kedua ialah dengan menyemak *quantum*. Okey, saya hendak tanya balik kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam beberapa pindaan seksyen 2, seksyen 9, 10, 11 dan sebagainya yang mana satu memudahkan perdagangan, yang mana satu? Sila jelaskan terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Antara perkara yang saya ulang balik ya, antara barangan strategik daripada 1,800 tadi ialah injap *oil & gas*, cip komputer. Memudahkan perdagangan ini maksudnya ialah memudahkan supaya perdagangan kita mengeksport cip komputer ini ke negara-negara yang pelbagai, tidak terlalu mengisi segala jenis borang birokrasi yang ada dalam akta ini. Itu antara perkara yang kita katakan memudahkan perdagangan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dengan sendiri, saya amat setuju iaitu adalah 12A. Itu adalah 12A dengan perkataan "*Anggapan tentang eksport*". Ini sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri, *with due respect to you* yang memudahkan perdagangan. Yang di semua pindaan ini hanya di 12A sahaja memudahkan perdagangan, yang lain semua adalah kena mengena dengan hukuman.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Akan tetapi hukuman itu yang kita kata sekarang telah dikurangkan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu salah satu tujuan pindaan, bukan tujuan utama pindaan. Salah satu tujuan pindaan. Memang ya di antara yang kita pinda ialah tentang *presumption of export*. Sebelum ini apabila barangan itu sudah keluar...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *That's fine*. Itu saya tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat seorang-seorang.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Apabila mereka telah mengisi borang-borang yang berhubung tentang eksport kita sudah boleh mengambil tindakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya saya setuju, saya setuju. Saya terima dengan sejalasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang itu adalah untuk memudahkan, itu satu sahaja dalam pelbagai pindaan dekat sini itu satu sahaja yang memudahkan perdagangan, yang lain semua adalah kena mengena dengan hukuman. Bila kena mengena dengan hukuman mengapa kita hendak memudahkan juga hukuman, itu Yang Berhormat Shah Alam tekankan dari awal tadi. Sepatutnya kita ketatkan walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab kita kena selaras dengan negara-negara lain, kita tidak ada kewajipan sebab yang akan jadi bahayanya adalah negara kita sendiri.

*Why* kita hendak jaga dia orang? Pada hal 7 tahun yang lepas kita ketatkan, kita letak satu portfolio yang tinggi sekarang kita kata kita turunkan. *I think that is not fair* dan ini tidak membawa kepada hasrat akta ibu bila kita bentangkan pada tahun 2010. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri baca di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara, hujah-hujah yang disampaikan, hujah-hujah yang Jabatan MITI ketika itu berbeza daripada apa yang diuar-uarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Semangatnya berlainan. Saya lagi sekali minta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa hukuman itu. Saya tidak berbicara tentang bahagian pertama iaitu memudahkan perdagangan, itu seksyen 12 saya faham. Akan tetapi daripada hukuman itu, ada *and B* kena selaras. Saya faham tidak bercanggah tetapi tidak selaras. Saya tidak pernah pun guna perkataan bercanggah, tadi pegawai Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan perkataan bercanggah. Saya tak guna perkataan bercanggah, saya kata tidak setimpal, tidak selaras. Dengan A dan B ada, satu dengan niat, satu lagi tidak niat. So kita kena baca secara holistik, tak boleh baca pecah-pecah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, di antara perkara utama juga dalam pindaan ini ialah kita mewujudkan kompaun yang sebelum ini tidak ada kompaun. Setakat ini ada jumlah kes...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri saya belum masuk lagi kompaun.

**Seorang Ahli:** Kompaun 50A.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu kompaun belum lagi, saya belum bicara lagi kompaun. Ini tentang hukuman.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ini terpulanglah apa yang saya hendak cakap.

[Ketawa]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tak boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, *this is something very important. How can you answer me like that? I am being very polite to you...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Itu terpulang kepada saya. Kalau tentang kompaun, apa hak Yang Berhormat untuk larang saya daripada bercakap tentang kompaun?

■1940

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan, saya kata belum masuk ke topik itu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduk dulu, Yang Berhormat. Seorang, seorang. Bila Menteri bercakap...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kalau saya tidak mahu menjawab apa yang Yang Berhormat tanya, itu hak saya untuk tidak menjawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *I was very nice to him.* Apa fasal Yang Berhormat tiba-tiba hendak emosi sangat? Saya kata soalan saya tentang hukuman itu juga... Macam tadi saya tanya soalan tentang memudahkan perdagangan. Yang Berhormat jawab, saya terangkan. Lepas itu saya tanya tentang hukuman, saya belum masuk kompaun lagi. So, yang ini belum jawab. Itu yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kalau saya tak cerita tentang kompaun, apa, tak boleh kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kewajipan untuk menjawab.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kalau saya tidak menjawab, itu juga adalah hak saya untuk tidak menjawab.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada jawapan untuk soalan saya?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tetapi kalau saya ingin menjawab soalan secara bertulis...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada jawapan untuk soalan saya?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya berjanji untuk memberikan satu jawapan yang bertulis yang *detail* tentang apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Esok boleh saya bagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Esok saya bagi ya. Pukul berapa nak? [*Dewan ketawa*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Secepat yang mungkin. Akan tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita sudah luluskan rang undang-undang ini. Itu masalahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, *this is not the way*, Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, jawapan esok pagi saya bagi untuk meluruskan fikiran Yang Berhormat. [*Dewan ketawa*]

Saya hendak maklumkan kepada Ahli-ahli Dewan, setakat ini jumlah kes yang ditimbulkan, jumlah kes baru empat kes sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Sedang didakwa di mahkamah dan masih dalam siasatan ada tiga kes. Jadi pada kita, apabila kita mengadakan kompaun, kemungkinan untuk lebih banyak kes itu boleh berlaku. Sebagai contoh, berlaku pelanggaran dari sudut kesilapan mengisi borang misalnya ya. Apabila beberapa kali silap mengisi borang, kita mengesyaki sesuatu perkara berlaku. Oleh sebab itu, kita adakan kompaun supaya lebih banyak lagi sebenarnya boleh kita kompaunkan. Itu di antara keputusan dan juga apa yang disebut dalam rang undang-undang pindaan ini. Sebelum ini kita tidak ada kompaun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih atas jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tetapi oleh sebab Yang Berhormat Kuala Krai tiada, maka saya tanya balikkah ya.

Kalau tidak silap saya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa ada empat kes dan tiga sahaja lagi yang sedang dibicarakan. Ini bagi kami merupakan bukti bahawa undang-undang yang sedia ada cukup berkesan ya, efektif. Lalu dengan kuantum hukuman yang telah ditetapkan, menggerunkan sehingga orang tidak berani hendak buat ya. Lalu sekarang ini bila hendak dipermudahkan perdagangan dengan mengurangkan kuantum hukuman, tidakkah ia akan menyebabkan lagi ramai yang buat dan lagi banyaklah kesnya? [*Tepuk*] So, biasanya bila sudah berkesan, kita tidak ubah. Akan tetapi ini bila sudah terbukti berkesan, kita ubah, kita kurangkan pula hukumannya macam kita hendak galakkan orang buat. Itu yang kita tidak faham ya.

Kedua, berhubung dengan kompaun itu. Ya lah, baguslah kalau ada satu perkara yang ditetapkan untuk hendak memudahkan penyelesaian kesilapan, kesalahan yang dilakukan dan sebagainya. Tetapi sekali lagi, ia dengan semangatnya yang sama, semangatnya ialah untuk memudahkan cara kesalahan itu ditangani, maka dikenakan kompaun sahaja. Walaupun kita faham bahawa persoalan perdagangan ini bukan kesemuanya peralatan ketenteraan, bukan kesemuanya peralatan berhubung dengan *weapon of mass destruction* tetapi malangnya, ia masuk dalam kategori yang sama ya. Bila kita sudah masuk dalam kategori yang sama, walaupun benda yang lain itu mungkin injap lah, *electronic board* lah, apa lah dan sebagainya, tetapi hendak kena ada dia punya *deterrent* yang berkesan dan sekarang ini terbukti apa yang ada cukup berkesan. Lalu saya tak faham kenapa kita hendak pinda? Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya jelaskan lagi satu bahagian.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, saya hendak menjawab Yang Berhormat Shah Alam dulu ya dan juga Yang Berhormat Kelana Jaya dan ada beberapa orang bertanyakan tentang Glocom. Saya telah dapat jawapan daripada kita punya pegawai undang-undang.

Glocom tiada didapati membuat transaksi di Malaysia. Syarikat tidak membuat eksport barangan *strategic* tersebut iaitu *military radio*. Syarikat didapati sebagai ejen jualan yang dilantik. Syarikat tidak dapat didakwa di bawah akta ini kerana tidak menyalahi sebarang klausa kerana tidak didapati membuat sebarang transaksi di Malaysia. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap memantau aktiviti syarikat ini dan tidak meluluskan sebarang permohonan lesen pengilang atau insentif. Ini jawapan rasmi yang saya kongsi di Dewan ini.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, siapa lagi? Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak berkongsi pandangan.

Tadi pandangan bahawa *Strategic Trade Act* ini ialah sebenarnya untuk memudah cara. Bila kita ada kompaun untuk kesalahan-kesalahan bersifat *administrative*, dengan cara itu kita dapat kenal pasti dekat mana silap mereka dan kita buat *rehabilitative* cepat, kita perbetulkan balik. Di samping itu, dengan banyak kita buat yang sebelum ini tak ada kompaun, maka kita dapat monitor lebih berkesan pergerakan *trading* yang dibuat oleh syarikat-syarikat dalam negara kita.

Kita kena ingat, pandangan saya, kita akan nak *trading nation*, akan banyak lagi lain-lain item yang akan kita jual. Kita semua tahu kebanyakan pada lain *item*, tidak semestinya kita tahu benda itu hendak dibuat *end product*-nya satu benda yang *destructive*. Kita tidak tahu. Contohnya macam kes Scomi dulu. Masa ketika itu, *background* dia ialah— masa itu Presiden Bush, dia kata “*You are with us or against us?*”. Siapa yang berani lawan George Bush masa ketika itu? Dan dituduh bahawa Libya dan Iran akan mengeluarkan *weapon of mass destruction* dan mereka *invade Iraq* sebab *weapon of mass destruction*.

Teknologi *weapon of mass destruction* ini baru. Yang akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, *weapon of mass destruction* ini *refer* kepada alat-alat nuklear, contohnya. Nuklear ini pun ada *power generation*. Teknologi nuklear ini bukan semata-mata untuk *destruction*. Banyak *centrifuge* digunakan untuk *power generation*, contohnya. Jadi mana mungkin *trader* ini akan tahu *detail* apakah *end product* yang akan digunakan alat-alatan ini.

Jadi kalau kita buat secara *sweeping*, maka ini persenjataan— tadi saya hendak sebut, yang dijual ini bukan senjata, Scomi ini. Ia komponen yang boleh ditakrifkan guna untuk kononnya nuklear. Sama ada *power generation* atau *weaponry*, kita pun tidak pasti. Dah terbukti akhirnya

tidak ada pun *weapon of mass destruction*, yang ada ialah, contohnya di Perancis, *power generation* yang banyak guna teknologi nuklear. Dia pun ada tenaga nuklear, ada juga bom nuklear. Di Libya tidak ada. Di Iraq tidak ada.

Jadi maksudnya, kita ambil iktibar dari situ bahawa kita hari ini hendak ada *trading nation*, kita akan jual, banyak berdagang. Kita buat akta ini supaya kita lihat bahawa pedagang-pedagang yang berjual ini mereka tidak di *overly penalized* perkara-perkara yang mereka tidak tahu. Kalau kita buat contohnya naik RM50 juta, maknanya banyak syarikat-syarikat akan menaikkan kos mereka sebab mereka juga takut terkesan negatif perkara-perkara begini.

Akan tetapi kita rendahkan sebab— kita rendahkan tapi kita perketatkan lagi dari segi administratif. Ini namanya memudahcarakan. Di samping itu, kita buatlah satu *declaration* atau *exposure before export*. Dengan cara ini, kerajaan dapat memantau dengan lebih baik item-item yang keluar dan kalau kita ada statistik yang nyata *over period of time*, kita akan perketatkan lagi atau permudahkan lagi. Sebab kita perlu ingat, kalau kita buat *sweeping statement* macam itu, kita akan menakutkan orang dan kita mesti memahami bahawa *trading* ini kita memudah, kita perlu *business*. Kebetulan akta ini dibuat di bawah MITI, *Ministry of Trade Industry*, bukannya *security* kah, bukannya *defense*. Bukan.

Jadi saya ingat konsep ini dari segi *off tangent*, dalam kerisauan kita tetapi saya terimalah bahawa dengan pendekatan ini, kita tidaknya *hundred percent*, pandangan sayalah, *hundred percent approve* dan benda ini tidak akan berlaku. Dia mungkin berlaku, cuma kita perketatkan dengan cara ini. Saya yakin dengan adanya STA ini yang diperkasakan Akta 708, maka pelaksanaannya lebih baik, pemantauannya lebih baik dan pada masa yang sama kita memudahcarakan pedagang-pedagang untuk jual. Itu pandangan saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Memang betul apa yang disebutkan itu dan contoh pengenalan kompaun, kita kenalkan kompaun itu adalah untuk mengukuhkan penguatkuasaan apabila tindakan boleh diambil pada kesalahan-kesalahan berbentuk pentadbirannya. Antaranya, menandatangani dokumen kesilapan sedikit sebanyak, kegagalan membuat deklarasi atau perakuan barang yang telah dieksport.

#### ■1950

Semua perkara ini akan mengurangkan beban pendakwaan di mahkamah yang akan mengambil masa yang panjang dan bersifat teknikal. Itu antara perkara utama yang kita adakan dalam pindaan pada hari ini.

Yang Berhormat Kota Tinggi ada dua kali menyebut tentang Scomi Engineering. Memang Scomi Engineering kemungkinan pada ketika itu tidak ada niat pun untuk menjual peralatan yang akhirnya boleh digunakan sebagai *weapon of mass destruction* dan ia berlaku pada tahun 2008. Kita memulakan Akta Perdagangan Strategik ini pada 2010 dan dikuatkuasakan pada 2011. Oleh sebab itu, kes Scomi pada 2008 itu adalah sebelum akta ini dikuatkuasakan. Apabila Presiden Bush Senior menyerang Iraq dan memusnahkan Iraq habis-habisan atas tuduhan ada *weapon of mass destruction*, kemudian diperakui bahawa tidak adapun WMD itu walaupun negara Iraq telah hancur.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi lagi Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, *last one, compound. Last*, boleh?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Silakan.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya minta penjelasan...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat Kapar, dia akan mendapat jawapan secara bertulis. Silakan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak, ini kompaun.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Tentang jawapan tadi bahawa ada empat kes dan ada juga mereka yang melakukan kesalahan tanpa niat dan pengetahuan kesilapan untuk mengisi borang. Saya hendak tahu kerana pada waktu itu kita tidak ada pindaan yang ada untuk kompaun. So, akhirnya adakah mereka didenda beberapa juta ringgit? Apakah denda yang diberikan kepada mereka?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Soalan berbangkit tentang kompaun ya. Yang ini belum tanya lagi...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kalau salah isi borang tidakkan hendak berjuta ringgit Yang Berhormat. Oleh sebab itu kita pinda supaya ia lebih realistik atas kesilapan-kesilapan pentadbiran. Itu sahaja yang saya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, ada satu soalan tentang kompaun. Ini saya belum tanya lagi, boleh bagi tidak jawapan bertulis?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Boleh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tanya dahulu.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tanya dahulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dekat sini mengikut akta ini, ia mengatakan bahawa Menteri boleh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebenarnya tadi ini telah dibahas Yang Berhormat, kompaun. Kalau hendak masuk, masuk dalam Jawatankuasa nanti. Jadi, yang dibahas pada peringkat tadi itu dijawab oleh Menteri. Perkara yang tidak dibahas tadi yang juga termasuk dalam klausa-klausa boleh disebut dalam fasal-fasal nanti ketika dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh juga.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah menyekolahkan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

#### **Fasal-fasal 1 hingga 20 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

#### **7.54 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu hingga 20, semua sekali kah? Okey, saya masuk satu persatu. Pertama sekali adalah tentang seksyen 9 di mana penerangan tentang subseksyen A. Di mana subseksyen A kita dapati bahawa yang ini menggunakan perkataan— masih lagi menggunakan perkataan “*jika perbadanan*”, masih lagi menggunakan perkataan “*denda minimum sebanyak RM30 juta*”. Padahal untuk bahagian B pula kita terangkan dengan perkataan baru “*tidak melebihi*”. Di sini ada percanggahan di mana satu subseksyen menggunakan perkataan “*denda minimum sebanyak RM30 juta*”, satu lagi subseksyen ditukar kini separuhnya menjadi “*tidak melebihi RM10 juta*”.

Jadi, apabila kita baca dari sudut holistik seksyen ini. Ini kena mengena dengan mengeksport pemindahan, transit barang strategik atau barang tidak tersenarai, jika perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk mengeksport, memindah atau membawa dan transit barang strategik itu tanpa permit, ini tanpa permit dan jika kematian berlaku dan jika ia dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, *the minimum* RM30 juta. Bermaksud, hukuman di sini mesti melebihi RM30 juta.

Manakala untuk bahagian B dalam hal-hal lain dengan pemenjaraan selama— yang ini sekarang telah ditukar menjadi “*tidak melebihi 10 tahun, tidak melebihi RM10 juta dan jika perbadanan, tidak melebihi RM20 juta*”. Ini kita katakan “*tidak melebihi RM20 juta*”, padahal jika kematian, kita kata “*minimum sebanyak RM30 juta*”. Di sini yang saya katakan dari tadi saya tidak perlukan jawapan bertulis, tidak perlu sekolahkan saya, saya rasa benda ini jelas, semua orang boleh tahu. Tuan Pengerusi, kalau- Tuan Pengerusi tidak dibekalkan dengan akta ibu. Apabila tidak ada akta ibu, apabila baca dekat sini, memang kita ikut apa yang ada dekat sini. Akan tetapi apabila baca dengan akta ibu, ia jauh berbeza. A dan B kena selaraskan. Sepatutnya A pun kena tukar, *then* saya faham.

Sebagai contoh, biar saya menyekolahkan Menteri pula kali ini. Dekat atas itu ia sepatutnya bahagian A dengan kata “*dihukum dengan denda tidak melebihi RM30 juta*”, *then* selaras. Baru ia selaras. Bermaksud, subseksyen A pun kita ubah, subseksyen B pun kita ubah. Sekarang saya tidak faham apa rasional, apa objektif Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian tukar B tetapi tidak tukar A. Apa rasionalnya? Mengapa hendak kekalkan A dengan



perkataan itu dan B dengan perkataan yang berbeza. Kalau ini kesilapan yang munasabah, kesilapan yang dilakukan tanpa menghalusi bahagian ini, tidak apa, kita boleh perbaiki tetapi jangan menegakkan benang yang basah. Sudah ada kesilapan dekat sini, kita teruskan, *bulldoze* dan benda ini berulang. Benda ini berulang Tuan Pengerusi.

Kalau kita tengok kepada bahagian B. Sembilan, subseksyen B. Dekat sini pun bahagian A adalah "niat". Ini soalan saya yang kedua. Ia bercakap tentang "niat", subseksyen 1, subseksyen 2 "tanpa niat". Yang ini pun kedua-duanya dahulu kita menggunakan perkataan "*tidak kurang daripada lima tahun*", sekarang kita telah menggantikan dengan perkataan baru iaitu "*tidak melebihi*". So, hukumannya menjadi lebih kurang. Hukumannya menjadi mudah, itu yang sedang kita terangkan dan yang ini adalah bersabit dengan barang-barang strategik yang merupakan senjata. So, kena baca daripada akta ibu. Ia merujuk kepada bahan-bahan yang disenaraikan sebagai senjata. Pasal itu hukuman sebelum ini untuk subseksyen 5 ini adalah berat berbanding dengan— 95, minta maaf Tuan Pengerusi, 95 ini adalah lebih berat pada ketika itu.

Saya teruskan dengan subseksyen 10. Fasal 10. Yang ini lagi boleh menerangkan Tuan Pengerusi, *point* yang saya deliver dari tadi, peringkat Dasar dan peringkat ini. Bacaannya memang senang, dekat sini dia kata, "pemberian bantuan teknikal". Itu tajuk fasal 10, "pemberian bantuan teknikal". 10 sub 1 apa dia cerita? "*Tiada seorang pun boleh memberikan apa-apa bantuan teknikal di dalam atau di luar Malaysia jika bantuan teknikal sedemikian diniatkan untuk digunakan berkaitan dengan sesuatu aktiviti terhad*". So, ini adalah "bantuan teknikal" *quite something, which is something quite*- memang perlu diberikan perhatian. Subseksyen 2, hukumannya apa dia cerita? Seseorang yang melanggar subseksyen 1 iaitu yang "pemberian bantuan teknikal" tadi. Melakukan sesuatu kesalahan dengan hendaklah apabila disabitkan. Bahagian A adalah apa?

#### ■2000

Jika kematian adalah hasil perbuatan itu dihukum dengan hukuman mati atau pemenjaraan sepanjang hayat dan dalam hal sesuatu pertubuhan perbadanan dihukum dengan denda minimum sebanyak RM30 juta. Denda minimum ini masih lagi ada, tidak diubah tetapi cuba tengok yang (B). Dalam apa-apa hal lain, dekat sini ada perubahan. Dalam apa-apa hal lain dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak melebihi RM10 juta atau kedua-duanya dalam hal pertubuhan perbadanan dihukum dengan denda tidak melebihi RM20 juta. Ini yang saya maksudkan. (A) dan (B) tidak selaras. Saya tidak kata bercanggah. Memang dua-dua *point* ini adalah berbeza.

Satu mengatakan tentang kematian, satu lagi dalam hal-hal yang lain. Akan tetapi tidak ada keseragaman. Itu yang saya cuba bawa ke perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri sejak tadi. Benda ini wujud juga dalam seksyen 11. Saya tidak perlu cerita panjang. Fasal 11 adalah berkaitan dengan pembrokeran barang strategik. Wujud benda yang sama di mana bahagian yang atas, awalnya Bahagian I tidak diubah tetapi Bahagian II telah diubah. Seterusnya, yang ini ada. Seksyen (4) telah diselitkan. Untuk fasal 11, seksyen (4) diselitkan. So, seksyen 11 ini ada dua bahagian.

Satu, yang saya kata yang hukuman itu, satu ubah satu tidak ubah. Bahagian keduanya adalah seksyen (4) yang baru telah dimasukkan iaitu berbunyi begini, "*Berhubung dengan barangan strategik, subseksyen (1) tidak terpakai bagi mana-mana orang yang terlibat semata-mata dalam penyediaan perkhidmatan sampingan yang berikut:*

- (a) *pengangkutan;*
- (b) *perkhidmatan kewangan;*
- (c) *insurans;*
- (d) *iklan umum; dan*
- (e) *apa-apa perkhidmatan sampingan lain yang ditentukan oleh pengawal*".

Bahagian ini mengapa kita datang dengan satu pengecualian untuk pembroker? Broker sekarang sudah ada pengecualian yang spesifik di subseksyen (4). Apakah rasional kita berikan pengecualian kepada lima kategori yang disebut dalam akta ini?

Seterusnya, seksyen 12A. Ini berkenaan dengan anggapan tentang eksport. Saya ada jawapan tadi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan kita perlu menggalakkan, memudahkan kegiatan eksport dan sebagainya. Akan tetapi persoalan saya adalah dulu kita pernah guna perkataan "dari negara asing ke negara asing" Itu telah dikeluarkan dan sekarang kita guna "dibawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia". Itu adalah sesuatu yang telah ditekankan tetapi bagaimana akta ini memudahkan eksport barang-barang yang strategik dengan selitkan seksyen 12A? Adakah kita mempunyai masalah sebelum ini yang telah membawa kepada seksyen 12A? Sekiranya ada masalah-masalah sebelum ini, apakah masalah-masalah yang kita telah hadapi sebelum ini dan mengapa seksyen 12A ini telah diselitkan? Seterusnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Perbahasan di peringkat Jawatankuasa...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terus, terus...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lazimnya 10 minit, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Akan tetapi terlalu banyak. 20 fasal sekali gus.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *But you don't have to talk them all.* Tidak perlulah sentuh semua, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ramai Ahli Yang Berhormat boleh sentuh yang lain.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jadi saya kena bagi *chancelah* ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Jangan ambil semua, ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Memang ada lakonan dalam semua, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Memang tidak boleh habis kalau seorang yang bercakap untuk semua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, Tuan Pengerusi. Saya terima teguran tersebut dan saya masuk yang terakhirlah, ya. Terakhir itu ada kena-mengena. So, saya sudah lompat dan saya masuk ke bahagian seksyen tentang pengempaan kesalahan.

Pertama sekali, Tuan Pengerusi, di sini di fasal 50A(1). Yang Berhormat Menteri boleh-Selepas itu sub "(a), *mana-mana kesalahan di bawah akta ini*". Ia tidak terperinci kepada yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di mana ada kesalahan, *you know*, menulis borang dan sebagainya. Ia tidak terperinci. Itu pemahaman Yang Berhormat Timbalan Menteri dan penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Akan tetapi apa yang ada dalam akta ini jelas. Mana-mana kesalahan di bawah akta ini, bermaksud mana-mana satu pun boleh. Ia tidak tergolong kepada seksyen ini, seksyen ini dikecualikan, tidak. Ia terbuka kepada mana-mana. Oleh sebab itu, apabila kita kaitkan dengan pengempaan kesalahan ini. Kalau kita balik kepada, sebagai contoh seksyen 9, Yang ini saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri betulkan saya sekiranya saya silap. Apabila kita kompaun, contoh bahagian (b) tadi. Tadi bukankah saya sudah sebut, Tuan Pengerusi, ada perbezaan antara (a) dan (b). (b), kita boleh kompaun, mengapa? Sebab di sini ia kata, boleh dikompaun dengan satu tawaran bertulis. Di bawah sedikit ia kata, dengan suatu amaun yang tidak melebihi 50 peratus amaun denda maksimum. Ini adalah ubah suai yang telah dilakukan. Untuk (b), senang.

Tadi kita ada tidak melebihi RM20 juta. Bermaksud kalau *50 percent maximum, 50 percent* adalah lebih kurang RM10 juta. Akan tetapi kalau ia dikaitkan dengan (a) yang tidak diubah tadi, yang saya tegur, tidak ubah, tidak ubah itu. Kalau dikaitkan dengan (a), contoh di sini ia kata, minimum kalau perbadanan, macam contoh saya kata tadi, minimum RM20 juta, kalau minimum RM20 juta, kompaun ini ia kata, suatu amaun yang tidak melebihi 50 peratus amaun denda maksimum. Di sana minimum. Macam mana kita hendak datang dengan 50 peratus denda maksimum?

So, itu adalah beberapa isu-isu yang perlu diterangkan. Lagi satu, sebelum saya terlupa, Tuan Pengerusi. Fasal 41 dan Fasal 45, pindaan 41 dan 45, sebenarnya dalam akta ibu sudah ada perkataan-perkataan itu. So, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri betulkan saya sekiranya memang tidak wujud perkataan sedemikian dalam akta tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Ya, sudah tidak ada hendak bahas, sudah.

#### **8.07 mlm.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Pertama, tentang skop pembrokeran itu, tujuan kita ialah supaya definisinya menjadi lebih jelas. Ia bukan untuk mengeluarkan mereka daripada akta ini kerana kita ingin memastikan takrif broker yang lebih fokus dan spesifik dan kita ingin kecualikan aktiviti yang berbentuk sampingan seperti sokongan terhadap aktiviti eksport.

Mereka tidak perlu mendaftar menjadi broker. Transit perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan kewangan, bank-bank tidak perlu mendaftar menjadi broker. Insurans tidak perlu mendaftar sebagai broker dan juga pengiklanan. Jadi definisi broker yang disebut ada lima perkara tadi, sebenarnya bukan untuk kita mengurangkan dari segi hukuman tetapi untuk kita memberikan lebih fokus dan spesifik terhadap takrif broker.

Satu lagi, yang paling penting, yang diulang-ulang oleh Yang Berhormat Kapar ini yang saya kata saya hendak jawab secara bertulis. Itu yang diulang banyak kali itu. Ia sebenarnya tiada percanggahan, Tuan Pengerusi. Tiada percanggahan dalam pindaan pada seksyen 9 kerana kementerian mengekalkan hukuman yang berat kepada kesalahan yang mengakibatkan kematian. Jadi sebagai contoh, yang mengakibatkan kematian. Individu masih lagi hukuman mati atau penjara seumur hidup. Ini kita tidak pinda.

Kemudian syarikat. Syarikat denda minimum RM30 juta itu, kita tidak pinda, kalau menyebabkan kematian. Syarikat mana boleh kita kenakan hukuman mati, bukan? Jadi, oleh itu kita kekalkan minimum RM30 juta. Ini agaknya menyebabkan kekeliruan kepada Yang Berhormat Kapar. Kita pinda ialah yang tidak mengakibatkan kematian. Sebagai contoh, individu penjara, kita pinda daripada minimum kepada maksimum 10 tahun atau denda minimum kepada maksimum kepada RM10 juta atau kedua-duanya sekali. Syarikat denda maksimum daripada minimum RM30 juta. Itu yang kita pinda, yang tidak mengakibatkan kematian yang kita pinda, yang mengakibatkan kematian, kita tidak pinda.

#### ■2010

Saya rasa itu yang menyebabkan Yang Berhormat Kapar dia keliru dan kita akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Kapar esok pagi. Terima kasih Yang Berhormat, itu sahaja jawapan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, tentang kompaun itu?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada lagi Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tentang kompaun tak nak jawab?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat ya.

*[Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri)]*

**USUL MENTERI DALAM NEGERI****AKTA KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) 2012****8.12 mlm.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini membuat suatu ketetapan menurut subseksyen 4(11), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 supaya subseksyen 4(5), Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai dari 31 Julai 2017”.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau lebih dikenali dengan nama SOSMA. Merupakan satu akta yang digubal khusus untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan perkara-perkara yang berkait dengannya.

Sehubungan itu, akta ini telah memperuntukkan tempoh tahanan oleh pihak polis selama 28 hari untuk tujuan siasatan. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, akta ini telah pun dikuatkuasakan pada 31 Julai 2012 melalui warta kerajaan PU(B)256/2012. Bermula daripada tarikh penguatkuasaan, semua prosedur tangkapan bagi kes-kes keselamatan telah pun dibuat di bawah akta ini. Antara kesalahan-kesalahan yang boleh diambil tindakan di bawah akta ini adalah seperti berikut:

- (i) Bab VI kesalahan terhadap negara Kanun Keseksaan (Akta 574);
- (ii) Bab VIA kesalahan berhubungan dengan keganasan Kanun Keseksaan;
- (iii) Bab VIB jenayah terancang di bawah Kanun Keseksaan;
- (iv) Bahagian IIIA (Penyeludupan Migran) di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670); dan
- (v) Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 (Akta 770).

Sebagai suatu undang-undang yang digubal khusus untuk menangani ancaman keselamatan, akta ini mempunyai peruntukan kuasa-kuasa khas. Antaranya:

Pertama, di bawah seksyen 4(4). Mana-mana pegawai polis boleh bagi tujuan siasatan menangkap dan menahan tanpa waran untuk tempoh selama 24 jam. Mana-mana orang disyaki terlibat dengan kesalahan keselamatan.

Kedua, di bawah subseksyen 4(5). Orang-orang yang ditangkap dan ditahan mengikut subseksyen 4(4) itu boleh bagi tujuan siasatan. Dilanjutkan penahanannya untuk tempoh sehingga 28 hari oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat sekurang-kurangnya penguasa polis.

Tuan Yang di-Pertua, semasa akta ini digubal, tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5) ini dihadkan kepada lima tahun sahaja bagi mengelakkan persepsi bahawa ia akan disalahgunakan

oleh pihak polis di samping bertujuan untuk mewujudkan elemen semak dan imbang, atau *check and balance* dengan izin di dalam penguatkuasaannya. Walau bagaimanapun, tempoh kuat kuasa peruntukan subseksyen 4(5) boleh dilanjutkan sebagaimana kehendak yang dinyatakan dalam subseksyen 4(11) akta melalui satu ketetapan yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen. Oleh itu, cadangan perlanjutan tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5) akta ini merupakan kali pertama dibuat sejak akta ini dikuatkuasakan pada tahun 2012.

Peruntukan subseksyen 4(5) akta ini perlu dilanjutkan dan tempoh tahanan 28 hari dikekalkan kerana ia masih diperlukan bagi memberikan kekuatan kepada akta ini yang memerlukan siasatan dibuat dengan teliti terutamanya dalam mendapatkan keterangan dan mengesan langkah si penjenayah yang masih bebas. Tempoh tersebut juga akan membantu pihak polis menjalankan siasatan dan melancarkan proses pendakwaan di mahkamah. Walaupun secara realitinya pihak polis mempunyai 28 hari untuk melakukan penyiasatan, namun secara tersiratnya pihak polis hanya mempunyai tempoh 21 hari sahaja untuk membuat penyiasatan. Hal ini berikutan baki tujuh hari tersebut pihak polis perlu menyerahkan kertas siasatan yang telah lengkap kepada Jabatan Peguam Negara untuk arahan lanjut.

Sekiranya berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Peguam Negara terdapat bukti-bukti yang menyokong penglibatan seseorang yang ditangkap dengan kesalahan yang disabitkan ke atasnya, maka tindakan pendakwaan di mahkamah akan dibuat. Dalam tempoh siasatan tersebut juga, pihak polis perlu mengkaji segala maklumat hasil siasatan mahupun mendapatkan maklumat daripada agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Tempoh ini amat kritikal di mana agensi yang rujuk perlu membekalkan maklumat yang diperlukan oleh pihak polis dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu sebelum tamatnya 20 hari siasatan. Tambahan pula, tangkapan yang melibatkan kesalahan *terrorism* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja penyiasatan lebih rumit kerana golongan ini mempunyai ideologi yang tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa subseksyen 4(5) ini dilanjutkan dan jumlah tahanan 28 hari dikekalkan, kualiti siasatan pihak polis dikhuatiri akan terjejas kerana penyiasatan tersebut dikhuatiri dibuat secara tergesa-gesa iaitu selama 24 jam sahaja di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada untuk menjalankan siasatan, menyediakan siasatan dan melengkapkan kertas siasatan dan seterusnya mengemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan selanjutnya.

Dalam kemajuan teknologi komunikasi dan pengangkutan pada masa ini, pesalah yang dilepaskan akan mengambil kesempatan untuk bersembunyi ataupun melarikan diri ke luar negara. Kita juga sedia maklum bahawa dunia masa kini juga menghadapi ancaman daripada kumpulan pengganas Daish. Tidak ada satu negara dunia ini yang boleh mendabik dada bahawa mereka bebas sepenuhnya daripada ancaman kumpulan pengganas Daish. Kita harus sedar terdapat segelintir rakyat Malaysia yang sanggup berjuang bersama-sama dengan kumpulan pengganas yang lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sejak akta ini mula dikuatkuasakan sehingga 28 Februari 2017, sebanyak 989 orang sahaja yang telah ditangkap oleh pihak polis yang melibatkan pelbagai kesalahan keselamatan yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama akta ini.

#### ■2020

Pada masa yang sama, pihak polis juga telah berjaya mengenal pasti seramai 95 orang rakyat Malaysia yang telah berada di kawasan bergolak Iraq dan Syria. Daripada jumlah tersebut seramai lapan orang telah kembali ke dalam negara dan kesemuanya telah berjaya ditangkap. Tidak dapat dibayangkan apa yang boleh dilakukan oleh mereka yang berpengalaman berada di kawasan bergolak ini ke atas keselamatan negara apabila mereka pulang. Mungkin lebih hebat lagi daripada insiden serangan bom tangan di Puchong pada 28 hari bulan Jun tahun 2016 yang lepas.

Kita tidak mahu keamanan dan kesejahteraan dalam ekonomi, sosial dan politik yang kita nikmati selama ini lenyap sekelip mata dan dunia menuduh kita sebagai penggerak kumpulan penganas. Untuk rekod pelaku serangan bom tangan di Puchong telah pun didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara 25 tahun oleh Mahkamah Tinggi. Oleh yang demikian, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini adalah mekanisme yang terbaik bagi menangani ancaman keselamatan.

Tangkapan dan pendakwaan ke atas mereka yang terlibat dalam aktiviti kumpulan penganas ini dapat mengelakkan negara kita daripada terus terancam. Oleh itu, tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ini perlu dilanjutkan selama lima tahun lagi bermula 31 hari bulan Julai 2017.

Untuk menangani persepsi di bawah hak asasi manusia mereka ditahan tidak dipelihara, kementerian telah mengadakan sesi *engagement* bersama Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 29 hari bulan Mac 2017. Semasa sesi tersebut, kementerian telah menerangkan keperluan mengapa tempoh tahanan 28 hari sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 4(11) akta ini perlu dilanjutkan. Kita juga, kementerian juga telah mengingatkan SUHAKAM bahawa kuasa yang diberikan di bawah Perlembagaan Persekutuan seksyen 149 yang berkenaan dengan keselamatan negara adalah ibu kepada Akta SOSMA ini.

Secara keseluruhannya hasil daripada perbincangan tersebut, pihak KDN telah menerangkan bahawa prosedur yang telah digunakan oleh pihak polis dan akhirnya sampai ke pihak mahkamah telah dipenuhi bagi tiap-tiap tahanan yang ditahan. Kalau mereka tidak bersalah, mereka dibebaskan kalau mereka ada kes mereka akan terus disiasat dan apabila mereka cukup fakta mereka akan dibawa ke mahkamah untuk pengadilan.

Pihak SUHAKAM juga telah diberikan peluang untuk melawat tempat tahanan untuk SOSMA ini. Mereka telah diberi peluang untuk melawat lokap polis, penjara dan juga yang tidak berkaitan tempat tahanan imigresen untuk melihat mereka melihat sendiri bagaimana hak asasi orang yang kena tahan ini telah dipelihara oleh pihak polis. Mengikut laporan akhbar pada hari ini, pihak SUHAKAM telah melahirkan rasa puas hati juga dengan layanan dan juga keadaan di dalam lokap yang telah dilaksanakan oleh pihak polis.

Sesungguhnya hak asasi manusia tidak pernah diketepikan oleh kementerian. Malahan kementerian dari semasa ke semasa akan menambah baik akta ini dan mengambil kira hak asasi berkenaan. Jadi saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat berikan pertimbangan bahawa akta ini menjaga kepentingan keselamatan negara dan kita patut menyokong akta ini sepenuhnya daripada pihak kerajaan dan juga pihak pembangkang [*Tepuk*] dan tidak mempolitikkan isu ini untuk kepentingan politik pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Diam, Yang Berhormat. Diam. Sekarang ini masih di peringkat pertimbangan Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh, 36(2) iaitu berkaitan dengan *sub judice*. "*Reference shall not be made to any matter which is sub judice in such a way as might in the opinion of the Chair prejudice in the interests of parties thereto*". Untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, saya telah memfailkan satu permohonan di Mahkamah Tinggi sebab saya ada satu kes yang melibatkan anak guam saya ditahan dan dibicarakan di bawah SOSMA. Saya bagi dia punya *case number* Tuan Yang di-Pertua, iaitu PP versus Muhammad Kashfullah bin Kassim, No. 44-21-02-2017.

Di mana antara lain permohonan itu saya membuat cabaran ke atas seksyen 4 dan 5 ini dan juga *the* akta *itself* di bawah Perlembagaan. Maka kes itu akan dibicarakan dalam bulan ini. Jadi saya memohon supaya pendengaran ataupun perbahasan mengenai ini ditangguhkan sebagai menghormati kes mahkamah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan, jangan, sabar dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No, no* saya minta *detail*. Saya minta *detail*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang saya *challenge*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *It is sub judice, clearly sub judice*. Ini lebih dari 1MDB lagi. Lagi a *sub judice*, lebih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, tidak *slowly, talk slowly*.



**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya sudah *slow* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Talk slowly. [Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya sudah takut tengok bila Tuan Yang di-Pertua geleng, saya sudah risau tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, saya bukan geleng Yang Berhormat saya geleng dengan Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Dewan ketawa]* Minta maaf tadi, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya *bersignal* dengan Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Dewan ketawa]* Saya ingat Tuan Yang di-Pertua sudah geleng hendak buat *ruling against my version*. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya cakap ini saya minta sangatlah supaya Tuan Yang di-Pertua kita tidak perlulah kita teruskan, menghormati. Oleh sebab *in fact* saya kena failkan *submission by on the 5th*. Jadi saya rasa tidak seharusnya. Saya rasa pihak penasihat-penasihat perundangan itu tahu tentang kes ini. Jadi mereka tidak seharusnya menidakkan perkara ini. Jadi saya harap sangatlah supaya perkara ini tidak dibahaskan, kita tunggu keputusan mahkamah itu dahulu.

**Beberapa Ahli:** Tangguh dahulu, tangguh dahulu. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat. *Sub judice* 36(2) jika sesuatu kes yang sedang dibicarakan di mahkamah dan kes yang dibicarakan di mahkamah yang bukan melibatkan akta ini, Yang Berhormat. Akta...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Melibatkan akta ini, melibatkan akta ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya betulkan melibatkan akta ini. *In fact the vary section 4, 5, apa ini section 5.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nantilah. *Let me finish, let me finish.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya *challenge* berkaitan dengan Perlembagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sekarang, ia tidak melibatkan kes. Ia melibatkan kes Yang Berhormat yang sekarang dibentang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini adalah perlanjutan kepada akta ini. Perlanjutan kepada akta ianya bukan melibatkan kes, ini melibatkan akta Yang Berhormat. Melibatkan akta.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadi soal *sub judice* yang dibangkitkan saya tengok tidak berkaitan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya, *I beg to differ with all due respect* walaupun saya bukan peguam tetapi saya *law maker* dan selama ini persoalan *sub judice* sering ditimbulkan apabila sesuatu persoalan sedang dipertimbangkan oleh mahkamah. Sekarang ini apa yang sedang dipertimbangkan oleh

mahkamah bukan kes yang tertentu, ianya persoalan kesahihan rang undang-undang itu sendiri khususnya berhubung dengan kuasa untuk melanjutkan untuk tempoh lima tahun lagi.

*So, the whole of this case revolves around the law itself and its legality...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Dan sejauh mana ianya selari dengan Perlembagaan. Kalau kita bincang tentang undang-undang ini dan kita hendak lanjutkan lima tahun maka ianya ialah *sub judice* kepada kes kerana kes itu mempertikaikan hak untuk melanjutkan lima tahun itu.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa Yang Berhormat saya mendengar hujahan yang dibuat oleh Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi dibawa pada ketika ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah perlanjutan terhadap akta ini yang menurut, yang mengikut kehendak akta itu sendiri yang perlu dilanjut sebelum Julai, sebelum Julai tahun ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya *challenge the vary section because I said that the Parliament has no power to extend. No power at all.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Let me finish. Let me finish, I listen to you until you finish.*

#### ■2030

Kes-kes *sub judice* adalah kes yang melibatkan akta itu, saya faham tetapi bukan soal akta itu sendiri Yang Berhormat. Jika ada kes yang berlaku di mahkamah yang di caj di bawah akta ini dan ada satu kes antara ini dengan ini di mahkamah. Oleh sebab itu saya katakan bahawa soal *sub judice* pada ketika ini, usul yang dibawa oleh Menteri ini tidak berkaitan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Boleh saya mencelah? Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sekejap. Baca betul-betul apa yang saya bentang pada hari ini. Saya bentang untuk minta lanjutan lima tahun untuk seksyen 4(5) iaitu penahanan selama 28 hari itu, bukan akta yang sepenuhnya. Jadi, isu itu untuk saya tidak relevanlah untuk dibawa dalam perbincangan kita pada hari ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, seksyen itu terkandung di dalam akta keseluruhan sedangkan *ruling* Tuan Yang di-Pertua, kes berkaitan dengan 1MDB, RM2.6 bilion tidak boleh dibahaskan kerana kononnya kes itu dalam perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak apalah, itu keputusan Yang Berhormat. Saya putuskan bahawa hujahan mengenai 26(2) tak berkaitan, Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Shah Alam nak minta dibawa Peguam Negara ke sini pun tidak dibenarkan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencelah Tuan Yang di-Pertua. Saya nak menjelaskan apa Yang Berhormat Menteri kata.

Sebenarnya saya *challenge* dua, saya *challenge* pertamanya *the constitutionality of the act* dan saya juga *challenge the constitutionality of amendment* ini. Maknanya kita hendak seksyen 4(5) itu, maknanya berkaitan, Tuan Yang di-Pertua. Dua-dua saya *challenge*, bukan satu. Saya *challenge* dua. *I ask for declaration that both the act and the section is unconstitutional.*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini bukan peguam...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya boleh *undertake* itu dan bagi kepada Tuan Yang di-Pertua dia punya *court paper* kalau Tuan Yang di-Pertua hendak. Saya boleh bagi, esok boleh bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya menerima itu tetapi saya katakan bahawa ianya tidak berbangkit pada usul yang dibawa oleh Menteri ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau macam itu apa guna kita *fight* di mahkamah kalau macam ini boleh bahas.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan peguam. Tadi Yang Berhormat Sepang dah membawa dalam isu *point of law*. Dia seorang peguam, saya rasa kalau kita masih belum kepastian, saya tak tahulah *ruling* Tuan Yang di-Pertua ini macam mana asas dia. Saya rasa kita berehat lima minit, sepuluh minit dan *refer to the legal people around here*, kita tengok macam mana keputusan sebab ada yang menyatakan tadi kalau isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tak Tuan Yang di-Pertua, kalau isu di Amerika kita kata *sub judice*, di mahkamah Amerika.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu cadangan yang baik.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Ini mahkamah kita pun, saya tak tahulah apa pendirian kita dalam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *ruling sub judice* ini. Bila *sub judice ruling* dibuat *on certain issue* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini pun dipertikaikan juga, Yang Berhormat ya.

**Beberapa Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa juga alasan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua ketika itu untuk buat *ruling* tentang *sub judice* terhadap beberapa perkara, dipertikaikan juga tetapi *it stays there*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dipertikaikan, tak maksud *ruling* itu tidak patut dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak, tak. Kita dipertikaikan tetapi itu adalah *ruling* yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua. Apa juga alasan yang dibuat dan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua tak diterima oleh pihak Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya katakan sekarang bahawa ianya tidak berbangkit soal *sub judice* dan saya izinkan agar perbahasan ini diteruskan ya. Yang Berhormat Setiu.

**8.33 mlm.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kesilapan faham dan salah faham ada lagi di sini, ini masalahnya. Sekarang *challenge* yang dibuat oleh Yang Berhormat Sepang di mahkamah adalah berkenaan dengan peruntukan 28 hari itu. Peruntukan 28 hari yang berada di dalam undang-undang yang sedia ada, undang-undang sedia ada. Belum sampai lagi ke bulan Julai. Jadi dia *challenge* atas yang ada sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya panggil Yang Berhormat berbahas. Ini perbincangan Yang Berhormat sekarang ini ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, saya berbahas. [*Dewan riuh*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya nak, nak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Biar dia habiskan dulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dia tak nak bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tengah bahas, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Oh! Ini bahas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, dia tengah berbahas.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa punya bahas ini? [*Dewan riuh*] Tak tahu macam mana ini bahas.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, terima kasih. [*Dewan riuh*]

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Kita nak *ruling* daripada *point of order* yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang itu. Bila dah ada *ruling* itu, baru kita boleh buka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *I said... a ruling* Yang Berhormat bahawa tak berbangkit soal *sub judice* dan saya dengar tadi...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Isu dia tak konsisten dengan sebelum ini kita berbahas fasal 1MDB, Tuan Yang di-Pertua kata ini *sub judice*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ia isu yang berbeza, Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tak berbeza. Jadi kalau Tuan Yang di-Pertua menentukan ini tidak *sub judice*, maka tidak konsistenlah keputusan itu. [*Dewan riuh*] Itu sahaja saya hendak cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat Setiu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia *contradict*.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tak konsistenlah maknanya itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Buatlah usul kalau tak puas hati dengan keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu, teruskanlah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak ikut peraturan Dewan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul pelanjutan subseksyen 4(5) ini, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 iaitu SOSMA. Jadi sebagaimana yang kita tahu bahawa SOSMA ini adalah merupakan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan keselamatan awam, ketenteraman awam dan juga keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Jadi, kita juga tahu bahawa akta ini adalah merupakan satu yang berbentuk *procedural* dan kalau undang-undang substantifnya adalah seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama tadi iaitu berkenaan dengan kesalahan terhadap negara, kesalahan keganasan, kesalahan jenayah terancang dan sebagainya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Jadi sekarang ini persoalannya adalah kenapa kita perlu mengekalkan tempoh 28 hari tersebut. Ia adalah kerana kita kena ingat bahawa kalau 24 jam pasti tidak cukup sebab kesalahan yang kita hadapi sekarang adalah tidak sama dengan kesalahan di bawah undang-undang jenayah lain. Contoh, kalau kes bunuh yang berlaku seorang ataupun dua pembuat atau penjenayah dan saksi-saksinya mungkin satu orang atau dua orang sahaja dan mungkin kita boleh selesaikan dalam masa seminggu ataupun dua minggu. Akan tetapi sekarang ini kita kadang-kadang nak mendapatkan maklumat kalau dengan jenayah terancang dan sebagainya, cukup susah dan lain-lain adalah kita hendak mengesan rakan sejenayah. Bila kita tangkap, bukan seorang tetapi ramai yang ditangkap seperti apa yang berlaku dekat Kajang tempoh hari.

Dia juga melibatkan barang-barang kes. Bila melibatkan barang-barang kes, maknanya kita hendak kesan barang-barang kes ini juga memerlukan masa yang lama dan kalau kita ada ramai saksi, kadang-kadang saksi tersebut bukan kita boleh tangkap hari yang pertama, hari kedua kita tangkap yang lain. Dia akan berlanjutan dan kita tak boleh nak lepaskan saksi yang kita tangkap pada permulaan kerana ia berkaitan. Itu masalah yang timbul kalau tidak dilanjutkan tempoh lima tahun ini, bermaknanya akan menjadikan bahawa kertas siasatan itu tidak lengkap. Bila tidak lengkap, untunlah peguam-peguam. Bila bawa kepada mahkamah, senanglah nak lepas. Jadi kita hendak jaga keselamatan negara kita tapi kita nak minta supaya penyiasatan tak lengkap. Jadi kena faham semua kenapa tujuan 28 hari ini perlu.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Setiu, soalan. Yang Berhormat Setiu, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Pandan bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Boleh bagilah, kali ini kita bagi. Jangan pusing sudah ya.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Pandan ini masalah dia, saya kata dia gurau biawak, dia beritahu saya kata dia biawak. Ha! Ini pun tak betul ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Nak bagi itu, bagilah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Pandan kena betulkan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, apa ini, biawak punya cerita?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak ada, masalah sekarang ini jangan pusing. Jangan pusing cerita.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ke ada *condition* bagi laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak, saya nak kata...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat yang sedang berdiri, bercakap, sila duduk. Yang Berhormat Setiu pun duduk, Yang Berhormat Pandan, terima kasih. Yang Berhormat, masalah Yang Berhormat Setiu dan juga Yang Berhormat Pandan, kalau ada masalah di antara satu sama lain, selesailah di luar elok-elok. Ini tidak ada kaitan dengan usul yang kita sedang bahas sekarang ini, Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak kata biawaklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang pun sebut juga biawak. Itu saya malas nak ulang-ulang, Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiu kerana beliau ialah seorang bekas pegawai daripada perkhidmatan kehakiman.

#### ■2040

Apabila beliau memberi gambaran bagaimana siasatan dan sebagainya dan ruang sepenuhnya diberikan dan kelebihan diberikan seolah-olah kepada pihak berkuasa agar dapat dijatuhkan hukuman kepada seseorang yang ditangkap ataupun suspek, bukankah suspek itu juga ada hak di sisi undang-undang dan tanggungjawab pihak berkuasa untuk memastikan ada bukti yang kukuh supaya dia tidak dianiaya? Kerana, kesalahan termasuklah seorang hakim dan Yang Berhormat Setiu pernah berada di situ, kesalahan dan dosa menjatuhkan hukuman sehingga 20 ke 30 tahun hanya kerana atas bukti yang tidak kuat, kesalahan itu jauh dan bagi saya, dosa itu jauh lebih besar daripada hakim terlepas orang yang bersalah. Apa komen daripada pengalaman Yang Berhormat Setiu mengenai perkara tersebut?

**Seorang Ahli:** Hebat soalan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dia masalah sekarang ini, yang peruntukan yang ada sekarang adalah kita hendak masa yang agak lama kerana kita hendak siasat dengan lebih lanjut, hendak mengumpul bukti-bukti dan hendak melengkapkan kertas siasatan. Tidak timbul masalahnya kita— maknanya hukum orang yang tidak ada bukti. Di mahkamah pun, maknanya bukti ini akan dikemukakan kepada kita, kepada mahkamah. Kalau mahkamah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti dulu. Nak habiskan ini. Tak habis lagi. Sabar ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain sila duduk dulu. Belum lagi. Sila, sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi kalau dikemukakan bukti, selepas 28 hari sudah siasat, cuma semua bukti tidak ada dikemukakan di mahkamah, kita tidak akan jatuh hukum. Biasanya kita lepaskan. Banyak kes-kes saya lepaskan kerana tidak cukup bukti. Itu pun kalau teknikal sekalipun, kebanyakan kita lepaskan. Ini yang berlaku. Jangan kita anggap bahawa kerana kita hendak 28 hari, hendak cukup kertas siasatan kita hendak lengkap, seolah-olah macam hendak kumpul bukti yang tidak ada bukti yang cukup hendak bawa ke mahkamah. Kalau bukti tidak cukup, pihak pendakwa raya tidak akan bawa kepada mahkamah. Kebiasaannya macam itu. Kalau zaman dulu, kita ada *90 percent rules* dia panggil. Maknanya setiap pendakwa raya kena...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Setiu, celahan Yang Berhormat Setiu ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Pula dah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya habiskan Yang Berhormat Shah Alam. Lepas itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Yang Berhormat Pandan mencelah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, okey, boleh. Tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Setiu. Kalau contohnya pegawai penyiasat memerlukan masa ataupun ruang yang lebih untuk menyiasat dan mengumpulkan bukti, bukankah sepatutnya tanggungjawab kerajaan memastikan mereka ada segala kelengkapan ruang tanpa ia mengurangkan sedikit pun hak dan juga ruang kepada yang dituduh ataupun suspek sehingga boleh berlaku ketidakadilan?

Dan tahukah, Yang Berhormat Setiu, dalam masa Yang Berhormat Setiu mengatakan bahawa kalau tidak ada bukti yang kukuh maka tidak akan didakwa, tahukah Yang Berhormat Setiu bahawa sebahagian besar daripada pesalah-pesalah yang dihukum sehingga 20 tahun di bawah SOSMA, yang dibawa dengan SOSMA dan Yang Berhormat Menteri boleh sahkan,

sebahagian besarnya dalam kes yang telah diputuskan tidak pun dibicarakan? Selepas 28 hari mereka ditahan di bawah SOSMA, bawa kepada mahkamah, mereka mengaku bersalah.

Sebab itu kita tidak boleh benarkan 28 hari kerana ini digunakan untuk mengurung orang dan mengenakan tekanan supaya mudah bila datang ke mahkamah, sebahagian besarnya mengaku bersalah sebelum pun dibicarakan. Tidakkah itu satu ketidakadilan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dia mengaku bersalah ini kalau tidak dibicarakan, itu hak dia, hak tertuduh. Kenapa yang kita hendak persoalkan dia mengaku salah kah, dia hendak bicara kah? Kalau dia minta bicara, bicaralah. Kalau dia mengaku, kita hukum. Itu saja, senang saja. Apa yang susah sangat?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ha, Yang Berhormat Shah Alam lagi.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Beginilah Yang Berhormat Setiu ya. Saya pun hairan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam. Ya, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih, Yang Berhormat Setiu. Saya pun hairan macam mana bekas hakim punya sikap macam inilah. Ini maknanya bila orang itu ditahan, tidak ada bukti, kamu tahan dia buat apa? Eh, boleh main tahan-tahan orang kah kalau tidak ada bukti? Bila kita cakap tentang hak asasi manusia, tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap fasal hak asasi manusia, hak asasi manusia tidak akan terjejas. Kamu tangkap dia tanpa bukti! Kerana apa kamu hendak 28 hari? Fasal hendak cukupkan bukti kerana selama itu kamu tangkap dia tidak ada bukti. Dah, buat ini apa ini? So, bila kamu tahan dia tanpa bukti, *that in itself is a denial of his basic human right. [Tepuk]*

Itu yang dikatakan hak asasi. Hak asasi itu maknanya tidak boleh ditahan seseorang tanpa terbuktinya dia bersalah. Tapi ini kamu hendak tangkap fasal hendak dapat bukti. Maknanya tidak betul lah proses dia. Ada bukti dia bersalah, baru tahan. Kalau hendak siasat— *that is why*, Tuan Yang di-Pertua ya, undang-undang yang lain, yang bertamadun, paling lama dia beri 24 jam. Mana ada bagi sampai 28 hari? Lepas 28 hari, kawan itu datang, dia mengaku bersalah kerana layanan yang terlalu baik dalam tempoh 28 hari. Ini saya hendak beritahu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Belum lagi?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh, boleh? Ada lagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tak, belum lagi? Tak habis lagi?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Belum lagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Banyak lagi?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak habis lagi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sudahlah. Bagi orang lain pula.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau Yang Berhormat Setiu boleh beritahu saya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bagi saya jawab dulu soalan ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *All right.*



**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam, kerja saya sebagai hakim dulu bukan menyiasat dan tidak ada orang yang boleh menyatakan ada bukti, tidak ada bukti. Yang boleh menentukan ada bukti, tidak ada bukti adalah pihak penyiasat. Jadi macam mana boleh...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Macam mana pihak penyiasat yang menentukan ada bukti, tidak ada bukti?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Macam mana Yang Berhormat Shah Alam tahu bahawa tidak ada bukti?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu peranan mahkamah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Macam mana Yang Berhormat Shah Alam tahu kes itu ada bukti, tidak ada bukti? Siapa Yang Berhormat Shah Alam?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Setiu sudah mengaku perlukan 28 hari untuk hendak cari bukti?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Lailahaillallah.*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidakkah Yang Berhormat Setiu sendiri yang katakan...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini kaki *spin*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Perlukan 28 hari untuk hendak cari bukti? Maknanya tak ada buktilah. Maknanya tidak ada buktilah boleh ditahan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kamu tidak faham. Yang Berhormat Shah Alam tidak faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya pula tidak faham.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You* yang cakap tidak betul.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya kata...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You* sendiri kata. Betul ataupun tidak, Yang Berhormat Setiu sebut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Betul ataupun tidak?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Duduk dulu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, saya duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Pokok Sena, tunjukkan saya peraturan mana yang boleh kita bertindak macam ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak kacau pun. Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peraturan SOSMA, Tuan Yang di-Pertua, untuk Dewan. *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya, betulkah ada peraturan di bawah SOSMA? *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Betul. *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Nampak, nampak, Yang Berhormat. Kita nampak kelakar tapi ikut peraturan, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena bangun. Boleh benarkan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti, saya jawab dulu Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam ini dia profesor serba tahu. Semua dia... *[Disampuk]* Saya tidak cakap pun tidak ada bukti. Saya cakap kata tujuan 28 hari adalah untuk melengkapkan siasatan untuk mencari saksi-saksi hendak mencari semua sekali... *[Dewan riuh]* Apa ini? Saya tidak cakap pun.

**Seorang Ahli:** Loyar buruk saja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya kata tidak ada bukti. Saya kata kalau masa tidak cukup hendak kumpul bukti itu, tidak cukup, tidak sempat. Hendak kesan saksi, hendak kesan lagi barang kes, banyak lagi kita hendak kesan. Rakan sejenayah kita kena kesan.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Takkanlah kalau seminggu itu berpuluh-puluh orang, beratus orang kita tangkap, kita boleh selesai dalam masa tujuh hari? *[Disampuk]* Ini satu lagi masalah ini. Kenapa tangkap apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak ada kes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tidak kata apa lagi pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat respons, ahli lain yang sedang duduk pun, itu pun jadi masalah

Yang Berhormat. Sabar, Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu, lepas ini berucap mengarah ke Tuan Yang di-Pertua ya. Jangan layan. Di kiri kanan, jangan layan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pokok Sena mengarah ke Tuan Yang di-Pertua.

■2050

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Setiu. Saya bukan seorang peguam tetapi saya hendak minta penjelasan kepada Yang Berhormat Setiu. Ini bukan soal kita katakan bahawa tidak boleh siasat tetapi soal kita ialah apa perlu lagi untuk 28 hari tempoh yang begitu panjang. Persoalannya sekarang bagi saya, bukankah undang-undang yang lain, polis hendak siasat, dia minta reman daripada mahkamah. Biar mahkamah yang menentukan berapa hari yang diperlukan oleh pihak polis untuk membuat siasatan. Adakah Yang Berhormat sejak-sejak tidak jadi majistret dah tak percayakan mahkamah? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Pokok Sena ini satu juga, dia masih musang berbulu ayam dia sekarang ini. *[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, dahlah biawak, musang. Apa ni? Ini zoo kah, Dewan Rakyat? *[Ketawa]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau Yang Berhormat Shah Alam ini dia dah musang yang berbulu musang balik. Masa dulu dia musang berbulu ayam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, saya jawab soalan daripada Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena dia tidak faham, dia kata dia bukan *lawyer*, sebab itu kalau bukan *lawyer* dia tidak faham. *[Dewan riuh]* Dia boleh tanya apa yang dia tidak faham. Kita kena ingat, maksud 28 hari bukan maknanya kalau kita tangkap kes yang senang disiasat, yang tidak melibatkan ramai saksi, tidak melibatkan banyak barang kes, tidak melibatkan rakan sejenayah, dia boleh dilepaskan. Bukan maksudnya kita tahan 28 hari, 28 hari kita tahan, selama-lamanya, tidak. Ia melibatkan kes-kes, tujuan kita hendak 28 hari, kalau dia bagi, maknanya kita letakkan 7 hari kalau melibatkan saksi yang ramai, macam mana kita hendak siasat?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Memang dia orang kongkalikung. *[Ketawa]* Rang undang-undang ini sudah lima tahun. Ada masalah kah? Tidak ada. Cuma kalau daripada sebelah sana, kalau dia mahu jadi taiko, dia takut kena tangkap, itulah dia marah rang undang-undang ini. Akan tetapi tiada perasaan...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Masalahnya ini bukan taiko BN. Taiko BN tidak kena tangkap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau *you* berani, nanti kita pergi luar sana kita duduk. Kalau pro saya, bagilah sama saya habis dulu. Saya terus terang. *[Dewan riuh]* Kalau dia tiada niat jahat, rang undang-undang ini senang, dia tidak keji sama orang. Kalau orang nak niat jahat, memang dia takut. Saya punya kawasan banyak orang cakap terima kasih SOSMA ada. Sekarang saya punya kawasan, gengsterisme ada dikurangkan. Rakyat cakap terima kasih, baru SMS pada saya. SOSMA mesti mahu disambung. Ha, kalau Yang Berhormat Kuching, mungkin Yang Berhormat Kuching mahu jadi ketua di Kuching.

Saya terus terang, kita undang-undang ini ada, kalaulah mana-mana rasa dia teraniaya, ini peguam sana banyak, dia memang untung banyak. Orang boleh *engage* sama dia masuk mahkamah, cabar. Mereka boleh masuk, macam-macam tindakan boleh minta, mahkamah buat keputusan. So, apa masalahnya? Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiu, rang undang-undang ini *for the last five years* kita punya kawasan kemungkinan ada segelintir orang bising. Memang dia buat macam-macam punya masa, dia tidak ingat undang-undang. Lepas kena undang-undang, mereka pun lompat. Itulah dia pembangkang bising. Akan tetapi saya mahu bagi ingatan kepada semua wakil rakyat daripada kedua-dua pihak, kita mesti ingat, bila keselamatan negara terjejas, balun lagi polis, polis tidak buat kerja, polis rasuah, polis macam-macam tetapi ada undang-undang, dia mahu mansuhkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya rasa kita mesti mahu faham. Kita kalau marah polis, kita pun mahu adil kepada polis. Berilah undang-undang, kalau dia tidak jalankan tugas, barulah kita aniaya sama dia, kata dia aniaya sama kita. Inilah saya rasa kita mesti mahu diterangkan. Tidak bolehlah kalau semua salah, Barisan salah, kerajaan salah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, ini mencelahkah berucap?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau dia untung daripada kes-kes itu untung, saya mahu tanya Yang Berhormat Setiu, setuju atau tidak? Kes ini kalau mereka untung, peguam itu semua untung, dia tidak cakap terima kasih. Dalam Dewan dia wayang. Saya mahu tanya Yang Berhormat Setiu, setuju kah dia? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya minta tanya Yang Berhormat Setiu, sedikit boleh tak?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti saya jawab dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, lepas ini gulung Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Biar saya tanya dululah Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya bersetuju sama sekali dengan soalan oleh Yang Berhormat Bintulu. Saya dapat maklumat bahawa selama lima tahun ini banyak sebenarnya polis telah berjaya mematahkan dan membendung kesalahan-kesalahan yang melibatkan keselamatan, sebab itu saya bersetuju. Jadi, kita boleh banyak benda-benda yang telah diselesaikan. Soalan saya kepada pihak polis, kepada pihak Menteri, berapa banyak yang kita telah selesaikan kes-kes besar yang memerlukan 28 hari ini, yang melibatkan penjenayah-penjenayah yang ramai dan juga yang melibatkan saksi-saksi dan juga barang-barang kes yang banyak?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tolong bagi contoh, contoh.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tanya Menteri, apa ini nyonya, tidur kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sedikit ya.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Macam gengster ini Bintulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih, Yang Berhormat Setiu bagi saya nampaknya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiu bagi saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiu ini, 28 hari itu Yang Berhormat Setiu rasa cukup tak? Ke tak cukup? Kita buat tiga bulan sebab mana tahu kot lepas pilihan raya akan datang kami memerintah pula. Terima kasih banyak.  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mimpilah itu. Ini satu lagi kongkalikung ini. *[Ketawa]* Kita cakap 28 hari dah kita rasa cukuplah 28 hari sambung lima tahun. Apa nak cerita tiga bulan? Dah lari pula? Ini...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan saya suka bangun tetapi Yang Berhormat Serdang panggil Bintulu gengster. Dia mesti mahu main

mulut sikit. Jangan orang panggil dia tidak boleh, dia boleh tuduh siapa-siapa, sama-sama manusia, sama-sama timbang rasa. Jangan buat kongkalikung, sekali saya *kong* sama dia punya masa, jangan marah. *[Ketawa]*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat pengesahan. Tadi saya kata kerana Yang Berhormat Bintulu kata SOSMA ini telah mengurangkan kadar gengsterisme di Bintulu. Jadi, saya tanyalah macam gengster di Bintulu juga telah dikurangkan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kalau *you* mahu tanya, tanya baik-baik, *you* jangan panggil Bintulu gengster. *Lu* siapa, boleh main gengster?

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey, sekarang saya tanya. Yang Berhormat Setiu, mungkin...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat Serdang, *you* mahu pusing balik sama saya.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Setiu, mungkin boleh minta Menteri beri statistik sama ada gengsterisme di Bintulu ini telah dikurangkan atau tidak di bawah SOSMA dan sama ada SOSMA ini telah menahan orang di Bintulu? Saya tanya Yang Berhormat Setiu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Bintulu memang ada kurang. Kalau *you* punya kawasan tidak kurang, memang *you* jadi ketua!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, cukup Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini Yang Berhormat Serdang tanya saya ini fasal statistik, biar Menterilah jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Habiskan perbahasan Yang Berhormat, ayat yang akhir.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi, ayat akhirnya, pelanjutan lima tahun adalah satu perkara yang sangat-sangat wajar. Jadi, saya menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ingin dapat kepastian berapa orang yang minat, Yang Berhormat? Ya, saya bagi Yang Berhormat Puchong. Oleh kerana saya bagi lebih sikit masa kepada Yang Berhormat Setiu, saya pun bagi lebih sikit masa kepada Yang Berhormat Puchong. Selepas Yang Berhormat Puchong, setiap orang 10 minit. Ya, sila Yang Berhormat Puchong. 20 minit cukup ya, Yang Berhormat.

**8.59 mlm.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya cuba lebih ringkas daripada itu.

■2100

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya lebih ringkas lagi bagus.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu usul untuk melanjutkan seksyen 4(5) SOSMA di mana apa yang diminta adalah supaya

tempoh masa 28 hari yang sedia ada itu dilanjutkan untuk tempoh lima tahun lagi. Ini adalah usul itu.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua. Ada usul yang dibawa di mahkamah. Ada permohonan yang dibawa di mahkamah oleh seorang yang diwakili oleh Yang Berhormat Sepang di mana dalam permohonan itu seksyen 4(5) dicabar. Maknanya ada alasan untuk mempercayai bahawa seksyen 4(5) ini adalah bertentangan dengan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya benar seksyen 4(5) ini bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, itu bermaksud bahawa ia tidak boleh dilanjutkan. Kalau *it is unconstitutional, it cannot be extended for another five years*. Saya rasa itu adalah *point* yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang tadi di mana beliau mengatakan bahawa ini ada *sub judice*.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah untuk kami melihat kembali kepada seksyen ini. Daripada sebelah sana mengatakan bahawa ia perlu untuk keselamatan dalam negara ini, perlu untuk membanteras kegiatan jenayah dan sebagainya. Ini apa yang dibawa dan disebut tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi persoalannya Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dalam negara ini ada undang-undang lain. Undang-undang di dalam Kanun Keseksaan di mana ada kesalahan yang serius seperti kes bunuh, kes senjata api, kes culik, macam-macam kes. Di dalam semua kes itu ada peruntukan di dalam Kanun Acara Jenayah supaya reman diperolehi untuk tempoh 14 hari.

Untuk semua kes itu, 14 hari cukup. Kes yang sangat serius seperti bunuh, sangat serius tetapi dibenarkan reman. Apakah perbezaannya Yang Berhormat Timbalan Menteri? Reman maksudnya pesalah ataupun suspek itu dibawa ke hadapan majistret. Apabila dibawa ke hadapan majistret, beliau diwakili oleh peguam. Majistret akan memberikan kebanyakan kali dia tidak berikan semua 14 hari terus. Dia akan buat dalam dua tiga pecahan.

Apa yang penting Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah ini. Apabila beliau dibawa ke hadapan seorang majistret itu. Majistret dapat menilai sama ada ataupun tidak orang itu dipukul, orang itu dibelasah, orang itu dipaksa, orang itu diancam, disiksa. Itu adalah perlindungan yang diberikan oleh Perlembagaan kita kepada seorang suspek.

Daripada sana senang. Tadi Yang Berhormat Setiu bangun dia kata macam-macam berkenaan dengan peguam. Yang Berhormat Setiu, kamu Yang Berhormat hakim dahulu. Percayalah saya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya MP, bukan hakim.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dahulu, dahulu, dahulu. Sekarang kalau hakim jangan masuk Dewan, keluar. *[Ketawa]* Jangan main-main Yang Berhormat Setiu. Ini perkara serius.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mantan, mantan ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Perkara serius. Mantan kepada mantan biawak atau tiada biawak saya tidak peduli. *[Tepuk]* Ini perkara serius. Ini satu undang-undang yang membenarkan tahanan 28 hari tanpa orang itu dibawa ke hadapan mana-mana majistret.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Mencilah. Saya ingin mencilah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat Rompin bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya akan bagi kemudian, ya kemudian. *I'll give you in a while.* Jadi apa yang penting adalah ini. Jangan datang ke Dewan yang mulia ini dan mengatakan kita perlukan masa untuk siapkan siasatan dan sebagainya. Kami tidak bantah tetapi persoalannya kenapa perlu 28 hari tanpa adanya proses di mana orang ini boleh dibawa ke hadapan seorang majistret supaya kita dapat pastikan bahawa undang-undang itu tidak disalahgunakan. *Why not?*

Ini tidak diberikan apa-apa alasan dalam ucapan awal Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat Menteri setuju sudah pasti bahawa Yang Berhormat Menteri sebagai Timbalan Menteri sudah tahu bahawa ramai daripada tahanan membuat aduan mereka dipukul semasa tahanan, semasa siasatan, diancam dan sebagainya.

Jadi persoalannya kenapa kita perlu luluskan satu undang-undang di mana tidak ada ruang untuk orang itu dibawa ke hadapan – dibawa ke majistret? Inilah di mana tempatnya kita berbeza pendapat. Perlembagaan Persekutuan menjamin hak seseorang itu untuk bersuara. *The right to be heard.*

Maknanya apabila beliau ditangkap, artikel 5 terpakai dikatakan dalam 24 jam dibawa ke hadapan majistret. Di situ beliau ada peluang. *That is the protection the law gives him. That is protection we, as Members of Parliament give the citizen to this country. [Tepuk]*

Kenapa dalam kes ini, ia perlu ditukar? Kalaupun 28 hari, *right?* Kenapa tidak kita ada satu peruntukan di mana ia dibawa di hadapan majistret? Yang Berhormat Menteri saya tanya di sini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berani hendak beritahu Dewan yang mulia ini bahawa di mahkamah memang tidak ada aduan bahawa orang itu didera semasa tahanan, siasatan untuk mendapatkan keterangan. Sudah pasti kita dengar. Itu satu.

Digunakan untuk tangkap ramai orang sekali. Mereka itu kemudian diminta memberi keterangan terhadap satu sama lain. Selepas 28 hari, ada kes kerana mereka semua yang ditangkap itu dikumpul sekali dalam 28 hari dalam masa mana kita tidak langsung dengar ataupun lihat mereka. Mereka menjadi saksi terhadap diri sendiri. Kemudian datang ke mahkamah semua mengaku salah.

Jadi Yang Berhormat Menteri, *I want you to understand.* Kita sebagai wakil pembangkang, kami meletakkan pada hadapan kita keselamatan negara ini. *Don't have any doubt about that.* Ini satu yang paling saya lihat apa disebut oleh Yang Berhormat Bintulu seolah-olah pembangkang tidak menghormati keselamatan negara. Negara ini negara kita juga. Kita menghormati negara ini, kita menghormati keselamatan. *[Tepuk]*

Akan tetapi adalah wajib tugas kita sebagai Ahli Parlimen untuk bangkit dan kita mendukung Perlembagaan Persekutuan. *It is our job to protect the Constitution.* Itu satu. Kemudian kita dengar Tuan Yang di-Pertua cerita bagaimana, oh undang-undang ini telah pun digunakan untuk tujuan-tujuan untuk menyelamatkan negara ini. Tidak ada sebarang salah guna kuasa.



Betul kah itu Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri juga tahu. Tidak payahlah kita beri perkataan terperinci. *We know that you know*. Undang-undang ini telah pun disalahgunakan. Kita lihat kepada seksyen ini. Apa yang seksyen ini katakan. Seksyen 4 Tuan Yang di-Pertua ada peruntukan di mana mengatakan bahawa ia tidak akan digunakan terhadap seseorang untuk *political belief*.

Apabila undang-undang ISA diluluskan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 1960. Masa itu Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, beliau juga memberi *assurance*. *Assurance* itu juga kemudian dibawa oleh Perdana Menteri seterusnya. *It was not being used to stifle political dissent*. Apabila kita lihat undang-undang ini dibuat, Yang Berhormat Menteri datang ke Dewan ini kata yang sama juga. Kita tidak akan menggunakan untuk menutup suara seseorang itu untuk menyuarakan kepercayaan politik beliau. Disebut di sini. Apa berlaku?

Ada orang yang ditangkap kenapa? Ini kerana beliau membawa ataupun menyuarakan kepercayaan politik beliau. Ada. 28 hari hilang, minta supaya ahli keluarga hendak jumpa pun tidak boleh. Peguam hendak jumpa pun tidak boleh. Saya hendak minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya berikan kita ruang pun tidak boleh. Menteri pun tidak tahu.

*This is the reality*. Satu daripada mereka duduk di dalam Parlimen sekarang. Maria Chin. *[Tepuk]* Adakah beliau seorang pengganas? Kalau pengganas bagaimana boleh duduk dalam Parlimen sekarang? *[Tepuk]* Dia di hadapan Tuan Yang di-Pertua.

#### ■2110

Ini tidak masuk akal! Satu undang-undang yang telah pun disalah gunakan. Tidak sampai di situ sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tidak sampai di situ. Kemudian ada diguna pakai terhadap dua orang. Apa kesalahan mereka? Orang yang dikatakan keluar negara untuk buat laporan polis terhadap seorang dalam negara ini yang terlibat dalam satu skandal yang cukup hebat. Seluruh dunia tahu. Orang Malaysia keluar ke luar negara untuk buat *report* supaya siasatan dibuat terhadap satu orang yang maha berkuasa di Malaysia itu. Siapa orang itu? Siapa orang itu?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Undang-undang ini digunakan untuk kita melindungi seseorang di sini. *The abuse does not just extended to political by sense. It extends to protecting your boss! [Disorak]* And you come here and ask us to pass this bill so that the negeri, our country security, you talked to us about that. Mr. Minister, you are joking or what? *With due respect*. Apa berlaku? Sabotaj, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya pergi buat laporan polis sini, dia tidak ambil tindakan.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kena tangkap pula ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kemudian pun kena tangkap. Jadi ada hal dekat luar negara, saya pergi sana, saya buat laporan polis. Saya beritahu polis. Polis, ini perkara di sini. Bukan dia pergi sana buat laporan polis berkenaan perkara Malaysia. Tidak, ada hal di situ. Asasnya di situ. Balik, ditahan.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* SOSMA.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Orang ini orang UMNO. Dululah. Sekarang sudah keluar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat lari tajuklah, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Lari tajuk. Lari tajuk. SOSMA, SOSMA lah. Apa lari tajuk? *[Dewan riuh]* Lari tajuk, kita yang tidak ada kena mengena, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, ya. Bila balik, bila balik, hendak lindungi MO1 ini, ditahan untuk 28 hari. Seksyen 45.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* SOSMA.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Seksyen 4(5), seksyen apa? Akta mana? Akta mana? Baru masuk, bacalah. Yang Berhormat Baling, akta inilah. Peguam Negara selepas itu buat pertuduhan. Pertuduhan itu satu pertuduhan di bawah akta ini. Seksyen 4(5) itu *is the secondary process. First, arrest 24 hours.* Selepas itu seksyen 4(5), *28 days. After that charge. When you are charged,* kalau satu kesalahan di bawah *Penal Code*, Bab VIA, Bab V, seksyen 130. Seksyen 124 tidak ada jamin. Dibuat, *discharge.* Pergi ke mahkamah, mahkamah buat keputusan, *charge* itu salah.

Maknanya SOSMA seharusnya tidak terpakai pada awal-awal lagi. Seksyen 4(5) ini digunakan secara salah. Itu implikasinya. Kalau tidak faham, saya mintalah. *I stand corrected, I may be wrong. I want you to improve it wrong today because the facts are there.* Lagi ada disiasat juga. Nasib baik belum ditangkap lagi. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. *[Ketawa]* Kemudian kalau esok, Yang Berhormat Menteri kalau tidak jaga-jaga mungkin disiasat juga.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri kena naik pangkat itu.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kalau ada disyaki, ditahanlah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau berlaku, jangan takut. Kita ada peguam yang handal di sini. *[Di sorak]*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Setiu ada. Yang Berhormat Setiu ada.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya merujuk kepada Yang Berhormat Setiu. Akan tetapi kita kena serius. Kita kena serius bila kita lihat kepada apa yang berlaku. Kita minta supaya undang-undang ini dilanjutkan.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Minta mencelah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apabila undang-undang ini digunakan untuk melindungi apa yang dilakukan oleh *kleptocrat* yang ada bersama kita dalam Dewan ini. Jadi dalam keadaan itu, kenapa perlu kita sokong? Saya setuju untuk kes-kes lain. Saya juga lihat *terrorism. US got problems which relate to organization [Tidak jelas] internationally.* Saya faham. Akan tetapi undang-undang ada supaya mereka dapat ditahan, supaya mereka dapat di bawa ke hadapan Majistret, supaya mereka dapat mengadu.

Yang Berhormat Setiu tadi kata mereka ada peguam yang handal. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Setiu, di bawah seksyen 4(5) ini, *for 28 days*, tidak ada langsung jumpa dengan peguam. Kalaupun jumpa dengan peguam, apa gunanya kerana tidak di bawa ke

mahkamah. Dalam undang-undang kita, dalam masa 28 hari itu, *it is very difficult to go court on application very... [Tidak jelas]* Yang Berhormat Sepang boleh beritahu. So, kita minta supaya kerajaan berterus terang. Jangan datang ke Dewan ini dan beritahu bahawa ini adalah undang-undang yang tidak disalahgunakan.

Dengan jelas telah pun disalahgunakan. Lima tahun lagi boleh disalahgunakan lagi. Undang-undang ini tidak seharusnya dilanjutkan. Apa yang seharusnya dibuat, biar undang-undang ini jadi luput. Masukkan satu peruntukan yang baru yang boleh memberikan ruang kepada seorang yang ditahan itu untuk beliau bersuara. Apa susah sangat dengan itu? Kenapa kita ada peruntukan macam ini? Kenapa perlu kita lanjutkan peruntukan-peruntukan macam ini.

Tuan Yang di-Pertua sebagai akhir, saya diberitahu juga undang-undang ini sekarang digunakan terhadap ramai dalam siasatan-siasatan. *For example*, saya minta pengesahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah ia digunakan secara besar-besaran terhadap pegawai-pegawai imigresen? *Check. I can give you some names if you want tomorrow.* Selain daripada pegawai imigresen, *is it being used to any other institution in the country* di mana mereka ditahan.

Selain daripada itu, bukankah benar Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa untuk kes-kes sebegini, ada kalanya suspek bukan sahaja ditahan di bawah SOSMA dalam masa sama, beliau juga ditahan di bawah POCA. SOSMA dan POCA. *Isn't it true? Kes Johor. Officers are behind you. I can see them. I am not going the name them. My good friends, they can give you the details now. I will be standing in the court with him.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *The Minister does not know all that. [Ketawa]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak apa. *Minister can come this side. We will explain to you because we want to make sure there are laws in this country that cannot be abuse. Laws that are effective, laws that give us a result, laws that make us power as Members of Parliament. This is one of those laws that just does not do it.* Saya Tuan Yang di-Pertua, menentang permohonan ini. *I say let this section fall. Bring up another section which provide and accuse with all those protection that he is entitled to under the Federal Constitution and you will get support from us as the opposition bench in Parliament.* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan. Sepuluh minit.

9.18 mlm.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya Yang Berhormat, saya bercadang untuk membenarkan Yang Berhormat Menteri, menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab jam sepuluh malam. Ya, sila.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu usul bagi pelanjutan kuasa kuat kuasa seksyen 4 SOSMA iaitu penambahan menahan tempoh 28 hari.

Kita lihat bagaimana undang-undang ini telah diamalkan, berjalan lima tahun. Saya belum pernah dengar pun SOSMA ini digunakan kepada orang yang tidak membuat kesalahan.  
[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Orang politik....

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** [Menyampuk]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Salah guna, salah guna, salah guna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukan orang yang salah tetapi disalahgunakan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *You shut up. This is my floor.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *This is your floor but you are talking nonsense.*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang ditahan ini perosak negara kita!

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Don't talk rubbish lah!*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Siapa bangga dengan Maria Chin? Buat apa bangga Maria Chin Abdullah? Dia menghuru-harakan negara. Mengucar-ngacirkan...  
[Dewan riuh]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [Bangun]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *She's the woman who stood right.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang menghuru-harakan negara ialah MO1! [Dewan riuh]

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *She is your hero?* Porak-perandakan negara kita! Fahamkah?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Seorang yang berani.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Can you tell me where's the prove?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Mana bukti?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tarik balik, tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat. [Dewan riuh]

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Menuduh. Ini tidak siuman.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat.

## ■2120

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat yang sedang berdiri, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan sila duduk, Yang Berhormat Kapar sila duduk. Yang Berhormat, kan elok tadi apa pun yang diucapkan, yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Puchong. Ya, Yang Berhormat sila diam Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat berucap kita diam kita dengar, dengarlah.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya yang Berhormat kita mendengar, Yang Berhormat Kinabatangan saya belum habis.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Buat apa hendak duduk? Saya hendak cakap.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan yang di-Pertua sedang bercakap, *you* duduk lah.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Eh samseng!

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Sebab itu saya kata, bila seseorang yang lain sedang berucap, kita duduk diamlah Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Puchong saya dengar, meneliti semua ayat-ayat yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat-Yang Berhormat, jadi sila Yang Berhormat Kinabatangan, yang lain kalau hendak mencelah, bangun elok-elok dengan adabnya. Sila Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak sudi dengar, boleh keluar, tidak ada masalah. Kita masing-masing mempertahankan sesuatu mengikut kebenaran pemikiran yang waras. Saya melihat usul ini lebih wajar untuk mempertahankan keselamatan dan kemuliaan negara kita.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak elok Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat tidak menggunakan mikrofon, Yang Berhormat tidak duduk di tempat duduk Yang Berhormat, saya mendengar Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Terengganu, perkataan bodoh itu tidak boleh Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia memang barua.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat lain sila diam, Yang Berhormat Kuala Terengganu sila duduk di tempat Yang Berhormat. Yang Berhormat Speaker yang duduk di atas ni Yang Berhormat apa pun perkataan yang Yang Berhormat cakap, Speaker akan dengar Yang Berhormat. Ya, Speaker akan dengar. Duduk Yang Berhormat, elok Yang Berhormat tarik balik Yang Berhormat. Saya dengar Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengucap kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya dengar.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Saya hendak keluar.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Siapa yang sedang bahas Yang Berhormat?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Saya hendak keluar kerana saya rasa saya tidak hendak dengar tentang perbahasan.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan bodoh Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Saya tidak...

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Yang Berhormat, saya minta tarik balik Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat mahu degil-degil Yang Berhormat boleh keluar Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Cakap tak ada pandai.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Okey, saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Selepas ini Yang Berhormat sesiapa yang mengeluarkan perkataan yang tidak mengikut peraturan..

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sana tak ada tarik balik?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Somebody* sebut barua Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar! Selepas ini.. Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Dia sebut barua.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas ini siapa yang tidak mengikut peraturan saya akan arahkan bentara untuk mengeluarkan Yang Berhormat. Sama ada di sebelah kanan saya, ataupun di sebelah kiri saya. Sudah Yang Berhormat Kinabatangan, yang mengganggu perbahasan. Sila.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kenapa Tuan Yang di-Pertua, asal saya berhujah banyak rintangan. Ini yang menjadi masalah, di sana berhujah kita dengar dengan baik-baik, dia kata SOSMA tidak baik, apa ini tidak memberi ruang kepada keadilan individu. Akan tetapi bagaimana tidak baik? 28 hari diperlukan untuk membuat penyiasatan dan macam-macam, sebab hari ini, apabila ada keganasan yang terancam yang dilakukan, mereka menggunakan rangkaian yang begitu luas, menggunakan manusia yang ramai. Oleh kerana itu pihak polis memerlukan 28 hari untuk menyelesaikan masalah, apa masalah yang ditangkap ini, yang melakukan kesalahan. Orang politik saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, adakah orang Menteri yang ditahan di bawah SOSMA?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Hendak minta penjelasan boleh?

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat. Ya sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tidak faham mengapa Yang Berhormat Kinabatangan boleh kata tidak ada masa politik ataupun mangsa yang boleh dikatakan tersalah ditangkap di bawah SOSMA. Sudah beri banyak contoh tadi, Puan Maria Chin. Jika Puan Maria Chin seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, orang yang mewujudkan huru-hara di negara kita, begitu teruk, begitu jahat, mengapa beliau dilepaskan? Cajlah beliau di mahkamah, tangkap, penjarakan kalau ada bukti. Kalau tidak jangan cakap perkara yang bukan-bukan.

Inilah masalahnya, tadi Yang Berhormat Kinabatangan kata banyak rintangan apabila beliau bercakap, sebab apa, beliau hujahkan di sini bercakap tidak waras. Justeru itu, kita tidak boleh duduk diam, ini adalah Dewan yang amat mulia, jadi kita kena berhati-hati apabila kita bercakap. Tak ada orang politik, Khairudin, bekas ahli UMNO ditahan di bawah SOSMA.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, faham. Yang Berhormat Bukit Mertajam ya. Maria Chin bukan orang politik, setahu sayalah tidak tahu parti manalah. Duduk dahulu, saya cuma tinggal tiga minit. Tunggu giliran Yang Berhormat Shah Alam. Kita dengar, kita diam. Kita memang *good listener*, Yang Berhormat Shah Alam duduk, saya memang tidak ada masa, tiga minit saya mahu habiskan. *Why*, kenapa kita masih berdiri mempertahankan usul daripada kerajaan. Sebab ada kebaikan untuk keselamatan negara. Apabila negara ini hancur, lebur, jadi padang jarang padang tekukur, di sana pun tidak selamat. Tidak ada yang selamat. Sebab itu, mempertahankan kedaulatan negara melalui proses-proses yang tertentu adalah satu cadangan yang bijaksana daripada pihak polis.

Saya melihat tidak ada juga wakil rakyat yang didakwa dan saya juga ingin tahu daripada pihak kerajaan, daripada 28 hari itu, berapa ramai yang telah ditahan semenjak sepanjang lima tahun SOSMA ini berjalan. Berapa ramai yang ditahan, berapa ramai yang disiasat, selama 28 hari, adakah mereka disiasat selama 28 hari atau ada hari-hari dia, saya mahu *detail*. Kita melihat, kalau ada ancaman daripada mana-mana individu untuk menghancurkan negara ini, itu saya rasa itu pengkhianat.

Jadi harus ditahan oleh pihak polis, disiasat, kalau ada bukti maka dia akan dituduh. Bukan saja di Akta SOSMA, mungkin daripada akta yang lain. Daripada sudut-sudut, *angle* yang lain, sebab ini penting, keutamaan kita ekonomi negara tidak bermakna kalau keselamatan negara, keselamatan negara, rakyat tidak terjamin. Apabila keselamatan rakyat terjamin maka makmurlah negara itu. Jadi saya ingin memberitahu kepada mana-mana individu yang suka mengkuar kacirkan rakyat, membuat demonstrasi jalanan, meminta peruntukkan dana daripada orang luar.

Berhentikan serta-merta ini perbuatan pengkhianat dan cuma mensabotajkan pembangunan negara kita. Sama ada dia Bersih kah, tidak Bersih kah itu tidak betul. Sebab kita ada undang-undang lima tahun sekali kita serah kepada rakyat untuk memilih pemerintah. Kalau pemerintah di sana, rakyat yang pilih, bukan kita. Kalau di sana Yang Berhormat Seputeh kuat menanglah dia. Kalau rakyat tidak mahu, tidak menanglah. Kenapa perlu ada demonstrasi,

pilihan raya tidak bersih, kalau tidak bersih Selangor menangkah? Pulau Pinang boleh menangkah? Seputeh boleh menangkah?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan, kenapa Jamal Yunus, baju merah tidak ditahan di bawah SOSMA.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seputeh, saya boleh rujuk Yang Berhormat kalau Yang Berhormat hendak. Bab 44 satu dan dua, bukan dua hari 10 hari saya boleh keluarkan Yang Berhormat. Jangan cabar saya Yang Berhormat, saya kata siapa yang bercakap tanpa kebenaran saya, saya akan mengambil tindakan. Ya, sila. Kalau hendak rasa 10 hari rehat selepas ini, sila. Ya Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang diPertua, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya tidak akan mengambil tindakan dua hari. Saya akan mengambil tindakan 10 hari, bukan 28 hari.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya nampak, Yang Berhormat Kinabatangan ni dia sudah sikit gelong Tuan Yang di-Pertua ya. Undang-undang SOSMA ini dia pengganas, bukan soal hendak guna terhadap orang yang buat demonstrasi jalanan, bukan pasal terhadap hendak digunakan terhadap orang yang memberikan satu pandangan yang dianggap akan menimbulkan masalah. Ini pengganas.

Tapi bila SOSMA ini digunakan, ke atas orang-orang yang dikatakan mengancam keselamatan negara, dia katakan, bukan pengganas. Pengganas ni maknanya angkat senjata, yang bom. Akan tetapi, Yang Berhormat Kinabatangan sendiri pun dah mengaku sekarang bahawa telah ada berlakunya salah guna kuasa, Maria Chin bukannya pengganas, tetapi dia gunakan SOSMA. Dato' Khairudin yang dulu kawan rapat Yang Berhormat Kinabatangan, sama-sama dalam UMNO. Janganlah tidak ada perasaan kasihan pada dia, dia bukan pengganas.

■2130

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Faham? Okey, terima kasih. [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam.  
*Conclusion* Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Shah Alam, keganasan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hendak gulung sekejap. Satu minit. Keganasan ini bukan hanya mengangkat senjata tetapi menjadi ejen pengganas pun dia dikategorikan sebagai pengganas. Jadi Bersih ini, menjadi ejen negara asing untuk memporak-perandakan ekonomi dan keselamatan negara. Akhir kata, saya menyokong usul ini seratus peratus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya perhati tetapi Yang Berhormat Shah Alam tidak berucap ya.



**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*] ...Tidak, saya tidak bangun.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya beri Yang Berhormat Parit Buntar. Sepuluh minit.

**9. 31 mlm.**

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya masih ingat pada penggal yang lalu Tuan Yang di-Pertua, saya diberi penghormatan untuk berada di dalam dewan ini, bagi kita menghapuskan ISA dan semasa perbahasan terhadap ISA, antara asas yang dijadikan sebagai hujahan kepada ISA itu adalah satu *principle* yang besar dalam menentukan kesalahan seseorang iaitu *innocent until proven guilty*. Manakala standard atau piawaian tidak bersalah sehingga terbukti bersalah bercanggah dengan semua amalan yang ada dalam perundangan terdahulu iaitu ISA. Ini tidak termasuk dalam perbahasan kita beberapa tahun yang lalu, tentang apa yang dinamakan sebagai penyalahgunaan undang-undang yang ditujukan kepada anasir subversif yang bahaya kepada negara akhirnya menjadi senjata politik untuk mendingkan suara-suara yang tidak bersetuju ataupun di anggap ancaman bagi kerajaan yang ada pada hari itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika diperkenalkan SOSMA baru-baru ini, lima tahun yang sudah pada 2012, kita mengulangi kebimbangan yang sama. Tidak lari daripada prinsip salah guna kuasa, tidak lari daripada prinsip *detention without trial* dengan izin yang telah diperuntukkan dalam 4(5) itu iaitu selama 28 hari. Kita juga memberi peringatan, semasa perbahasan tentang salah guna kuasa, salah guna undang-undang yang tidak bertujuan untuk *counter terrorism* dengan izin tetapi lebih kepada mempertahankan kuasa yang ada pada kerajaan hari itu. Hari ini kita didatangi sekali lagi oleh Menteri setelah lima tahun untuk meminta supaya dilanjutkan daripada lima tahun yang berlalu...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput bangun.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Parit Buntar, kita ada di Dewan pada hari itu pada tahun 2012, apabila Perdana Menteri sendiri cadangkan. Saya mahu tanya, adakah Yang Berhormat Parit Buntar ingat ucapan Perdana Menteri di mana dia kata lindung jamin keenam, dan apabila akta ini berkuat kuasa kerajaan juga akan menubuhkan satu jawatankuasa secara pentadbiran untuk menyemak keseluruhan akta ini dari semasa ke semasa dan jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab untuk meniti pelaksanaan akta tersebut dan mengemukakan syor untuk menambahbaikkannya.

Jawatankuasa ini akan dianggotai bukan sahaja dari agensi-agensi kerajaan tetapi juga oleh Presiden Majlis Peguam dan SUHAKAM. So, adakah jawatankuasa ini ditubuhkan dan apakah laporannya? Adakah apa-apa? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput, saya anggap itu sebagai soalan saya dan dimasukkan ke dalam ucapan saya. Terima kasih. Saya ingin meneruskan lagi penghujahan saya iaitu tentang persoalan *human rights* ataupun hak asasi manusia. Sering kali apabila di dalam Dewan ini kita menyebut tentang satu *detention without trial* dikaitkan dengan satu isu besar iaitu hak asasi manusia. Saya ingin menjelaskan di dalam Dewan ini, tentang persepsi sebahagian daripada kita bahawa seolah-olah *counter terrorism* kemudian kita hendak ikut piawaian *human rights* itu seolah-olah menyusahkan kita punya tindakan untuk menangani *terrorism*.

Akan tetapi, biarlah saya sebut di sini dengan izin daripada Laporan Bangsa-bangsa Bersatu yang menyebut bahawa "*Effective counter terrorism measures and the protections of human rights are complementary and mutually reinforcing objectives which must be pursued together.*" Maknanya tidak berlaku pencegahan apabila kita bercakap tentang menjaga keselamatan negara melalui undang-undang yang ada ini dengan hak asasi manusia. Yang ada ialah kedua-duanya saling *compliment* antara satu sama yang lain.

Persoalannya yang sekarang ialah, apa yang di laporkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu juga bahawa negara-negara yang *rushing through legislative* untuk mengadakan *practical measures have created negative consequences for civil liberties and fundamental human rights*. Jadi ini persoalan yang sedang kita hadapi, ini tidak termasuk isu yang berkaitan dengan salah guna undang-undang ini. Tadi telah disentuh oleh rakan-rakan, tentang apa yang berlaku ke atas sebelumnya, yang paling awal berlaku kepada Datuk Khairuddin di atas dakwaan SOSMA.

Kemudian berlaku ke atas Maria Chin juga di atas SOSMA juga. Yang terkini Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu kes yang paling terkini iaitu Siti Noor Aishah Atam yang juga dituduh di bawah SOSMA. Jadi persoalan saya sekarang ini ialah, berpandukan kepada soal piawaian hak asasi manusia yang tadi disebut oleh rakan saya, adakah kerajaan telah mengambil kira perbincangan dengan SUHAKAM, perbincangan dengan Bar Council, perbincangan dengan NGO, perbincangan dengan *civil society* dalam memastikan piawaian ini? Kedua, salah guna kuasa yang kita tengok hari ini tidak ada jaminan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau diberi lagi lima tahun atas alasan keselamatan, maka tidak akan berlaku salah guna kuasa kepada undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perlu kita memberi penjelasan di sini bahawa apa yang kami sampaikan dalam dewan ini bukan untuk kita menolak perlunya keselamatan negara. Bukan untuk kita menafikan bahawa keselamatan negara itu, adalah *priority* utama seperti yang telah disebut rakan saya Yang Berhormat Puchong. Ini bukan isu dia. Akan tetapi saya ingin menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, apakah piawaian *human rights* yang dipegang oleh kerajaan? Khususnya dalam apa yang dinamakan sebagai keterbatasan kepada hak-hak tertentu dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh undang-undang. Ya betul ada *certain measures* yang kita harus ambil dengan izin tetapi *measures* itu tidaklah sehingga menafikan hak orang yang tertuduh itu.

Kedua ialah, keperluan untuk kita mengabsahkan matlamat keselamatan itu perlu dilihat kepada *national security*. *Public safety, public order* tetapi apa yang berlaku kepada Bersih

contohnya, ia bukan soal *national security* ia adalah hak untuk rakyat berhimpun yang ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan kita. Akan tetapi digunakan ke atas Pengerusi Bersih ketika itu di atas nama SOSMA. Ini adalah satu penyalahgunaan yang terang dan nyata bukan untuk mengabsahkan matlamat bahawa ia digunakan untuk keselamatan nasional tetapi ia lebih digunakan untuk kepentingan politik.

Kita juga memahami bahawa langkah-langkah keselamatan diperlukan. Akan tetapi sebagaimana kaedah hukum dalam Islam sendiri menyebut bahawa, [*Berucap dalam bahasa Arab*] dengan izin. Keperluan atau *necessity* itu ditentukan dengan keperluannya Tuan Yang di-Pertua. Bukan keperluan itu ditentukan sewenang-wenangnya kerana ini akan membawa kepada salah guna kuasa.

■2140

Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya sukar untuk menerima permintaan daripada pihak eksekutif untuk memanjangkan lagi lima tahun kerana selama lima tahun ini pihak kerajaan tidak meyakinkan kami bahawa apa yang diminta itu tidak akan berulang dan terus menerus menceroboh piawaian yang telah kita bentangkan sebentar tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rompin bangun.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya ada beberapa saat sahaja lagi. Ya, silakan

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Saya tidak berpeluang mencelah Yang Berhormat Puchong tadi bila dia kata kes bunuh adalah kes yang paling serius, 14 hari.

Apa pandangan Yang Berhormat, katalah pihak polis menangkap satu gerakan untuk meletupkan Jambatan Pulau Pinang, adakah kes-kes seperti ini dilihat bahawa perlunya adanya undang-undang ini untuk menyiasat secara mendalam di mana gerakan ini rangkaianannya di seluruh negara? Mungkin dia memulakan hendak meletupkan Jambatan Pulau Pinang. Kalau dia hendak meletupkan ini, adakah yang Yang Berhormat rasa undang-undang seperti ini perlu untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Soalan itu saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh jawablah tentang isu itu. Kami pun tidak tahu ada Jambatan Pulau Pinang hendak diletupkan itu. Saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawablah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya *landing* 10 minit yang ada ini, tadi Yang Berhormat Sepang ada menyebut tentang sub judice dan ia mengukuhkan lagi sikap kami bahawa bagi meluluskan lagi lima tahun ini adalah satu yang agak sukar bagi kami dan kerana itu, saya menolak permohonan untuk dilanjutkan lima tahun lagi klausa ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**9.41 mlm.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia, Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan bagi usul pelanjutan tempoh kuat kuasa seksyen 4(5) selama lima tahun bagi Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang sedang membangun khususnya sebagai sebuah negara maju yang akan datang, Malaysia sememangnya terdedah kepada pelbagai cabaran. Antara yang paling membimbangkan masyarakat ialah kes-kes yang melibatkan ancaman kepada keselamatan negara. Seiring kepesatan ekonomi negara, kejadian jenayah pada hari ini semakin hari semakin kompleks dan ia ditambah dengan kelicikan serta modus operandi penjenayah-penjenayah yang semakin mencabar tugas-tugas pihak penguat kuasa.

Selain daripada itu, kalau kita amati perkembangan semasa khususnya dalam dunia dan juga negara, keselamatan merupakan subjek fokus dan menangani sebarang bentuk khususnya keganasan itu merupakan agenda utama dunia. Dalam hal ini, bila merujuk kepada ancaman kepada keselamatan ini, ia boleh merebak dengan hanya hujung jari. Undang-undang lebih mantap dan bersifat pencegahan amat diperlukan. Kita perlu undang-undang yang untuk mencegah bukan sahaja undang-undang yang menghukum tetapi dalam bentuk pencegahan bukan hanya dalam konteks jenayah biasa. Apa yang pasti, hal-hal yang melibatkan keselamatan negara ini tidak boleh dipandang enteng oleh sesiapa pun, malah kita semua bertanggungjawab untuk melindunginya.

Usaha menangani keganasan ini oleh pihak kerajaan telah dipuji oleh Perdana Menteri India, Narendra Modi sewaktu kunjungan hormat Perdana Menteri Malaysia ke New Delhi baru-baru ini. Saya fikir dengan adanya SOSMA dan juga POCA, sudah tentulah ia merupakan satu *benchmark* di atas pujian yang telah diberikan oleh Perdana Menteri India kepada Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada usul ini, SOSMA dan juga ancaman keselamatan negara adalah saling berkaitan. Secara umumnya, undang-undang ini diwujudkan bagi menyediakan langkah-langkah khas, *special measures*, yang diambil dalam menangani apa-apa kes yang memberi ancaman kepada keselamatan negara.

Perlu ditekankan bahawa SOSMA merupakan undang-undang prosedur yang bertujuan menyediakan langkah-langkah khas bagi memudahkan proses penyiasatan serta pendakwaan. Ia bukanlah undang-undang yang memperuntukkan kesalahan dan sebarang hukuman separti dalam Kanun Keseksaan. Seseorang itu tidak boleh didakwa melakukan kesalahan di bawah SOSMA. SOSMA adalah undang-undang yang memperuntukkan prosedur, kaedah keterangan dan kuasa pihak berkuasa apabila ia berkaitan dengan apa yang dipanggil sebagai kesalahan keselamatan.

Kesalahan keselamatan itu tidaklah terhad kepada aktiviti keganasan sahaja. SOSMA menekankan bahawa kesalahan keselamatan dalam peruntukan akta itu tidak terhad kepada

aktiviti keganasan dan pegganas sahaja. Kesalahan keselamatan adalah kesalahan yang tersenarai dalam bab Kanun Keseksaan, kesalahan-kesalahan terhadap negeri, bab Kanun Keseksaan iaitu juga kesalahan-kesalahan yang berkaitan kepada keganasan. Selain daripada itu, ia juga telah diperluaskan kepada Kanun Keseksaan iaitu berkaitan dengan jenayah terancang dan juga kalau kita lihat, kesalahan di bawah 3 iaitu Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

Saya melihat bahawa ini merupakan undang-undang yang sangat wajar khususnya dalam kehendak hari ini dan penyiasatan SOSMA bersifat mencegah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sepang bangun.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Nanti saya bagi. Ia bukan sahaja melengkapkan penyiasatan tetapi membawa kepada pertuduhan di mahkamah. Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Kuala Selangor.

Yang Berhormat Kuala Selangor, saya rasa kita di pihak sini tidak mempertikaikan bahawa SOSMA ini adalah undang-undang prosedur. Kita tahu benda itu. Cumanya yang kita cuba hendak bahas ini ialah sebelum pihak Parlimen hendak lanjutkan SOSMA ini, saya hendak tanya, di bawah kuasa manakah SOSMA ini dibuat? Jawapannya di bawah Perkara 149. Adakah Yang Berhormat Kuala Selangor membaca peruntukan Artikel 149 ini? Khususnya Artikel 149(2) yang mengatakan Parlimen ini tidak ada kuasa untuk *review*. Yang ada kuasa adalah untuk *null*, untuk membatalkan. Tidak ada kuasa. *Sunset clause* itu tidak membenarkan untuk *review*. Jadi, itu persoalan yang saya hendak bangkitkan. Kalau *you* tidak ada kuasa hendak *review*, macam mana kamu boleh *review*? *From where you get the power*? Itu soalnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor, apa pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor? Saya dengar tentang jenayah terancang tadi. Jenayah terancang ini geng dia ramai. Yang ditangkap di Pulau Pinang itu, Geng 24, seramai 22 orang. Yang ditangkap di Selangor itu, Geng 360, seramai 38 orang. Kalau 26 orang dan 38 orang hendak dibuat siasatan secara serentak, adakah cukup 28 hari? Kerana mereka ini ada jenayah yang kompleks. Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak diikuti hati, tidak cukup 38 hari.

Tetapi saya hendak respons apa yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sepang. Kalau kita lihat dari segi sejarah ataupun dari segi inti pati SOSMA ini yang mana yang telah

dikuatkuasakan pada 31 Julai 2012 dan bermula pada tarikh penguat kuasa pelaksanaan tersebut, semua prosedur tangkapan bagi kes-kes keselamatan telah pun dibuat di bawah akta ini. Apabila saya melihat undang-undang ini, undang-undang ini telah digubal khusus bagi menangani ancaman keselamatan. Akta ini yang telah diluluskan pada waktu tersebut mempunyai peruntukan kuasa-kuasa khas seperti di bawah seksyen 4(4) dan juga seksyen 4(5).

Tetapi ingin saya nyatakan di sini, tempoh kuat kuasa seksyen 4(5) ini dihadkan kepada lima tahun sahaja kerana akta ini diluluskan ketika itu mengehadkan kuat kuasa seksyen ini kepada lima tahun sahaja yang bertujuan bagi mengelakkan persepsi bahawa ia akan disalahgunakan oleh pihak polis di samping bertujuan untuk mewujudkan elemen semak dan imbang, *check and balance*, dalam segi penguatkuasaannya.

Dari segi ini, saya ingin menyatakan bila merujuk kepada subseksyen 4(5), orang-orang yang ditangkap dan ditahan mengikut subseksyen 4(4) itu boleh bagi tujuan siasatan dilanjutkan peranannya untuk tempoh sehingga 28 hari oleh mana-mana pegawai polis yang berpangkat sekurang-kurangnya penguasa polis. Pada ketika itulah wujudnya tarikh kuat kuasa yang memerlukan setiap lima tahun. Setelah itulah perlu diangkat ke Parlimen untuk dijadikan satu usul supaya Parlimen boleh meluluskan usul tersebut supaya ia boleh diteruskan dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Dan saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada ini, saya juga ingin merujuk kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai. Tidak keterlaluan saya katakan tempoh ini, kalau ikut hati saya, tidak cukup.

#### ■2150

Akan tetapi kalau memandangkan dari segi ciri-ciri kelangsungan atau *continuity* dalam siasatan berkenaan, justeru tempoh 28 hari ini akan membenarkan pihak polis untuk menyiasat secara menyeluruh melalui risikan yang lengkap dan terperinci. Tidak keterlaluan bagi saya katakan tempoh ini merupakan satu tempoh yang sesuai untuk mengendalikan siasatan. Siasatan yang menyeluruh memerlukan perkongsian maklumat dari jabatan kerajaan yang lain, misalnya Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Jabatan Imigresen, agensi-agensi lain seperti Bank Negara Malaysia dan juga syarikat telekomunikasi.

Sebagai contoh, kalau kita lihat dari segi kes SOSMA iaitu Geng 24 Pulau Pinang 2016. Berdasarkan maklumat daripada risikan dan siasatan, Ops Cantas Mutiara telah dilancarkan untuk menangkap kumpulan jenayah terancang ini di Pulau Pinang yang melakukan kesalahan serius itu mendatangkan cedera parah dan bencana dengan senjata api. 22 orang telah ditangkap dan kesemua tangkapan dituduh pada hari ke-28 dalam tahanan. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir iaitu sebagaimana bila saya mendengar daripada beberapa Ahli Parlimen mengenai kes penahanan Pengerusi Bersih, Maria Chin Abdullah di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012.

Saya yakin dan percaya bahawa apabila menyentuh Akta SOSMA ini, sudah tentunya kes yang melibatkan Maria Chin ini menjadikan satu kes yang hangat akan diperkatakan. Namun demikian, kalau kita lihat dari segi SOSMA ini, apabila beliau ditangkap, ia berkaitan dengan Perkara 3 iaitu mudaratkan ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana

bahagiannya yang mana di dalam Perlembagaan Persekutuan sudah tentunya membenarkan sesuatu individu itu untuk berkumpul.

Akan tetapi kalau kita merujuk kepada Perkara 5 dan 39(1) bawah Perlembagaan Persekutuan, memangnya ada berkaitan dengan kebebasan bergerak. Akan tetapi yang paling penting ialah ia ada kaitan juga dengan tindakan kerajaan untuk menggubal undang-undang yang sesuai bila ia berkaitan dengan keselamatan, khususnya Persekutuan. Rumusannya Tuan Yang di-Pertua,...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** ...mengapa saya lihat ini sangat penting kerana tiga perkara. Pertama, tangkapan tersebut berdasarkan keterangan awam. Kedua, Bersih bukanlah sebuah pertubuhan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966. Ketiga, dimaklumkan bahawa Bersih juga menerima campur tangan asing iaitu dana daripada MBI dan juga George Soros. [Tepuk] Jadi, akhir kata, Kuala Selangor menyokong usul perlanjutan lima tahun, khususnya di bawah SOSMA. Terima kasih. [Tepuk]

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Boleh? Dana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Padang Serai. Selepas Padang Serai, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab ya.

**9.52 mlm.**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Boleh dah Tuan Yang di-Pertua, selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya jemput Padang Serai, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Dak aih*, pasal Tuan Yang di-Pertua kata selepas ini terus Menteri menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, kita di sini malam ini kerana kita hendak membuat keputusan sama ada ataupun menyemak sama ada seksyen 45 ini dilanjutkan lagi untuk lima tahun. Dalam tugas dan tanggungjawab kita pada malam ini adalah untuk menyemak seksyen 45, Akta SOSMA ini sama ada perlu lagi ataupun tidak. Dalam menyemak seksyen tersebut, dua perkara yang perlu kita buat.

Pertama, sama ada secara prinsip perlu suatu seksyen yang membenarkan tahanan terus selama 28 hari, lain daripada apa yang dibenarkan dalam CPC, hanya 14 hari. Itu yang pertama. Adakah ia betul secara prinsip. Kedua, sama ada undang-undang tersebut, ini ialah *sunset clause*. Jadi, sama ada seksyen 45 tersebut telah disalah gunakan sejak tahun 2012 apabila undang-undang ini mula-mula dibawa.

Jawapan kepada kedua-dua soalan ini ada di dalam apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi apabila mencadangkan resolusi ataupun ketetapan ini iaitu apa yang

dinyatakan oleh beliau jelas menunjukkan bahawa salah secara prinsip dan juga ia telah disalahgunakan sejak tahun 2012. Oleh kerana Menteri menyatakan bahawa tempoh 21 hari digunakan untuk penyiasatan dan tujuh hari lagi adalah untuk melengkapkan kertas siasatan dan untuk menghantar ke AG, dapat keputusan AG dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah suatu tindakan yang bercanggah dengan seksyen 4(5) kerana seksyen 4(5) hanyalah untuk tujuan ataupun maksud penyiasatan, bukan untuk tujuan atau maksud AG membuat keputusan, menghantar dokumen, melengkapkan penyiasatan dan sebagainya.

Bermakna, satu pengakuan bahawa seksyen 4(5) sehingga hari ini memang disalahgunakan dan bahawa tempoh 28 hari memang tak diperlukan. Penasihat undang-undang di sana tahu bahawa ada banyak keputusan mahkamah yang menyatakan bahawa alasan melengkapkan kertas siasatan dan sebagainya, bukan satu alasan yang boleh diterima bagi memutuskan sama ada tempoh tahanan itu sah atau tidak. Itu adalah keputusan-keputusan yang pernah dibuat. Jadi, atas alasan- *in other words*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang timbul daripada ini.

Pertama, bahawa 28 hari yang dibenarkan itu memang melebihi dan tidak diperlukan, 14 hari mencukupi. Kedua, yang timbul daripada pengakuan Menteri adalah bahawa 28 hari yang diberikan itu telah disalahgunakan, di mana seorang suspek dibenarkan ataupun diletakkan di dalam satu sel di atas lantai tanpa tilam, tanpa apa pun dengan lampu terang 24 jam dan sebagainya seperti kita mendapat keterangan daripada Maria Chin Abdullah. Ini dilakukan kepada beliau. Semasa semua ini berlaku, IO dan *team* penyiasat sedang menghantar dokumen, tunggu keputusan AG dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila undang-undang seperti ini dibincangkan, di mana hak asasi rakyat di bawah bahagian kedua Perlembagaan Persekutuan sedang diambil ataupun dinafikan ataupun dibataskan dengan mengenakan jumlah 28 hari ini, maka setiap hari perlu digunakan dengan cara yang betul iaitu maksud penyiasatan. Tuan Yang di-Pertua, atas alasan ini sahaja, pengakuan ini, maka kita tidak boleh hari ini meluluskan ketetapan yang telah dibawa oleh Menteri pada malam ini, tidak boleh. Kedua...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Bagan Serai bangun. Sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Padang Serai. Kita sama-sama serai. Jadi, ada dua soalan. Saya ada dua pendapat, saya minta pendapat daripada Padang Serai. Pertama, pernahkah seseorang itu ditahan sampai 28 hari? Oleh kerana setahu saya, pada hari yang ke-21, kertas siasatan mesti disampaikan kepada pendakwa raya. Kedua, sejak lima tahun ini pernah kah ada mana-mana ahli politik ditahan atas SOSMA kalau dikatakan ia telah disalahgunakan? Terima kasih Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya adalah bagus Yang Berhormat Bagan Serai menimbulkan perkara itu. Adakah sesiapa ditahan selama 28 hari? Saya boleh beritahu dan saya rasa rakan-rakan peguam pun tahu, apa



yang berlaku adalah dan ini kes yang sebenarnya berlaku. Ditangkap di bawah SOSMA, peguam mendapati kes tidak ada *basis*, memfailkan permohonan *habeas corpus*, satu hari sebelum tarikh mahkamah, suspek dibebaskan daripada SOSMA, ditangkap pula di bawah POCA supaya mensia-siakan permohonan *habeas corpus* yang ditetapkan untuk pagi esok. Bukankah ini salah guna kuasa? Saya rasa penasihat undang-undang di belakang akan *confirm* benda ini berlaku, sering kali berlaku.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Padang Serai, saya tanya benda lain tadi. Saya tanya benda lain, dah lari itu. Saya tanya benda lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tanya benda lain, malah ada yang ditahan tujuh hari, selepas itu di bebas keluar.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Itu jawapan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya dah tegur tadi Yang Berhormat, jangan berdialog Yang Berhormat, sila.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Kedua, adakah ahli politik ditangkap di bawah undang-undang ini? Maria Chin adalah ahli NGO dan ramai ahli. PJ Utara disiasat di bawah seksyen 124B. Saya tahu juga bahawa ramai daripada MP ataupun Yang Berhormat di sebelah sini pernah ditangkap dan di reman kerana kononnya menganjurkan perhimpunan aman dan sebagainya. Akan tetapi juga semasa reman, alasan diberi seksyen 124B iaitu *deterimental to Parliamentary Democracy*. Jawapan kepada soalan kedua, ya. Kuala Terengganu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Padang Serai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak membawa perhatian kepada Yang Berhormat Padang Serai. Baru-baru ini ada kes di mana hakim telah melepaskan seorang ditahan di bawah SOSMA kerana bukti-bukti yang tidak cukup dan hakim telah menyatakan bahawasanya yang ditahan ini mesti dilepaskan.

#### ■2200

Akan tetapi dia sekali lagi ditahan di bawah POTA, daripada SOSMA ke POTA. Yang anehnya selepas hampir setahun bukti kononnya bukti yang dikatakan pada asalnya, 12 buah buku yang didapati masih belum diharamkan tetapi beliau masih ditahan di bawah tuduhan yang sama. Jadi apakah gunanya tempoh tambahan ini kalau tidak ada apa-apa bukti yang baru dibawa untuk ditahan semula. Sila pandangan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, kes itu semua kita tahu dan kes itu iaitu kes Siti Noor Aishah itu menunjukkan bahayanya undang-undang SOSMA di mana, sebelum ini juga telah disebut kes Khairuddin dan Matthias Chang, kes Maria Chin Abdullah dan juga ini adalah kes-kes yang terkemuka. Akan tetapi kita juga tahu ada banyak kes-kes orang

biasa yang ditangkap walaupun tidak ada bukti dan telah menjadi mangsa kepada undang-undang SOSMA ini.

Saya semasa mencadangkan ketetapan ini juga, Menteri juga menyatakan tadi ada *engagement* dengan SUHAKAM mengenai keadaan tahanan ataupun suspek yang ditahan di bawah undang-undang ini. Tapi saya rasa menteri juga tahu bahawa hari ini juga, Pengerusi SUHAKAM Tan Sri Razali, mengadu bahawa laporan SUHAKAM tidak pernah dibentangkan dan dibahaskan di dalam Dewan Rakyat ini. Ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak pernah menghormati atau memandang serius syor-syor dan *recommendation* SUHAKAM tetapi masa berdebat di Dewan setiap kali alasan yang sama diberi bahawa ada *engagement* dengan SUHAKAM dan sebagainya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Alor Setar bangun.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Dengan cepat, Yang Berhormat Padang Serai, belakang, Yang Berhormat Alor Setar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Berkenaan dengan isu SUHAKAM dan Majlis Peguam. Di antara syor-syor ataupun jaminan yang diberikan oleh Perdana Menteri apabila akta ini dibentangkan dalam Parlimen dalam tahun 2012, dinyatakan dalam *Hansard* bahawa, lindung jaminan, .....lima adalah apabila akta ini diberi kesan, beliau akan menubuhkan satu jawatankuasa *to oversee the running of this act*, yang akan terdiri daripada anggota-anggota Presiden Majlis Peguam dan juga SUHAKAM. Namun nampaknya bahawa jaminan ini tidak dilakukan dan ini merupakan satu *broken promise by Prime Minister and the government. What is your view?*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Another broken promise.* Tuan Yang di-Pertua biar saya mengakhiri dengan menyatakan bahawa kita sudah tahu bahawa undang-undang ini seksyen 4, 5 ini telah disalahgunakan. Buktinya banyak. Banyak Ahli Yang Berhormat, NGO dan sebagainya telah disiasat ataupun ditahan di bawah seksyen 124B atau dan sebagainya di bawah prosedur SOSMA, di bawah Seksyen 45 dan mengetahui perkara ini. *We know it has been abused*, dengan izin.

Bolehkah Dewan ini mengetahui perkara itu, meluluskan ketetapan pada malam ini. Saya minta supaya kita tolak ketetapan ini, dan jangan kita lupa bahawa apa-apa keputusan dan undi yang kita buat ini akan terpahat di dalam *Hansard* dan mereka yang mengundi untuk ketetapan ini telah melakukan sesuatu yang menjejaskan hak asasi rakyat di bawah bahagian kedua, Perlembagaan Persekutuan dan nama mereka akan ada dalam *Hansard* selama-lamanya. *We're okay.* Terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya nampak wakil daripada Parti PAS belum ada, saya jemput Yang Berhormat Pokok Sena. [*Dewan riuh*]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, saya sentiasa bersikap adil pada Yang Berhormat Pokok Sena.

#### 10.03 mlm.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Memang Tuan Yang di-Pertua seorang yang adil, beramanah dan demokratik dan sentiasa mahu bersatu dengan saya *insya-Allah [ketawa]*. Terima kasih, saya mungkin ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua sebab permohonan daripada pihak kerajaan ini kerana sudah sampai tempoh lima tahun untuk melanjutkan tempoh membolehkan pihak berkuasa menahan 28 hari bagi tujuan apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri.

Tapi persoalan saya ialah pertama sekali, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Alor Setar tadi dalam mencelah kepada Yang Berhormat Padang Serai iaitu pada 16 April 2012, Perdana Menteri sendiri memberikan jaminan ini untuk mewujudkan satu jawatankuasa secara pentadbiran untuk menyemak keseluruhan akta ini daripada semasa ke semasa dan jawatankuasa itu akan bertanggungjawab untuk meneliti pelaksanaan akta tersebut dan mengemukakan syor untuk penambahbaikan.

Termasuklah sub seksyen ini, jadi saya nak minta supaya Yang Berhormat Menteri supaya mengemukakan *report* kalau ada jawatankuasa itu ditubuhkan. Saya tidak tahu sama ada jawatankuasa itu ditubuhkan atau tidak. Tapi ini jaminan Perdana Menteri yang selalu dilaungkan oleh pihak kerajaan iaitu kerajaan ini kerajaan yang menepati janji, janji ditepati. Jadi saya percaya mungkin jawatankuasa itu telah pun ditubuhkan secara senyap-senyap tanpa pengetahuan pihak awam dan tanpa pengetahuan Parlimen ini. Saya nak tahu juga siapakah jawatankuasa tersebut dan apakah *report* yang telah pun disediakan, yang dibentangkan sebelum kita boleh meluluskan sama ada kita nak undi, nak lulus, nak tolak dan sebagainya. Jadi sepatutnya ada *report* untuk dipertimbangkan bagi tujuan perbincangan dan pertimbangan untuk membuat pengundian sama ada untuk meluluskan atau tidak.

Jadi saya minta pihak kerajaan mengemukakan sebelum daripada Tuan Yang di-Pertua membuat pengundian nanti, sebab ini barulah adil sebab ini janji Perdana Menteri. Janji Perdana Menteri dia kata mesti janji ditepati, mesti janji ditepati. Saya tidak tahulah apakah kali ini janji ini, tidak mahu ditepati tiba-tiba kita nak bawa satu yang sangat tidak demokratiklah bagi saya, tidak demokratik seolah-olahnya bagi saya macam saya sebut kepada Yang Berhormat Setiu tadi. Soal bukan kita nak kata bahawa polis tidak berhak untuk menyiasat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, saya nak dapat kepastian. Yang Berhormat Penampang rakam video daripada tadi ya Yang Berhormat Penampang. Saya ingin mendapat kepastian Yang Berhormat Penampang. Saya daripada perbincangan tadi saya perhatikan Yang Berhormat Penampang. Saya sedang berurusan dengan Yang Berhormat Penampang, yang Yang Berhormat Segambut jawab itu kenapa.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang penting terima kasih, *I'm okay*, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jangan macam itu Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apa tadi lagi... [*Dewan ketawa*] kacau daun. Janji ditepati, saya sebut pada Yang Berhormat Setiu tadi. Bukan soal saya nak mempersoalkan bahawa polis tidak ada hak untuk menyiasat, tetapi kenapa polis tidak boleh meminta kepada mahkamah. Biar mahkamah yang menentukan berapa jumlah hari yang diperlukan oleh pihak polis untuk menyiasat sebab polis sendiri sudah pun ada, sebelum ini kita tahu bahawa polis ada satu badan iaitu CTU (*Counter Terrorist Unit*) yang dikatakan cekap dan sebelum membuat tangkapan kepada suspek kita sudah tahu bahawa mereka sudah tahu apa *link* terhadap suspek itu.

Jadi saya percaya bahawa mereka nak tahan seseorang itu sudah tentu mereka sudah mempunyai maklumat yang cukup dan tidak memerlukan kepada pihak polis untuk nak mengambil satu tempoh masa yang panjang yang telah ditetapkan. Tidak boleh tidak, tidak lebih daripada 28 hari mesti ditetapkan. Jadi saya fikir adalah lebih baik biar mahkamah yang tentukan kecuali kalau kerajaan pada hari ini pun kerajaan yang tidak percaya kepada mahkamah.

Biar mahkamah yang menentukan tempoh berapa hari sebab bagi saya ini merupakan ruang untuk penyalahgunaan kuasa pihak polis dan kadang-kadang alasan-alasan yang diberi oleh pihak polis pun...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Alasan yang tidak masuk akal umpamanya. Sekejap,sekejap. Umpamanya macam kes debat antara bekas Perdana Menteri dengan Menteri Pelancongan. Polis kata ada *report* daripada penduduk setempat, itu kawasan kilang, penduduk *mai* mana. Sehingga dalam *press conference* semalam Menteri Pelancongan kata tahap intelektual polis ini dipersoalkan. Ini Menteri, Menteri Kabinet bukan saya kata tahap intelektual polis, bukan saya mempersoalkan tahap intelektual polis, ini Menteri Pelancongan, calon debat dengan bekas Perdana Menteri.

Calon debat dengan bekas Perdana Menteri, jadi Ketua Polis memberikan alasan yang tidak masuk akal, itu satu. Bagi saya bahawa, ini menunjukkan bahawa kadang-kadang polis memberikan alasan-alasan yang tidak boleh kita nak terima. Jadi sebab itu biarlah polis, pihak kerajaan, pihak penyiasat ini nak dapat tempoh berapa hari pun, biar mahkamah yang menentukan. Kalau mahkamah kata 28, 28 harilah, biar mahkamah, supaya orang yang ditahan itu, dia ada ruang untuk membela diri, memberikan dia memilih peguam untuk berhujah. Sama ada perlu ataupun tidak, 28 hari kah, berapa hari kah, perlu ataupun tidak untuk mahkamah memberikan satu tempoh yang munasabah untuk nak siasat.

#### ■2210

Saya tahu kadang-kadang saya pun pernah ditahan berkali-kali oleh pihak polis walaupun bukan dalam SOSMA. Kadang-kadang dia tahan itu kita duduk menung saja, dia tak *mai* siasat apa pun. Itu dalam keadaan dia dapat reman, kadang-kadang dia *mai* tanya merapu sahaja, tanya soal itu, kira hubungan kita dengan keluarga dengan bini dan sebagainya, ini apa benda cerita. Jadi tak masuk akal kadang-kadang. Jadi biar dia hendak buat, mana kita tahu dia

buat *report*, kadang-kadang *report* yang dibuat pun tak ada kena mengena dengan apa yang disoal siasat terhadap kita. Jadi sebab itu bagi saya bahawa ini satu yang tidak wajarlah untuk 28 hari ini bagi saya. Ya, Yang Berhormat Alor Star.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Terima kasih. Yang Berhormat Pokok Sena apabila Yang Berhormat Pokok Sena menyentuh atas salah guna kuasa polis saya cuma hendak kongsi bahawa pada 4 April, SUHAKAM sendiri telah pun mengeluarkan satu kenyataan meluahkan rasa bimbang bahawa kuasa polis telah pun disalahgunakan. Saya ingin mengkongsi satu kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang tahanan yang diberikan kepada SUARAM dan saya percaya telah pun diberi kepada SUHAKAM keadaan beliau dalam tahanan.

Di sini dituliskan ayat-ayat sendirinya orang-orang tahanan ini, "*Saya dipaksa supaya menanggalkan seluar dan baju dalam keadaan berbogel, saya dipaksa supaya merangkak-rangkak seperti anjing dan juga mengutip putih getah yang dibuang di atas lantai yang kotor dan menggunakan mulut. Muka saya... " a lot many things and including sexual*, perkara-perkara yang *sexual*. Apakah pandangan Yang Berhormat Pokok Sena mengenai salah gunakan?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebab itu saya hendak minta supaya jawatankuasa yang dijanjikan itu, *report* itu mesti dibuat. Jadi sekarang tidak ada *report*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar pun bangun, ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh? Sedikit sahaja, dua soalan. Pertama sekali adalah saya ingin menuntut penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang peratus perkauman yang terlibat, berapa peratus Melayu, India, Cina, Sabah dan Sarawak yang telah ditangkap melalui SOSMA ini, itu yang pertama. Kedua adalah *specifically* untuk tiga individu iaitu Dato' Seri Khairudin, Matthias Chang dan Maria Chin, apakah yang mengakibatkan SOSMA digunakan terhadap ketiga-tiga individu ini? Apakah justifikasi dan rasional SOSMA digunakan kepada tiga individu ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebahagian daripada ucapan saya, saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Akan tetapi soal apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alor Setar tadi itu, itu satu yang sangat jelas bagaimana sepatutnya kerajaan telah menyediakan satu *report*, jawatankuasa itu telah pun membuat satu siasatan, semakan terhadap proses perjalanan kepada peruntukan subseksyen ini untuk dibentangkan di Parlimen ini untuk membolehkan kita membuat satu pertimbangan yang wajar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh, sikit ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu. Sila-sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bila pandangan Yang Berhormat Pokok Sena, bila kerajaan buat satu undang-undang, kalau undang-undang itu boleh dipakai sepanjang masa sudah tentu tak perlu buat *sunset clause*. Kalau kerajaan tubuh sesuatu undang-undang dengan *sunset clause* bermaksudnya ada sesuatu syarat yang dia harus dipanjangkan. Bolehkah kita mendapat pandangan daripada Menteri, apakah syarat itu yang memerlukan kita memanjang perkara ini dan bila ia patut dihentikan?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, terima kasih. Sebahagian daripada ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebab itu saya menentang dan menolak keras hasrat kerajaan untuk melanjutkan lagi tempoh 28 hari ini selama lima tahun. Saya menentang sekeras-kerasnya terhadap cadangan kerajaan ini. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, duduk sebentar Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat Menteri meneruskan untuk menjawab, saya menjemput Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1) ya, sila Yang Berhormat Muar.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**10.15 mlm.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa mengirakan usul yang terdahulu, mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul Menteri Dalam Negeri nombor tiga dan usul-usul Menteri Kewangan nombor 4, 5, 6 dan 7 dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 5 April 2017.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Adakah ini cara untuk mengendalikan Dewan ini? *[Dewan riuh]* Apa-apa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebab / *know* kita kena...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kenapa yang uruskan Parlimen tak boleh fikirkan isu ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya rasa ini bukan isu peraturannya. Ini *common sense* sekarang, ya. Macam mana kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Subang, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 12(1) ini Yang Berhormat, kita sepatutnya asal 10.30 malam, usul pertama kita pagi tadi. Jadi kita hendak selesaikan sehingga selesai usul Menteri Dalam Negeri, jadi kita ada peluang untuk mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, kita ada peluang untuk mencelah. Jadi kalau saya bagi peluang 15 minit sahaja Yang Berhormat dan kita putus—Yang Berhormat Batu, sila duduk.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita tak ada masalah cuma...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Usul-usul Menteri Kewangan, perkara yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sudah sebut Yang Berhormat awal tadi, siapa tak ikut Peraturan Mesyuarat 42 saya akan kenakan. Sila Yang Berhormat Batu duduk. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 10.18 mlm.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas tambahan masa yang diberikan kepada saya tadi. Pertama sekali lanjutan tempoh masa lima tahun ini adalah untuk kepentingan keselamatan negara, saya ulang sekali lagi perkara ini ya. Okey kedua, usaha pihak polis untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman negara tidak pernah nampaknya dihargai oleh pembangkang. Pada malam ini saya dengar polis seksa orang, polis siasat tak betul, polis dera orang dan sebagainya, tak adapun saya dengar bagaimana pihak polis telah membuat tindakan yang telah menjamin keselamatan negara sampai hari ini, tak macam di negara lain. Eh, duduklah dulu. Baru pembukaan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [*Bangun*]

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Duduk dulu, saya tak pernah dengar daripada tadi setiap hujah daripada pembangkang saya tak pernah dengar satu pun terima kasih kepada pihak polis. Akan tetapi minggu lepas bila saya sebut fasal keberhutangan tinggi di kalangan pihak polis banyak pula pembangkang membela. Akan tetapi inilah dia hipokrasi yang dibuat oleh pembangkang... [*Tepuk*] terutamanya dalam mempolitikkan isu yang saya rasa sebegitu penting seperti menjaga keselamatan negara yang ada pada hari ini, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tak bagi peluang, tak bagi peluang. *[Dewan riuh]*  
Selepas ini...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Buat tuduhan-tuduhan liar terhadap kita, tak jawab!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Hey bodoh! Hey sudahlah! Celakalah!  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** 10 hari, 10 hari.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sudahlah. Ini semua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Saya sudah bagi amaran. Saya sudah bagi amaran. Kalau Yang Berhormat hendak cabar saya boleh Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat Menteri hendak bagi peluang?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tak bagi peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tak bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tak bagi Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri membuat tuduhan yang tidak berasas. Kita membahar usul dan undang-undang SOSMA. *[Dewan riuh]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *This is my floor, you sit down.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini bukan usul hendak ucapkan terima kasih kepada polis ataupun sebaliknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini soal proses prosedur perundangan yang kita sedang bahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan kita tak berterima kasih kepada polis.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya tak bagi laluan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan kita tak anggap keselamatan negara tak penting. Ini pertuduhan yang tidak berasas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.



## ■2220

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada ucapan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor tadi yang telah memperjelaskan secara terperinci bahawa Akta SOSMA ini adalah akta *procedural* yang melengkapkan kepada akta-akta yang telah disebutkan oleh beliau tadi, Akta Kanun Keseksaan dan sebagainya yang bukan sahaja berkenaan dengan keganasan, bukan sahaja berkenaan dengan *terrorisme* tetapi juga berkenaan dengan jenayah terancang. Kenapa SOSMA digunakan kepada jenayah-jenayah seperti ini adalah kerana normal, kalau *terrorisme*, dia terancang. Dia bukan melibatkan satu orang, dia melibatkan 10 orang, 20 orang, 30 orang, 100 orang. Jenayah terancang sama juga kalau pihak polis hendak menggunakan kuasa siasatan di bawah Kanun Keseksaan yang ada ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam duduk dulu, Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Di bawah akta-akta yang ada mereka tidak akan dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik kerana jenayah dan juga *terrorisme* terancang ya memberikan kesulitan kepada mereka. Jadi soalnya sekarang ini ya ada banyak perkara – prosedur yang telah diletak dalam Akta SOSMA ini ya seperti tangkapan 24 jam, lepas 24 jam kalau tidak cukup *Commissioner* Polis boleh minta 28 hari ya. Lepas itu dalam masa tujuh hari sudah mesti bantangkan kepada DPP untuk dapat keputusan sama ada boleh terus atau tidak tahanan tersebut. Kalau DPP kata tidak terus, mereka dilepaskan.

Kedua, hak untuk berjumpa dengan *lawyer*, dengan keluarga diberikan oleh pihak polis ya. 48 jam ditahan, lepas itu pihak polis akan memberikan peluang kepada yang dituduh untuk mendapatkan khidmat daripada Biro Guaman ataupun daripada *lawyer* mereka pilih sendiri. Jadi soal prosedur tidak diikuti oleh pihak polis itu satu dakwaan yang sama sekali tidak benar ya. Satu lagi perkara kesulitan yang dihadapi oleh pihak kerana jenayah ataupun *terrorisme* terancang ini kerana ia melibatkan saksi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Dan saksi – bagi saya habis dulu. Saksi adalah merupakan saksi yang bukan boleh dibawa kepada mahkamah terbuka ya kerana nyawa mereka boleh terancam dan sebagainya. Soal pengecaman saksi juga menjadi masalah sebab itu – kerana masalah mahkamah ini sendiri, saksi tidak boleh dibawa ke mahkamah, penglibatan mereka terpaksa dirahsiakan, ia juga memberikan masalah kepada pihak polis. Jadi sebab itu tiap-tiap kali penyiasatan di bawah SOSMA ini ia dipertimbangkan dengan teliti kerana polis ada mengesyaki, ada bukti tetapi bukti itu tidak cukup untuk bawa ke mahkamah. Jadi mereka menggunakan peruntukan di bawah SOSMA ini merupakan prosedur kepada undang-undang yang sedia ada untuk mencari bukti untuk melengkapkan kes mereka supaya dibawa oleh

mahkamah dan mahkamah menentukan bahawa dituduh itu merupakan orang yang betul-betul bersalah atau tidak.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** [Bangun]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi prosedurnya ada. Tadi saya dengar perbahasan daripada pihak pembangkang tadi bukannya cerita fasal orang yang kena tuduh yang ramai yang telah melalui SOSMA ini. Cerita fasal tiga atau empat orang individu sahaja dan tidak menceritakan mengenai proses dan tidak menceritakan mengenai nasib orang yang lain. Ini saya rasa perkara ini tidak boleh diremeh-temehkan kepada kes tiga empat orang yang saya sebutkan tadi ya.

Jadi di sini saya hendak sebut sekarang sebelum saya pergi kepada jawapan spesifik yang dibawa. Yang Berhormat Puchong tolong duduk, saya belum habis lagi. Lepas ini saya akan bagi peluang. Daripada waktu SOSMA mula diasaskan 2012 yang lepas, ini kali pertama kita akan minta untuk lanjutan lima tahun ini dan lanjutan tahun ini pun – untuk makluman Yang Berhormat, adalah merupakan satu perkara yang baik. Maknanya kerajaan tidak zalim. Kita menyerahkan klausa tahanan 28 hari ini kepada Parlimen untuk buat keputusan. Kalau kita hendak terus tahan kita tidak perlu ada *sunset clause* ini. Tidak perlu ada tetapi kerana kita hendak adil kepada orang yang kena tahan kita bawa kepada Parlimen untuk dibahaskan dan diundi. Bagus juga, tiap-tiap lima tahun kita dapat penjelasan. Kita dapat ilmu yang baharu. Kita dapat maklumat yang baharu sama ada SOSMA ini efektif atau tidak, sama ada SOSMA ini disalah guna atau tidak, sama ada SOSMA ini berjaya atau tidak untuk membantu keselamatan negara. Yang pentingnya prosedur yang ditentukan oleh pihak polis – boleh digunakan oleh pihak polis itu adalah merupakan prosedur yang ditetapkan di bawah SOSMA.

Jadi saya hendak maklumkan di sini bahawa jumlah tangkapan di bawah SOSMA sejak tahun ....

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Menteri atas isu prosedur Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Bagi saya habis dulu lah.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Bagilah peluang.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jumlah tangkapan yang dibuat ya... -- Tak tak tak. Bagi saya habis dulu. Daripada tahun 2012 sampai 2017 adalah jumlah tangkapan 989 orang. Jumlah yang dibebaskan 336 orang. Maknanya tuduhan bahawa ditangkap tidak adil, tidak ada bukti, tidak cukup bukti dan juga lepas itu ditahan lama ini tidak timbul fasal ada 336 orang yang dibebaskan. Selepas itu masih lagi dalam perbicaraan ada 139 orang dan jatuh hukum 502 orang. *502 over 989, 50 percent strike leg.* Maknanya adakah itu merupakan satu kegagalan daripada pihak polis? Tidak. Dalam menghadapi cabaran yang ada sekarang ini. Jadi untuk saya tidak timbul soal ketidakadilan tersebut.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, Pokok Sena.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak bagi saya habis dulu. Hendak jawab Yang Berhormat Puchong dulu ni.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Baik terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey. Mengenai dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Puchong bahawa SOSMA digunakan secara besar-besaran untuk pegawai imigresen ada yang ditahan di bawah SOSMA dan POCA dan adakah perkara ini benar? Saya hendak maklumkan di sini bahawa pegawai imigresen telah ditangkap pada tahun 2016 di bawah SOSMA kerana memberi laluan mudah kepada orang asing untuk masuk ke Malaysia. Melibatkan keselamatan negarakan? Dan juga yang mana kesalahan tersebut merupakan kesalahan di bawah Jadual Pertama SOSMA iaitu kesalahan di bawah ATIPSOM. Bukan sahaja untuk kegiatan pengganas, bukan hendak tangkap orang politik, ini tangkap penyeludup manusia. Ada juga di antara pegawai imigresen tersebut yang telah didakwa di mahkamah di atas kesalahan ATIPSOM yang terjadual dalam Jadual Pertama SOSMA. Ada juga pegawai imigresen yang telah dikenakan perintah pengawasan, perintah tahanan di bawah POCA. Pokoknya mereka buat salah yang mengganggu gugat keselamatan negara. Salahkah polis buat begitu?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Prosedurnya salah.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya sudah terangkan tadi tidak salah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita cakap fasal prosedur ini mesti jaga hak asasi manusia semua.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Don't justify the end. Don't justify the means just like* – asalkan dapat capai matlamat. Apa salahnya kita guna undang-undang...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *[Ketawa]* Wah, Tuan Yang di-Pertua mempunyai x-ray eyes lah. Yang Berhormat Shah Alam takut duduk terus. *[Ketawa]*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, fasal dia suka tanya soalan. Salahkah? Dia selalu tanya. Jadi saya kenalah jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri duduk sekejap.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri duduk sekejap.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tahu tugas kita masing-masing. Kita boleh berbahas, kita boleh *passionate* dengan hal-hal yang rasa dekat di hati kita. Akan tetapi jangan lupa kepada Peraturan Mesyuarat. Itu sahaja. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong ialah, apakah perbezaan kes bunuh dan senjata api dan juga dengan apa kaitan dengan kes keselamatan? Kenapa tahanan digunakan bukan ikut bawah Penal Code 14 hari tetapi digunakan SOSMA 28 hari? Okey. Jawapannya SOSMA merupakan satu undang-undang prosedur yang spesifik, spesifik ya – yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan keselamatan seperti mana yang di dalam Jadual Pertama SOSMA.

Kes bunuh di dalam peruntukan Kanun Keseksaan dan bukan dalam SOSMA. Oleh itu, suspek yang ditangkap dan ditahan di bawah SOSMA selama 28 hari berdasarkan kepada subseksyen 4(5) SOSMA dan bukannya 14 hari seperti peruntukan di bawah Kanun Tatacara Jenayah kerana undang-undang SOSMA ini merupakan undang-undang yang spesifik. Undang-undang spesifik mengatasi undang-undang yang *general*. Seterusnya saya pergi kepada jawapan Yang Berhormat Parit Buntar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya minta pencilahan?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okeylah kerana saya sudah jawab Yang Berhormat Puchong, saya bagilah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dengar apa yang disebut Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri katakan kita ada wujudkan satu *sunset clause* di dalam peruntukan ini yang memerlukan supaya Dewan mengkaji semula pemakaiannya setiap lima tahun. Bukankah tujuan *sunset clause* ini adalah untuk sekiranya ada penyalahgunaan peruntukan ini supaya peruntukan ini tidak dilanjutkan. Kenapa ada satu *sunset clause* di mana kita kerap kali datang ke Dewan, kita menunjukkan ada penyalahgunaan dia tetapi ia terus dilanjutkan. *So, what is the purpose of having the sunset clause if you are going to carry on extending it to be abuse*, itu satu.

Kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri sering kali *procedure*. Saya setuju di bawah Akta SOSMA ini *procedure* tetapi peruntukan untuk seksyen 4 ini bukan *procedure* sahaja. Ia *procedure* untuk tahanan. Ia melibatkan tahanan. Dua perkara yang saya rasa pelik di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa tidak pernah dengar berkenaan dengan deraan dan sebagainya dan ini adalah perkara yang dibangkitkan oleh kami dalam pembangkang begitu sahaja. Bukankah tidak minggu lalu, Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri menjawab soalan di dalam Dewan ini mengatakan bahawa ada orang yang mati dalam tahanan.

Itu menunjukkan bahawa bukan sahaja ada penderaan tetapi sehingga ada kecederaan yang membawa kematian. *So, bagaimana Timbalan Menteri boleh mengatakan di Dewan ini bahawa I have no knowledge at all of any force or torture in the lokap*. Lokap adalah tempat di mana mereka ini ditahan. Jadi persoalan itu pada saya tidak betul. *By your own account Mr. Minister, they are not just deraan there are death. In addition to that* Yang Berhormat Alor Setar ada membaca satu surat *and I am aware that this letter is within the knowledge of the Home Ministry* di mana dibuat aduan berkenaan dengan cara mana seseorang itu mengadu.

*So, this is the reason why* Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju kita perlu ada undang-undang tegas tetapi persoalan yang saya bangkitkan Timbalan Menteri adalah ini dan perbezaan yang saya katakan tadi di antara kes *Penal Code. Penal Code remand 14 days* di bawah seksyen 117. Akan tetapi di situ kita ada hak untuk dibawa ke hadapan majistret. Ada peguam tidak cukup, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Peguam itu perlu ada forum di mana beliau dibawa ke hadapan majistret dan kalau dibuat satu aduan itu, majistret kena ada kuasa untuk buat perintah. *So, this are all thing that are not existed in this particular law. So, this is the*

*reason why* Timbalan Menteri, *when we say that this particular discussion is open to abuse, this are the fact that we rely on.*

Ini bukan sahaja setakat kita tidak hormat polis dan sebagainya, *no. But you have to understand that complains comes as to how is they behave as well.* Soal dia adalah kenapa orang-orang ini tidak dibekalkan dengan satu forum di mana mereka boleh buat aduan. *Lastly,* tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata saksi-saksi tidak boleh dibawa di hadapan mahkamah dan sebagainya. *I think that is where* Yang Berhormat Timbalan Menteri *is a bit confused.* Saya tidak rujuk kepada saksi, saya rujuk kepada suspek. Suspek yang ditahan untuk 28 hari, bukan saksi. *So, this are the reason why can't we have* satu sistem di mana ada *check and balance,* itu yang saya bangkitkan untuk pertimbangan dan jawapan Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, berkaitan dengan Yang Berhormat Puchong, *connected. If I can just sambung.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Too be fair to...*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** *Then you...*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *I reply to him, so I answer him first.*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you can answer both because its connected on one same issue.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *No, no, selepas ini. [Dewan riuh]* Pertama sekali Yang Berhormat Puchong, *sunset clause is there* dengan izin, sudah bercakap orang putih. *[Ketawa]* *Sunset clause* tersebut sebenarnya menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk mengadakan *check and balance* dalam melaksanakan undang-undang ini. Kalau kita tidak hendak ada *check and balance,* kita tidak payah, undang-undang itu kita sudah bentangkan pada tahun 2012 itu tanpa ada apa-apa *sunset clause,* itu isu yang pertama.

Kedua, kita juga ada *check and balance,* saya sebut tadi dalam ucapan saya awal tadi *check and balance* ini kita ada. *Check and balance* dari segi SUHAKAM sendiri yang memerhati dan membuat laporan yang bukan positif kepada KDN, bukan sahaja positif kepada SOSMA. Jadi *there is feedback from the detainees, there is a feedback from the legal profession.* Jadi maknanya ada saluran untuk memberikan *feedback* tersebut. Dalam mahkamah pun apabila polis telah – duduk dahulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat, *just on SUHAKAM, they don't appear there. That is no check and balance by SUHAKAM.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *No, no.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Orang yang meninggal dan sebagainya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *They have to report by their state, our performance. It is that.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya lah, *but they are not there...*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *No, no...*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Complain of the...*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *There is ombudsman, that is why they are there. SUHAKAM as an ombudsman to...*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *...Not to all the cases. [Dewan riuh] They do not see the individual detainees.*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *...And I think you also know that. So, how come, macam mana ia boleh digunakan sebagai...*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang itu saya hendak betulkan sedikit. Tuan Yang di-Pertua, SUHAKAM telah melawat – saya sudah sebut awal tadi, melawat penjara, melawat lokap polis dan melawat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apabila mereka pergi ke sana takkan polis semua dalam keadaan membuat penderaan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Saya hendak maklumkan tiga... *[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...SUHAKAM datang, dia ini ada teh, ada kuih. Datang jumpa. *[Dewan riuh] Come on Minister. [Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Yang Berhormat jangan memperkecilkan peranan SUHAKAM.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tidak memperkecilkan, *please don't say that.* Saya tidak memperkecilkan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** ...Tadi *you* memperkecilkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ... Saya tidak memperkecilkan. Saya katakan ia keadaan yang berbeza.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau kita hendak bercakap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, *can you stop this?* Kalau seorang berhujah, seorang mesti dengar. Selepas didengar, kalau hujah bahas balik tidak apa tetapi minta dulu hukum daripada Speaker. Sila teruskan Timbalan Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belum lagi duduk dahulu. Perkara kedua yang saya hendak sebut tadi, Yang Berhormat memutarbelitkan kenyataan saya. Dengar balik ucapan saya awal tadi. Saya tidak kata saya tidak tahu ada kematian dalam tahanan dan sebagainya dan kenyataan saya minggu lepas pun adalah kenyataan fakta. Bukan kita sembunyikan fakta, tidak. Kalau kita hendak sembunyikan fakta tahanan dalam penjara, kita tidak laporkan langsung dalam Parlimen ini tetapi kita laporkan.

Cuma saya hendak betulkan sedikit. Tahanan yang mati dan sebagainya yang disebut oleh Yang Berhormat tadi adalah bukan tahanan SOSMA setakat ini. *[Tepuk]* Setakat ini tidak ada satu orang pun yang ditahan di bawah SOSMA yang telah mati. Itu kenyataan saya yang saya buat dalam Dewan ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu bukan apa yang saya sebut. Apa yang saya sebut adalah fakta... [*Dewan riuh*] bahawa orang yang ditahan untuk siasatan itu dikenakan penderaan semasa dalam siasatan. [*Dewan riuh*] Ini adalah fakta yang memang diketahui.

[*Tuan Yang di-Pertua mengetuk tukul*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, *can you move on to a different point?*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. So, Yang Berhormat Puchong...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak dengar lagi apa saya cakap, saya akan jemput Menteri untuk duduk selepas itu *I call for vote*.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okey, saya ingin menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Soalannya adakah orang politik ditahan di bawah SOSMA? Jawapannya sehingga kini tiada seorang pun di kalangan ahli politik yang ditahan di bawah SOSMA. [*Dewan riuh*] Tidak, soalnya ahli politik maknanya ahli aktif kepada parti. Ada tak kerajaan tangkap Yang Berhormat dalam...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** [*Bangun*]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Khairuddin, Matthias Chang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Khairuddin bukan orang politik?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Matthias Chang bukan *politician*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Timbalan presiden.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Maria Chin bukan *politician*. [*Dewan riuh*]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Parti baru.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Jadi sekarang ini Yang Berhormat kata Maria Chin *politician* ya? Dia parti mana? [*Dewan riuh*]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dia parti UMNO. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *If you respect Puan Maria. You...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Puan Maria Chin ditahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dulu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekali lagi saya ingatkan kalau ada berlaku seperti begitu saya akan kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Tidak payahlah dengar kepada Menteri kerana pada akhirnya juga walaupun Menteri menjawab akan juga saya panggil supaya perkara ini diputuskan dan sudah saya agak bahawa ada belah bahagian.

#### ■2240

Jadi buat apa mahu habiskan masa untuk dengar kepada penjelasan Yang Berhormat Menteri yang tidak juga didengar? *I don't see the point. Because at the end of the day, this will be a decision. So* kalau ada lagi seperti begitu, saya akan kemukakan masalah. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi jawapan saya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sabarlah. Belum lagi kita jawab, dia sudah angkat tangan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sudah, sudah. Saya tidak benarkan. Saya tidak benarkan.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sehingga kini, tiada seorang di kalangan ahli politik yang ditahan di bawah SOSMA. Ini saya ulang sekali lagi, ya. Melainkan kalau ada maklumat yang lain. Berapakah orang yang ditahan di bawah SOSMA setakat ini— saya sudah sebut tadi. Awal tadi, ya.

Okey, saya hendak ulas sedikit fasal Puan Maria Chin. Ini fakta. Kes tersebut masih lagi berjalan, tidak habis. Kes tersebut akan dibawa ke mahkamah dalam masa seminggu, dua lagi. Belum habis. Dia cuma dilepaskan daripada tahanan. Selepas berapa hari? 10 hari. Okey? Bukan 28 hari. 28 hari itu hanyalah— duduklah. 28 hari itu hanyalah merupakan tempoh maksimum yang polis dibenarkan untuk menahan seseorang tetapi kebanyakan kes kalau tidak diperlukan 28 hari, dia dilepaskan. Puan Maria Chin dilepaskan selepas 10 hari. Itu satu. Itu fakta.

Kedua, SUHAKAM dibenarkan untuk melawat beliau selepas tiga hari. Masuk dalam tempat beliau ditahan. *Check* beliau ada atau tidak bantuan kesihatan, ada atau tidak guaman dan sebagainya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, minta jalan. Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Okeylah, tak mengapalah, fasal Ketua Menteri Pulau Pinang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jalan tetapi saya tidak boleh terima apabila disebutkan bahawa SOSMA boleh digunakan ke atas Puan Maria Chin. Kita kena ingat bahawa Yang Berhormat daripada Rompin pernah menyatakan bahawa SOSMA tidak akan digunakan ke atas Bersih. Ini saya rasa adalah satu pengkhianatan. Lebih-lebih lagi apabila Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan bahawa SOSMA tidak akan digunakan ke atas ahli politik. Kalau Datuk Seri Khairudin bukanlah seorang ahli politik, saya pun tidak faham apakah maksud seorang ahli politik.

Saya harap yang penting di sini adalah SOSMA memberikan kuasa yang besar di mana adalah perlu bahawa ia dilaksanakan untuk membela dan melindungi rakyat, bukanlah untuk disalahgunakan. Seperti yang selalu disebut, *with great power— and SOSMA gives a great power. With great power comes great responsibility.*

Dengan ini, saya tidak lihat ia dijalankan dengan penuh tanggungjawab tetapi sebaliknya telah disalahgunakan. Oleh itu, saya harap jangan dilanjutkan lima tahun lagi. Ini tidak ada kaitan



dengan polis. Ini adalah berkaitan dengan SOSMA yang telah disenjatakan untuk mengukuhkan kedudukan Barisan Nasional. *So please, do not weaponized SOSMA to cover up 1MDB scandal to ensure that you continue to gain power. [Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *To cover up the bungalow. To cover up the bungalow matter or 1MDB? Banglo itu dulu, banglo. Banglo itu dulu cakap. Don't point finger to somebody else.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa kena-mengena ini, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Mengetuk tukul]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *So, itulah yang kita semua harapkan bahawa selagi SOSMA digunakan ke atas aktivis Bersih, selagi SOSMA digunakan ke atas ahli-ahli politik tetapi tidak digunakan ke atas mereka yang benar-benar mengancam keselamatan dengan menggunakan senjata, saya rasa itu sesuatu pengkhianatan kepada rakyat. Sekian, terima kasih.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, boleh saya sambung sedikit?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Tidak. Biar saya jawab. Yang Berhormat Bagan, kenyataan Yang Berhormat Bagan yang mengatakan SOSMA digunakan kepada Bersih, itu sama sekali tidak benar. Yang Berhormat tahu. Akta SOSMA ini tidak boleh digunakan untuk meleraikan demonstrasi Bersih. Itu akta lain. Akan tetapi, Puan Maria Chin ditahan atas kesalahan lain yang tidak berkenaan dengan Bersih. Itu fakta yang saya hendak jelaskan di sini.

Jadi...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa alasan itu? Boleh terangkan? Apa alasan itu? Dia ditangkap dari pejabat Bersih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Sudah dilaporkan bahawa beliau ditahan disyaki melakukan kesalahan menjalankan aktiviti yang memudaratkan demokrasi berparlimen, seksyen 124B Kanun Keseksaan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa maksud itu? *What are the special case?*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *I cannot go beyond that.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *That is preliminary sentence*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *It is still active. You know that. You are a lawyer. This case is still active. I cannot elaborate more on Maria Chin except that. Let's the court decide.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dia ditangkap daripada pejabat Bersih. Semua orang tahu. Dunia tahu itu.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** *Mana you tahu daripada Bersih? Salah. You kata SOSMA... [Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Mengetuk tukul]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Siapa peserta Bersih yang ditangkap di bawah SOSMA?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, sila duduk.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Siapa lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan... *[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain senyap. Saya sudah beritahu kepada Yang Berhormat, kalau ada perkara begitu berulang, saya akan kemukakan kepada Majlis dan sekarang saya kemukakan kepada Majlis. Diam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 3 hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Minta belah bahagian.

*[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagi]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, kita jalankan belah bahagi. Sila bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan]*

■2250

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Berikut adalah keputusan belah bahagian yang telah kita kendalikan sebentar tadi. Yang tidak bersetuju dengan usul seramai 77 orang dan yang bersetuju kepada usul seramai 93 orang.

*[Usul disetujui]*

### USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

#### **AKTA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA 1960**

**10.59 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Seksyen 5, Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960 (Akta 431), Dewan ini mengambil ketetapan bahawa sumbangan Malaysia sebanyak USD27 juta kepada Program Penambahan Dana Ke-18 Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA) diluluskan”.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapatkan kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia membuat sumbangan berjumlah USD27 juta kepada Program Penambahan Dana Ke-18 (IDA) bagi Julai 2017 hingga Jun 2020.

■2300

IDA adalah sebuah institusi pinjaman di bawah kumpulan Bank Dunia yang ditubuhkan pada tahun 1960 untuk membantu negara-negara ahli yang miskin dengan memberi geran dan pinjaman jangka panjang berasaskan syarat-syarat yang longgar tanpa faedah atau dengan

faedah yang rendah. Sumber kewangan IDA ialah melalui caruman tambahan modal pindahan sebahagian pendapatan *International Bank for Reconstruction and Development* (IBRD), pendapatan bersih IDA dan sumbangan khas yang dibuat oleh negara-negara penderma. IDA dianggotai oleh 173 negara ahli yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu bahagian satu meliputi negara-negara maju dan bahagian dua meliputi negara-negara membangun dan kurang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, struktur sumbangan IDA terbahagi kepada dua iaitu sumbangan asas dan sumbangan sebagai penderma. Malaysia telah komited memberi sumbangan asas iaitu langganan kepada IDA pada setiap pusingan penambahan dana sejak tahun 1960. Sumbangan ini bertujuan mengekalkan status negara ahli dan peratusan kuasa mengundi di dalam IDA. Peratusan kuasa mengundi Malaysia di dalam IDA sehingga 31 Disember 2016 ialah 0.36 peratus. Sementara itu, bagi sumbangan sebagai penderma pada Program Penambahan Dana IDA kali ke-17, Julai 2014 sehingga Jun 2017, Malaysia telah melangkah ke dimensi baru di arena antarabangsa dengan menjadikan negara penderma IDA buat julung kalinya dengan sumbangan sebanyak USD27 juta.

Selaras dengan hasrat agar Malaysia terus memberi sumbangan kepada IDA bagi Program Penambahan Dana IDA yang berikutnya, Malaysia dicadangkan untuk menyertai Program Penambahan Dana ke-18 IDA sebagai negara penderma dengan sumbangan berjumlah USD27 juta. Jumlah ini adalah sama dengan sumbangan pada Program Penambahan Dana IDA kali ke-17. Pembayaran dana bagi sumbangan dana kali ke-18 IDA ini akan dilakukan secara ansuran selama sembilan tahun bertujuan meminimumkan aliran tunai ke luar negara.

Keputusan Malaysia untuk terus menjadi negara penderma IDA adalah bersesuaian dengan status negara sebagai sebuah negara berpendapatan sederhana tinggi dan bertepatan dengan pendirian negara yang sentiasa menyokong pembangunan di negara membangun dan kurang membangun. Langkah yang diambil ini akan membolehkan Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam membentuk tadbir urus global dan seterusnya dapat mewakili kepentingan negara-negara miskin dan mudah terjejas terutamanya di rantau ini. Negara ASEAN yang lain yang turut menjadi negara penderma IDA ke-18 ialah Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, Program Penambahan Dana ke-18 IDA adalah bertemakan, dengan izin, "*Towards 2030 Investing in Growth Resilient and Opportunity*". Selaras dengan tema tersebut, Program Penambahan Dana ini adalah usaha penting bagi memastikan program-program pembangunan yang direncanakan oleh pihak IDA dapat dilaksanakan secara berterusan bagi membantu negara-negara berpendapatan rendah di seluruh dunia demi mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang. Dana yang terkumpul hasil daripada program ini antaranya akan digunakan bagi membantu negara yang mudah terjejas dan negara yang mengalami konflik ke arah pemulihan kestabilan ekonomi dan politik, peningkatan keselamatan serta penambahbaikan kualiti persekitaran.

Selain itu, dana ini akan turut digunakan bagi membantu negara penerima IDA yang memerlukan untuk meningkatkan kecekapan tadbir urus ke arah mengurangkan kemiskinan dan mencapai kemakmuran yang dapat dikongsi bersama. Penglibatan Malaysia sebagai negara

penderma pada Program Penambahan Dana ke-18 IDA dilihat bersesuaian dengan keadaan semasa persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dan telah banyak menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan terutamanya di negara-negara miskin dan mudah terjejas. Tindakan ini juga adalah sejajar dengan objektif pembangunan negara dan semangat bekerjasama antarabangsa dalam membantu antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini disyorkan supaya Malaysia menyumbang sebanyak USD27 juta kepada Program Penambahan Dana ke-18 IDA. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atau masalah yang dibentangkan tadi sekarang ini terbuka untuk di bahas. Sila.

#### 11.05 mlm.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ucapan atau perbahasan saya ialah - pendeklah sebab *motion* ini pun pendek. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, bilakah sumbangan wang akan dilakukan untuk USD27 *million* ini? Saya faham bahawa IDA ini adalah cabang ataupun *division* World Bank. Saya juga faham wang ini akan dipinjam kepada negara-negara yang miskin.

Soalan saya ialah apabila kita pinjam kita dapat balik *interest* sedikit, kemungkinan *zero percent*, kemungkinan empat peratus. Saya hendak tahu sama ada pernahkah IDA ini membayar balik pulangan kepada kita daripada sumbangan USD27 juta ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat sebenarnya bukan pinjaman kita bagi derma. Kita sumbang lima tahun UDS27 juta ini dalam tempoh daripada tahun 2015 sampai 2023. Jadi kita sebagai negara penderma yang diberikan kepada IBRD, IDA ini untuk diagih-agihkan untuk pentadbir ataupun *director* pengurusan ini kepada negara-negara yang membangun, negara-negara miskin, negara-negara yang terjejas dan sebagainya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maknanya kita sudah berilah sejak 2015, betul? Akan tetapi kenapa tahun 2017 datang minta ketetapan ini?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Mula daripada Julai 2017 sampai tahun 2023.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ini bukan 2015 seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bukan cara begini Yang Berhormat. Berbahas bukan berdialog. Kalau Yang Berhormat belum siap lagi untuk bahas, habiskan hujah itu. Kalau tiada lagi Ahli Yang Berhormat yang berbahas saya panggil Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab selepas itu saya kemukakan masalah. Jangan soal satu, Yang Berhormat Timbalan Menteri berdiri jawab satu, soal satu lagi. Sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak mendapat penjelasan sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi untuk USD27 juta ini dia *start* daripada 2015 dia kata macam itu sampai ke tahun 2023. Sekarang ini tahun 2017 kenapa datang pada hari ini dua tahun lepas permulaan sumbangan ini. Itu soalan saya. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kelana Jaya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mahu berbahas?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat Shah Alam. Baru Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab nanti itu selepas semua berbahas. Sila, Yang Berhormat Shah Alam.

**11.08 mlm.**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik ,terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sumbangan ini merupakan sumbangan tempoh lima tahun bermula daripada Julai 2017 dan yang saya ingin tahu ialah adakah ini kali yang pertama yang kita membuat sumbangan yang seperti ini dan sekiranya ada yang kita membuat sebelum ini berapakah jumlah yang disumbangkan sebelum ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang mana untuk bahas, sila.

**11.09 mlm.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya mahu tanya selain daripada sumbangan kewangan, adakah apa-apa idea kerajaan untuk membuat macam *piece core*. Kita ada ramai doktor dan jururawat yang tidak ada jawatan di sini. Adakah apa-apa idea untuk bantu negara-negara yang miskin di Afrika, umpamanya. Bukan sahaja dengan sumbangan kewangan tetapi dengan program kita hantar profesional ke sana. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi? Kalau tidak ada saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawab. Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■2310

**11.10 mlm.**

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk jawapan yang pertama bagi Yang Berhormat Kelana Jaya. Kita menjadi ahli kepada IDA ini dan kita dah masuk status daripada ahli biasa sebelum ini tapi untuk pusingan ke-17, kita telah mula menjadi penderma. Kita telah pun memberi sebanyak USD27 juta pada pusingan ke-17. Sekarang ini yang kita minta izin Dewan ini adalah untuk pusingan ke-18. Pusingan ke-18 ini bermula daripada tahun 2018, minta maaf Yang Berhormat Kelana Jaya, sehingga tahun 2026 iaitu selama sembilan tahun. *Disbursement* kita buat *every year RM3 million*. Kita tak bagi *one short* USD27 juta sebab kita pun nak jaga kita punya aliran keluar duit dalam bentuk USD.

Untuk lanjutan daripada Yang Berhormat Shah Alam juga, sebelum ini pun kita dah bagi untuk pusingan ke-17 pun USD27 juta juga. Jadi ini adalah pusingan kedua. Akan tetapi sebelum-sebelum ini kita hanya menyumbang sebagai ahli asas iaitu kita telah mula menyumbang daripada tahun 1971 iaitu pusingan IDA ketiga sampailah kepada tahun 2014 semua jumlah kumulatif daripada tahun 1971 sampai tahun 2014 itu adalah USD16,684,015.

Jadi kepada soalan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput, kita beri wang ini kepada Tabung IDA yang diuruskan oleh *board of directors*, ada 25 orang *board of directors*, 20 orang dipilih dan lima orang dilantik. Jadi mereka inilah yang merencanakan apa bentuk program sama ada *Peace Corps* tapi macam Malaysia ini buat masa ini kita hanya bagi dalam bentuk sumbangan kepada tabung ini, dalam bentuk bantuan ringgit. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah duduk habis hujah ataupun mahu kasi laluan kepada Yang Berhormat Shah Alam?

[Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Laluan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menerima baik jawapan yang diberikan. Saya menerima baik jawapan yang diberikan. Saya ingin tahu bahawa jumlah sumbangan itu adakah ianya ditetapkan oleh diri kita sendiri ataupun ianya merupakan satu jumlah yang telah ditentukan ataupun ditetapkan oleh IDA berdasarkan kepada GDP negara ataupun sebagainya. Sekiranya begitu, adakah mana-mana negara-negara jiran kita yang memberi sumbangan? Sekiranya ada sama ada Singapura, Thailand, Indonesia ataupun Brunei dan sekiranya ada, berapakah jumlah sumbangan yang telah mereka berikan? Terima kasih.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Menteri, sehubungan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tahu dalam 25 orang ahli lembaga pengarah itu adakah salah seorangnya ataupun beberapa orang yang dipilih daripada Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 52 buah negara penderma termasuk Malaysia telah memberi komitmen mereka menjadikan jumlah keseluruhan dana IDA melebihi USD75 bilion. Negara Asean yang lain yang memberi komitmen kepada IDA 18 adalah Indonesia sebanyak SDR, SDR ini adalah satu *Special Drawing Right* iaitu satu macam nilai mata wang IMF mengikut satu tabung, satu *basket*, *Sterling Pound*, *US Dollar*, *Yen*, *Renminbi* dengan satu lagi tak silap saya France.

Jadi, dia panggil SDR ini sebagai macam, dia tak kata sebagai satu bentuk kewangan tetapi macam *equivalent*. So macam hari ini punya *equivalent* kalau satu SDR *is equal to* dengan izin, USD1.35. So macam kita Malaysia ini kita bagi USD27 *million* ini lebih kurang dalam SDR19. Jadi Indonesia memberi SDR sebanyak SDR59.29, Filipina SDR3.61, Singapura SDR32.81 dan Thailand SDR3.05. Jadi kita bagi kita punya SDR lebih kurang 19 juta ini bersamaan USD27 juta ini, kita ada *percentage* 0.36 daripada segi *voting right*, daripada segi hak kitalah di situ.

Jadi, menjawab kepada Yang Berhormat Kota Raja. Kita tak adalah dalam *board*, kita tak masuk. Kita tak duduk dalam *board* itu. Buat masa inilah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 4 hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983

#### 11.16 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan mengenai pemindahan wang terbitan pelaburan Kerajaan Malaysia MGII daripada Akaun Pinjaman Yang Disatukan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan mengikut keperluan seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 ataupun Akta 275.

Tuan Yang di-Pertua, resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM20,500 juta wang terimaan Akaun Pinjaman disatukan bagi baki semasa MGII tahun 2016 yang pada masa ini berada dalam Akaun Pinjaman yang disatukan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung keperluan Perbelanjaan Pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 bagi tujuan membiayai projek pembangunan. Salah satu sumber dana yang terdapat dalam Akaun Kumpulan Wang Pembangunan adalah melalui pindahan daripada Akaun Pinjaman Yang Disatukan.

Seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 memperuntukkan bahawa terimaan daripada terbitan pelaburan kerajaan hanya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berasaskan syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan antara tujuan utama terbitan berasaskan syariah adalah bagi meningkatkan pembangunan pasaran kewangan Islam.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan pemindahan baki semasa tahun 2016 bagi MGII sebanyak RM20,500 juta daripada Akaun Pinjaman Yang Disatukan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk diluluskan oleh Dewan Rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang terbuka untuk dibahas.

Sila, Yang Berhormat Bayan Baru.

**11.18 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengalu-alukan RM20.5 bilion yang telah merupakan satu keuntungan kepada kita daripada segi pasaran bon islamik ya. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, bon ini *maturity rate*, berapa lamalah yang kita isu bon ini? Oleh sebab kita nampak bahawa jumlah yang agak besar. Berapa lama kita isu bon ini? Adakah ini sebab kita isu bon daripada semasa ke semasa.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat***]

Jadi saya nak tanya ini daripada bila sampai bila dan kegunaan RM20.5 bilion ini untuk pembangunan jenis apa daripada segi ini. Itu sahaja pertanyaan saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**11.19 mlm.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Menteri adalah lebih kurang sama. Cuma saya tahu bahawa bon ini adalah bon sukuk. Saya nak tanya kenapa pada tahun 2016, bon-bon lain diterbitkan atau tidak, *Malaysia Government Securities* bukan sahaja sukuk. Kita hendak tahu RM20.5 bilion ini dipakai untuk apa? Untuk Bajet 2017 ataupun untuk bayar hutang-hutang lama? Siapa yang *subscribe* sukuk ini?

■2320

Setahu saya yang banyak beli EPF ya. Jadi kalau EPF yang beli semua RM20.5 bilion ini, saya hendak tahu apakah pulangan kepada EPF, apakah kupon *rate* untuk SUKUK ini dan juga apakah *period* SUKUK ini dikeluarkan, berapa lama, berapa panjang, butir-butir yang penting dan lebih penting ialah berapa *issuance* sebab biasanya satu SUKUK keluar, RM2 bilion ataupun RM5 bilion, di antara itu. Jadi kalau RM2.5 bilion, sekurang-kurangnya ada 4 atau 5 *issuance* dan apakah tarikh dia dan tarikh *maturity period*. Terima kasih.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan.

**11.00 mlm.**

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, dewan. Terbitan baru ini adalah terbitan yang bermaksud berhutang, untuk dalam bahasa mudah kepada rakyat maksudnya kerajaan berhutang lagi. Kalau dilihat ini RM20,500 juta iaitu RM20 bilion dan saya sempat semak sebentar tadi ialah terbitan-terbitan terbaru yang dibuat oleh pihak kerajaan. Jadi saya mungkin boleh tolong jawab sedikit soalan yang Yang Berhormat Kelana Jaya tanya dan juga mungkin yang Yang Berhormat Bayan Baru tanya.



Saya melihat kepada *yield*, kalau yang 10 tahun, maksudnya diterbitkan tahun ini, kematangan 2027, kalau dilihat kepada angka daripada Bank Negara kadar faedah yang kita bayar atau kaedah keuntungan kerana ini sukuk, 4.14 peratus. Ada juga yang diterbitkan dalam terbitan tujuh tahun, tahun ini. Maksudnya dibayar 2024, juga dalam sekitar empat peratus. Maksudnya kalau dalam empat peratus setahun, kita bayar untuk pinjaman RM20 bilion, itu maksudnya, berapa itu, RM24,800 juta setahun kita akan bayar bunga ke atas pinjaman ini.

Sebab itu penting untuk kita dapatkan penerangan. Saya tahu ini dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai belanjawan pembangunan bagi tahun 2017 yang berjumlah RM48 bilion. Akan tetapi masalahnya daripada RM48 bilion itu, yang terbesar akan dibelanjakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan sendiri RM11 bilion. Maknanya kita terpaksa menanggung RM800 juta hutang, bayar bunga setahun untuk 10 tahun akan datang yang sebahagian besarnya itu akan dibelanjakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

Sebab itu saya sementara ini satu usul yang bersifat proses dan prosedur Dewan yang akan diluluskan, Yang Berhormat Menteri akan kata ini iaitu satu proses biasa. Setelah diterbitkan maka perlu dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Berkanun untuk dibelanjakan. Namun untuk direkodkan di dalam Dewan selewat pukul 11.30 malam ini bahawa hari ini kita bukan sahaja meluluskan untuk dibelanjakan sekali lagi RM20 bilion hutang baru yang dibuat oleh kerajaan, tetapi sebahagian besarnya akan dibelanjakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam keadaan perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan lain Yang Berhormat Menteri diketepikan.

Di mana kita hendak jawab kepada masa depan anak cucu kita nanti, tahun ini RM11 bilion itu dibelanjakan Yang Amat Berhormat Pekan tetapi untuk Kementerian Pendidikan Tinggi hanya RM2.6 bilion. Sedangkan kita makin ramai setiap tahun yang keluar sekolah dengan keputusan yang cukup baik. Kita perlukan lebih banyak kolej, universiti. Kita perlukan lebih banyak R&D. Akan tetapi RM11 bilion daripada hutang yang RM800 juta itu kita tanggung faedah saja tiap-tiap tahun, akan dibelanjakan oleh Yang Amat Berhormat Pekan.

Jadi saya tidak berniat untuk melengah-lengahkan tetapi wajar untuk kita tetap rekodkan di dalam Dewan bahawa satu hari nanti Yang Amat Berhormat Pekan terpaksa kembali dan memberi kewajaran membelanjakan dan menerbitkan hutang sebegitu banyak kerana hutang itu jugalah yang kita tanggung dalam kadar faedah yang akan dijadikan alasan kenapa kita kena potong subsidi, kenapa kita kena potong peruntukan yang lain-lain kerana setiap kali kita luluskan pinjaman sebanyak RM20 bilion sebegini bermaksud bunga dan kadar faedah dan juga tanggungan hutang yang kita bayar setiap tahun akan terus meningkat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**11.25 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Bayan Baru dan juga

Yang Berhormat Pandan. Saya ingat Yang Berhormat Pandan pun pandai menjawab ini. Kira okeylah. Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Untuk makluman berapa tempoh terbitan bagi tahun 2016. Tempoh terbitan antara tiga tahun sehingga 20 tahun, berjumlah 14 terbitan. Untuk apa pinjaman-pinjaman ini adalah perbelanjaan pembangunan yang dilaksanakan bagi sektor ekonomi, sosial, keselamatan dan sebagainya. Jadi *Malaysia Government Securities (MGS)* juga diterbitkan setiap tahun mengikut program pinjaman yang telah ditetapkan.

Pelabur utama MGII ini adalah daripada KWSP, institusi kewangan, bank, syarikat insurans, institusi syarikat, pengurusan aset dan juga DFI yang lain. Jadi kalau hendak macam Yang Berhormat Pandan, macam Yang Berhormat Bayan Baru hendak tahu secara *details* lah, banyak ini dia punya *maturity*. Macam Yang Berhormat Pandan sebut juga ada 10 tahun, ada 20 tahun pun ada. Jadi kalau hendak *detail* ini saya ingat saya kena bagi *by, in writing* lah. Kalau hendaklah, kalau hendak baca ini terlalu panjang.

Yang Berhormat Kelana Jaya sekejap ya,...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** *...Your question is on subscriber. Subscriber pun saya hendak kena baca in dalam bertulis juga sebab banyak hendak kena tulis ini. KWSP, sekejap, mana lagi ya. Dia ada KWSP, Kumpulan Wang Amanah Persaraan, syarikat-syarikat insurans, institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan dan lain-lain institusi bukan kewangan dan ada juga pemilik asing dalam 11 peratus. Jadi kalau hendak detail lagi, do in writing.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *Please, please provide the details dan juga saya minta MGS.*

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Ya, okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bayan Baru juga minta *written reply*.  
Terima kasih

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dibawah Perkara 5 hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan dan diputuskan; dan disetujui]*

#### AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon mencadangkan:

'Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 17(5), subseksyen 18(3), subseksyen

56(2), subseksyen 160(2) dan subseksyen 163(2) Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 supaya perintah cukai barang dan perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST17, ST18, ST19, ST20 dan ST21 bagi tahun 2017 disahkan”.

Pertama, perintah cukai barang dan perkhidmatan, pengenaan cukai bagi pembekalan berkenaan dengan kawasan ditetapkan pindaan nombor 2, 2016, PU(A364) 2016 yang diwartakan pada 27 Disember 2016. Kertas statut, ST.17/2017. Perintah ini dipinda bagi bertujuan untuk menyelaraskan dengan pindaan yang dibuat ke atas Seksyen 160, Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. Perkataan ke, atau di dalam perintah ini dipotong kerana penggunaan GST ke atas pembekalan barangan ke dalam kawasan ditetapkan (Labuan, Langkawi dan Tioman) telah diambil kira dalam perintah GST, pembekalan berkadar sifar. Sub perenggan (f) juga dipinda kerana penggunaan GST ke atas pembekalan wain, spirit, bir, minuman keras Malta, tembakau dan produk tembakau ke dalam kawasan ditetapkan sudah diambil kira dalam perintah GST perbekalan berkadar sifar. Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.

#### ■2330

Kedua, Perintah Cukai Barang Perkhidmatan (Pelepasan) (Pindaan) 2016, [*P.U. 369/2016*] yang diwartakan pada 27 Disember 2016 Kertas Statut ST.18/2017. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk memasukkan perintah baru dan meminda peruntukan sedia ada.

Pindaan yang dilakukan adalah seperti berikut. Perenggan 6 dipinda dengan memasukkan sub perenggan baru bagi memastikan jabatan Kerajaan Persekutuan dan negeri tidak perlu membayar GST ke atas pelupusan barang yang digunakan secara langsung dalam menjalankan aktivitinya dan barang tersebut telah diberi pelepasan GST.

Jadual Pertama dipinda seperti berikut. Sub butiran 5(a) dipinda dengan menggantikan kuasa pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi pengesahan pelepasan GST untuk kategori sekolah agama kepada Jabatan Agama Islam Wilayah bagi sekolah agama di Wilayah Persekutuan dan bagi sekolah agama di negeri dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Negeri.

Sub butiran 5(b) pula merupakan pindaan editorial dengan menggantikan perkataan “[*Act 562*]” dengan perkataan “[*Act 652*]”.

Butiran 7 dipinda dengan menggantikan butiran baharu bagi memastikan bahawa mana-mana orang yang memegang kad OKU yang sah sahaja layak untuk mendapat pelepasan dari membayar GST ke atas perolehan barang untuk kegunaan sendiri. Barang ini terhad kepada barang yang diluluskan dan diperolehi dari pembekal yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam.

Butiran 8 dipotong kerana tidak ada mekanisme kawalan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat memandangkan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) tidak diwajibkan untuk berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. PSK ini hanya perlu berdaftar di bawah Akta Pertubuhan ROS 1966. Sehubungan itu, pelepasan di bawah butiran 8 tidak dapat memberi manfaat secara langsung kepada golongan sasaran yang memerlukan.

Bahagian (d) butiran 14 dipinda bagi memastikan barang yang dihantar ke kawasan ditetapkan bagi tujuan pembaikan dibawa semula ke kawasan utama kastam dalam tempoh yang ditetapkan. Pindaan ini dapat mengelakkan pengimport memanipulasi pelepasan GST dengan mengimport semula barang-barang selain daripada tujuan pembaikan ke atas kawasan-kawasan utama kastam.

Bahagian (e) butiran 15 dipinda dengan memasukkan syarat tambahan bagi memastikan apa-apa barang yang diimport bagi tujuan pembaikan dan mendapat pelepasan dari membayar GST import mesti dieksport semula selepas selesai kerja pembaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Bahagian (f) butiran 19, 20 dan 21 dipinda bagi meluaskan skop pelepasan ke atas apa-apa bekas pembungkusan yang boleh digunakan semula untuk meliputi *bobbin* atau bekas radioaktif.

Bahagian (g) butiran 26 dipinda bagi memastikan pelepasan yang boleh diperolehi oleh pihak kedutaan, pejabat konsulat dan mana-mana pertubuhan asing, *international organization* hanya ke atas barang yang diperolehi dari orang berdaftar dan digunakan untuk tujuan rasmi sahaja.

Butiran 33 dan 36 dipinda supaya selari dengan pindaan yang dibuat pada bahagian 15 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang menggantikan perkataan zon perdagangan bebas kepada zon bebas.

Jadual Kedua dipinda seperti berikut. Butiran 2 dipotong selaras dengan pindaan dibuat Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang menetapkan apa-apa pembekalan tanah oleh pemaju atau pemilik tanah kepada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain yang memenuhi kehendak mana-mana undang-undang bertulis dianggap sebagai bukan suatu pembekalan barangan atau perkhidmatan. Ini bermaksud tiada GST dikenakan ke atas transaksi tersebut. Dengan penetapan layan tersebut, pelepasan GST adalah tidak lagi berbangkit.

Butiran 3 dipinda bagi memastikan hanya kedai bebas cukai yang terletak selepas kaunter imigresen di lapangan terbang atau pelabuhan sahaja diberi pelepasan dari kenaan GST.

Perenggan 1 Bahagian II Jadual Ketiga dipinda dengan menggantikan perkataan "*orang-orang di bawah tanggungan saya*" dengan perkataan "*kegunaan rasmi*". Langkah ini adalah bagi memastikan pelepasan dari membayar GST hanya terpakai ke atas perolehan kenderaan yang digunakan bagi tujuan kegunaan rasmi orang yang mendapat pelepasan GST. Peruntukan perolehan disediakan bagi menjelaskan bahawa apa-apa cukai input yang ditanggung sebelum tarikh efektif perintah dipinda iaitu pada 1 Januari 2017 layak dituntut sekiranya orang berdaftar memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Barang Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai bagi Pembekalan berkenaan dengan Zon Bebas) 2016, [*P.U. (A) 373/2016*] yang diwartakan pada 29 Disember 2016, Kertas Statut ST.19/2017. Perintah diwartakan selaras dengan subseksyen 163(1) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 ataupun Akta 762 dengan tujuan untuk mengenakan GST pada kadar standard ke atas pembekalan tertentu yang dibuat di dalam

kawasan zon bebas. Melalui pewartaan perintah ini, pembekalan *wine, spirit, beer*, minuman keras Malta, tembakau dan hasil tembakau di dalam zon bebas atau antara zon bebas adalah tertakluk kepada GST. Perintah ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No. 3) 2016, [*P.U. (A) 376/2016*] yang diwartakan pada 29 Disember 2016 Kertas Statut Bilangan ST.20/2017. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk meminda butiran sedia ada dan menambah butiran baharu di bawah Jadual Pertama Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014.

Pindaan yang dibuat adalah seperti berikut. Butiran 4 dan 5 dipinda dengan memotong perkataan “atau dari” pindaan dibuat bagi memberi tafsiran yang lebih tepat supaya GST pada kadar sifar ke atas barang yang digunakan sebagai bekalan atau alat ganti dalam pelayaran atau penerbangan adalah terpakai untuk pelayaran atau penerbangan dari Malaysia ke luar Malaysia.

Butiran 6 dipinda bagi menggantikan subbutiran 1 dengan subbutiran baru. Pindaan dibuat untuk memastikan pembekalan air dirawat kepada pengguna domestik oleh mana-mana orang yang dilesenkan di bawah mana-mana akta selain Akta Industri Perkhidmatan Air 2016 juga mendapat layanan GST berkadar sifar.

Lampiran bagi Jadual Pertama yang mengandungi senarai barang yang dikenakan GST 0% dipinda seperti berikut:

- (i) Kod 03.06 dipinda dengan mengeluarkan semua jenis *lobster* dari senarai kadar sifar. Pindaan bagi menetapkan bahawa *lobster* dikenakan GST pada kadar standard kerana bukan merupakan barangan makanan asas bagi golongan berpendapatan rendah;
- (ii) Kod 19.02 pindaan editorial berkaitan mi kuning, kue tiaw dan laksa. Pindaan editorial dibuat bagi menjelaskan bahawa layanan GST kadar sifar tidak terpakai kepada laksa kering, kue tiaw kering dan mi kuning kering kecuali mi kolok.
- (iii) Kod 19.05 meluaskan layanan GST kadar sifar kepada roti *wholemeal*. Pindaan dibuat bagi menetapkan bahawa roti *wholemeal* juga dikenakan GST pada kadar sifar sama seperti yang telah ditetapkan kepada roti putih dan roti *wholemeal*.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017. Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) (Pindaan) 2016, [*P.U. (A) 377/2016*] yang diwartakan pada 29 Disember 2016 Kertas Statut ST.21/2017. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk meminda butiran sedia ada di bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014.

Pindaan yang dibuat adalah seperti berikut. Butiran 3 Jadual Pertama dipotong dan subbutiran 4(1) dipinda dengan menggantikan perkataan “logam berharga pelaburan adalah seperti berikut” dengan perkataan “mana-mana pembekalan logam berharga pelaburan yang berikut bagi maksud pelaburan”. Pindaan tersebut dibuat bertujuan untuk menjelaskan bahawa

hanya pembekalan logam berharga pelaburan yang digunakan bagi tujuan pelaburan sahaja yang dikategorikan sebagai pembekalan dikecualikan.

■2340

Nombor dua, Jadual Kedua dipinda seperti berikut:

Butiran 20 dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "*penyelenggaraan*" kepada perkataan "*termasuk perolehan semula kos insurans berkelompok, cukai taksiran dan cukai tanah*". Melalui pindaan ini, kos seperti insurans, cukai taksiran atau cukai tanah yang dituntut semula oleh badan pengurusan bersama (JMB) atau perbadanan pengurusan (MC) daripada pemilik rumah berstrata tidak dikenakan GST.

Butiran 22 dipinda dengan menggantikan perkataan "*Akta Keretapi 1991 [Akta 463]*" dengan perkataan "*Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]*". Pindaan ini dibuat kerana pelesenan perkhidmatan rel adalah di bawah seksyen 101 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Di bawah Akta ini, perkhidmatan rel ditafsirkan sebagai pengangkutan penumpang atau barang atau keduanya melalui rel.

Selain itu, pindaan literal juga dibuat bagi teks bahasa Inggeris di dalam sub perenggan (a)(i) dengan menggantikan perkataan "*chartered*" dengan perkataan "*charter*" sebagaimana yang digunakan dalam Akta 715. Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**11.41 mlm.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar walaupun tidak menangkap kesemuanya daripada apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, sahabat saya Yang Berhormat Jerlun tadi, tetapi saya agak terkejut dengan beberapa pengumuman tadi iaitu pertama sekali berkaitan dengan OKU yang akan mendapat pelepasan daripada GST iaitu hanya kepada OKU yang mempunyai kad, yang memegang kad ya, Yang Berhormat Menteri.

Jadi saya harap ini harus disemak kembali sebab tidak semua OKU berkesempatan untuk mendapat kad. Kadang-kadang kelewatan untuk dikeluarkan kad tetapi ada keperluan kepada OKU untuk mendapatkan barangan-barangan tertentu untuk kepentingan mereka dalam keadaan mereka sebagai OKU.

Jadi oleh sebab itu, bagi saya bahawa walaupun mereka tidak memegang kad OKU tetapi boleh dipertimbangkan untuk mereka mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan umpamanya, doktor ataupun daripada pemimpin masyarakat sama ada wakil rakyat dan sebagainya, untuk mengesahkan mereka OKU sementara menanti mereka memperoleh kad OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jadi ini harus disemak kembali.

Kemudian tadi berkaitan dengan soal mi kering, laksa kering dengan mi basah. Yang saya faham tadi bahawa yang kering ini dikenakan cukai. Bagi sayalah, soal laksa yang kering, mi kering dan sebagainya, saya fikir bahawa ini merupakan keperluan yang diperlukan oleh masyarakat. Umpamanya, contoh bagi saya bahawa orang yang hendak buat laksa di rumah. Dia mana ada dia buat dengan beli tepung. Sudah tentu dia beli yang kering. Mana ada orang jual laksa untuk hendak makan di rumah ini kecuali yang sudah siap, yang kita pergi beli dengan kuah sekali. Tetapi dia hendak buat kuah di rumah, dia beli laksa kering. Jadi laksa kering ini akan, saya difahamkan tadilah, akan dikenakan GST.

Jadi bagi saya bahawa laksa ini makanan orang kebanyakan, makanan orang bawah. Bukan makanan Yang Berhormat Menteri dari Jerai. Yang Berhormat Jerai, ya lah, dia makan laksa tetapi maknanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai tidak ada kena-mengena, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Ketawa] Saja tengok dia duduk tunduk khusyuk tadi. Ini bukan makanan orang kaya-kaya tapi makanan orang kebanyakan. Jadi maknanya orang miskin hendak makan laksa kering kena bayar GST. Orang kaya pun bayar GST. Orang kaya bayar GST, ya lah, munasabah dia makan laksa, dia bayar GST. Dia berapa duit sangat bagi dia dengan kekayaan yang ada pada dia. Akan tetapi bagi orang miskin, dia hendak bayar GST kepada laksa ini satu perkara yang sangat berat bagi saya.

Begitu juga dengan roti tadi. Roti juga makanan orang kebanyakan yang tidak sewajarnya bagi saya untuk dikenakan GST.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta kepada pihak kerajaan—hakikatnya, saya tidak bersetuju dengan GST ini. Saya tidak bersetuju dengan GST secara total. Akan tetapi apabila ia sudah diundang-undangkan, maka mahu tidak mahu, rakyat tidak ada pilihan. Akan tetapi, kerajaan menawarkan untuk ada perkara-perkara yang kosong GST dan sebagainya yang tidak dikenakan GST. Oleh sebab itu, dipertimbangkan bagi khususnya umpamanya, orang penyakit kanser. Orang penyakit kanser, penyakit kritikal ini.

Mereka ada sejenis makanan yang mereka makan atau minuman yang mereka hanya makan minum dengan susu. Susu itu harga sampai RM85. Saya tidak tahulah sebulan berapa tin menjadi keperluan kepada mereka, tetapi mereka tidak boleh makan benda yang lain tetapi itulah sahaja makanan untuk mengenyangkan mereka tetapi mereka dikenakan GST.

Ini pengalaman saya melawat dan menziarahi orang sakit kanser di dalam kawasan saya. Diberitahu bahawa kalau hendak bawa, carilah susu nama dia '*parchment*', kalau tidak silap saya. Saya pergi ke farmasi, farmasi kata kena GST. Saya terkejut bagaimana kalau seorang pesakit biasa dia minum yang itu sampai 20 tin dan sebagainya yang diperlukan untuk hidup dia sepanjang sebulan. Jadi saya fikir berapa banyak GST yang terpaksa dia bayar yang sepatutnya dengan duit GST itu dia boleh beli susu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, bolehlah habiskan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya fikir bahawa tidak wajar sampai kepada peringkat orang yang hendak mati pun kena GST. Penyakit kanser ini pembunuh nombor satu dalam negara kita. Itu yang dikenal pasti oleh Kementerian Kesihatan. Sampai orang sakit hendak mati pun kerajaan dikenakan GST. Jadi saya fikir ini satu kezaliman yang amat sangat yang tidak wajar yang sepatutnya dikurangkan beban ini ke atas mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**11.47 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa dua isu sahaja.

Pertama adalah mengenai OKU tadi. Untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut Butiran 7 Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014, untuk OKU, memang sudah ada pelepasan. Akan tetapi, apa yang menjadi persoalan adalah bukan sahaja mereka memerlukan kad OKU yang sah, mereka masih perlu mendapatkan sijil perakaunan yang ditandatangani oleh ketua organisasi berkaitan untuk mendapat pelepasan cukai itu. Ini dibentangkan oleh Dato' Subromaniam Tholasy, Pengarah GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada tahun, kalau tidak silap saya, pada tahun 2014 atau 2015. *I'm not very sure about the date.*

Persoalan yang berbangkit dan timbul daripada kenyataan ini adalah— dan berbeza juga dengan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat kata tadi hanya perlukan kad OKU. Selepas itu ada pelarasan juga kan? Kena tandatangan dan sebagainya. Persoalan sekarang adalah dua. Satu, individu itu mempunyai kad OKU yang sah, bermaksud daripada JKM, Jabatan Kebajikan Masyarakat. Itu dengan sendirinya telah mengatakan bahawa beliau boleh mendapatkan bantuan-bantuan peralatan OKU secara terus dan tanpa memerlukan langkah kedua, langkah ketiga dan sebagainya yang itu amat merumitkan mereka.

Lagi satu pandangan, yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, disebabkan dia OKU, dia memerlukan peralatan ini. Bermaksud, di situ sudah ada satu keperluan untuk mereka, kewajipan untuk mereka menggunakan alat-alatan seperti ini. Cuba pandang dari sebaliknya. Seorang yang menggunakan kerusi roda, yang menggunakan tongkat dan sebagainya, dia bukan hendak suka-suka gunakan kerusi roda, bukan suka-suka hendak guna tongkat. Disebabkan situasi dia, mungkin diakibatkan kemalangan, mungkin diakibatkan kecederaan, mungkin dia memang OKU, disebabkan oleh dia dalam golongan yang memerlukan— dia sudahlah dibebankan dengan suatu malapetaka, sekarang kita tekankan balik dia dengan GST. Saya rasa ini tidak waras.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah membuat tempahan untuk tiga buah kerusi roda daripada sebuah farmasi untuk tiga orang warga emas yang memerlukan bantuan kerusi roda. Dua daripada tiga individu tersebut adalah OKU.

■2350

Saya mendapat invoice ada GST. Selepas itu saya minta- mereka tidak tahulah dari Pejabat Parlimen Kapar. Bila saya minta, saya kata, "*Mengapa ada GST dikenakan?*". Dia pun tidak tahu. Dia kata memang kita dikenakan GST. Saya kata, "*Tidak adil*". Selepas itu saya angkat



teks, saya cari-cari, saya jumpa teks ini, saya hantar kepada kedai tersebut, selepas itu, kedai itu, lepas baca teks saya ini dia kata kepada saya bahawa, “*Yang Berhormat, dapatkan fotostat copy kad OKU mereka*”. So, saya rasa penyelarasan di peringkat bawah itu tidak selaras dengan apa yang saya bincang di sini, Yang Berhormat Timbalan Menteri. OKU adalah satu golongan yang perlu dijaga dan dia bekerja dari dua sudut. Satu, adakah sebab itu adalah peralatan kerusi roda, tongkat dan sebagainya, kita kena bagi pelepasan cukai atau sebab dia seorang yang mempunyai kad OKU, disebabkan itu kita hendak bagi alat-alat yang diperlukan ini pelepasan GST? So, itu perlu dibuat ketetapan di sini. *How it works? A to Z or Z to A?*

Pandangan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, janji itu adalah kerusi roda. Janji itu adalah tongkat, janji itu adalah peralatan yang membantu seseorang individu, ia perlu diberi kewajipan pelepasan GST. Walaupun saya tidak sokong GST pada dasarnya tetapi disebabkan ia telah dilaksanakan dan untuk mewakili golongan OKU, saya rasa bahagian ini perlu diberi penelitian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik tentang *lobster* di GST kan. Pada waktu yang sama, mee, roti putih yang itu semua dikenakan cukai, saya rasa- tidak dikenakan cukai, okey. Yang dikenakan cukai- sebab terlalu banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas itu *last minute* pula baru letak hari ini, tidak sempat hendak baca.

**Seorang Ahli:** *Wholemeal* kena?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Wholemeal* kena? *Wholemeal* pun tidak kena? Roti putih tidak kena, *wholemeal* pun tidak kena. Okey, *thank you*. Tidak kena, tidak kena. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

11.52 mlm.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak buat *recommendation* dahulu. Kita lihat dalam kertas statut yang putih ini, kenapakah tidak ada huraian? Oleh sebab kita kena dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap, dia cakap cepat itu, *speed* sahaja, cepat, laju. Kita hendak *follow point* pun susah. Jadi, kalau boleh untuk Dewan yang mulia ini sebab ini adalah isu yang penting, GST dan isu tentang dana, pendapatan kerajaan. Kalau boleh, amalan baru untuk *sitting* yang baru, bagi huraian setiap isu sebab kita baca. Saya yang peguam baca pun susah hendak faham. Bagi huraian dan lebih penting daripada itu ialah bagi *financial implication*.

Kita tahu *lobster* kena potong, balik kepada GST, berapakah dana yang kerajaan akan terima daripada *lobster*, 6 percent? Pelepasan kepada benda-benda yang Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap tadi, berapa yang *public* boleh *save*? Akan tetapi bagi saya untuk kertas statut yang besar ini, saya hendak tahu apakah sebenarnya implikasi jumlah besar? Adakah kerajaan akan tambah RM1 bilion lagi dengan usul ini ataupun kerajaan akan lupus RM1 bilion. Jadi, beritahu kita semua, jadi senanglah kita hendak undi untuk mengenai isu ini. Bagi saya,

RM40 billion setahun *is too much on the people. You are coming to Dewan to ask for another few billions and this you better explain very well.* Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ramai lagi kah? Sedikit-sedikitlah Yang Berhormat, sedikit-sedikit. Ya, Yang Berhormat Dungun.

**11.54 mlm.**

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya melihat kepada usul yang dibentangkan ini berkait dengan perkara yang melibatkan GST ini ialah satu perkara yang sangat penting. Oleh kerana kerajaan mempunyai pandangannya sendiri berkait dengan kutipan yang boleh dibuat. Akan tetapi kita juga kena melihat kepada pihak yang terlibat secara langsung di pihak rakyat iaitu golongan yang miskin. Ini memerlukan supaya kita melihat kepada perbelanjaan mereka yang sebahagiannya sangat tertekan dengan setiap kali perbelanjaan mereka, mereka terpaksa membayar GST ini. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan fokus kepada pertamanya, di mana kedai-kedai perbelanjaan rakyat yang melibatkan orang-orang miskin berbelanja seperti kedai RM2.00.

Dahulunya mereka dengan RM10 boleh lima barang tetapi bila ada GST, RM2.12. Jadi, menyebabkan rungutan itu timbul daripada pihak rakyat. Sepatutnya kita buat pengecualian terus kepada kedai-kedai perbelanjaan golongan rakyat bawahan yang miskin ini kita berikan pengecualian. Kedua, waktu-waktu puncak perbelanjaan rakyat seperti pada waktu persekolahan yang melibatkan pembayaran yang besar kerana mereka hendak persiapkan kepentingan persekolahan anak-anak. Jadi, ini juga sepatutnya kita letakkan suatu asas di mana kita boleh berikan penumpuan di mana pengecualian itu patut diberi supaya walaupun pihak yang terlibat secara langsung iaitu rakyat yang berbelanja, sekurang-kurangnya mereka mempunyai suatu ruang perbelanjaan di waktu mereka dalam keadaan yang memerlukan kewangan yang sangat banyak di waktu-waktu yang tertentu.

Mungkin selepas itu mungkin kerajaan juga boleh melihat waktu-waktu puncak perbelanjaan rakyat seperti waktu-waktu perayaan dan sebagainya supaya jadi had puncak ini memberikan ruang kepada orang yang miskin dan susah ini mereka mempunyai satu ruang perbelanjaan yang tidak menyempitkan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebelum itu, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk membawa usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

**USUL****MENGHENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN MESYUARAT 12  
DI BAWAH P.M 90(2)****11.56 mlm.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 90(2) dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk menghentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 12 iaitu bagi membolehkan Majlis Mesyuarat menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari ini yang berkenaan juga dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 5 April 2017.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Raja.

**11.57 mlm.**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja soalan saya. GST ini kita tahu dikutip dan masuk ke dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan. Saya ingat dalam sesi bajet yang lepas saya pernah membangkitkan tentang isu *sin tax* ini. Jadi, saya minta supaya cukai-cukai dosa yang kita panggil ini diasingkan daripada, secara akaun, daripada kutipan-kutipan lain. Saya juga telah minta supaya cukai ataupun daripada *sin tax* ini sama ada judi dan ini daripada *beer*, minuman keras, tembakau dan sebagainya diasingkan. Wang ini digunakan untuk pembayaran riba yang kita pinjam banyak itu, yang kita kena banyak itu. Secara *accounting*nya hari itu Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ia mudah dilakukan dan kita dapat mengasingkan sumber yang tidak bersih ini daripada sumber yang halal daripada ini. Jadi, apakah ada tindakan selepas ucapan saya masa sesi bajet yang lepas? *Wallahu'alam*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, selepas itu Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

**11.58 mlm.**

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita bincang usul ini ia menggambarkan betapa kerajaan terpaksa *cover* begitu banyak perkara yang melibatkan akan cukai GST ini. Terakhir ini isu berkaitan dengan OKU.

Pertamanya, kita bermula cara yang silap, dasar yang silap. Seperti mana kita tegaskan dalam banyak ucapan di Parlimen bahawa bahasa mengambil cukai daripada orang yang tidak patut diambil cukai, itulah menyebabkan cukai ini menjadi zalim. Oleh kerana konsep cukai ialah *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. “*Di ambil daripada orang kaya, di agih kepada orang miskin*”. Akan tetapi hari ini kita terpaksa terkapai-kapai untuk mengecualikan si A dan si B dan hari ini kita bincang tentang OKU. Dasar cukai GST yang mengambil cukai daripada semua barang, kecuali yang dikecualikan. Itulah yang menyebabkan kita hari ini teraba-raba. Sepatutnya dasar yang betul ialah dikenakan kepada senarai sekian-sekian. Erti, pengecualian besar itu berlaku pada rakyat.

#### ■0000

Jadi saya rasa, sampai masanya kerajaan kena fikir balik apa yang dicadangkan sebelum ini untuk menarik kembali GST ini. Ini kerana tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang gembira dengan GST ini walaupun kita kata memberi sumbangan besar kepada kerajaan. Jadi saya harap kerajaan fikir balikkah tentang cukai GST ini agar jangan ada lagi akan datang, sidang akan datang, datang lagi usul-usul yang seumpama ini untuk mengecualikan lagi orang-orang OKU dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Menteri bagaimana Menteri membuat keputusan? Dulu *lobster* tidak ada GST sekarang *lobster* dikenakan GST. Apakah - *what is the basis? OKU card*. OKU dulu tidak payah GST sekarang dengan kad baru boleh GST. *What is your basis of decision?*

Macam mee laksa yang kering, saya tidak nampak logik itu. Ini kerana mee laksa yang menjadi popular di kalangan orang Kedah, Pulau Pinang ini, kita orang suka makan laksa. Akan tetapi dikenakan GST, tetapi di Sabah dan Sarawak mee kolok itu tidak kena. *I don't see the logic*. Ini kerana semua orang makan itu mee juga, dengan tepung, sama. Kepada saya pun makanan orang bawahan, bukan orang kaya-kaya. Jadi ini saya tidak nampak logik tersebut.

Saya hendak tanya dengan berkeputusan yang tidak ada GST sekarang dikenakan GST berapa pendapatan tambahan daripada kerajaan ke atas perubahan ini. Ini kerana dulu kita nampak kerajaan janji macam-macam, semua tidak dikenakan GST. Semua barangan keperluan makan harian tidak kena GST. Sekarang lambat-lambat sekarang ditambahkan satu demi satu, saya nampak trend ini. Mungkin dalam sidang Dewan yang hadapan dikenakan lagi. Ini kita hendak tanya berapa banyak tambahan yang dapat daripada kerajaan.

dan Saya juga ingin bertanya tentang kad tambahan nilai, prabayar, *top up card*. *Top up card* dikecualikan daripada GST tahun pertama, sekarang dikecualikan tahun kedua, diumumkanlah. Jadi saya hendak tanya Menteri, saya tahu bahawa sebenarnya kerajaan dapat cukai GST. Cuma ada satu *win-win* atau perbincangan dengan syarikat-syarikat *telco* supaya mereka *subsidize* sebagai satu rebat. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Menteri terangkan mekanisme tersebut dan untuk kad prabayar. Bagaimana kerajaan boleh dapat GST pada masa yang sama bagaimana syarikat-syarikat *telco* itu memberi rebat GST. Adakah kerajaan merancang - mempunyai rancangan untuk mengenakan GST dan membatalkan mekanisme rebat tersebut. Ini kerana ia melibatkan RM800 juta pendapatan kerajaan daripada *top up card*.

Akhir sekali saya hairanlah dua tahun selepas dikenakan GST ini, baru-baru ini 1 April 2017, dua tahun ulang tahun Malaysia dikenakan Akta GST. Sebelum dua tahun ini, Menteri dan semuanya kata terutamanya Yang Berhormat Pontian ada. Yang Berhormat Pontian, Menteri dulu kata *mark my word*. GST harga barang akan turun selepas GST. Sekarang saya nampak bahawa....

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Dia daripada. Boleh saya jawab yang bab itu Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, tidak payah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kalau saya dibenarkan jawab, saya boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak payah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Adakah betul, barangan harga barang telah turun? Ini kerana kita nampak harga barang naik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Ya sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya seminit, fasal tentang GST ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Langkawi, sebelum satu minit Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suara tidak ada tetapi hendak cakap juga. Saya hendak minta pihak Yang Berhormat Menteri membuat penilaian semula ke atas GST yang dikenakan kepada kontena-kontena daripada Thailand, Selatan Thailand ke dalam Malaysia ke Pulau Pinang. Ini kerana sekarang ini kalau kontena hendak masuk ke Malaysia ke Pulau Pinang daripada 400 ribu kontena yang ada di Selatan Thailand itu, ia dikenakan GST. Sedangkan kalau ia melalui laut, daripada pelabuhan mereka ke Pulau Pinang, tidak kena GST. Itu menyebabkan ada persaingan di antara keperluan negara kita dan juga negara Thailand yang menyebabkan negara Malaysia rugi tidak dapat membawa kontena itu melalui jalan kereta api yang telah dibina dengan berbilion-bilion ringgit.

Jadi saya hendak minta pihak kementerian kalau *lobster* boleh dikenakan GST kembali, mengapa GST di sini tidak boleh dihapuskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri .

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

**Seorang ahli:** Jam tidak berhenti ya.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Rakan-rakan ahli Yang Berhormat yang telah bertanya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jam sepatutnya dimatikan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini sistem baru, so dia belum belajar lagi.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Berkaitan dengan OKU ini. Pertama sekali sebelum itu kita hendak jelaskan bahawa kenapa kita *revise* semua-semua ini adalah *as always* lah saya mesti mengaku bahawa semasa pelaksanaan dulu di peringkat permulaan, ini tahun yang ketiga kita masuk, tentulah dia akan ada *revision as we go along*, contoh macam *lobster*. Mungkin dulu terlepas pandang, kita kata *lobster* tu kita kirakan macam kategori sebagai udang. Akan tetapi rupanya *lobster* ini dimakan oleh tempat-tempat yang hebat. Jadi atas dasar contoh yang begitu.

Pokok Sena, kita mengenakan OKU *card* yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sebab pertama juga kita pun juga dapati ada kes-kes orang yang mengaku dia OKU sebab ini di antara pembeli dan penjual yang mengaku OKU ialah kan. Kata dia OKU, tetapi OKU yang tidak diikuti klasifikasi oleh JKM, ini isu-isunya. Jadi dia beli barang menggunakan kononnya OKU ini, tetapi sebenarnya dia tak layak menjadi OKU pun. Jadi isu-isu pelaksanaanlah.

Akan tetapi untuk maklumat Dewan yang mulia ini, untuk orang-orang OKU ini kita mempunyai senarai yang agak panjang, yang kosong yang tidak kena GST ini. Senarai barang yang layak diberikan pelepasan daripada membayar cukai barangan jadual ..... *calipers, artificial prosthetics, orthotics, motorized wheelchair*, ini *English* ya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Home care, hospital bed, Braille display, vibrating alarm indicators, flashing, signaling device, magnifier, special lenses, optical character or cognition software, medical cushion, ripper mattress, walking frames, crutches, rubber end, vehicle wheelchair, lift and restrains, portable rams, hand control for driving, shower chair, comet chair, tally typewriter, artificial limb, wheelchair, electrically mechanically adjustable bed design for handicap, braille embosses, pickup stick, text telephone for hearing impairment, whistle cup for blind people, white canes for blind people, specialized food ware, hearing aid, low vision aid. Thirty one, 31.*

So Yang Berhormat Kapar, *let's say* Yang Berhormat Kapar kata tadi Yang Berhormat pergi beli kerusi roda, kemudian dia caj, *you report* kat kitalah, kita tangkap dia. Fasal apa dia hendak caj kan, *it's already exempted*. Kadang-kadang ini tuan-tuan di peringkat pelaksanaan, kita menghadapi masalah ada orang mengambil kesempatan di atas mungkin dia tu OKU pun kan, dia dah OKU. Jadi dia mungkin juga tidak berhati perut sedikit, dia ambil kesempatan, *oh you* kena GST itu yang orang marah kat kerajaan. Sedangkan banyak senarai ini yang tidak ber GST pun, seperti yang saya sebut. Yang Berhormat Pokok Sena ada soalan apa-apa tidak?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, tak - tadi fasal soal prosedur dan sebagainya kan, perlu kad itu. Akan tetapi yang saya bangkit tadi, kadang-kadang hendak tunggu permohonan kad itu, kelulusan kad itu agak makan masa. Jadi padahal dalam keadaan yang mendesak dia perlu. Jadi kena adalah pertimbangan itu.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Untuk urusan pentadbiran ini, kita katakan kad yang dikeluarkan oleh JKM sebab hendak *control*. Mungkin saya faham, saya pun orang Jerlun kan, macam Yang Berhormat Pokok Sena, kita orang kampung, kadang-kadang hendak pergi JKM pun susah, so boleh kah kita guna surat penghulu, surat JKK contoh atau wakil rakyat sendiri hendak *confirm, verify*.

Akan tetapi, kadang-kadang ini masalahnya, orang yang sakit itu, *the family* itu dia pun tidak datang jumpa JKM. Sebenarnya kalau dia ambil *effort the caretaker, parents* atau sesiapa yang terlibat ini boleh pergi ambil. Buatlah *effort* tetapi mereka duduk sahaja mereka tidak mohon. Jadi ini isu-isu yang berlaku daripada pelaksanaan. Cuma kita hendak perbetulkanlah dari segi pengurusan dia.

Akan tetapi kalau kita hendak minta surat, saya setuju, contoh kata macam orang sakit yang duduk terlantar itu memang kita boleh nampak. Akan tetapi kadang-kadang pegawai JKM pun lambat juga sampai hendak ini. Jadi yang ini kita kena –sebab kadang-kadang kalau tidak ada kad itu, antara sakit ialah macam patah kaki kita boleh tulis dia patah lagi tetapi patah yang macam mana? Ini semua kena ada *technical report*. Jadi inilah semua yang kadang-kadang ia jadi ini sikitlah. Seterusnya berbalik kepada...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat begini, saya kalau tidak ambil dari wakil rakyat pun tidak apa, tetapi pegawai perubatan. Pegawai perubatan tidakkan kita tidak boleh percaya kepada pegawai perubatan? Itu paling saya ingat.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Ya betulhah Yang Berhormat saya setuju. Kita semua setujuhah. Akan tetapi daripada surat perubatan itu pergilah ke JKM sambung mungkin dua-tiga pintu lagi yang berhampiran. Macam saya Jitra ini dekat-dekat sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ertinya keperluan segera? Jadi sementara hendak dapat itu gunalah yang itu dahulu.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Okey, *we take note* ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, bangun. Hendak bagi Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, *just* kepastian. Jadi mulai sekarang hanya kad OKU sahaja sudah memadai, tidak perlu sijil perakuan yang ditandatangani dan sebagainya itu yang pertama. Kepastian daripada Yang Berhormat untuk tujuan rekod. Kedua adalah seperti cadangan saya, janji itu adalah kerusi roda tidak perlu kad OKU dan sebagainya. Siapa yang hendak guna kerusi roda? Orang yang biasa tidak sewajarnya dia akan guna kerusi roda. Saya rasa pendekatan itu perlu diteliti oleh Kementerian. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Yang Berhormat Kapar, contohhah kalau kata kita hendak bawa orang OKU itu tidak bolehlah mungkin sebab dia sakit, kita bawa kad dia. Okeylah lagi. Akan tetapi, kadang-kadang tidakkan kita macam saya pergi kedai farmasi hendak beli peralatan itu saya kena bawa *on behalf of* orang yang sakit. Benda-benda macam inilah sebab itu dia perlu kad itu kan? Jadi itu dari segi pentadbiran pengurusan dia. Soalan?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih. Saya ingat apa yang hendak disampaikan oleh Yang Berhormat Kapar ialah semua yang 31 perkara yang disenaraikan itu, tidak ada orang yang hendak beli kecuali OKU. Lalu, mengapa kita harus set perlu ada kad? Tidak bolehkah kita maklum senarai barang-barang ini semua tidak kena GST? Bukankah lebih mudah? Itu nombor satu.

Nombor dua, saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada tadi apabila dibacakan tadi disebut bahawa pembekal-pembekal yang tertentu maknanya bukan kita boleh pergi di mana-mana ada jual lepas itu kita – dia mesti pembekal-pembekal yang sudah dalam senarai yang sudah dapat kelulusan ya. So, ini yang kita rasa menyulitkan. Sedangkan tidak ada orang hendak beli kerusi roda, kecuali kalau dia perlu digunakan. So, kenapa tidak boleh terus kata – okey barang-barang yang 31 barangan ini, terus tidak ada GST. *Settle.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, satu. Untuk membuat keputusan dalam isu sebegini, cadangan saya adalah Yang Berhormat imbangkan daripada yang alasan Yang Berhormat bagi tadi adalah satu orang atau dua orang yang menggunakan ini dan menipu dan sebagainya. Akan tetapi, di luar sana golongan OKU yang begitu ramai. Ini menyukarkan mereka. *So, it's a second balance situation.* Apabila kita imbangkan kedua-dua ini, saya rasa kita lebih kena menghala, menuju, menolong dan membantu golongan OKU. Oleh sebab itu *across the board*, janji tongkat, janji kerusi roda, janji alat pendengaran, pelepasan GST dibenarkan. *So, benda itu lebih senang.* Ini pandangan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Saya pun setuju kalau kerusi roda ini orang yang tidak sakit dia tidak pakailah. *Hearing aid* kalau dia tidak pekak dia tidak pakaikan? Saya ingat dari segi ini, cuma dari segi kawalan ini kita tidak mahu orang yang tidak sakit pergi beli mengaku kata dia sakit. Ini isu dari segi beginilah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** Yang Berhormat tidak munasabah. Saya tidak sakit saya pergi beli, betul saya akui. Saya tidak sakit saya pergi beli. Akan tetapi untuk saya hadiahkan kepada orang sakit dalam kawasan saya. Betul, Yang Berhormat pun pernah buat begitu. Jadi bukanlah bermakna Yang Berhormat menipu. Jadi saya fikir hujah Yang Berhormat itu tidak berapa kena.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *That is why* saya minta tadi Yang Berhormat kita kena imbangkan golongan yang susah itu golongan OKU. *I think* kita kena melihat mereka bukan satu individu atau dua individu yang boleh menyalahgunakan dan sebagainya. *So that* imbalan perlu diteliti. *Thank you.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia sama seperti senarai barang-barang yang tidak dikenakan GST. Siapa kata *lobster* atau apa yang tiada. So, samalah Barang-barang yang 31 perkara itu terus tidak perlu dikenakan GST. Selesai.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Okey saya teruskan.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Menteri sedikit lagi Menteri. Isu yang sama. Kita hendak halang berlaku mudarat penipuan, tetapi kesannya ialah ramai orang yang sepatutnya mendapat nikmat daripada pelepasan mereka tidak dapat nikmat tersebut. Jadi ini perkara yang kita perlu perhatikan betul.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, diteruskan. Yang Berhormat Kelana Jaya *I must admit* apa yang –*cost implication. I cannot finish now. Cost implication* sebab kita pun buat *amendment* ini untuk mulai 1 Januari 2017. Akan tetapi saya setuju kalau boleh itu dia harus ada *rationalize. Rational behind why we do. We take note on that.*



**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri, soalan dia senang. Sebelum kita hendak buat pindaan ataupun hendak *table* apa-apa pun, kita mesti ada *target*. Dengan pindaan semula ini, apakah *target* kerajaan sebenarnya? Satu bilion lebih? Dua bilion, tiga bilion? Tidakkah kita datang tidak tahu, tembak-tembak, buat pindaan sahaja? Semestinya kerajaan mesti tahu dia ada *target*. Ya, apakah *target* itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mana-mana yang tidak boleh jawab boleh jawab bertulis Yang Berhormat. [*Dewan ketawa*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pegawai pun sudah letih.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Ini dulu dia ada kena GST. Dia ada roti putih dan *whole meal* tahu? Kita dulu ada *whole wheat*. Kononnya *whole wheat* ini *up* sikit untuk orang tinggi sedikit. Akan tetapi sekarang sudah tidak kena dah. Kita tengok *on cancer patient* daripada Yang Berhormat Pokok Sena kata itu susu apa semua itu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Laksa kering tadi ini. Laksa kering, mi kering. Mi kolok, mi kering juga. Tidak kena GST. Laksa kering – saya dapat mesej *WhatsApp* daripada orang Landabulu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Diskriminasi antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia kata fasal apa Ahli Parlimen kami teruk. Yang Berhormat Jerlun pergi makan laksa kering. [*Dewan ketawa*] Dia kata kami pun makan laksa kering. Orang dok jual.. orang Landabulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kawan Yang Berhormat itu masih lagi mengikuti persidangan Parlimen? [*Dewan ketawa*]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. Dia kata fasal apa Ahli Parlimen kami ini? Apa yang sudah jadi?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Dia *actually* Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mi kering ini dia sekarang ini mi segera ini kira maggie kan? Ataupun mi segera yang ada *class* sedikit ini ia kosonglah ini jadi dikenakan balik 66 sen.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Inilah makanan untuk pelajar-pelajar universiti yang tidak ada duit, tidak cukup duit, dia kata inilah mi kering. Tidak, sebelum ini Yang Berhormat kata dahulu *lobster* ini kami tidak perasan ingatkan undang kepai, ingat undang kepai belah.....belah Jerai itu. Rupanya *lobster*, undang besar. Ini mi maggie, mi kering ni. Saya terfikir tidakkan tidak sedar kata mi kering ini, mi maggie ini makanan kepada pelajar universiti yang bila hujung bulan tidak ada duit itulah makanan mereka. Bukan nasi beriani. Orang kampung, laksa kering, orang Landabulu, Aloq Biaq, Tok Kepak

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Okey, saya hendak teruskan. Terima kasih. Langkawi, perkara ini sedang diteliti berkaitan dengan kenaikan GST terhadap kontena yang dimasukkan daripada Thailand. Kita sedang melihat bersama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia untuk penyesuaianlah. Ini adalah berkaitan dengan isu yang memberikan impak kepada hasil.

Yang Berhormat Bayan Baru, *top up* pada masa ini pengguna perlu membayar GST apabila *top up*. Namun apabila *top up* diaktifkan syarikat Telco akan membayar rebat bersama

dengan nilai GST dibayar. Rebat ini ditanggung oleh syarikat Telco. Ini merupakan inisiatif oleh Kementerian KKMM.

Apakah asas yang kita buat? Saya sudah sebut tadi, iaitu kita – *as we go along* dia adalah isu-isu yang perlu penambahbaikan dan sebagainya. Saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

■1220 am

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri sikit sahaja, boleh? Apa rasionalnya mi laksa atau laksa kering dan mi kolok? Perbezaannya mi juga. Kenapa satu kena GST satu tidak kena? Satu Sabah, satu Semenanjung, satu Sabah Sarawak satu Semenanjung. Bukan 1Malaysia kah?

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Okey, Yang Berhormat Menteri apa nama Yang Berhormat Kota Raja berkaitan dengan sintaks semua-semua tadi yang ini saya kena tengok lagi sekalilah secara halus saya faham apa yang dimaksudkan dan yang perlu diasingkan antara akaun-akaun ini untuk ialah untuk digunakan saluran yang sepatutnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itu sahajalah jawapan Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat.

Ahli-ahli yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 6 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan ST.17/2017, ST.18/2017, ST.19/2017, ST.20/2017 dan ST.21/2017 disahkan hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## AKTA KASTAM 1967

1221 pg

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

“Bahawa majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.25/2017, ST.26/2017, ST.27/2017, dan ST.28/2017 disahkan.”

Pertama, perintah duti kastam 2017 PU A5 -2017 kertas Statut ST.25/2017 Perintah Duti Kastam 2017 dibuat bagi melaksanakan perubahan kod tarif selaras dengan komitmen Malaysia di bawah *World Custom Organisation* pindaan terhadap *Harmonized Tariff Nomenclature System E Cast* adalah dibuat setiap lima tahun sekali dengan mengambil kira perkembangan semasa dalam perdagangan dunia perubahan teknologi dan kaedah penjenisan barangan. Di bawah perintah Duti Kastam 2017 yang menggantikan perintah Duti Kastam 2012 ini beberapa baris tarif baru telah diwujudkan manakala baris tarif yang lama dihapuskan, dicantum ataupun diringkaskan.

Pindaan ini juga melibatkan perubahan daripada kod tarif 9 digit kepada 10 digit menerusi pelaksanaan E Cast 2017 ini Malaysia akan menggunakan kod tarif 10 digit bagi perdagangan negara-negara ASEAN dan bukan ASEAN berbanding sebelum ini di mana perdagangan di antara negara-negara ASEAN menggunakan kod tarif 10 digit dengan negara-negara bukan ASEAN yang menggunakan kod tarif 9 digit.

Kedua, perintah Duti Kastam pindaan nombor 3 2016 PU A 3322016 bertarikh 20 Disember 2016 kertas statut bilangan ST 2017. Saya mohon untuk membentangkan perintah Duti Kastam pindaan 2016 iaitu PU A3322016 dan perintah Duti Kastam barang-barang dari negeri ASEAN (tatanama berharmonis ASEAN) dan perjanjian perdagangan barangan ASEAN pindaan nombor 5 2016 iaitu PU A332016 secara bersama memandangkan ianya adalah berkaitan. Perintah ini bertujuan untuk menurunkan kadar duti kastam bagi penumpang daripada 30 peratus pada kadar 10 peratus secara amnya barangan yang diimport ke Malaysia bersama orang yang memasuki atau dalam bagasi dikenakan duti penumpang pada kadar Ad valorem 30 peratus bagi barang-barang yang berduti import manakala kadar duti penumpang yang dikenakan Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang adalah pada kadar Ad volerem 10 peratus tidak terpakai bagi kenderaan bermotor, minuman beralkohol, spirit, produk tembakau dan rokok kerana dikenakan duti berdasarkan kadar duti yang ditetapkan.

Sebagai langkah penambahbaikan di samping memudahkan pentadbiran kastam di pintu-pintu masuk negara pada duti penumpang di selaraskan kepada 10 peratus di mana hanya terpakai di seluruh Malaysia ke atas barang-barang yang tertakluk kepada Cukai Barangan dan Perkhidmatan. Pelaksanaan langkah ini juga mengambil kira perubahan dalam struktur duti import pada masa ini di mana kebanyakan barangan telah mengalami penurunan duti atau tidak lagi berduti serta pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan yang bersifat *broad based* dengan izin.

Nombor 4, perintah Duti Kastam barang-barang yang berasal daripada negara-negara ASEAN (tatanama tarif berharmonis ASEAN) dan Perjanjian Perdagangan barangan ASEAN pindaan nombor 4 2016 PU 305 2016 bertarikh 1 Disember 2016 kertas statut ST28/2017. Perintah ini bertujuan untuk membolehkan pengimport dan pengeksport menikmati tarif keutamaan di bawah ATIGA ataupun ASEAN *Trade in Goods Agreement* berikutan pelaksanaan ASEAN *Single Window* dengan izin yang membolehkan pertukaran dokumen import dan eksport kastam dilaksanakan secara elektronik. Pelaksanaan ESW juga sejajar dengan objektif penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN ataupun AEC bagi memudahkan urusan perdagangan seterusnya mewujudkan pengaliran perdagangan barangan bebas di rantau Asia Tenggara. Perintah ini berkuat kuasa mulai 2 Disember 2016 dan menggantikan lampiran 8 Prosedur Pensijilan Operasi ataupun dalam bahasa Inggeris *Operational Application Procedure* bagi peraturan tempat asal di bawah perintah duti kastam bagi barangan berasal dari negara-negara ASEAN (tatanama tarif berharmonis ASEAN) dan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN 2012 yang telah berkuat kuasa sejak 31 Disember 2012. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Siapa menyokong?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli yang berhormat masalah ini terbuka untuk dibahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Kota Tinggi dan seterusnya Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, penatlah. Isu yang sama, *financial implication*. Apakah banyak empat buku ini, apakah implikasi *financial* sebenarnya apabila kita buat *adjustment kepada rate* ini? Saya perhatikan, saya tembak sahajalah, buka-buka muka surat, saya tengok banyak isu-isu pelik. Seperti 1, kalau *fishing vessel* okey 8902 muka surat 1099 *fishing vessel* dapat 20 peratus import duti, york untuk orang kaya raya 0, *ivory* kita boleh buat *trading ivory* ya? Yang ini i pelik, *ivory* 15 peratus *rate* dia, yang buka *ivory* ini, tembak, gagal semua matilah. Maknanya semua dokumen-dokumen ini kalau kita hendak *go through* memang tidak bolehlah. Jadi saya minta kalau kerajaan boleh menunjukkan apakah *financial* implikasi itu bagi saya cukuplah untuk hari ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** pendek sahaja, Cuma saya tengok duti ini sebenarnya kastam adalah satu *preparation* untuk kita *integrate in bigger ASEAN economy community* dan kita tahu sebenarnya jiran kita contohnya Indonesia by 2030 dia akan jadi *the fifth or sixth biggest economy in the world* dan kita negara berdagang, sudah tentu kita kalau tarif kita tinggi kita akan rugi *in the long term*. Jadi ini adalah usaha awal untuk melihat bagaimana kita boleh *lowered* kita punya tarif dan membuka lebih besar pasaran. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kelana Jaya ini kita selalu tengok *quantum* berapa, TPPA pun sama tetapi kita *the other way round* kita *liberalize*, kita *open up so that* dengan harapan dia *will generate more activities* dan baik untuk kita juga dan semuanya.

Jadi saya ingat dengan secara dasarnya usaha-usaha ini sebenarnya selaras untuk kita *liberalize* dan baru-baru ini kita tengok contohnya bila China melabur sini, India melabur sini, Arab Saudi melabur sini, Holand melabur sini, jadi kita ingat pelaburan dalam 12 bulan ini mencecah 370 bilion. Ini satu lagi petanda lagi bahawa *we are the fast becoming a centre of activity* dan saya ingat dengan adanya ini dia akan buat kita lebih jelas, lebih *transparent*s dan ini akan menarik minat mereka untuk melabur dan kita mesti tarik pelaburan awal sebab apa kalau tidak buat awal dia sudah buat tempat Vietnam contohnya tempat lain *we have a competition later which is not will be helpful to us* jadi saya ingat ini satu pendekatan yang itu tapi dari segi *quantum*, saya berminat juga. *But, I don't know whether government can do now* tetapi kalau ada *will be helpful* jadi saya sokong ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya, Terima kasih Kota Tinggi. Untuk malam inilah makluman Ahli-ahli Yang Berhormat secara mudah, secara yang kita dapat maklumat yang saya ada ini, apabila kita dulu memperkenalkan 30 peratus duti penumpang kecuali Rantau Panjang dan di Pengkalan Kubor ini yang kena 10 peratus tetapi hari

ini kita hendak laraskan semua pintu masuk 10 peratus, anggaran hasil kita kalau dulu 30 peratus kita dapat lebih kurang 18 juta, 18.7 tetapi bila kita selaraskan 10 peratus kita akan menurun menjadi 6.3. Ini impaklah, tetapi seperti Yang Berhormat Kota Tinggi kata mungkin kita kurang hasil daripada duti penumpang ini tetapi oleh sebab banyak orang masuk *volume* dia lebih mungkin *transaction* lain akan meningkat dari semasa ke semasa jadi menguntungkan kita untuk jangka panjang. Sekian Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Verhormat sekarang saya kemukakan Masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam aturan urusan mesyuarat hari ini di bawah perkara 7 yang telah dibentangkan sebagai kertas statut bilangan ST25/2017, ST26/2017, ST27/2017 dan ST28/2017 disahkan hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.32 pagi]***